



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2010

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI SELANGOR



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Program Pembangunan Pelancongan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Penyediaan Kemudahan Asas Desa Dan Aktiviti Pembangunan Kampung	24
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Pengurusan Perolehan	39
Perbendaharaan Negeri Selangor Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka	45
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar	57
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling	80
Majlis Perbandaran Subang Jaya Program Rumah Rakyat	111
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	127
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Kumpulan Darul Ehsan Berhad	127
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Worldwide Holdings Berhad	145
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	159

PERKARA	MUKA SURAT
----------------	-------------------

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	183
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008 Dan 2009.	183
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	194
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor	194
Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas	195
PENUTUP	199



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan, satu Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- | | | |
|---------------------|----------|--|
| Bahagian I | : | Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri |
| Bahagian II | : | Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri |
| Bahagian III | : | Perkara Am |

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Selangor pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 44 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat kerajaan. Secara tidak

langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan “**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**” bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

13 Jun 2011



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR - Program Pembangunan Pelancongan

1.1. Industri pelancongan di Negeri Selangor digerakkan melalui beberapa program di bawah Pelan Induk Pelancongan (PIP) bagi tahun 1998 hingga 2020. Bersesuaian dengan strategi pembangunan pelancongan yang digariskan dalam PIP, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran iaitu meningkatkan kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa untuk faedah ekonomi serta mempertingkatkan kepelbagaian produk pelancongan dan dana bagi mempromosikan projek pembangunan mega. Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) adalah bertanggungjawab untuk membentuk dasar program pembangunan pelancongan. Manakala Tourism Selangor Sdn. Bhd. (Tourism Selangor), sebuah syarikat subsidiari Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada tahun 2001, melaksana dan menerajui pembangunan pelancongan di Negeri Selangor. Aktiviti yang dijalankan adalah mempromosi serta menyasarkan Negeri Selangor sebagai salah satu destinasi pelancongan, memperkenalkan beberapa acara pelancongan di Negeri Selangor ke peringkat domestik dan antarabangsa serta menaik taraf produk pelancongan di Negeri Selangor. Pada tahun 2008 hingga 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM14.50 juta bagi melaksanakan program pembangunan pelancongan di mana RM12 juta (82.8%) daripadanya adalah peruntukan bagi mempromosikan program ini.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan baik kerana telah berjaya menarik kedatangan pelancong melebihi sasaran yang ditetapkan ke Negeri Selangor. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pelaksanaan program yang perlu ditangani seperti berikut:

- 1.2.1. Pusat Perkhidmatan Pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tidak menjual produk Negeri Selangor.
- 1.2.2. Pusat Perkhidmatan Pelancong di Menara Jam Besar, Dataran Shah Alam belum beroperasi semasa lawatan Audit pada bulan November 2010 sungguhpun telah siap diubah suai untuk tujuan ini pada bulan Mac 2010.
- 1.2.3. Penyalahgunaan *visual billboard* pelancongan di Daerah Hulu Selangor.
- 1.2.4. Maklumat pelancongan tidak disediakan sebagaimana kehendak PIP.
- 1.2.5. Kontrak penajaan program acara yang dijalankan tidak disediakan. Pengurus acara dilantik melalui surat pelantikan tanpa menyatakan syarat dan terma yang perlu dipatuhi oleh mereka serta balasan kepada Tourism Selangor.
- 1.2.6. Penajaan melebihi peruntukan.

1.2.7. Dua unit chalet di Hutan Lipur Kancing, Daerah Hulu Selangor dalam keadaan terbiar dan tidak disenggarakan.

1.2.8. Jambatan yang dibina merentangi sungai yang menjadi laluan utama ke kawasan perkelahan Taman Rekreasi Sungai Congkak di Daerah Hulu Langat telah rosak dan belum dibaiki.

1.2.9. Rumah Rehat GAP di Bukit Fraser tidak digunakan dan telah terbiar selama 2 tahun.

1.2.10. Peruntukan pembangunan pelancongan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM1.02 juta bagi tahun 2008 dan 2009 untuk kerja menaik taraf 5 produk pelancongan tidak dibelanjakan pada tahun berkenaan.

1.3. Bagi memastikan pengurusan program pelancongan dapat dilaksanakan dengan cekap, pihak UPEN dan Tourism Selangor disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

1.3.1. Mengadakan promosi yang lebih agresif bagi menarik pelancong dari lebih banyak negara di Benua Afrika, Benua Amerika serta kepulauan Pasifik.

1.3.2. Menyenggarakan produk pelancongan seperti kemudahan di taman rekreasi, rumah rehat/rumah peranginan dengan baik untuk menggalak dan memastikan keselesaan pengunjung.

1.3.3. Menyegerakan operasi Pusat Perkhidmatan Pelancong iaitu berbincang dengan Majlis Bandaraya Shah Alam serta Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor untuk mendapatkan risalah dan sumber maklumat yang berkaitan.

1.3.4. Mengambil tindakan segera menyediakan dokumen perjanjian dengan pihak Malaysia Airport Berhad bagi merealisasikan aktiviti penjualan cenderahati yang terdiri daripada produk Negeri Selangor di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan *Low Cost Carrier Terminal* (LCCT).

2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- Penyediaan Kemudahan Asas Desa Dan Aktiviti Pembangunan Kampung

2.1. Kampung di Negeri Selangor dikategorikan kepada 2 jenis yang utama berdasarkan etnik penduduk iaitu Kampung Tradisi yang didiami oleh majoriti penduduk Melayu dan Kampung Baru yang didiami oleh majoriti penduduk Cina. Sehingga tahun 2010, Negeri Selangor mempunyai 446 kampung yang terdiri daripada 368 Kampung Tradisi dan 78 Kampung Baru. Di peringkat kampung, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) ditubuhkan bertujuan memastikan kelancaran pembangunan Negeri Selangor seperti pembasmian kemiskinan, pemodenan desa dan kemajuan pembangunan luar bandar tercapai. Antara dasar Kerajaan Negeri terhadap pembangunan kampung adalah menambah baik tadbir urus dan menangani ketidaksamaan sosio ekonomi yang berterusan. Dasar ini dilaksanakan melalui strategi seperti memantapkan JKKK bagi memahami dasar Kerajaan dan menambah baik tadbir urus bagi melicinkan perjalanan sesuatu program serta menaik taraf prasarana infrastruktur luar bandar.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung telah dilaksanakan dengan baik kerana purata prestasi penyediaan kemudahan asas desa secara keseluruhan adalah 94.1% dan purata peratus tuntutan/penggunaan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor untuk melaksanakan aktiviti pembangunan kampung yang tinggi iaitu 87.3%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu tindakan penambahbaikan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

2.2.1. Kemudahan pengurusan desa seperti balai raya tidak diguna menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya.

2.2.2. Dewan dan balai raya tidak disenggara.

2.2.3. JKKK tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

2.3. Bagi menambah baik pelaksanaan penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri disyorkan supaya mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Menetapkan norma kemudahan asas desa yang perlu ada di dalam sesebuah kampung supaya ia dijadikan satu pengukur untuk memastikan penduduk setempat dapat hidup selesa dan menangani ketidaksamaan sosio ekonomi.

2.3.2. Menyediakan garis panduan pengurusan kemudahan bangunan meliputi penggunaan dan penyenggaraan kepada setiap JKKK, untuk memastikan kemudahan tersebut disenggarakan supaya dapat digunakan secara optimum.

2.3.3. Menetapkan jenis dan kekerapan aktiviti pembangunan kampung yang perlu dilaksanakan secara spesifik berdasarkan peruntukan RM10,000 yang diterima supaya dasar dan hasrat Kerajaan Negeri tercapai.

2.3.4. Mengisi kekosongan jawatan Penghulu dengan segera untuk memastikan JKKK bermesyuarat setiap bulan supaya objektif JKKK ditubuhkan dapat dicapai.

3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR - Pengurusan Perolehan

3.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bertanggungjawab antaranya memberikan perkhidmatan dan pengurusan bangunan serta mengendalikan pengurusan kewangan secara cekap, cepat dan berhemah kepada semua bahagian Pejabat SUK dan Jabatan di Negeri Selangor mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Bagi tahun 2008 hingga 2010, peruntukan mengurus yang diperoleh oleh Pejabat SUK untuk diagihkan kepada 12 bahagian/seksyen di bawah seliaannya adalah berjumlah RM225.96 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM122.90 juta (54.4%) telah diperuntukkan untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan (kod Objek Sebagai 24000 hingga 29000) di mana RM119.80 juta (97.5%) telah dibelanjakan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan Pejabat SUK adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang diperhatikan antaranya seperti berikut:

3.2.1. Kontraktor tidak melaksanakan kerja/perkhidmatan mengikut arahan/peraturan yang ditetapkan.

3.2.2. Peningkatan belanja bagi kerja/perkhidmatan penyenggaraan Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK.

3.2.3. Perjanjian kontrak yang dipinda belum ditandatangani.

3.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat, Pejabat SUK disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

3.3.1. Mengadakan pemantauan yang lebih berkesan terhadap prestasi kerja/perkhidmatan kontraktor yang dilantik untuk memastikan kerja/perkhidmatan yang dilaksanakan mengikut arahan/peraturan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk memastikan penghuni kompleks dapat bekerja dalam keadaan yang selesa dan selamat.

3.3.2. Dokumen perjanjian kontrak perlu disediakan dan ditandatangani terlebih dahulu bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.

4. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka

4.1. Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka di bawah Maksud Perbelanjaan B29 (mengurus) dan P29 (pembangunan) masing-masing diwujudkan pada tahun 2003 dan 2005 bertujuan membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan, tidak dirancang dan peruntukan tidak mencukupi serta mana-mana penggubalan dasar baru Kerajaan Negeri yang melibatkan implikasi kewangan. Sumber kewangan untuk menampung peruntukan ini adalah daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri mengikut Seksyen 13, Akta Acara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal peruntukan ini adalah Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Pada awal tahun 2010, Pegawai Kewangan Negeri telah mengeluarkan satu garis panduan yang menetapkan prosedur pelaksanaan peruntukan ini secara ringkas. Jabatan/Agensi yang memerlukan peruntukan untuk membiayai perbelanjaan yang tidak dirancang atau keperluan mendesak pada sesuatu masa hendaklah membuat permohonan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Permohonan berkenaan akan disemak oleh Bahagian Belanjawan untuk mengkaji justifikasi yang dikemukakan sebelum membuat cadangan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 adalah kurang memuaskan. Sungguhpun peruntukan yang dibelanjakan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dibelanjakan berdasarkan kelulusan yang diberikan serta prestasi perbelanjaan yang baik tetapi terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kecekapan pengurusan peruntukan dan

perbelanjaan di bawah maksud tersebut. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- 4.2.1. Maksud Perbelanjaan kedua-dua peruntukan B29 dan P29 tidak jelas.
 - 4.2.2. Kawalan perbelanjaan tidak memuaskan.
 - 4.2.3. Bayaran yang kurang teratur.
 - 4.2.4. Perancangan perbelanjaan yang kurang cekap.
 - 4.2.5. Garis panduan untuk sumbangan kepada institusi/badan bukan Kerajaan dan sekolah tidak disediakan.
- 4.3. Kawalan kelulusan, penggunaan dan pemantauan terhadap perbelanjaan/projek/aktiviti yang dibiayai melalui peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 hendaklah diperketatkan bagi memastikan perbelanjaan/projek/aktiviti berkaitan diuruskan dengan cekap. Bagi menambah baik pengurusan peruntukan ini, adalah disyorkan supaya Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil tindakan seperti berikut:
- 4.3.1. Menilai kembali kewajaran mewujudkan peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka sebagai tambahan kepada peruntukan kewangan luar jangka yang sedia ada.
 - 4.3.2. Menjalankan pemantauan penggunaan peruntukan serta pelaksanaan projek secara berkala supaya peruntukan yang diluluskan digunakan sepenuhnya bagi projek yang dimohon.
 - 4.3.3. Memastikan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri membuat bayaran dengan segera serta mematuhi prosedur kewangan yang berkuat kuasa.
 - 4.3.4. Menambah baik proses penyediaan dan kelulusan bajet supaya menunjukkan seberapa tepat yang boleh aman yang sebenarnya akan dibelanjakan bagi memudahkan kawalan dan pemantauan peruntukan dan perbelanjaan.
 - 4.3.5. Menyediakan garis panduan yang jelas dan terperinci mengenai pemberian sumbangan kepada institusi/badan bukan Kerajaan dan sekolah yang menetapkan antaranya kaedah permohonan dan kelulusan, kaedah pengagihan atau penggunaan peruntukan serta nilai atau had kewangan yang dibenarkan.
 - 4.3.6. Menyediakan satu peruntukan secara khusus supaya wujud kawalan bajet yang lebih berkesan sekiranya pemberian sumbangan seperti pemberian kepada sekolah merupakan aktiviti tahunan Kerajaan Negeri.

5. JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

- 5.1. Hutan Paya Laut (HPL) merupakan khazanah negara yang bernilai kerana berfungsi sebagai zon penampungan semula jadi kepada kawasan pesisiran pantai dari hakisan ombak dan ribut, menjadi habitat kepada pelbagai biologi dan kawasan penting untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat. Sehingga akhir tahun 2010, keluasan kawasan yang

diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) di Negeri Selangor adalah lebih kurang 241,568 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,088.80 hektar (7.5%) adalah HSK Paya Laut yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Manakala keluasan HPL atas Tanah Kerajaan Negeri dianggarkan lebih kurang 4,442 hektar (1.8%).

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya JPNS telah menjalankan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan HPL di Negeri Selangor dengan pelaksanaan dasar pengurusan hutan secara berkekalan, namun pengurusan HPL boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

5.2.1. Rancangan Kerja HPL (RKHPL) belum dilaksanakan dengan sempurna kerana belum diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

5.2.2. Kecurian kayu bakau berlaku.

5.2.3. HPL dimusnahkan akibat takungan air laut dan pelepasan air buangan kolam ternakan udang.

5.2.4. Terdapat pencemaran sampah dan minyak.

5.2.5. Aktiviti tanpa permit penggunaan yang sah terjadi dalam kawasan HSK.

5.2.6. Kadar royalti kayu jaras tidak disemak semula.

5.3. Bagi memastikan HPL diuruskan secara mapan supaya dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi semasa dan akan datang, JPNS disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

5.3.1. Menyusul dengan MMKN untuk memastikan RKHPL diluluskan agar ia dapat dilaksanakan dengan sempurna supaya HPL dapat dipelihara dan dilindungi.

5.3.2. Mengisi kekosongan jawatan pegawai penguat kuasa dan memohon peruntukan untuk menambah anggota penguat kuasa, bot dan kenderaan. JPNS perlu juga bekerjasama dengan agensi penguat kuasa seperti Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam menjalankan penguatkuasaan untuk mencegah kecurian kayu bakau.

5.3.3. Bekerjasama dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) untuk membina *box culvert* sebagai cara penyelesaian masalah yang kekal di benteng pasir semula jadi yang menghalang pasang surut air laut di kawasan kolam ternakan udang di HSK Banjar Utara. Selain itu, JPNS juga perlu bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor untuk memastikan pemilik kolam ternakan udang membina kolam rawatan untuk merawat air buangan dari kolam ternakan udang sebelum disalurkan kepada laut melalui *outlet* yang dibina berasingan bagi mengelakkan air buangan masuk ke kawasan pokok bakau.

5.3.4. Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan antaranya Jabatan Alam Sekitar, JPS dan Majlis Perbandaran Klang untuk memastikan pencemaran sampah dan minyak perairan Selat Melaka di paras minima supaya HPL berkekalan dan alam sekitar terpelihara.

5.3.5. Mengambil tindakan susulan dengan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor supaya menyegerakan pertimbangan permohonan pelanjutan permit penggunaan supaya aktiviti yang dijalankan dalam kawasan HSK tanpa permit penggunaan yang sah tidak berterusan.

5.3.6. Menyusul dengan MMKN mengenai semakan semula kadar royalti kayu jaras untuk memberi pulangan hasil yang menguntungkan kepada Kerajaan Negeri.

6. JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

- Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling

6.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) menetapkan Objektif Kualiti Jabatan termasuk menyediakan infrastruktur jalan raya bagi memenuhi Dasar Pembangunan Negara dan Kerajaan Negeri. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM47.60 juta bagi tujuan menaik taraf Jalan Klang Lama di bawah peruntukan Menaik Taraf Jalan Dan Jambatan bagi Daerah Petaling. Projek ini bernilai RM19 juta dan dibuat secara rundingan terus. Harga semasa kontrak sehingga bulan Ogos 2010 mengikut Sistem SKALA ialah RM17.75 juta.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu meningkatkan keselamatan dan keselesaan pemanduan serta mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan jalan raya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang boleh diambil tindakan penambahbaikan bagi projek ini dan projek lain di masa akan datang seperti berikut:

- 6.2.1. Prestasi projek tidak memuaskan kerana projek lewat siap selama 23 bulan.
- 6.2.2. Prestasi kewangan kontraktor yang dilantik kurang memuaskan kerana Penyata Kewangan kontraktor bagi tempoh pelaksanaan projek mencatat kerugian.
- 6.2.3. Projek tidak memenuhi kriteria perolehan secara rundingan terus justeru tidak ekonomi.
- 6.2.4. Kualiti kerja tidak memuaskan. Antara kerja yang dimaksudkan adalah:
 - 6.2.4.1. Pemasangan *U-drain* yang tidak kemas.
 - 6.2.4.2. Pembinaan struktur *manhole* tidak mengikut lukisan pembinaan.
 - 6.2.4.3. Pembinaan laluan pejalan kaki tidak mengikut spesifikasi dan kualiti kerja rendah.
 - 6.2.4.4. Pemasangan *concrete kerb inlet* tidak mengikut lukisan pembinaan.
 - 6.2.4.5. Lokasi pemasangan tiang lampu jalan tidak sesuai dan pemasangan tiang lampu isyarat tidak kukuh.
 - 6.2.4.6. *Guardrail* gagal menghalang pengguna dari objek fizikal di tepi jalan kerana pemasangannya tidak mengikut spesifikasi.
 - 6.2.4.7. Perhentian bas dibina berhampiran persimpangan.

- 6.2.4.8. Kerja penyambungan longkang di lokasi permulaan kerja menaik taraf tidak sempurna.
 - 6.2.4.9. Penutup *manhole* rendah dari permukaan jalan dan kebuk injap tidak ditutup.
 - 6.2.4.10. Sisa bahan binaan ditinggalkan di tapak bina.
 - 6.2.4.11. Penyediaan kemudahan jalan tidak memuaskan di mana pembahagi jalan, jejantas dan laluan pejalan kaki tidak dibina.
- 6.2.5. Peruntukan asal projek terlalu tinggi berbanding kos projek.

6.3. Bagi memastikan pengurusan Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling dapat dilaksanakan dengan cekap, pihak JKR Negeri Selangor disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

- 6.3.1. Menggunakan kaedah perolehan secara tender bagi projek infrastruktur yang melebihi RM500,000 untuk memastikan Kerajaan mendapat nilai terbaik dan kontraktor yang dipilih berupaya melaksanakan projek.
- 6.3.2. Memastikan kontraktor menyiapkan kerja sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.
- 6.3.3. Membuat pemantauan dan pemeriksaan yang rapi sebelum meluluskan bayaran.
- 6.3.4. Membuat tindakan menamatkan kontrak sebelum masalah kontraktor menjadi sukar ditangani.
- 6.3.5. Membaiki kelemahan dan kecacatan binaan dengan segera untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan ini.

7. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

- Program Rumah Rakyat

7.1. Selangor Setinggan Sifar 2005 merupakan agenda Kerajaan Negeri sebagai satu usaha meningkatkan kualiti hidup individu dan keluarga serta menyediakan perumahan yang berkualiti kepada rakyat. Antara program penyelesaian setinggan yang dirancang adalah pembinaan rumah rakyat untuk disewa. Fungsi asal rumah rakyat adalah sebagai penempatan sementara bagi setinggan yang tidak mampu membeli rumah kos rendah selepas proses pemadanan setinggan dijalankan. Proses pemadanan adalah langkah awal yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memadankan setinggan yang berkemampuan untuk membeli rumah dengan projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan di kawasan PBT yang terlibat. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah membeli 290 unit rumah pangsa kos rendah 10 tingkat di Pangsguri Enggang, Bandar Kinrara 6, Puchong dan Pangsguri Seri Kayan, Pinggiran USJ untuk dijadikan rumah rakyat dengan kos RM12.18 juta.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati secara keseluruhannya program rumah rakyat ini telah berjaya mencapai

matlamat sebagai salah satu program penyelesaian masalah setinggan dan sebagai penempatan sementara bagi setinggan yang tidak mampu membeli rumah. Bagaimanapun, pengurusan program ini mempunyai beberapa kelemahan kerana kutipan sewa tidak mencapai sasaran dan mencatatkan tunggakan berjumlah RM391,271. Selain itu, terdapat tunggakan caj utiliti yang tinggi sejumlah RM205,611, penyenggaraan yang tidak memuaskan, perjanjian sewa tidak ditandatangani dan prestasi penjualan rumah rakyat yang rendah.

7.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, MPSJ disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

7.3.1. Membantu secara berterusan golongan miskin, orang kelainan upaya dan ibu tunggal mendapatkan bantuan daripada pihak Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjelaskan tunggakan sewaan.

7.3.2. Menguatkuasakan syarat dalam perjanjian dengan penyewa antaranya mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa yang gagal menjelaskan sewa bulanan dan caj utiliti serta memastikan kos kerja pemberian ditanggung oleh penyewa.

7.3.3. Meletakkan nama penyewa di bil elektrik, air dan caj pembetungan agar penyewa sendiri bertanggungjawab terhadap penggunaan utiliti serta bayarannya.

7.3.4. Memastikan semua perjanjian ditandatangani oleh penyewa supaya tindakan penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian dapat diambil. Sekiranya penyewa tidak menandatangani perjanjian sewaan, tawaran penyewaan hendaklah dibatalkan.

7.3.5. Meningkatkan promosi penjualan rumah rakyat.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

8. MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

- Kumpulan Darul Ehsan Berhad

8.1. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor. Syarikat ini telah ditubuhkan pada 3 Ogos 1985 di bawah Akta Syarikat 1965. KDEB beroperasi dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM300 juta dan modal berbayar berjumlah RM262.40 juta. KDEB berperanan sebagai sebuah syarikat pelaburan. Bagi memenuhi keperluan masyarakat KDEB menekankan kepada pelaburan terancang dan berstruktur. Keahlian Lembaga Pengarah pada bulan Mac 2008 terdiri dari 4 orang ahli iaitu Menteri Besar Selangor, Presiden KDEB, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pegawai Kewangan Negeri.

8.2. Pengauditan dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan syarikat KDEB adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

8.2.1. KDEB mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2009 berjumlah RM122.25 juta berbanding keuntungan sebelum cukai pada tahun 2008 berjumlah RM34.45 juta.

8.2.2. Pada tahun 2009, pengurusan aktiviti utama KDEB dan prestasi kewangan syarikat subsidiari KDEB juga tidak memuaskan di mana terdapat kerugian selepas cukai berjumlah antara RM1.08 juta hingga RM139.23 juta. 3

8.2.3. Terdapat beberapa kelemahan tadbir urus korporat seperti mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut kekerapan, Audit Dalam tidak ditubuhkan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak berfungsi, KDEB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor serta pembayaran bonus tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

8.3. Bagi memastikan pengurusan kewangan, operasi dan tadbir urus korporat dipertingkatkan, KDEB disyorkan mematuhi dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9, 10, 11 dan 12 Tahun 1993. Prosedur Kerja dan *Standard Operating Procedures* KDEB perlu diluluskan dan diguna pakai sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan.

9. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

- Worldwide Holdings Berhad

9.1. Worldwide Holdings Berhad (WHB) atau nama asalnya Tholec Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Disember 1965. WHB dengan modal berbayar berjumlah RM177.12 juta adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang memiliki saham pemilikan sepenuhnya melalui PKNS Holdings Sdn. Bhd. (PHSB). Aktiviti utama WHB adalah pembangunan harta tanah, perkhidmatan pengurusan alam sekitar serta pegangan pelaburan dan harta tanah. Manakala visi WHB adalah untuk menjadi peneraju dan pesaing global dalam bidang harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar. Misi WHB pula adalah untuk membangun dan

mempertingkatkan kepakaran dalam bidang harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar. Selepas WHB menjadi syarikat milik penuh PKNS, Lembaga Pengarah WHB terdiri daripada 2 orang sahaja yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Selangor dengan seorang ahli iaitu Pengurus Besar PKNS.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat WHB secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

9.2.1. Prestasi kewangan WHB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi supaya dapat memberi pulangan dividen yang tinggi kepada PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor.

9.2.2. Pengurusan aktiviti WHB pada amnya memuaskan tetapi masih terdapat beberapa kelemahan seperti aktiviti pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar yang dilaksanakan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, WHB telah menjalankan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan aktivitinya.

9.2.3. Pengurusan tadbir urus korporat WHB adalah kurang memuaskan kerana manfaat yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah WHB tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga PHSB dan PKNS serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan tidak aktif.

9.3. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat WHB dan PKNS disyorkan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.3.1. WHB hendaklah memperkuuhkan prestasi kewangan dengan memperluaskan aktiviti pembangunan harta tanah seperti membuat perolehan tanah baru di luar Negeri Selangor selaras dengan visi dan misi untuk menjadi peneraju dalam bidang aktiviti tersebut dan menjadi syarikat Kerajaan yang berdaya saing.

9.3.2. WHB hendaklah terus berusaha mempromosikan bidang perkhidmatan pengurusan alam sekitar dengan meluas di dalam dan luar Negeri Selangor selaras dengan kepakaran dan pengalaman syarikat dalam bidang ini. WHB hendaklah mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Negeri Selangor agar perkhidmatan pengurusan alam sekitar mendapat sambutan menyeluruh daripada Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

9.3.3. WHB hendaklah memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai asas. Lembaga Pengarah WHB wajar disusun semula dari segi bilangan dan keanggotaan ahli bebas bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan.

9.3.4. WHB hendaklah mengaktifkan semula Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan selaras dengan fungsinya serta memastikan operasi syarikat selaras dengan peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9, 10, 11 dan 12 Tahun 1993.

9.3.5. Lembaga Pengarah PKNS hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan dan memastikan semua kumpulan syarikat subsidiarinya mematuhi dasar dan peraturan Kerajaan Negeri Selangor serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

10. PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR - PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.

10.1. PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 12 Oktober 1991 merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan modal berbayar berjumlah RM10.90 juta. Objektif penubuhan PAISB adalah untuk menjayakan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh PKPS dan memasarkan produk pertanian pengusaha tempatan. PAISB dipertanggungjawab oleh PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus operasi Kompleks Pasar Borong Selangor. Berdasarkan Kertas Perancangan 5 Tahun (2006 hingga 2010), PAISB menetapkan sasaran untuk menjadi syarikat perniagaan khusus dalam pengurusan kompleks pasar borong dan pemprosesan produk berasaskan makanan serta perdagangan komoditi pertanian di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2005, PAISB telah mendapat pinjaman di bawah Projek Dana Menggalakkan Pertanian Komersial berjumlah RM40.10 juta daripada Kementerian Kewangan. Pada tahun 2006, syarikat subsidiari PAISB iaitu Premium Agro Products Sdn. Bhd. pula telah mendapat pinjaman daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM50.20 juta. Secara ringkasnya, jumlah pinjaman diperoleh PAISB dan syarikat subsidiarinya daripada Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM90.30 juta. Mulai tahun 2009, Lembaga Pengarah PAISB terdiri daripada 2 orang sahaja iaitu Pengurus Besar PKPS sebagai Penggerusi dan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKPS sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Februari 2011 mendapati, secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PAISB adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

10.2.1. Pada tahun 2010, PAISB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.09 juta kerana kerugian atas penjualan saham syarikat subsidiari Premium Agro Products Sdn. Bhd. dan pelupusan bangunan Pusat Kitar Semula Sisa Kebun (Baja Kompos) di Klang berjumlah RM1.10 juta serta kedudukan kewangan PAISB masih kurang stabil kerana bergantung kepada pinjaman.

10.2.2. Pengurusan Kompleks Pasar Borong masih kurang memuaskan di mana terdapat kelemahan dalam pengurusan kutipan hasil serta kemudahan dan tahap kebersihan di pasar borong yang disediakan.

10.2.3. Dua projek yang dibiayai oleh pinjaman Kementerian Kewangan berjumlah RM40.10 juta gagal mencapai matlamatnya serta satu projek berjumlah RM50.20 juta gagal memulakan pengeluaran dan memasarkan produk dalam tempoh yang ditetapkan.

10.2.4. Pengurusan tadbir urus korporat PAISB tidak mematuhi peraturan Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, seperti pelantikan Lembaga Pengarah dan pemantauan Lembaga Pengarah PAISB kurang berkesan serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan bagi menjaga kepentingan PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor.

10.3. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat syarikat, PAISB dan PKPS disyorkan mengambil tindakan seperti perkara berikut:

10.3.1. PAISB hendaklah meningkatkan promosi mengenai aktiviti Kompleks Pasar Borong Selangor.

10.3.2. PAISB hendaklah mempertingkatkan pengurusan Kompleks Pasar Borong Selangor seperti kemudahan asas, tahap kebersihan dan keselamatan, mengawal lambakan pekerja warga asing, membuat penilaian dan penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan sambutan pengunjung.

10.3.3. PKPS hendaklah memantau tindakan undang-undang yang diambil oleh PAISB terhadap syarikat pembekal bagi mendapatkan bayaran penalti kerana melanggar syarat perjanjian.

10.3.4. PAISB hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, mempertingkatkan pengurusan kewangan dan beroperasi selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

10.3.5. Lembaga Pengarah PKPS hendaklah memastikan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan syarikat subsidiari berperanan dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Pemantauan hendaklah dilaksanakan secara berkesan supaya kelemahan prestasi kewangan, pengurusan operasi dan aktiviti diambil tindakan penambahbaikan segera serta kerugian yang dialami dapat dikurangkan pada peringkat awal.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, 7 aktiviti telah dipilih untuk diaudit pada tahun 2010 iaitu Program Pembangunan Pelancongan, Penyediaan Kemudahan Asas Desa Dan Aktiviti Pembangunan Kampung, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka, Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama serta Program Rumah Rakyat. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agenzi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2. PROGRAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Industri pelancongan merupakan aktiviti kedua penting di Negeri Selangor yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Aktiviti ini digerakkan melalui beberapa program di bawah Pelan Induk Pelancongan (PIP) bagi tahun 1998 hingga 2020. Bersesuaian dengan strategi pembangunan pelancongan yang digariskan dalam PIP, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran yang akan dilaksanakan iaitu:

- 1.3.4.1. Meningkatkan kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa untuk faedah ekonomi.
- 1.3.4.2. Mempertingkatkan kepelbagaian produk pelancongan.
- 1.3.4.3. Mempertingkatkan dana bagi mempromosikan projek pembangunan mega.

2.1.2. *World Tourism Organization* mendefinisikan pelancong adalah mana-mana orang yang datang dan tinggal di sesuatu tempat selain dari tempat tinggal melebihi 24 jam dan tidak melebihi satu tahun untuk beriadah, menjalankan perniagaan dan bukan bertujuan bekerja untuk mendapat upah. Seksyen Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) adalah bertanggungjawab untuk membentuk dasar program pembangunan pelancongan. Manakala Tourism Selangor Sdn. Bhd. (Tourism Selangor), sebuah syarikat subsidiari Kerajaan Negeri dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar RM2 juta yang telah ditubuhkan pada tahun 2001 untuk melaksana dan menerajui pembangunan pelancongan di Negeri Selangor. Bagi merealisasikan objektif penubuhan dan sebagai strategi untuk menambah jumlah

kedatangan pelancong ke Negeri Selangor, Tourism Selangor mulai tahun 2009, telah melaksanakan 3 aktiviti seperti berikut:

- a. Mempromosi serta menyasarkan Negeri Selangor sebagai salah satu destinasi pelancongan.
- b. Memperkenalkan beberapa acara pelancongan di Negeri Selangor ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- c. Menaik taraf produk pelancongan di Negeri Selangor.

2.1.3. Pada tahun 2008 hingga 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM14.50 juta bagi melaksanakan program pembangunan pelancongan di mana RM12 juta (82.8%) adalah peruntukan bagi mempromosikan program ini.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan cekap dan telah memberi impak positif kepada industri pelancongan negeri.

2.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan pembangunan pelancongan Negeri Selangor bagi tahun 2008 hingga 2010 di Seksyen PBT, UPEN dan Tourism Selangor. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa rekod, fail dan dokumen yang berkaitan. Temu bual juga diadakan dengan pegawai PBT dan Tourism Selangor yang terlibat. Analisis juga dibuat terhadap geran yang diterima oleh Tourism Selangor serta perancangan yang dibuat berbanding pencapaian sebenar. Lawatan telah dilakukan ke lokasi produk pelancongan di Daerah Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Sepang dan Klang. Selain itu, soal selidik mengenai keberkesanan program pembangunan pelancongan meliputi setiap lokasi produk pelancongan juga telah diedarkan untuk mendapatkan maklumat daripada orang awam/pelancong.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan baik kerana telah berjaya menarik kedatangan pelancong melebihi sasaran yang ditetapkan ke Negeri Selangor. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pelaksanaan program yang perlu ditangani. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah terdapat Pusat Perkhidmatan Pelancong yang belum beroperasi dan tidak menjual produk Negeri Selangor untuk mempromosikan negeri ini, penyalahgunaan *visual billboard* pelancongan, maklumat pelancongan tidak disediakan, kontrak penajaan acara tidak disediakan, produk pelancongan tidak disenggara, peruntukan kewangan untuk pelancongan tidak dibelanja dan digunakan untuk tujuan lain. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

2.4.1. Pencapaian Sasaran Pelancong

2.4.1.1. Melalui promosi yang dijalankan oleh Tourism Selangor, Kerajaan Negeri Selangor menetapkan sasaran peningkatan pelancong domestik dan antarabangsa bagi tahun 2008 hingga 2010 berjumlah 16.60 juta orang. Semakan Audit mendapati bilangan pelancong domestik dan antarabangsa yang datang ke Negeri Selangor bagi tempoh yang sama adalah 17.14 juta orang iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 103.2%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Pencapaian Sasaran Kedatangan Pelancong Domestik Dan Antarabangsa
Ke Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Sasaran (Juta)	Pencapaian Kedatangan Pelancong			
		Domestik (Juta)	Antarabangsa (Juta)	Jumlah (Juta)	Peratus (%)
2008	5.50	3.07	2.60	5.67	103.1
2009	5.50	3.24	2.40	5.64	102.5
2010	5.60	3.24	2.59	5.83	104.1
Jumlah	16.60	9.55	7.59	17.14	103.2

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri & Tourism Selangor Sdn. Bhd.

2.4.1.2. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati bilangan pelancong pada tahun 2009 berkurangan kepada 5.64 juta orang berbanding dengan tahun 2008. Manakala terdapat peningkatan bilangan pelancong sebanyak 3.4% kepada 5.83 juta orang pada tahun 2010. Faktor keadaan ekonomi, politik serantau serta larangan perjalanan disebabkan wabak penyakit seperti H1N1 adalah antara sebab yang mempengaruhi jumlah pelancong ke Negeri Selangor. Analisis terhadap kedatangan pelancong antarabangsa seperti di **Jadual 2.2** pula menunjukkan pelancong antarabangsa dari benua Asia terutama di kalangan negara Asia Tenggara adalah paling ramai yang datang iaitu seramai 3.63 juta orang dan diikuti dari Asia Timur dan Asia Selatan masing-masing berjumlah 2.29 juta orang dan 0.49 juta orang. Pelancong dari benua Afrika mencatat kehadiran paling sedikit iaitu 0.02 juta orang.

Jadual 2.2
Statistik Kedatangan Pelancong Antarabangsa
Ke Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Lokasi Asal	Tahun (Bil. Pelancong)			Jumlah Pelancong
		2008	2009	2010	
1.	Asia Tenggara	1,214,766	1,209,370	1,208,766	3,632,902
2.	Asia Timur	791,003	675,930	825,951	2,292,884
3.	Asia Selatan	182,062	167,142	145,391	494,595
4.	Kepulauan Pasific	87,963	84,764	72,751	245,478
5.	Asia Barat	131,808	52,801	111,533	296,142
6.	Eropah	116,356	127,114	156,655	400,125
7.	Amerika	40,090	37,472	28,897	106,459
8.	Afrika	6,007	5,680	11,255	22,942
9.	Lain-lain	31,278	45,146	27,000	103,424
Jumlah		2,601,333	2,405,419	2,588,199	7,594,951

Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.

2.4.1.3. Untuk menilai keberkesanannya program pembangunan pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam/pelancong di 5 lokasi pelancongan di Negeri Selangor iaitu Sunway Lagoon, Plaza Alam Sentral Shah Alam, Taman Rekreasi Sungai Congkak daerah Hulu Langat, Homestay Sungai Haji Dorani daerah Sabak Bernam dan Homestay Banghuris daerah Sepang. Hasil analisis terhadap 100 responden yang telah memberi maklum balas merumuskan mereka berpuas hati mengenai aspek kebersihan kawasan tarikan pelancong, keselesaan penginapan, keselamatan dan kemudahan asas seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Peratus Kepuasan Pelancong Terhadap
Lokasi Pelancongan Yang Dilawati

Tahap Kepuasan	Kebersihan Lokasi	Keselesaan Penginapan	Aspek Keselamatan	Penyediaan Kemudahan Asas
Memuaskan	93%	92%	84%	83%
Kurang memuaskan	6%	7%	15%	15%
Tidak memuaskan	1%	1%	1%	2%
Jumlah	100%	100%	100%	100%

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, peningkatan pelancong yang datang ke Negeri Selangor dan maklum balas pelancong yang memuaskan menunjukkan promosi dan pembangunan pelancongan yang dilaksanakan oleh Tourism Selangor adalah baik.

2.4.2. Pengurusan Promosi

2.4.2.1. Promosi Yang Berjaya Dilaksanakan

Produk pelancongan di Negeri Selangor hendaklah dipromosikan bagi menarik lebih ramai pelancong daripada domestik dan antarabangsa untuk datang ke Negeri Selangor. Sehubungan itu, promosi serta sistem penyampaian yang berkesan perlu dilakukan untuk membantu pelancong merancang percutian dan memilih Negeri Selangor sebagai destinasi percutian. Antara strategi promosi dan aktiviti yang telah dirancang dan ditetapkan oleh Tourism Selangor untuk meningkatkan kedatangan pelancong adalah seperti berikut:

- a. Kempen *Selangor Shines* yang telah dilancarkan pada 15 Disember 2009 di mana pelbagai acara telah diadakan sepanjang tahun 2010. Antaranya ialah *Selangor Auto Show*, *Adidas King Of The Road*, *Batu Caves Tanggathon*, *Kejohanan Jugra Paragliding* Antarabangsa, *Selangor Musical Extravaganza 2010* dan *Regatta Raja Muda Selangor*. Kempen *Selangor Shines* ini telah diadakan di semua daerah Negeri Selangor. **Gambar 2.1** adalah kempen yang dibuat di Daerah Hulu Selangor.

Gambar 2.1
Kempen Selangor Shines
Di Daerah Hulu Selangor



Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.

Lokasi: Daerah Hulu Selangor

Tarikh: 10 April 2010

- b. Penerbitan risalah pelancongan dalam pelbagai bahasa antaranya Bahasa Mandarin dan Jepun seperti di **Gambar 2.2**.

Gambar 2.2
Risalah Yang Diterbitkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat Maklumat Selangor

Tarikh: 1 Disember 2010

- c. Penajaan dalam majalah pelancongan seperti majalah LIBUR dan juga promosi melalui paparan *billboard* seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3
Penajaan Dalam Majalah LIBUR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
Tarikh: Disember 2010 & Julai 2009

Gambar 2.4
Promosi Melalui Billboard



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandaraya Kuala Lumpur
Tarikh: 19 Ogos 2010

- d. Pemberian barang cenderahati yang mempunyai tanda logo Selangor Shines kepada orang ramai. Antara barang yang telah diagihkan seperti air mineral, penanda buku, magnet pelekat dan beberapa risalah berkaitan informasi tempat menarik di Negeri Selangor. Langkah yang sama juga telah diadakan di luar negara seperti United Kingdom, China, Filipina dan Thailand. **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6** adalah berkaitan.

Gambar 2.5
Cenderahati Promosi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
Tarikh: 30 November 2010

Gambar 2.6
Aktiviti Promosi Luar Negara



Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
Lokasi: Bangkok, Thailand
Tarikh: 11 Mac 2010

- e. Promosi juga telah dibuat dengan membina laman sesawang iaitu www.tourismselangor.org di mana Tourism Selangor memaparkan dan mempromosikan maklumat mengenai pelancongan Negeri Selangor seperti di **Gambar 2.7**.

Gambar 2.7
Skrin Laman Sesawang Tourism Selangor



*Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
 Tarikh: 30 November 2010*

- f. Pada tahun 2009, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan perancangan yang telah dibuat oleh Tourism Selangor untuk menjalankan 11 promosi pelancongan di luar negara pada tahun 2009 dan 2010. Semakan Audit mendapati kesemua 11 promosi ini telah berjaya dijalankan oleh Tourism Selangor secara bersepadu dengan Kementerian Pelancongan Malaysia bagi tujuan penjimatkan kos seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Promosi Luar Negara Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Pelaksanaan	
	Destinasi Promosi	Tarikh Lawatan
1.	<i>International Tourism Borse Berlin, Jerman</i>	13-27 Mac 2009
2.	<i>Fascinating Malaysia Tourism, Singapura</i>	12-17 Mei 2009
3.	<i>PATA Travel Mart, China</i>	22-25 September 2009
4.	<i>World Travel Mart, London</i>	8-14 November 2009
5.	<i>Fascinating Malaysia Tourism, Singapura</i>	13-15 November 2009
6.	<i>Sales Mission, India</i>	18-21 Februari 2010
7.	<i>Discover World, Thailand</i>	11-13 Mac 2010
8.	<i>Arabian Travel Market, Dubai</i>	5-8 Mei 2010
9.	<i>International Travel Expo, Ho Chin Minh, Vietnam</i>	23-25 September 2010
10.	<i>JATA World Tourism Congress & Travel Fair, Tokyo, Japan</i>	24-26 September 2010
11.	<i>Tara Na Sa Malaysia, Filipina</i>	31 Oktober-3 November 2010

Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.

2.4.2.2. Pusat Perkhidmatan Pelancong

Sebagai langkah mengukuhkan lagi rangkaian dan perkhidmatan pelancongan di seluruh Negeri Selangor, Pelan Induk Pelancongan menggariskan bahawa Pusat Perkhidmatan Pelancong (PPP) sehingga peringkat daerah perlu ditubuhkan. PPP diwujudkan sebagai sumber informasi, pameran, jualan produk dan ruang untuk agen pelancongan menjalankan aktiviti berkaitan pelancongan di Negeri Selangor. Semakan Audit terhadap PPP mendapati perkara berikut:

a. **PPP Tidak Menjual Produk Negeri Selangor**

- i. Tourism Selangor telah menubuhkan PPP di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. PPP tersebut dikenali sebagai *Selangor Information Centre* (SIC) dan dijadikan pusat informasi pelancongan dengan menempatkan 2 pegawai bagi setiap *shift* dan beroperasi antara pukul 7.00 pagi sehingga 9.00 malam (2 *shift*). SIC ini beroperasi 7 hari seminggu. Lawatan Audit pada 1 Disember 2010 mendapati SIC tersebut dilengkapi dengan brosur dan maklumat mengenai pelancongan di Negeri Selangor. Risalah yang disediakan dalam pelbagai bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin, Jepun dan Arab. Maklumat yang disediakan termasuk waktu pengangkutan *KTM KOMUTER* dan lokasi yang menarik untuk dilawati. Lokasi SIC adalah strategik kerana terletak di hadapan balai ketibaan. SIC di KLIA adalah seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**.

Gambar 2.8
Bahagian Hadapan SIC, KLIA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KLIA, Sepang
Tarikh: 1 Disember 2010

Gambar 2.9
Pegawai Sedang Memberi Penerangan Kepada Pelancong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KLIA, Sepang
Tarikh: 1 Disember 2010

- ii. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati tiada barang atau produk Negeri Selangor dijual di SIC KLIA. Bagi memperkenalkan Negeri Selangor kepada pelancong, pihak Tourism Selangor hendaklah mengadakan kios atau kedai yang menjual hasil produk dan kraftangan rakyat tempatan Negeri Selangor yang boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti promosi pelancongan. Selepas teguran Audit, Tourism Selangor telah mengadakan satu mesyuarat bersama pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Malaysia Airport Berhad (MAB) pada 2 Februari 2011 untuk mendapatkan kebenaran menjual cenderahati di SIC. Pihak MAB telah bersetuju untuk membenarkan Tourism Selangor membuat pengubahsuaian ruang bagi tujuan tersebut. Sehubungan itu, satu perjanjian baru sedang disediakan oleh pihak UPEN dan bersesuaian dengan fungsinya nama SIC ditukar menjadi Tourism Selangor.

b. PPP Belum Beroperasi

Pada bulan Jun 2004, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menyerahkan pengurusan Menara Jam Besar yang terletak di Dataran Shah Alam kepada Tourism Selangor untuk dijadikan PPP. Semakan Audit mendapati kerja pengubahsuaian Menara Jam Besar untuk dijadikan sebagai PPP telah siap pada bulan Mac 2010 dengan kos berjumlah RM120,000. Bagaimanapun, sehingga bulan November 2010, PPP tersebut masih belum beroperasi sebagaimana yang ditetapkan. Sepanjang tempoh bulan Mac hingga November 2010, PPP tidak digunakan disebabkan Tourism Selangor belum mengambil tindakan untuk mendapatkan bahan berkaitan pelancongan yang akan dibekalkan oleh pihak MBSA serta Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor. Selain itu, pihak Tourism Selangor juga belum menyediakan justifikasi kewangan seperti bayaran gaji dan elaun lebih masa kerana ia akan melibatkan pertambahan kakitangan di PPP yang akan bertugas pada hujung minggu. Selepas teguran Audit, pihak UPEN dan Tourism Selangor bersetuju menjadikan PPP Menara Jam Besar sebagai Pusat Kraftangan Selangor. Ia dijangka akan dibuka secara rasmi pada bulan Mei 2011. **Gambar 2.10** adalah Menara Jam Besar manakala **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12** keadaan dalam Menara Jam Besar yang belum ada pengisian dan belum beroperasi.

Gambar 2.10
Pusat Perkhidmatan Pelancong
Di Menara Jam Besar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Shah Alam, Shah Alam
Tarikh: 18 Ogos 2010

Gambar 2.11
Keadaan Dalam Menara Jam Besar
Yang Belum Ada Pengisian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Shah Alam, Shah Alam
Tarikh: 18 Ogos 2010

Gambar 2.12
Keadaan Dalam Menara Jam Besar
Yang Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Shah Alam, Shah Alam
Tarikh: 18 Ogos 2010

2.4.2.3. Penyalahgunaan *Visual Billboard* Pelancongan

Tourism Selangor telah diberi tanggungjawab mereka bentuk dan memasang 3 unit *visual billboard* bertemakan Destinasi Pelancongan bernilai RM22,000 di Daerah Hulu Selangor. Dua *visual billboard* tersebut dipamerkan di pekan Kuala Kubu Bharu manakala satu *visual billboard* di laluan antara Pekan Rasa ke Kuala Kubu Bharu. Semakan Audit mendapati satu *visual billboard* yang bertemakan Destinasi Pelancongan telah dipasang di Jalan Rasathurai, Kuala Kubu Bharu pada bulan April 2010. *Visual billboard* tersebut adalah seperti di **Gambar 2.13**. Bagaimanapun, 2 *visual billboard* lain yang dipasang di Mini Stadium, Kuala Kubu Bharu dan di laluan Pekan Rasa ke Kuala Kubu Bharu bukan berkaitan dengan pelancongan, sebaliknya mempromosikan Tabung Warisan Anak-anak Selangor (TAWAS) seperti di **Gambar 2.14** dan Kempen Air Percuma seperti di **Gambar 2.15**. Maklum balas daripada Tourism Selangor menjelaskan bahawa *visual billboard* berkenaan adalah hak milik Majlis Daerah Hulu Selangor. Pemaparan *visual billboard* selain daripada *visual billboard* asal iaitu destinasi pelancongan adalah atas arahan Pejabat Menteri Besar Selangor.

Gambar 2.13
Visual Billboard Yang Bertemakan Destinasi Pelancongan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rasathurai, Kuala Kubu Bharu
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 2.14
Visual Billboard Yang Mempromosikan Tabung Warisan Anak-Anak Selangor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mini Stadium Kuala Kubu Bharu
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 2.15
Visual Billboard Yang Mempromosikan Kempen Air Percuma



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Rasa ke Kuala Kubu Bharu
Tarikh: 27 September 2010

2.4.2.4. Maklumat Pelancong Tidak Disediakan

Untuk mengetahui keperluan dan perancangan industri pelancongan akan datang, Pelan Induk Pelancongan (PIP) telah mencadangkan satu kaji selidik hendaklah dibuat secara tetap terhadap perkara seperti asal usul pelancong, tujuan lawatan, tempoh penginapan, sumber maklumat lokasi diperolehi, tahap kepuasan lokasi yang dikunjungi dan cadangan penambahbaikan. Semakan Audit mendapati Tourism Selangor tidak menjalankan kaji selidik seperti yang dikehendaki oleh PIP berkenaan. Ini mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak dapat merancang secara komprehensif berkaitan kajian pasaran, program promosi dan perkara yang perlu dikenal pasti berkaitan keperluan pelbagai kemudahan serta infrastruktur bagi meningkatkan pembangunan promosi Negeri Selangor. Selepas teguran

Audit, pada bulan Februari 2011 Tourism Selangor telah bekerjasama dengan Fakulti Perhotelan Dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA untuk menjalankan kajian berhubung statistik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke Negeri Selangor bagi tahun 2011. Kajian tersebut dijangka siap dalam tempoh 6 bulan.

Pada pendapat Audit, Pusat Perkhidmatan Pelancong (PPP) hendaklah mempelbagaikan produk jualan hasil Negeri Selangor di KLIA dan Menara Jam Besar di Shah Alam seperti kraftangan atau makanan tradisi untuk diperkenalkan ke peringkat antarabangsa dan menjadi cenderahati kepada pelancong yang pulang ke negara asal. Tindakan hendaklah diambil bagi memastikan operasi PPP Menara Jam Besar dapat dimulakan dengan segera bagi mempromosikan produk pelancongan Negeri Selangor. Selain itu, *visual billboard* yang bukan bertemakan destinasi pelancongan hendaklah digunakan mengikut tujuan asalnya. Bagi menjamin industri pelancongan berdaya maju, Tourism Selangor juga hendaklah meningkatkan usahanya dalam pengurusan maklumat pelancong untuk perancangan masa depan dan penambahbaikan terhadap pembangunan industri pelancongan di Negeri Selangor.

2.4.3. Pengurusan Acara Pelancongan

2.4.3.1. Acara pelancongan diadakan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam setiap program dan acara yang dianjurkan. Acara ini akan dilaksanakan oleh pihak lain (pengurus acara) yang dilantik oleh Tourism Selangor sebagai mewakili Kerajaan Negeri Selangor. Tourism Selangor juga berperanan membantu pengurus acara dari aspek kewangan dan modal awalan bagi menggerakkan sesuatu acara serta memastikan keberkesanannya. Antara acara pelancongan tahunan yang dilaksanakan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di Jadual 2.5.

Jadual 2.5
Acara Pelancongan Yang Dilaksanakan
Oleh Tourism Selangor Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Acara Pelancongan	2009	2010
1.	<i>Selangor Musical Extravaganza</i>	/	/
2.	Rumah Terbuka Perayaan	/	/
3.	<i>Festival Bon Odori</i>	/	/
4.	<i>Paragliding Accuracy World Cup</i>	/	×
5.	<i>PJRC Powerboat</i>	/	/
6.	<i>World Band Competition</i>	×	/

Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.

Nota: / - Dilaksanakan × - Tidak Dilaksanakan

2.4.3.2. Mengikut Laporan kepada MMKN, kedua-dua acara Kejohanan *Paragliding Accuracy World Cup* di Bukit Jugra dan *World Band Competition* yang diadakan di Stadium Matsushita Seksyen 21, Shah Alam, telah mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan dan luar negara. Penyertaan dari luar negara seperti Serbia, Indonesia, Jepun, Thailand, Korea Selatan, Republik Czech, Filipina, Switzerland, United Kingdom, Arab Saudi, Montenegro, Slovania dan Malaysia sendiri amat menggalakkan.

Gambar 2.16 menunjukkan acara *paragliding* manakala acara *World Band Competition* adalah seperti di **Gambar 2.17**. Selain dari acara kejohanan tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang kejohanan berlangsung seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pameran, gerai jualan, pertunjukan dan sebagainya yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Selangor. Tourism Selangor juga telah menganjurkan acara bagi Rumah Terbuka Tahun Baru Cina, Thaipusam, Krismas dan Hari Vaisakhi. Sambutan tersebut dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau badan bukan Kerajaan dan dijalankan dengan kerjasama Tourism Selangor yang berperanan sebagai penaja sebahagian kos acara tersebut.

Gambar 2.16
Acara Paragliding Accuracy World Cup



Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
Lokasi: Bukit Jugra, Daerah Kuala Langat
Tarikh: 30 April 2010

Gambar 2.17
Acara World Band Competition



Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.
Lokasi: Stadium Matsushita Seksyen 21, Shah Alam
Tarikh: 2 Disember 2010

2.4.3.3. Di samping berjaya melaksanakan acara pada tahun 2009 dan 2010, terdapat beberapa kelemahan semasa pengurusan acara dilaksanakan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

a. Kontrak Penajaan Program Acara Tidak Disediakan

- i. Kontrak perjanjian adalah merupakan satu persetujuan yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Tourism Selangor telah menganjurkan acara pelancongan *Selangor Musical Extravaganza 2010* (SME) pada bulan Julai 2010. Penganjuran SME 2010 dilaksanakan dengan melantik 3 pengurus acara yang melaksanakan pelbagai acara yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pelantikan dibuat secara rundingan terus dan Tourism Selangor akan menaja sebanyak 35% daripada kos sebenar penganjuran bagi setiap acara.
- ii. Semakan Audit mendapati, pelantikan Pengurus Acara dibuat berdasarkan Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima tanpa perjanjian kontrak rasmi antara Tourism Selangor dan 3 pengurus acara tersebut walaupun nilai tajaan berjumlah RM738,220 seperti di **Jadual 2.6**. Surat pelantikan tersebut tidak menyatakan syarat dan terma yang perlu dipatuhi oleh pengurus acara serta balasan kepada Tourism Selangor. Ini tidak menjaga kepentingan pihak Kerajaan Negeri

Selangor/Tourism Selangor berkaitan penganjuran acara tersebut. Mengikut amalan dan urus tadbir korporat terbaik, kontrak perlu dibuat untuk menjaga kepentingan pihak yang terlibat.

**Jadual 2.6
Jumlah Penajaan SME 2010**

Bil.	Syarikat Pengurus Acara	Kos Sebenar Penganjuran (RM)	Peratus Tajaan (%)	Jumlah Tajaan Oleh Tourism Selangor (RM)
1.	<i>Out Of This World</i>	1,300,000	35	455,000
2.	<i>Go International Group Sdn. Bhd.</i>	550,000	35	192,500
3.	<i>Pekanmaya Productions</i>	259,200	35	90,720
Jumlah		2,109,200		738,220

Sumber: Tourism Selangor Sdn. Bhd.

b. Penajaan Melebihi Peruntukan

Mengikut amalan perakaunan yang cekap, bayaran kepada pembekal/kontraktor hendaklah dijelaskan berdasarkan nilai sebenar kerja dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Tourism Selangor perlu membayar RM250,000 sebagai tajaan tambahan kepada Syarikat O2tw bagi melaksanakan Konsert *Malaysian Rhythm* 2010 kerana peruntukan tajaan asal sebanyak RM450,000 adalah tidak mencukupi. Bagaimanapun, pembayaran yang telah dibuat kepada Syarikat O2tw adalah RM267,250 iaitu terdapat lebihan bayaran sebanyak RM17,250. Selepas teguran Audit, Syarikat O2tw telah membayar balik jumlah yang terlebih bayar ini pada 26 Ogos 2010.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin industri pelancongan berdaya maju penganjuran acara pelancongan perlu dipertingkatkan lagi untuk menarik minat masyarakat setempat dan antarabangsa dari pelbagai pelusuk dunia untuk datang dan menyertai program yang dianjurkan. Tourism Selangor hendaklah menyediakan dokumen kontrak yang sempurna bagi acara yang diadakan dan memastikan bayaran yang tepat dibuat.

2.4.4. Pengurusan Produk Pelancongan

Produk pelancongan yang diuruskan oleh Tourism Selangor antaranya adalah tempat peranginan, hutan rekreasi dan tempat makanan istimewa. Seksyen PBT UPEN telah menyediakan peruntukan untuk menyenggara dan menaik taraf produk pelancongan bagi menarik kedatangan pelancong. Lawatan Audit ke 4 tempat produk pelancongan mendapati perkara seperti berikut:

2.4.4.1. Hutan Lipur Kancing Di Daerah Hulu Selangor

Hutan Lipur Kancing merupakan salah satu kawasan hutan rekreasi di Negeri Selangor. Didapati 2 unit chalet dalam keadaan terbiar dan tidak disenggarakan. Keadaan di luar chalet tersebut adalah seperti di **Gambar 2.18** dan kemudahan di dalam chalet adalah seperti di **Gambar 2.19**. Bagaimanapun selepas teguran Audit, Tourism Selangor

memaklumkan chalet di Hutan Lipur Kancing telah diubah suai menjadi stor penyimpanan barang pembersihan dan penyenggaraan.

Gambar 2.18
Dua Unit Chalet Di Hutan Lipur Kancing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kancing, Daerah Hulu Selangor
Tarikh: 6 Oktober 2010

Gambar 2.19
Kemudahan Dalam Chalet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kancing, Daerah Hulu Selangor
Tarikh: 6 Oktober 2010

2.4.4.2. Kawasan Rekreasi Sungai Congkak Di Daerah Hulu Langat

Di kawasan rekreasi Sungai Congkak, terdapat jambatan yang dibina merentangi sungai ini yang menjadi laluan utama ke kawasan perkelahan telah rosak dan belum dibaiki. Keadaan ini boleh membahayakan pengunjung yang melalui jambatan ini untuk sampai ke kawasan perkelahan tersebut. Keadaan jambatan adalah seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**.

Gambar 2.20
Keadaan Jambatan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Congkak, Daerah Hulu Langat
Tarikh: 11 Oktober 2010

Gambar 2.21
Keadaan Jambatan Yang Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Congkak, Daerah Hulu Langat
Tarikh: 11 Oktober 2010

2.4.4.3. Medan Sate Kajang

Medan Sate Kajang merupakan salah satu ikon pelancongan di Negeri Selangor. Kerja menaik taraf telah dibuat untuk memastikan pengunjung dapat menjamu selera dalam keadaan yang selesa. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan November 2010

mendapati kerusi dan meja yang telah rosak tidak dibuang, malahan dikumpulkan dan dilonggokkan di kawasan luar medan selera tersebut seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**. Selepas teguran Audit, kerja pembersihan di Medan Sate Kajang telah dilaksanakan. **Gambar 2.24** dan **Gambar 2.25** menunjukkan keadaan lokasi yang sama pada bulan April 2011.

Gambar 2.22
Kerusi Dan Meja Makan Rosak
Yang Tidak Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Sate Kajang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.23
Keadaan Di Kawasan Luar
Bangunan Medan Sate



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Sate Kajang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.24
Keadaan Di Kawasan Luar Bangunan
Medan Sate Selepas Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Sate Kajang
Tarikh: 4 April 2011

Gambar 2.25
Kerusi Dan Meja Yang Rosak Telah
Dibuang Dan Kawasan Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Sate Kajang
Tarikh: 4 April 2011

2.4.4.4. Rumah Rehat GAP Di Bukit Fraser

Rumah Rehat GAP Kerajaan Negeri Selangor terkenal sebagai lokasi aktiviti *Bird Watching*, yang mana pelbagai jenis burung dapat dilihat dari kawasan rumah rehat tersebut. Semasa lawatan Audit pada bulan September 2010, rumah rehat tersebut tidak digunakan dan telah terbiar selama 2 tahun. Keadaan persekitaran diselaputi semak samun yang menjalar ke merata kawasan dan juga menutupi sebahagian dinding dan

bumbung rumah rehat itu kerana tidak disenggarakan. Keadaan Rumah Rehat GAP semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 2.26** dan **Gambar 2.27**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Rehat GAP, Bukit Fraser
Tarikh: 27 September 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Rehat GAP, Bukit Fraser
Tarikh: 27 September 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan produk pelancongan yang dilawati adalah tidak memuaskan kerana penyenggaraan tidak dilakukan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung. Bagi menjamin industri pelancongan berdaya maju tindakan perlu diambil dengan segera untuk menambah baik keadaan produk ini supaya dapat menarik lebih ramai pelancong.

2.4.5. Pengurusan Kewangan Tidak Memuaskan

2.4.5.1. Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Peruntukan pembangunan pelancongan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati peruntukan pembangunan berjumlah RM1.02 juta telah diluluskan kepada UPEN bagi tahun 2008 dan 2009 untuk kerja menaik taraf 5 produk pelancongan di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Perbandaran Selayang, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Tourism Selangor. Bagaimanapun, terdapat peruntukan tidak dibelanjakan seperti berikut:

a. Rumah Rehat Sri Berkat Di Bukit Fraser

Pada tahun 2009, UPEN telah memohon peruntukan RM1 juta untuk menjalankan kerja pembaikan dan menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser. Bagaimanapun, hanya RM500,000 sahaja diluluskan. Peruntukan ini tidak mencukupi dan UPEN seterusnya menangguhkan pelaksanaan kerja membaik pulih rumah rehat tersebut. Peruntukan ini telah digunakan untuk tujuan lain iaitu membaik pulih Rumah Rehat GAP, yang juga terletak di Bukit Fraser. **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.29** menunjukkan kerosakan di bahagian dalam dan luar Rumah Rehat Sri Berkat.

Gambar 2.28
Keadaan Dinding Berlumut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 2.29
Cermin Tingkap Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser
Tarikh: 27 September 2010

b. Kolam Air Panas Selayang


Kolam Air Panas Selayang merupakan antara produk pelancongan yang menjadi tempat kunjungan masyarakat disebabkan keistimewaan air panasnya. Air panas di kolam ini dipercayai dapat menyembuhkan penyakit. Majlis Perbandaran Selayang mendapat peruntukan RM100,000 pada tahun 2009 untuk kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan persekitaran kolam tersebut. Bagaimanapun, sehingga tahun 2010, peruntukan tersebut tidak dibelanjakan. Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati keadaan persekitaran kolam tersebut berselerak dan tidak disenggarakan. Keadaan kolam dan persekitarannya adalah seperti **Gambar 2.30** dan **Gambar 2.31**. Selepas teguran Audit, kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan persekitaran Kolam Air Panas Selayang telah siap pada bulan Januari 2011 seperti di **Gambar 2.32** dan **Gambar 2.33**.

Gambar 2.30
Keadaan Persekitaran Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolam Air Panas Selayang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.31
Keadaan Persekitaran Yang Tidak Disenggarakan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolam Air Panas Selayang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.32
Persekutuan Bersih Selepas
Kerja Menaik Taraf Dilaksanakan



Sumber: Majlis Perbandaran Selayang
Lokasi: Kolam Air Panas Selayang
Tarikh: 10 Januari 2011

Gambar 2.33
Keadaan Persekutuan Memuaskan
Selepas Kerja Menaik Taraf Dilaksanakan




Sumber: Majlis Perbandaran Selayang
Lokasi: Kolam Air Panas Selayang
Tarikh: 10 Januari 2011

c. Rumah Pam GAP Di Bukit Fraser

Rumah Pam GAP adalah rumah yang menempatkan pam air untuk menyedut air ke tangki takungan yang disediakan. Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati, Rumah Pam GAP tidak digunakan lagi kerana telah rosak dan usang. Tourism Selangor mencadangkan untuk dijadikan sebagai tandas awam bagi kemudahan pengunjung kawasan Bukit Fraser dengan mengekalkan ciri-ciri sejarah Rumah Pam GAP. Majlis Daerah Hulu Selangor sebagai agensi pelaksana yang dilantik tidak melaksanakan projek tersebut walaupun pada tahun 2009 menerima peruntukan RM100,000. **Gambar 2.34** dan **Gambar 2.35** menunjukkan keadaan Rumah Pam GAP yang akan dijadikan tandas awam semasa lawatan Audit iaitu pada bulan November 2010. Pihak Seksyen PBT, UPEN telah memaklumkan kerja membaiki dan menukar Rumah Pam GAP di Bukit Fraser kepada tandas awam telah siap pada bulan Februari 2011 seperti di **Gambar 2.36** dan **Gambar 2.37**.

Gambar 2.34
Rumah Pam Dilitupi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam GAP, Bukit Fraser
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.35
Rumah Pam Yang Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam GAP, Bukit Fraser
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.36
Pandangan Sisi Tandas Awam
Selepas Pembaikan



Sumber: Majlis Daerah Hulu Selangor
Lokasi: Tandas Awam Bukit Fraser
Tarikh: 16 Februari 2011

Gambar 2.37
Pandangan Hadapan Tandas Awam
Selepas Pembaikan



Sumber: Majlis Daerah Hulu Selangor
Lokasi: Tandas Awam Bukit Fraser
Tarikh: 16 Februari 2011

d. Taman Warisan Negeri

Taman Warisan Negeri merupakan kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah diwartakan untuk memelihara keaslian kawasan hutan serta mengekalkan segala khazanah perhutanan (flora dan fauna) dan terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Terdapat 10 Taman Warisan Negeri di Negeri Selangor berkeluasan 107,000 hektar di Daerah Hulu Selangor, Hulu Langat dan Gombak. Semakan Audit mendapati, peruntukan berjumlah RM200,000 telah diberikan kepada JPNS untuk membaik pulih dan menyenggarakan Taman Warisan Negeri pada tahun 2008. Bagaimanapun, peruntukan tersebut telah dipulangkan oleh JPNS kerana kesuntukan masa untuk pembelanjakannya.

2.4.5.2. Peruntukan Pelancongan Digunakan Untuk Aktiviti Lain

Peruntukan berjumlah RM70,000 yang telah diluluskan untuk mempromosi dan menaik taraf produk pelancongan tidak dibelanjakan sehingga tarikh penutupan akaun tahun 2010. Bagaimanapun, Perbadanan Negeri Selangor telah menggunakan peruntukan tersebut untuk membayai penubuhan Tabung Warisan Anak-anak Selangor (TAWAS).

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan pembangunan pelancongan tidak memuaskan kerana terdapat peruntukan yang tidak dibelanjakan atau dibelanjakan untuk tujuan lain. Bagi menjamin industri pelancongan terus berkembang dengan pesat, amalan seperti ini harus dielakkan agar matlamat pembangunan pelancongan yang telah dirancang tidak terjejas.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan pengurusan pembangunan pelancongan Negeri Selangor, adalah disyorkan supaya Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Tourism Selangor mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.5.1. Mengadakan promosi yang lebih agresif bagi menarik pelancong dari lebih banyak negara di Benua Afrika, Benua Amerika serta kepulauan Pasifik.
- 2.5.2. Menyenggarakan produk pelancongan seperti kemudahan di taman rekreasi, rumah rehat/rumah peranginan dengan baik untuk menggalak dan memastikan keselesaan pengunjung.
- 2.5.3. Menyegerakan operasi Pusat Perkhidmatan Pelancong iaitu berbincang dengan pihak yang terlibat untuk mendapatkan risalah dan sumber maklumat yang berkaitan.
- 2.5.4. Mengambil tindakan segera menyediakan dokumen perjanjian dengan pihak Malaysia Airport Berhad bagi merealisasikan aktiviti penjualan cenderahati yang terdiri daripada produk Negeri Selangor di *Selangor Information Centre*, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan *Low Cost Carrier Terminal (LCCT)*.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DESA DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN KAMPUNG

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Negeri Selangor mempunyai 9 daerah iaitu Daerah Petaling, Kuala Langat, Hulu Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sepang, Gombak, Sabak Bernam dan Klang. Setiap daerah mempunyai beberapa mukim, masing-masing diselia oleh seorang Penghulu dan setiap mukim mempunyai beberapa kampung yang diketuai oleh seorang Ketua Kampung. Kampung di Negeri Selangor dikategorikan kepada 2 jenis yang utama berdasarkan etnik penduduk. Kampung Tradisi adalah kampung yang didiami oleh majoriti orang Melayu manakala Kampung Baru adalah nama umum bagi kampung yang didiami oleh majoriti penduduk berbangsa Cina. Selain itu, terdapat Komuniti India yang didiami oleh majoriti orang India. Sehingga tahun 2010, Negeri Selangor mempunyai 52 mukim, 446 kampung yang terdiri daripada 368 Kampung Tradisi dan 78 Kampung Baru.

3.1.2. Di peringkat kampung, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) ditubuhkan bertujuan memastikan kelancaran pembangunan Negeri Selangor seperti pembasmian kemiskinan, pemodenan desa dan kemajuan pembangunan luar bandar tercapai. JKKK diketuai oleh seorang Pengurus JKKK (Ketua Kampung) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Manakala 14 ahli jawatankuasa pula dilantik melalui tauliah Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah.

3.1.3. Antara dasar Kerajaan Negeri terhadap pembangunan kampung adalah menambah baik tadbir urus dan menangani ketidaksamaan sosio ekonomi yang berterusan. Dasar ini dilaksanakan melalui strategi seperti berikut:

- 3.1.3.1. Memantapkan JKKK bagi memahami dasar Kerajaan Negeri Selangor dan menambah baik tadbir urus bagi melicinkan perjalanan sesuatu program.
- 3.1.3.2. Menjadikan Ketua Kampung, Setiausaha JKKK, Ahli JKKK dan Ketua Komuniti Kaum India yang efisin, bertanggungjawab serta bijak dalam melaksanakan sesuatu program.
- 3.1.3.3. Menaik taraf prasarana infrastruktur luar bandar.

3.1.4. Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang diletakkan di bawah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan serta Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar Kerajaan Negeri terhadap pembangunan Kampung Tradisi yang melibatkan penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung. Manakala pembangunan Kampung Baru pula adalah di

bawah tanggungjawab Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN serta Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru Dan Penyelesaian Kilang Haram.

3.1.5. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM26.36 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Kampung dan sehingga bulan Disember 2010, sejumlah RM24.69 juta (93.7%) telah dibelanjakan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Pembangunan Kampung
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Aktiviti	Tahun								
		2008			2009			2010		
		a	b	%	a	b	%	a	b	%
1.	Kemudahan Asas Desa	5.95	5.62	94.5	2.00	1.95	97.5	0.38	0.16	42.1
2.	Aktiviti Pembangunan Kampung	0.89	0.26	29.2	0.60	0.60	100.0	4.78	4.75	99.4
3.	Kampung Baru	0.39	0.24	61.5	5.48	5.41	98.7	4.62	4.46	96.5
4.	Penyenggaraan Jalan Kampung	0.27	0.27	100.0	1.00	0.97	97.0	-	-	-
Jumlah		7.50	6.39	85.2	9.08	8.93	98.3	9.78	9.37	95.8
Jumlah Peruntukan 2008, 2009 Dan 2010								26.36		
Jumlah Perbelanjaan 2008, 2009 Dan 2010								24.69		
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan (%)								93.7		

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 Hingga 2010*

Nota:

- a - Peruntukan (RM Juta)
- b - Perbelanjaan (RM Juta)

3.1.6. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) memberi pengiktirafan Anugerah Desa Cemerlang (ADC) kepada kampung yang berjaya menonjolkan aspek pembangunan manusia seperti kesedaran terhadap kesihatan, kebersihan dan persekitaran hidup yang positif. ADC dianjurkan setiap 2 tahun sekali bermula pada tahun 1986. Sehingga tahun 2010, 4 kampung dari Negeri Selangor telah memenangi anugerah tersebut di peringkat kebangsaan pada tahun 1987, 1993, 2001 dan 2005.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya.

3.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pelaksanaan penyediaan, naik taraf dan pengurusan kemudahan asas desa serta aktiviti pembangunan kampung bagi tahun 2008 hingga 2010. Sebanyak 40 kampung di 4 daerah iaitu Daerah Kuala Langat, Hulu Selangor, Sepang dan Sabak Bernam (10 kampung dari setiap daerah) telah dipilih untuk diaudit. Pemeriksaan Audit dilakukan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di pejabat UPEN Selangor dan

Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) berkaitan. Maklumat turut diperolehi daripada agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Selangor (KEMAS) dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai Pejabat UPEN, PDT dan agensi Kerajaan berkaitan serta Ketua Kampung/Pengerusi JKKK terlibat diadakan untuk mendapatkan maklumat serta penjelasan. Selain itu, analisis juga dibuat berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada 40 JKKK yang terlibat.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung telah dilaksanakan dengan baik kerana purata prestasi penyediaan kemudahan asas desa secara keseluruhan adalah 94.1% dan purata peratus tuntutan/penggunaan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor untuk melaksanakan aktiviti pembangunan kampung yang tinggi iaitu 87.3%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu tindakan penambahbaikan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kemudahan pengurusan desa seperti balai raya tidak diguna menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya, dewan dan balai raya tidak disenggara serta JKKK tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

3.4.1. Prestasi Penyediaan Kemudahan Asas Desa

3.4.1.1. Penyediaan kemudahan asas desa yang sempurna dan lengkap menjadi satu keperluan asas di dalam sesebuah kampung atau kawasan penempatan bagi kegunaan masyarakat untuk menjalankan kegiatan dan fungsi sosial khususnya dalam membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, harmoni, maju, dinamik dan progresif. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri tidak menetapkan norma kemudahan asas desa yang perlu ada di dalam sesebuah kampung. Sehubungan dengan itu, berdasarkan skop program ameniti sosial yang dilaksanakan oleh KKLW, pihak Audit dengan persetujuan UPEN telah menetapkan 11 jenis kemudahan asas desa utama yang perlu ada dalam sesebuah kampung sebagai pengukur prestasi penyediaan kemudahan ini. Kemudahan asas desa seperti elektrik, air dan talian telefon disediakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan. Kemudahan dewan, balai raya/bilik gerakan, kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB), jalan kampung, kemudahan rekreasi dan riadah serta perparitan disediakan oleh agensi Kerajaan Negeri. Manakala kemudahan asas seperti taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) dan sekolah disediakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan. Kemudahan asas desa ini dikelompokkan sebagai kemudahan utiliti, kemudahan pengurusan desa/pendidikan/keagamaan, kemudahan rekreasi/riadah dan kemudahan prasarana.

3.4.1.2. Lawatan, temu bual/soal selidik telah dibuat oleh pihak Audit untuk mengukur prestasi penyediaan 11 jenis kemudahan asas oleh agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di 40 kampung dan hasil pengauditan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Prestasi Penyediaan Kemudahan Asas Desa

Bil.	Daerah	Kampung Dilawati	Jenis Kemudahan											
			Utiliti			Pengurusan Desa, Pendidikan Dan Keagamaan				Rekreasi /Riadah		Prasarana		
			a	b	c	d	e*	f	g	h	i	j	k	
1.	Kuala Langat	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10
2.	Hulu Selangor	10	10	10	10	10	8	10	8	7	7	10	10	10
3.	Sepang	10	10	10	10	10	9	8	10	10	9	10	10	10
4.	Sabak Bernam	10	10	10	10	10	10	4	7	8	6	10	10	10
Jumlah		40	40/40	40/40	40/40	40/40	37/37	32/40	35/40	35/40	32/40	40/40	40/40	
Peratus (%)			100	100	100	100	100	80	87.5	87.5	80	100	100	
Prestasi Purata (%)			94.1											

Sumber: Jabatan Audit Negara

* Kemudahan Masjid/Surau Berdasarkan Kepada 37 Kampung Tradisi Dalam Sampel Audit

Nota:

a - Bekalan Elektrik

g - TABIKA

b - Bekalan Air

h - Rekreasi/Riadah

c - Talian Telefon

i - Kedai Pembangunan Luar Bandar

d - Dewan/Balai Raya/Bilik Gerakan JKKK

j - Jalan Kampung

e - Masjid/Surau

k - Jambatan/Perparitan/Saliran/Jeti

f - Sekolah

Pada pendapat Audit, prestasi penyediaan kemudahan asas desa di 40 kampung yang diaudit adalah sangat baik kerana purata prestasi penyediaan kemudahan asas desa secara keseluruhan adalah 94.1%. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menambah baik tadbir urus dan strategi Kerajaan Negeri menaik taraf prasarana infrastruktur luar bandar.

3.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi penyediaan bagi setiap jenis kemudahan asas desa adalah antara 80% hingga 100%. Keterangan lanjut mengenai kemudahan asas desa ini adalah seperti berikut:

a. Kemudahan Utiliti

Kerajaan Negeri dan Persekutuan menyediakan kemudahan utiliti awam seperti bekalan elektrik, air dan talian telefon kepada penduduk luar bandar untuk memastikan masyarakat luar bandar hidup dengan selesa. Lawatan Audit ke kampung terlibat mendapati, kesemua 40 kampung (100%) mendapat kemudahan bekalan elektrik, air dan talian telefon. Kemudahan ini disedia dan disenggara dengan memuaskan oleh syarikat pembekal seperti Tenaga Nasional, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Telekom Malaysia.

b. Kemudahan Pengurusan Desa

- i. Kemudahan pengurusan desa seperti dewan dan balai raya/bilik gerakan JKKK disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk keperluan JKKK beroperasi dengan berkesan dan digunakan oleh penduduk kampung untuk aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, perjumpaan, rekreasi dan mesyuarat. Kemudahan pengurusan desa perlu diurus dan disenggarakan dengan baik supaya dapat digunakan secara optimum apabila diperlukan. Kemudahan pengurusan desa diserahkan kepada JKKK apabila siap dibina dan sedia untuk digunakan. Skop pengurusan dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh JKKK meliputi jadual penggunaan, sewaan, pembayaran bil elektrik dan air serta penyenggaraan kecil. Manakala kerja penyenggaraan dan pembaikan yang besar dilaksanakan oleh PDT berkenaan. Semakan Audit mendapati setelah Kerajaan Negeri menyerahkan kemudahan pengurusan desa kepada JKKK, tiada sebarang garis panduan/tatacara mengenai pengurusan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mahupun PDT untuk memastikan kemudahan tersebut diurus dan disenggarakan dengan baik.
- ii. Lawatan Audit ke 40 kampung terlibat mendapati, kesemua kampung (100%) mempunyai sekurang-kurangnya sebuah dewan/balai raya/bilik gerakan JKKK. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dari aspek penggunaan dan penyenggaraan seperti berikut:
 - **Balai Raya Tidak Digunakan**

Balai raya di 3 kampung di Daerah Sabak Bernam tidak digunakan sejak tahun 2008. Antara sebab kemudahan ini tidak digunakan adalah balai raya dibina di atas tanah individu dan tuan tanah enggan memberi kebenaran kepada JKKK menggunakan premis tersebut. Justeru, mesyuarat dan perjumpaan JKKK terpaksa dibuat di surau kampung berkaitan. Semakan lanjut dengan PDT Sabak Bernam mendapati 55 (43.3%) daripada 127 bangunan balai raya/bilik gerakan JKKK telah dibina di atas tanah individu. **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** menunjukkan balai raya yang tidak digunakan.

Gambar 3.1

Balai Raya Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Parit 9 Baruh, Sabak Bernam

Tarikh: 15 Disember 2010

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Merbau Jaya Am 3, Sabak Bernam

Tarikh: 9 Februari 2011

• **Dewan Dan Balai Raya Tidak Disenggarakan**

Kebersihan dan pengindahan bangunan dewan dan balai raya adalah penting untuk kehidupan penduduk yang sihat dan selesa selain memberi imej yang baik kepada kampung dan JKKK yang dilantik. Lawatan Audit mendapati sebuah dewan di Daerah Sepang mengalami kerosakan serius di mana struktur tingkap, pintu, bumbung serta lantai pecah dan tercabut. Kerosakan tersebut menyebabkan dewan tidak boleh digunakan. Selain itu, 2 buah balai raya masing-masing di Daerah Sepang dan Hulu Selangor kelihatan tidak terjaga kerana tidak dibersihkan serta tidak disenggarakan oleh JKKK kampung berkenaan. Antara sebab kemudahan tersebut tidak disenggarakan adalah kerana JKKK tidak menerima sumber kewangan daripada mana-mana pihak untuk tujuan penyenggaraan. Penyenggaraan dan pembaikan kecil yang tidak dibuat boleh menyebabkan kerosakan bertambah serius dan masyarakat tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan. Bagaimanapun, mengikut maklum balas UPEN kerja pembaikan dewan Kampung Giching sedang dilaksanakan. **Gambar 3.3 hingga Gambar 3.6** adalah berkaitan.

Gambar 3.3
Bahagian Luar Dewan Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Giching, Sepang
Tarikh: 13 Disember 2010

Gambar 3.4
Bahagian Dalam Dewan Rosak Dan Memerlukan Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Giching, Sepang
Tarikh: 13 Disember 2010

Gambar 3.5
Tandas Balai Raya Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Balai Raya Kampung Giching, Sepang
Tarikh: 13 Disember 2010

Gambar 3.6
Persekutuan Balai Raya Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Balai Raya Kampung Pasir Puteh Kalumpang, Hulu Selangor
Tarikh: 1 November 2010

c. Kemudahan Pendidikan

- Kemudahan pendidikan di luar bandar disediakan oleh Kerajaan Persekutuan antaranya adalah taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dan pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah. Semakan Audit mendapati daripada 40 kampung yang dilawati, 35 kampung (87.5%) mempunyai TABIKA manakala 32 kampung (80%) mempunyai kemudahan sekolah. Lima kampung di Daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam serta 8 kampung di Daerah Sepang dan Sabak Bernam masing-masing tidak mempunyai TABIKA dan sekolah. Kekurangan ini disebabkan faktor kepadatan penduduk yang rendah dan penduduk kampung

berkenaan menghantar anak-anak mereka ke TABIKA dan sekolah di kampung yang berhampiran dengan mereka.

- ii. Mengikut maklum balas UPEN, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai hub ilmuhan dan pendidikan. Selain daripada kemudahan pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga menyediakan kemudahan sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama. Fungsi surau turut diperluaskan sebagai hub pendidikan kerana mempunyai perpustakaan mini. Dari aspek kewangan, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan berjumlah RM16 juta bagi bantuan kepada sekolah di seluruh negeri.

d. Kemudahan Keagamaan

Masjid dan surau berperanan penting sebagai pusat keagamaan bagi Kampung Tradisi. Kemudahan masjid luar bandar disediakan dan diselia oleh JAIS untuk kegunaan solat jumaat dan aktiviti keagamaan. Pengurusan masjid dan surau dilaksanakan oleh jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan oleh penduduk setempat. Lawatan ke 37 Kampung Tradisi (100%) mendapati masjid telah disediakan mengikut zon yang strategik di mana beberapa kampung berkongsi penggunaan sesebuah masjid dan terdapat sekurang-kurangnya sebuah surau dalam setiap Kampung Tradisi.

e. Kemudahan Rekreasi/Riadah

- i. Kemudahan rekreasi/riadah seperti gelanggang futsal, gelanggang badminton, taman rekreasi dan taman permainan kanak-kanak boleh memenuhi keperluan rekreasi penduduk dan sebagai sokongan terhadap pengukuhan kesihatan individu. Semakan Audit mendapati 35 (87.5%) daripada 40 kampung disediakan dengan kemudahan rekreasi/riadah kecuali 2 kampung di Daerah Sabak Bernam dan 3 kampung di Daerah Hulu Selangor yang tidak mempunyai sebarang kemudahan riadah dan rekreasi. Ini telah mengakibatkan sebahagian masyarakat kampung tidak dapat menganjurkan aktiviti riadah dengan sepenuhnya. **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8** menunjukkan contoh kemudahan rekreasi/riadah yang disediakan di 2 kampung di Daerah Kuala Langat dan Sabak Bernam.
- ii. Ketua Kampung memaklumkan kemudahan sukan seperti gelanggang dan padang tidak disediakan antaranya disebabkan tiada tapak yang sesuai dan permohonan belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Mengikut maklum balas UPEN, Kerajaan Negeri bersama PDT akan mengenal pasti kemudahan rekreasi/riadah di kampung bagi memastikan penduduk kampung mendapat kemudahan sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk di kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan.

Gambar 3.7
Kemudahan Gelanggang Futsal Yang Disediakan Oleh Kerajaan Negeri Selangor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Seri Jugra, Kuala Langat
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 3.8
Kemudahan Gelanggang Futsal Yang Disediakan Oleh Kerajaan Persekutuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tali Air 7, Sungai Leman, Sabak Bernam
Tarikh: 15 Disember 2010

f. Kemudahan Prasarana

- i. Prasarana penting yang perlu ada di dalam sesebuah kampung adalah antaranya jalan kampung, kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB), jambatan dan jeti bagi kampung pesisir pantai. Lawatan Audit ke 40 kampung terlibat mendapati jalan kampung telah disedia dan disenggarakan oleh Kerajaan Negeri dengan memuaskan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan kedai PLB untuk aktiviti pembangunan ekonomi kampung. Kedai PLB disewakan kepada penduduk kampung pada kadar yang rendah iaitu antara RM30 hingga RM50 sebulan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada soal selidik terhadap 40 JKKK kampung terlibat, sebanyak 32 kampung (80%) disediakan kedai PLB. Baki 8 kampung (20%) iaitu 3 kampung di Daerah Hulu Selangor, satu kampung di Daerah Sepang dan 4 kampung di Daerah Sabak Bernam tidak mempunyai kedai PLB. Kekurangan ini disebabkan antaranya tiada tapak yang sesuai untuk pembinaan kedai PLB dan tiada permintaan dari penduduk setempat. Tambahan pula terdapat lain-lain kedai di pekan berhampiran. Lawatan Audit mendapati pada keseluruhannya, kemudahan kedai PLB yang disediakan telah digunakan oleh penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti perniagaan. **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10** adalah berkaitan.

Gambar 3.9

Kedai Pembangunan Luar Bandar



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Endah, Kuala Langat

Tarikh: 15 Disember 2010

Gambar 3.10



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Ampang Pechah, Hulu Selangor

Tarikh: 8 Disember 2010

- ii. Semakan Audit selanjutnya di Kampung Baru juga mendapati Kerajaan Negeri antaranya telah menyedia, membaik pulih dan menaik taraf kemudahan asas seperti menggantikan *catwalk* kayu yang usang dengan binaan konkrit, menggantikan jambatan kayu kepada jambatan konkrit, membaik pulih balai raya, menaik taraf jalan dan membina pintu gerbang kampung. **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12** adalah berkaitan.

Gambar 3.11

Pembinaan Jambatan Konkrit Menggantikan Binaan Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Bagan Sungai Burung, Sabak Bernam

Tarikh: 23 Disember 2010

Gambar 3.12

Pembinaan 300 Meter Catwalk Konkrit Menggantikan Binaan Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Bagan Sungai Pulai, Sabak Bernam

Tarikh: 23 Disember 2010

3.4.2. Aktiviti Pembangunan Kampung

Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menambah baik tadbir urus kampung, Kerajaan Negeri melalui Seksyen Sektoral, UPEN telah menyediakan peruntukan untuk membiayai pelaksanaan aktiviti pembangunan kampung. Aktiviti pembangunan kampung ini

dilaksanakan oleh JKKK melalui 8 biro yang ditubuhkan. Sehubungan itu, prestasi JKKK dan aktiviti pembangunan kampung diukur antaranya melalui penubuhan biro, penganjuran aktiviti pembangunan kampung dan kekerapan JKKK bermesyuarat. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

3.4.2.1. Prestasi Penubuhan Biro Di Bawah JKKK

- a. Biro ditubuhkan bertujuan bagi melancarkan fungsi JKKK dengan melaksanakan bidang tugas yang ditetapkan. Berdasarkan Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor, 8 biro perlu diwujudkan iaitu Biro Pembangunan, Biro Agama Dan Pembangunan Insan, Biro Keselamatan, Biro Pendidikan Dan Teknologi Maklumat, Biro Kesihatan, Kebersihan Dan Gotong-Royong, Biro Ekonomi, Biro Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Kesenian serta Biro Hal Ehwal Wanita.
- b. Analisis terhadap maklum balas daripada soal selidik yang dijalankan di 40 kampung mendapati purata prestasi penubuhan biro di bawah JKKK adalah sangat baik iaitu 91.9% manakala peratus penubuhan bagi setiap biro pula adalah antara 87.5% hingga 97.5%. Peratus penubuhan Biro Pendidikan Dan Teknologi Maklumat serta Biro Kesihatan, Kebersihan Dan Gotong-Royong adalah terendah iaitu 87.5%. Ketua Kampung yang berkaitan memaklumkan antara sebab Biro Pendidikan Dan Teknologi Maklumat tidak ditubuhkan adalah kerana banyak program pendidikan selain daripada waktu persekolahan diambil alih oleh pihak sekolah seperti kelas tambahan dan lawatan sambil belajar. Manakala Biro Kesihatan, Kebersihan Dan Gotong-Royong tidak ditubuhkan kerana penganjuran gotong-royong kerap melibatkan Biro Agama Dan Pembangunan Insan serta ahli kariah masjid atau surau.

Jadual 3.3 adalah berkaitan.

**Jadual 3.3
Penubuhan Biro Di Bawah JKKK**

Bil.	Daerah	Kampung Dilawati	Jenis Biro JKKK Yang Ditubuhkan							
			a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Kuala Langat	10	10	10	10	9	10	8	10	10
2.	Hulu Selangor	10	9	8	10	8	9	8	9	8
3.	Sepang	10	9	9	10	9	10	10	10	9
4.	Sabak Bernam	10	9	10	8	9	6	10	10	10
Jumlah		40	37	37	38	35	35	36	39	37
Peratus (%)		-	92.5	92.5	95	87.5	87.5	90	97.5	92.5
Purata Peratus (%)		-	91.9							

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- | | |
|--|--|
| a - Biro Pembangunan | e - Biro Kesihatan, Kebersihan Dan Gotong-Royong |
| b - Biro Agama Dan Pembangunan Insan | f - Biro Ekonomi |
| c - Biro Keselamatan | g - Biro Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Kesenian |
| d - Biro Pendidikan Dan Teknologi Maklumat | h - Biro Hal Ehwal Wanita |

3.4.2.2. Prestasi Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Kampung

- a. Pada bulan November 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor di mana setiap Ketua

Kampung/Pengerusi JKKK diberi sejumlah RM10,000 setahun untuk melaksanakan aktiviti di kampung masing-masing bermula tahun 2010. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2010 sebagai garis panduan penggunaan peruntukan ini. Pekeliling ini secara umum menetapkan peruntukan diberi untuk menampung perbelanjaan pengurusan aktiviti dan program mesra rakyat tetapi tidak menetapkan norma dari aspek jenis dan kekerapan aktiviti yang perlu dilaksanakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat merumuskan tahap pencapaian dasar dan hasrat Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan aktiviti pembangunan kampung. Bagaimanapun, pihak Audit telah berpandukan prestasi tuntutan penggunaan peruntukan sebagai indikator untuk mengukur prestasi pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Kampung oleh JKKK.

- b. Semakan Audit mendapati purata peratus tuntutan/penggunaan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor bagi 40 kampung yang diaudit adalah tinggi iaitu 87.3%. Bagaimanapun, terdapat 2 kampung di Daerah Hulu Selangor membuat tuntutan kurang daripada RM5,000. Ketua Kampung/Pengerusi JKKK berkenaan memaklumkan tuntutan tidak dibuat kerana aktiviti yang dirancang tidak dilaksanakan akibat daripada sambutan penduduk kampung yang tidak menggalakkan. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Tuntutan/Penggunaan Peruntukan
Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor Bagi Tahun 2010

Bil.	Daerah	Kampung Dilawati	Peruntukan (RM)	Penggunaan Peruntukan		Kampung Tuntutan Kurang RM5,000
				RM	%	
1.	Kuala Langat	10	100,000	96,963	96.9	0
2.	Hulu Selangor	10	100,000	64,884	64.9	2
3.	Sepang	10	100,000	87,830	87.8	0
4.	Sabak Bernam	10	100,000	99,467	99.5	0
Jumlah		40	400,000	349,144	87.3	2

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati 4 jenis aktiviti yang paling kerap dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan ini adalah aktiviti keagamaan (177 kali), aktiviti kesihatan/kebersihan (113 kali), aktiviti pembangunan/kemasyarakatan (82 kali) serta aktiviti belia dan sukan (57 kali). Aktiviti keagamaan mendapat tumpuan masyarakat Kampung Tradisi kerana banyak aktiviti melibatkan jemaah surau atau masjid. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah sambutan Aidilfitri, Aidiladha dan ceramah agama. Aktiviti kesihatan/kebersihan pula melibatkan penganjuran gotong-royong membersihkan kampung. JKKK turut menganjurkan aktiviti pembangunan/kemasyarakatan seperti kempen pendaftaran pengundi baru, perjumpaan dan sesi dialog bersama agensi Kerajaan Negeri. Manakala aktiviti belia dan sukan adalah penganjuran pertandingan sukan dan perlawanan persahabatan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Bilangan Aktiviti Yang Dianjurkan Mengikut Kategori Aktiviti

Bil.	Daerah	Kampung Dilawati	Kategori Aktiviti							
			a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Kuala Langat	10	24	53	36	7	0	4	21	4
2.	Hulu Selangor	10	9	22	13	5	0	2	3	1
3.	Sepang	10	24	50	51	20	1	0	20	5
4.	Sabak Bernam	10	25	52	13	4	1	4	13	8
Jumlah		40	82	177	113	36	2	10	57	18

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

Nota:

- a - Pembangunan
- b - Keagamaan
- c - Kesihatan / Kebersihan
- d - Pendidikan

- e - Keselamatan
- f - Ekonomi
- g - Belia Dan Sukan
- h - Hal Ehwal Wanita

3.4.2.3. Kursus SPIES

Kursus SPIES (*Spiritual, Physical, Intellectual, Emotional, Social*) dianjurkan sebagai kursus pembangunan modal insan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan untuk penjawat awam, pelajar dan JKKK. Antara rancangan dan strategi Kerajaan Negeri untuk menambah baik tadbir urus di peringkat kampung adalah memantapkan JKKK bagi memahami dasar Kerajaan Negeri Selangor. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan siri kursus SPIES untuk Ketua Kampung, Pengerusi JKKK, Setiausaha JKKK dan Ketua Komuniti India secara berperingkat sepanjang tahun 2009. Kursus ini telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2009 dan prestasi kehadiran bagi kursus tersebut adalah 4,968 (90%) daripada 5,520 orang yang disasarkan.

3.4.2.4. Prestasi Kekerapan Bermesyuarat JKKK

- a. Manual Panduan Kerja JKKK menghendaki JKKK mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dengan dipengerusikan oleh Ketua Kampung/Pengerusi JKKK untuk membincangkan hal umum berkaitan kampung antaranya program dan aktiviti pembangunan kampung, keselamatan kampung serta laporan daripada biro yang telah diwujudkan. Selain itu, mesyuarat ini perlu dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah atau wakilnya untuk membantu urusan perancangan dalam kampung berkenaan.
- b. Semakan Audit mendapati, JKKK di Daerah Sabak Bernam mempunyai prestasi mesyuarat yang terbaik pada tahun 2008 hingga 2010. Manakala bagi 3 daerah yang lain, walaupun terdapat peningkatan kekerapan mesyuarat, masih terdapat JKKK yang tidak bermesyuarat atau bermesyuarat antara satu hingga 3 kali sahaja dalam setahun. Kegagalan mengadakan mesyuarat setiap bulan merupakan ketidakpatuhan JKKK terhadap Manual Panduan Kerja JKKK dan tindakan tatatertib boleh diambil terhadap Pengerusi JKKK. Bagaimanapun, sehingga pengauditan dijalankan tiada sebarang tindakan tatatertib diambil terhadap Pengerusi JKKK yang gagal

mengadakan mesyuarat JKKK. Prestasi mesyuarat JKKK di 40 kampung yang diaudit bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Prestasi Mesyuarat JKKK Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Daerah	Bilangan Kampung	2008					2009					2010				
			a	b	c	d	e	a	b	c	d	e	a	b	c	d	e
1.	Kuala Langat	10	2	8	0	0	0	0	1	2	2	5	0	1	3	3	3
2.	Hulu Selangor	10	10	0	0	0	0	4	3	3	0	0	5	2	3	0	0
3.	Sepang	10	10	0	0	0	0	2	1	0	3	4	2	0	1	4	3
4.	Sabak Bernam	10	0	0	10	0	0	0	0	0	0	10	0	0	0	0	10
Jumlah		40	22	8	10	0	0	6	5	5	5	19	7	3	7	7	16
Peratus (%)		-	55	20	25	0	0	15	13	13	13	48	18	8	18	18	40

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

Nota: (Bilangan Kampung Yang)

a - Tidak Pernah Bermesyuarat

b - Bermesyuarat 1 Hingga 3 kali setahun

c - Bermesyuarat 4 Hingga 6 kali setahun

d - Bermesyuarat 7 Hingga 9 kali setahun

e - Bermesyuarat 10 Hingga 12 kali setahun

- c. JKKK tidak bermesyuarat disebabkan ahli jawatankuasa mempunyai komitmen lain dan sukar mendapatkan masa untuk perjumpaan. Selain itu, Ketua Kampung yang dilantik bekerja dan perlu melaksanakan kerja jawatan hakiki serta tiada pengalaman dalam pentadbiran kampung. Bagaimanapun pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah mewajibkan Ketua Kampung menghadiri Kursus Pemantapan Institusi JKKK bagi mengelakkan perkara ini berulang.
- d. Selain itu, kelemahan ini juga dapat dikaitkan dengan proses lantikan JKKK baru di seluruh Negeri Selangor oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 dan kekosongan jawatan Penghulu di 3 daerah tersebut. Semakan Audit terhadap kedudukan perjawatan Penghulu pada bulan Disember 2010 mendapati wujud 2 kekosongan jawatan Penghulu (NP27) dan satu jawatan Penghulu Kanan (NP32) di Daerah Kuala Langat dan Hulu Selangor. Manakala di Daerah Sepang, terdapat satu kekosongan jawatan Penghulu (NP27). Kelulusan, pengisian dan kekosongan perjawatan Penghulu pada 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kelulusan, Pengisian Dan Kekosongan Perjawatan Penghulu
Pada 31 Disember 2010

Bil.	Daerah	Perjawatan Diluluskan		Pengisian		Kekosongan	
		NP27	NP32	NP27	NP32	NP27	NP 32
1.	Kuala Langat	5	1	3	0	2	1
2.	Hulu Selangor	8	1	6	0	2	1
3.	Sepang	3	-	2	-	1	-
4.	Sabak Bernam	5	1	5	1	-	-
Jumlah		21	3	16	1	5	2

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

Pada pendapat Audit, aktiviti pembangunan kampung telah dilaksanakan dengan memuaskan berdasarkan purata peratus tuntutan/penggunaan Peruntukan Ketua Kampung Dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor yang tinggi iaitu 87.3% dan penganjuran pelbagai aktiviti. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mempunyai ketetapan yang lebih spesifik seperti menetapkan jenis dan kekerapan aktiviti supaya aktiviti yang dilaksanakan selaras dengan dasar dan hasrat Kerajaan Negeri. Selain itu, prestasi mesyuarat JKKK kurang memuaskan kerana terdapat 55%, 15% dan 18% JKKK gagal mengadakan mesyuarat masing-masing pada tahun 2008, 2009 dan 2010.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan penyediaan kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung, Kerajaan Negeri melalui UPEN adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 3.5.1. Menetapkan norma kemudahan asas desa yang perlu ada di dalam sesebuah kampung supaya ia dijadikan satu pengukur untuk memastikan penduduk setempat dapat hidup selesa dan menangani ketidaksamaan sosio ekonomi.
- 3.5.2. Menyediakan garis panduan pengurusan kemudahan bangunan meliputi penggunaan dan penyenggaraan kepada setiap JKKK, untuk memastikan kemudahan tersebut disenggarakan supaya dapat digunakan secara optimum.
- 3.5.3. Menetapkan jenis dan kekerapan aktiviti pembangunan kampung yang perlu dilaksanakan secara spesifik berasaskan peruntukan RM10,000 yang diterima supaya dasar dan hasrat Kerajaan Negeri tercapai.
- 3.5.4. Mengisi kekosongan jawatan Penghulu dengan segera untuk memastikan JKKK bermesyuarat setiap bulan supaya objektif JKKK ditubuhkan dapat dicapai.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bertanggungjawab antaranya memberikan perkhidmatan dan pengurusan bangunan serta mengendalikan pengurusan kewangan secara cekap, cepat dan berhemah kepada semua bahagian Pejabat SUK dan Jabatan di Negeri Selangor mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Bagi tahun 2008 hingga 2010, peruntukan mengurus yang diperoleh oleh Pejabat SUK untuk diagihkan kepada 12 bahagian/seksyen di bawah seliaannya adalah berjumlah RM225.96 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM122.90 juta (54.4%) telah diperuntukkan untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan (kod Objek Sebagai 24000 hingga 29000) di mana RM119.80 juta (97.5%) telah dibelanjakan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan Pejabat SUK telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat.

4.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Khidmat Pengurusan di bawah Pejabat SUK yang menerima peruntukan yang tertinggi bagi tujuan membuat perolehan penyenggaraan Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK dan penyenggaraan Rumah EXCO serta Rumah Kelab. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa dokumen dan rekod bagi tahun 2008 hingga bulan Jun 2010 di samping menemu bual pegawai yang berkenaan di bahagian Pejabat SUK terlibat. Semakan fizikal juga dijalankan ke atas sampel yang dipilih bagi mengesahkan ketepatan perolehan yang berkaitan. Bahagian lain yang diaudit tidak menunjukkan sebarang isu yang material.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 di Pejabat SUK Selangor mendapati pengurusan perolehan yang dijalankan adalah baik kerana peruntukan perolehan yang diterima sejumlah RM102.74 juta (85.8%) daripada RM119.80 juta telah dibelanjakan dengan teratur dan berhemat. Bagaimanapun, pengurusan perolehan Pejabat SUK boleh dipertingkatkan terutamanya dari aspek kecekapan dan ekonomi. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kontraktor tidak melaksanakan kerja/perkhidmatan mengikut arahan/peraturan yang ditetapkan, peningkatan belanja bagi kerja/perkhidmatan penyenggaraan Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK dan pindaan terhadap perjanjian kontrak belum ditandatangani. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

4.4.1. Kerja/Perkhidmatan Kontraktor

Sebuah syarikat kontraktor telah dilantik oleh Pejabat SUK secara tender terhad pada bulan April 2009 untuk mengurus dan menyenggara secara komprehensif Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK termasuk kerja pembersihan kawasan, mekanikal, elektrikal, sivil, kawalan makhluk perosak, landskap dan kawalan keselamatan. Nilai kontrak kerja/perkhidmatan untuk tempoh selama 2 tahun berjumlah RM7.16 juta. Kontraktor hendaklah mempamerkan prestasi kerja/perkhidmatan yang baik dan mematuhi arahan/peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Antara indikator penting yang ditekankan dalam perjanjian kontrak tersebut adalah menyiapkan tindakan pembetulan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan kerosakan diterima, menjadi *first line of maintenance* dan memastikan kerja yang dilaksanakan berkualiti. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

4.4.1.1. Rekod pada bulan November 2010 di Unit Pengurusan Bangunan yang terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Khidmat Pengurusan menunjukkan sebanyak 317 daripada 2,853 aduan kerosakan yang diambil tindakan telah melebihi tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima. Manakala terdapat satu kes di mana aduan kerosakan yang diterima pada bulan Jun 2010 masih belum diselesaikan. **Jadual 4.1** menunjukkan antara contoh kes aduan kerosakan di mana tempoh tindakan pembetulan adalah lama/masih belum diselesaikan.

Jadual 4.1
Aduan Kerosakan Dan Pembaikan Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK
Yang Lewat Diambil Tindakan/Belum Diambil Tindakan

Bil.	Perkara	Tarikh Aduan Diterima	Tarikh Tindakan Pembetulan	Tempoh Diambil Untuk Tindakan Pembetulan (Hari)
1.	Permaidani Bilik Tuanku Di Dewan Undangan Negeri Berkulat	19.11.2009	6.4.2010	138
2.	Penghawa Dingin Tidak Sejuk	24.11.2009	9.2.2010	77
3.	Siling Bocor	25.11.2009	20.1.2010	56
4.	Lampu Terbakar	25.11.2009	25.12.2009	30
5.	Kerosakan Janakuasa Tunggu No. 1 Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK	14.12.2009	24.3.2010	100
6.	Tempat Letak Tisu Tingkat 2 Bangunan Annex Hilang	4.5.2010	6.8.2010	94
7.	Unit Sistem Penghawa Dingin Aras LG Dan G Di Pejabat Tanah Dan Galian Tidak Berfungsi	5.5.2010	31.5.2010	26
8.	CCTV No 1,5,9,16 dan 30 Rosak Di Bangunan Annex Dan Dewan Undangan Negeri	12.5.2010	10.10.2010	151
9.	Projector Tingkat 1 Bangunan Annex Rosak	18.6.2010	-	Belum Diambil Tindakan

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

4.4.1.2. Kerja pembaikan dan pembetulan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah kurang berkualiti dan kemas. Terdapat siling rosak yang diganti tidak dipasang dengan kemas, tombol pintu yang diganti tidak dipasang dengan cermat, sampah sarap tidak dibuang di tempat sepatutnya dan tiada *first line of maintenance* semasa aduan kerosakan berlaku. **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.6** menunjukkan antara kerja pembaikan dan pembetulan oleh syarikat kontraktor yang kurang berkualiti dan tidak kemas. Temu bual dengan pegawai di Unit Pengurusan Bangunan mendapati pengguna

di Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan seperti lif, penyaman udara dan tandas dengan lebih selamat dan selesa akibat kelewatan tersebut. Selain itu, sekiranya tindakan pembetulan ini lewat disiapkan akan menyukarkan orang awam yang datang berurus di Pejabat SUK.


Gambar 4.1
Kerja Pembaikan Kontraktor Yang Kurang Berkualiti Dan Tidak Kemas




Gambar 4.3



Gambar 4.4



Gambar 4.5



Gambar 4.6



Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

Lokasi: Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK

Tarikh: 18 Januari 2011

4.4.1.3. Kerja penyenggaraan dan baik pulih Kompleks Bangunan Ibu Pejabat SUK pada tahun 2008 telah dijalankan secara tidak komprehensif di mana Kerajaan Negeri telah melantik 13 kontraktor dengan kos berjumlah RM2.42 juta setahun. Bagaimanapun pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melantik hanya satu kontraktor untuk menjalankan kerja secara komprehensif. Perbezaan skop kerja penyenggaraan yang dijalankan secara tidak komprehensif oleh 13 kontraktor dan komprehensif oleh sebuah syarikat kontraktor adalah seperti di **Jadual 4.2**. Menurut pegawai yang terlibat, lantikan secara tidak komprehensif bagi tahun 2008 ditukar kepada komprehensif bagi tahun 2009 bertujuan untuk memudahkan kawalan dan pemantauan secara berpusat dibuat di Unit Pengurusan Bangunan. Bagaimanapun, hasrat untuk mengurangkan beban kerja di Unit Pengurusan Bangunan tidak tercapai memandangkan masih banyak aduan kerosakan yang lewat dan belum diselesaikan.

Jadual 4.2
Perbezaan Skop Kerja Penyenggaraan Yang Dijalankan
Secara Tidak Komprehensif Dan Komprehensif

Bil.	Perkara	Skop Kerja	
		Tidak Komprehensif	Komprehensif
1.	Cara Lantikan	Pembelian Terus/Sebut Harga	Tender/Kontrak
2.	Skop Kerja	Bergantung Kepada Keperluan Semasa (Sekiranya Perlu)	Mengikut Perjanjian Kontrak
3.	Kos	Sederhana (RM2.42 Juta Setahun)	Tinggi (RM3.58 Juta Setahun)
4.	Penjimatan	Ya	Tidak
5.	Pengurusan Dan Pentadbiran	Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK	Kontraktor
6.	Bilangan Kontraktor	13 kontraktor	1 Kontraktor
7.	Bilangan Pegawai/Kakitangan (termasuk kakitangan pembersihan)	91 Orang	136 Orang
8.	Kaedah	Sendiri	Penswastaan

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

4.4.1.4. Analisis Audit menunjukkan kerja penyenggaraan secara tidak komprehensif lebih menguntungkan berbanding secara komprehensif kerana tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi, di mana Kerajaan Negeri terpaksa membelanjakan sejumlah RM1.16 juta lebih daripada tahun sebelumnya. Pejabat SUK juga tidak menggunakan sepenuhnya tenaga kerja dan kepakaran sedia ada iaitu seramai 26 orang pegawai yang bertugas di Unit Pengurusan Bangunan. Unit Pengurusan Bangunan menerangkan peningkatan harga kontrak berjumlah RM1.16 juta adalah kerana terdapat pertambahan bilangan kakitangan seramai 45 orang yang melibatkan penambahan kos sejumlah RM700,000. Selain itu, harga ini juga termasuk wang peruntukan sementara berjumlah RM800,000 bagi menjalankan kerja luar jangka.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan perolehan yang dibuat adalah ekonomi dan Kerajaan Negeri mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat, pihak

kontraktor perlu meningkatkan prestasi kerja/perkhidmatannya, kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menentukan kaedah perolehan yang ekonomi. Selain itu, pihak Pejabat SUK juga perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor. Sehubungan ini, pihak kontraktor yang dilantik boleh meningkatkan prestasi kerja/perkhidmatannya dengan pemantauan yang berterusan daripada pihak Pejabat SUK.

4.4.2. Pindaan Terhadap Perjanjian Kontrak Belum Ditandatangani

4.4.2.1. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara bertarikh 21 Januari 2003, dokumen perjanjian hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Jabatan/Agensi sebelum melaksanakan sesuatu program/pembangunan. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 99 menyatakan semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen sokongan termasuk perjanjian kontrak yang lengkap sebelum bayaran dibuat.

4.4.2.2. Pada bulan Mac 2007, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik sebuah syarikat kontraktor secara rundingan terus bagi menjalankan kontrak kerja secara komprehensif bagi menyenggara 10 buah rumah EXCO dan sebuah rumah kelab. Nilai kontrak yang dipersetujui adalah RM9.90 juta dan tempoh kontrak adalah 5 tahun yang mana akan berakhir pada bulan Mac 2012. Bagaimanapun, pada 12 Ogos 2009, Pejabat EXCO Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan telah mengarahkan Bahagian ini untuk meminda perjanjian daripada perkhidmatan secara komprehensif kepada tidak komprehensif bermula pada 1 September 2009 seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Maklumat Mengenai Pindaan Perjanjian Kontrak Tahun 2007
Bagi Kerja Menyenggara 10 Buah Rumah EXCO Dan Sebuah Rumah Kelab

Perkara	Perjanjian Tahun 2007		Pindaan Kepada	Perjanjian Tahun 2009
				Tidak Komprehensif
Jenis Kontrak	Komprehensif			
Tempoh (Tahun)	5			5
Kos (RM Juta)	9.90			7.11
Kos Bulanan (RM Juta)	0.16			0.08

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

4.4.2.3. Analisis Audit terhadap pindaan yang dibuat oleh Pejabat Menteri Besar mengenai perjanjian kontrak yang telah dimeterai pada tahun 2007 mendapati pindaan tersebut adalah baik. Pindaan tersebut dibuat pada bulan September 2009 ekoran harga kontrak yang tinggi dan tiada justifikasi yang jelas mengenai keperluan setiap perbelanjaan dalam kontrak perjanjian sebelum ini. Antara pindaan tersebut adalah kontrak secara komprehensif ditukar kepada tidak komprehensif dan nilai projek bagi tempoh 5 tahun sebanyak RM9.90 juta ditukar kepada RM7.11 juta iaitu penjimatan kos sejumlah RM2.79 juta. Perbezaan antara penyenggaraan yang dijalankan secara komprehensif dan tidak komprehensif adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Perbezaan Skop Kerja Penyenggaraan Yang Dijalankan
Secara Komprehensif Dan Tidak Komprehensif

Perkara	Komprehensif	Tidak Komprehensif
Skop Kerja	Mengikut Perjanjian Kontrak	Mengikut Perjanjian Kontrak Dan Bergantung Kepada Arahan Dan Keperluan Semasa Pejabat SUK (Sekiranya Perlu)
Kos (RM Juta)	Tinggi (RM9.90 juta)	Sederhana (RM7.11 juta)
Penjimatan	Tidak	Ya
Pengurusan Dan Pentadbiran	Kontraktor	Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat SUK

4.4.2.4. Semakan Audit setakat bulan Januari 2011, mendapati Kerajaan Negeri telah menyediakan perjanjian kontrak selepas pindaan. Bagaimanapun, dokumen tersebut masih belum ditandatangani oleh Kerajaan Negeri atas alasan tertentu yang tidak dapat dikemukakan. Unit Pengurusan Bangunan memaklumkan bahawa pindaan perjanjian tersebut telah dikemukakan kepada Pengurus Jawatankuasa Tetap EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan pada 17 Februari 2011 untuk ulasan lanjut dan masih belum mendapat sebarang maklum balas. Semakan Audit selanjutnya mendapati Pejabat Perbendaharaan telah membuat bayaran kepada kontraktor berdasarkan perjanjian kontrak yang dipinda sungguhpun dokumen tersebut belum ditandatangani.

Pada pendapat Audit, pindaan terhadap perjanjian kontrak pada tahun 2007 yang dibuat adalah baik kerana dapat memberikan penjimatan kos sebanyak RM2.79 juta. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri perlulah menyegerakan tandatangan perjanjian tersebut bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil oleh pihak kontraktor.

4.5. SYOR AUDIT

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor boleh mempertingkatkan pengurusan perolehan dengan mengadakan pemantauan yang lebih berkesan terhadap prestasi kerja/perkhidmatan kontraktor yang dilantik untuk memastikan kerja/perkhidmatan yang dilaksanakan mengikut arahan/peraturan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk memastikan penghuni kompleks dapat bekerja dalam keadaan yang selesa dan selamat. Selain itu, dokumen perjanjian kontrak perlu disediakan dan ditandatangani terlebih dahulu bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

5. PENGURUSAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN AM/LUAR JANGKA

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka di bawah Maksud Perbelanjaan B29 (mengurus) dan P29 (pembangunan) masing-masing diwujudkan pada tahun 2003 dan 2005 bertujuan membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan, tidak dirancang dan peruntukan tidak mencukupi serta mana-mana penggubalan dasar baru Kerajaan Negeri yang melibatkan implikasi kewangan. Sumber kewangan untuk menampung peruntukan ini adalah daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri mengikut Seksyen 13, Akta Acara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal peruntukan ini adalah Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

5.1.2. Pada awal tahun 2010, Pegawai Kewangan Negeri telah mengeluarkan satu garis panduan yang menetapkan prosedur pelaksanaan peruntukan ini secara ringkas. Jabatan/Agensi yang memerlukan peruntukan untuk membiayai perbelanjaan yang tidak dirancang atau keperluan mendesak pada sesuatu masa hendaklah membuat permohonan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Permohonan berkenaan akan disemak oleh Bahagian Belanjawan untuk mengkaji justifikasi yang dikemukakan sebelum membuat cadangan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.

5.1.3. Bagi tahun 2008 hingga 2010, peruntukan B29 dan P29 yang diluluskan masing-masing adalah berjumlah RM844.10 juta dan RM156.19 juta manakala jumlah yang dibelanjakan adalah RM805.52 juta dan RM141.63 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan B29 (Mengurus) Dan P29 (Pembangunan)
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Peruntukan B29			Peruntukan P29		
	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	(%)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	(%)
2008	66.15	65.18	98.5	71.00	66.28	93.4
2009	533.27	531.13	99.6	50.00	44.34	88.7
2010	244.68	209.21	85.5	35.19	31.01	88.1
Jumlah	844.10	805.52	95.4	156.19	141.63	90.7

Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 diurus dengan cekap selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa dan peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi perbelanjaan yang telah dibuat di bawah peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 pada tahun 2008 sehingga 2010. Pemeriksaan Audit dilakukan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Kuala Selangor dan PDT Hulu Selangor. Temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai di Jabatan/Agensi yang berkaitan untuk mendapat maklumat lanjut.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 adalah kurang memuaskan. Sungguhpun peruntukan yang dibelanjakan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dibelanjakan berdasarkan kelulusan yang diberikan serta prestasi perbelanjaan yang baik tetapi terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kecekapan pengurusan peruntukan dan perbelanjaan di bawah maksud tersebut. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Maksud Perbelanjaan kedua-dua peruntukan B29 dan P29 tidak jelas, kawalan perbelanjaan tidak memuaskan, bayaran yang kurang teratur, perancangan perbelanjaan yang kurang cekap serta garis panduan untuk sumbangan kepada institusi/badan bukan Kerajaan dan sekolah tidak disediakan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

5.4.1. Maksud Perbelanjaan Tidak Jelas

5.4.1.1. Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 11 Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) 21 menyatakan kebenaran menggunakan Kumpulan Wang Luar Jangka bagi keperluan tambahan yang segera. Perkara LXXXIX (2) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 juga menetapkan wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Undang-undang Persekutuan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah menujuhkan Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut dan Tabung Bencana Khas bagi menampung perbelanjaan luar jangka dan bencana.

5.4.1.2. Memandangkan 2 tabung yang berasingan telah ditubuhkan untuk membayai perbelanjaan luar jangka, pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas pewujudan peruntukan B29 dan P29 kerana dokumen yang berkaitan dengan justifikasi pewujudan peruntukan ini tidak dapat dikemukakan untuk pemeriksaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut yang berbaki RM8.10 juta tidak pernah digunakan sejak tahun 2003. Manakala Tabung Bencana Khas mempunyai perbelanjaan bagi tahun 2003 hingga 2010 seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Baki Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut
Dan Perbelanjaan Tabung Bencana Khas Bagi Tahun 2003 Hingga 2010

Tahun	Baki Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut Pada 31 Disember (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan Tabung Bencana Khas Pada 31 Disember (RM Juta)
2003	8.10	0.33
2004	8.10	0.68
2005	8.10	1.16
2006	8.10	0.56
2007	8.10	3.99
2008	8.10	1.78
2009	8.10	4.57
2010	8.10	0.76

Sumber: *Perbendaharaan Negeri Selangor*


5.4.1.3. Menurut Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Selangor, perwujudan peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 Perbendaharaan Negeri Selangor adalah teratur dan sah dari segi undang-undang dan peraturan kewangan. Selain itu, pihak Perbendaharaan Negeri Selangor juga memaklumkan mulai bajet tahun 2012, Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut akan digunakan bagi perbelanjaan luar jangka manakala peruntukan B29 dan P29 akan digunakan untuk tujuan tambahan peruntukan kepada kumpulan wang amanah ini apabila terdapat keperluan sahaja.

Pada pendapat Audit, peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka tidak perlu disediakan bagi memenuhi keperluan perbelanjaan yang tidak dijangka atau tidak dirancang kerana peruntukan kewangan yang sedia ada di bawah Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut dan Tabung Bencana Khas adalah memadai.

5.4.2. Kawalan Perbelanjaan Am/Luar Jangka P29 Tidak Memuaskan

5.4.2.1. Peruntukan P29 adalah bagi membiayai projek khusus yang tidak dapat dijangka dan dirancang lebih awal. Oleh itu, peruntukan yang telah diluluskan hendaklah digunakan sewajarnya supaya projek yang dimohon dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit terhadap 14 projek pembangunan yang dilaksanakan menggunakan peruntukan P29 mendapati prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan yang diluluskan bagi 11 projek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri Selangor adalah sangat baik iaitu antara 91.8% hingga 99%. Manakala bagi 3 projek lain, prestasi perbelanjaan adalah tidak memuaskan iaitu antara 20.7% hingga 40.2% seperti di **Carta 5.1**.

Carta 5.1
Prestasi Perbelanjaan 3 Projek Pembangunan Di Bawah Peruntukan P29
Yang Tidak Memuaskan



Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

5.4.2.2. Perkara ini berlaku kerana kelulusan Pegawai Kewangan Negeri tidak mengkhususkan peruntukan tersebut bagi membiayai projek pembangunan tertentu. Ini mengakibatkan bayaran projek ini tidak menggunakan peruntukan P29 sepenuhnya, sebaliknya menggunakan peruntukan yang lain seperti P04 (Projek Am), P12 (Peruntukan Pembangunan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor) dan Geran Penyenggaraan Jalan Raya (kod 60002). Selain itu, tiada kawalan diwujudkan sama ada di peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor atau Jabatan/Agensi bagi mengawal peruntukan yang telah diluluskan terhadap setiap butiran projek/aktiviti. Peruntukan yang telah diluluskan juga tidak disenarai dan dipantau status pelaksanaan dan perbelanjaannya dari semasa ke semasa. Butiran lanjut bagi 3 projek di atas adalah seperti berikut:

a. Projek Membaik Pulih Cerun Runtuh Di Desa Melor, Serendah

Pada bulan Julai 2009, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan sejumlah RM2.70 juta kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) bagi membiayai pelaksanaan Projek Membaik Pulih Cerun Runtuh Di Desa Melor, Serendah. Semakan Audit mendapat sejumlah RM1.96 juta telah dibelanjakan terdiri daripada RM564,113 (20.7%) dari peruntukan P29 dan RM1.40 juta dari peruntukan P12. Manakala baki peruntukan P29 iaitu RM2.14 juta telah digunakan bagi membiayai

bayaran kemajuan kerja dan bayaran muktamad bagi projek pembangunan di bawah P12 pada tahun 2009.

b. Projek Pengisian Zoo Reptilia Dan Akuarium Ikan Darat Di Taman Alam Kuala Selangor

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 27/2006 telah bersetuju dengan cadangan pembinaan dan pengisian ruang pameran ikan darat di dalam akuarium dengan kos projek berjumlah RM1.13 juta. Pada bulan November 2007, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan peruntukan RM1.13 juta kepada Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tujuan ini. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1.15 juta telah dibelanjakan bagi projek tersebut di mana sejumlah RM450,412 (39.8%) dibiayai daripada peruntukan P29 manakala baki bayaran projek berjumlah RM695,396 telah dibuat daripada peruntukan P04. Selain itu, bayaran projek berjumlah RM1.15 juta telah melebihi jumlah peruntukan asal yang diluluskan sejumlah RM15,809. Perbelanjaan tambahan ini tiada kelulusan tambahan peruntukan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.

c. Projek Memperindahkan Kawasan Dan Membina Medan Ikan Bakar Serta Dataran Esplanade Di Pantai Jeram, Kuala Selangor

Pada bulan Mac 2008, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1.99 juta kepada Majlis Daerah Kuala Selangor bagi melaksanakan Projek Memperindahkan Kawasan Dan Membina Medan Ikan Bakar Serta Dataran Esplanade di Pantai Jeram, Kuala Selangor. Surat Setuju Terima dikeluarkan pada bulan Disember 2007 dan projek dimulakan pada tarikh yang sama dan siap pada bulan Julai 2008. Semakan Audit mendapati bayaran berjumlah RM1.89 juta telah dibuat kepada kontraktor di mana hanya sejumlah RM803,338 (40.2%) dibiayai daripada peruntukan P29. Manakala baki bayaran berjumlah RM1.09 juta dikenakan kepada peruntukan kod 60002. Peruntukan di bawah kod 60002 telah disalahgunakan bagi tujuan memperindahkan kawasan dan membina Medan Ikan Bakar serta Dataran Esplanade. Peruntukan kod 60002 adalah dikhususkan bagi tujuan menyenggara jalan dan tidak boleh digunakan untuk pembiayaan salah satu komponen projek yang tidak berkaitan dengan tujuan peruntukan ini. Perkara ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan dan tujuan geran berkenaan diluluskan. Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor menjelaskan perbelanjaan menggunakan peruntukan kod 60002 adalah bagi kerja melibatkan turapan jalan, pembinaan papan tanda, *road-kerb* dan kerja membina dan memasang longkang saliran. Bagaimanapun, dokumen *Bill Of Quantities* (BQ) projek ini menunjukkan kerja turapan jalan hanya berjumlah RM145,000 dan bukan RM1.09 juta seperti yang dibelanjakan.

Pada pendapat Audit, pembiayaan satu projek menggunakan 2 peruntukan yang berbeza menunjukkan kawalan peruntukan yang tidak cekap di mana prestasi

perbelanjaan bagi peruntukan yang diluluskan tidak dapat diukur secara terus. Pemantauan penggunaan peruntukan serta pelaksanaan projek hendaklah dibuat secara berkala supaya peruntukan yang diluluskan digunakan sepenuhnya bagi projek yang dimohon.

5.4.3. Bayaran Kurang Teratur

5.4.3.1. Antara peraturan kewangan melibatkan proses bayaran bagi kerja yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

- a. AP 59 - perkhidmatan yang dibekalkan dengan suci hati tidak boleh ditahan bayarannya tetapi dibayar menggunakan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri dan diselaraskan dalam tempoh 60 hari selepas bayaran dibuat.
- b. AP 99 - baucar bayaran hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap.
- c. AP 103 - bayaran kepada pembekal dibuat dengan segera dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil diterima.
- d. AP 180.2(c) - perolehan kerja melebihi RM20,000 dibuat secara sebut harga.

5.4.3.2. Semakan Audit terhadap pematuhan peraturan kewangan bagi bayaran yang dibuat melalui 289 baucar bayaran bernilai RM113.88 juta di bawah peruntukan B29 dan P29 di Perbendaharaan Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Selayang, PDT Kuala Selangor dan PDT Hulu Selangor mendapati perkara berikut:

- a. MPS telah diluluskan peruntukan berjumlah RM2.82 juta pada tahun 2009 untuk membiayai Projek Pembangunan Kecil yang telah selesai dilaksanakan pada tahun 2008 di mana sebanyak 198 baucar bayaran telah dikeluarkan bagi perbelanjaan berjumlah RM2.59 juta pada akhir tahun 2009. Pemeriksaan Audit terhadap 22 baucar bayaran berjumlah RM381,858 mendapati berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan seperti berikut:
 - i. Kesemua 22 perbelanjaan tahun 2008 ini tidak dibuat mengikut AP 59 sebaliknya telah dibuat melalui proses baucar bayaran biasa pada tahun 2009.
 - ii. Kesemua 22 bayaran ini juga tidak menggunakan dokumen sokongan tahun 2008 seperti surat tawaran, inden kerja, invois dan pengesahan kerja sebaliknya disediakan semula pada tahun 2009 bagi tujuan bayaran tersebut iaitu selepas kerja siap dilaksanakan. Dokumen sokongan adalah termasuk sijil perlindungan insurans yang memerlukan kontraktor membuat bayaran semula premium insurans bagi kerja yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2008. Keadaan ini telah menjelaskan integriti prosedur kewangan Kerajaan yang memberi gambaran bahawa dokumen kewangan boleh disediakan semula pada bila-bila masa sebagai syarat memenuhi prosedur kewangan. Antara contoh kerja yang terlibat adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Contoh Kerja Yang Disiapkan Pada Tahun 2008 Tanpa Dokumen Sokongan

Bil.	Butiran Kerja	No. & Tarikh Baucar/ Amaun (RM)	Tarikh Siap Kerja (Invois Asal/ Dokumen Pengesahan Siap Kerja)	Butiran Pada Dokumen Yang Disediakan Semula Pada Tahun 2009			
				Tarikh Surat Tawaran/ Setuju Terima	Tarikh Perakuan Siap Kerja (Pada Inden Kerja)	Tarikh Invois	Tempoh Tanggungan Insurans/Nilai (RM)
1.	Menurap jalan di Jalan SJ5, Selayang Jaya (Pakej 1)	A0141258/ 21.7.2009 (15,270.60)	2.3.2008	8.6.2009	23.6.2009	23.6.2009	8.6.2008 - 25.6.2009 (RM387.50)
2.	Menurap jalan di Jalan SJ5, Selayang Jaya (Pakej 2)	A0141255/ 21.7.2009 (17,137.80)	2.3.2008	8.6.2009	23.6.2009	23.6.2009	8.6.2008 - 25.6.2009 (RM387.50)
3.	Menurap jalan di Jalan SJ5, Selayang Jaya (Pakej 3)	A0141259/ 21.7.2009 (15,037.20)	2.3.2008	8.6.2009	23.6.2009	23.6.2009	8.6.2008 - 25.6.2009 (RM387.50)
4.	Menurap jalan di SAR Integrasi Jabal Nur, Taman Sri Gombak	A0142327/ 13.8.2009 (13,410.00)	6.3.2008	8.6.2009	22.6.2009	22.6.2009	1.6.2009 - 25.6.2009 (RM319.25)
5.	Membaik pulih sekeliling dewan orang ramai Kuala Garing	A0143184/ 26.8.2009 (72,477.25)	16.3.2008	14.8.2009	18.8.2009	20.8.2009	11.6.2009 - 25.6.2009 (RM440.00)
6.	Memasang lampu jalan awam di sepanjang Jalan Sekolah San Yuk, Rawang (Fasa 1)	A0140242/ 2.7.2009 (19,729.00)	21.2.2008	22.5.2009	9.6.2009	9.6.2009	1.6.2009 - 30.6.2009 (RM161.75)
7.	Memasang lampu jalan awam di sepanjang Jalan Sekolah San Yuk, Rawang (Fasa 2)	A0140243/ 2.7.2009 (19,729.00)	21.2.2008	22.5.2009	9.6.2009	9.6.2009	1.6.2009 - 30.6.2009 (RM161.75)
8.	Memasang lampu di tiang TNB, Kg. Sg. Terentang Rawang	A0140244/ 2.7.2009 (17,589.00)	19.2.2008	22.5.2009	9.6.2009	9.6.2009	1.6.2009 - 30.6.2009 (RM161.75)
9.	Memasang lampu di tiang TNB, Kg. Sg. Terentang Rawang (Fasa 2)	A0140245/ 2.7.2009 (9,660.00)	21.2.2008	22.5.2009	9.6.2009	9.6.2009	1.6.2009 - 30.6.2009 (RM161.75)

Sumber: Majlis Perbandaran Selayang

iii. Menurut pihak MPS, perkara ini berlaku kerana kerja segera Projek Pembangunan Kecil 2008 tersebut telah dibuat tanpa melalui MPS terlebih dahulu tetapi bil diserahkan kepada MPS oleh kontraktor untuk dibuat bayaran. Kerja tersebut telah dibuat oleh kontraktor atas arahan. Pihak MPS telah mengambil langkah kawalan dengan menilai semula tuntutan berbanding kerja sebenar yang dilaksanakan sebelum bayaran dibuat. Bayaran telah dibuat berdasarkan faedah yang diterima oleh rakyat dan mengambil kira semua projek tersebut telah siap dengan teratur. Bagaimanapun, AP 59 tidak dirujuk apabila bayaran dilakukan. Bayaran ini juga telah mengambil masa melebihi satu tahun untuk diselesaikan.

iv. Lima kerja yang nilainya melebihi RM20,000 telah dibuat secara pembelian terus tanpa melalui proses sebut harga seperti mana kehendak AP 180.2(c). Kerja yang dimaksudkan ialah menurap jalan di Jalan SJ5, Selayang Jaya (RM47,444), menurap jalan di SAR Integrasi Jabal Nur, Taman Sri Gombak (RM26,820), memasang lampu jalan awam di sepanjang Jalan Sekolah San Yuk, Rawang (RM39,458), memasang lampu di tiang Tenaga Nasional Bhd., Kampung Sungai

Terentang Rawang (RM27,249) dan menurap jalan di Jalan Indah 4, Taman Selayang Indah (RM31,229).

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran adalah tidak teratur. Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor sepatutnya memberi nasihat mengenai kaedah bayaran tersebut di atas bagi kerja tanpa dokumen sokongan semasa surat kelulusan dikemukakan kepada MPS.

5.4.4. Perancangan Perbelanjaan Kurang Cekap

AP 34 menetapkan anggaran perbelanjaan hendaklah disediakan supaya menunjukkan seberapa tepat yang boleh amaun yang sebenarnya dijangka akan dibelanjakan. Semakan Audit mendapati peruntukan B29 telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus yang sepatutnya boleh/telah dirancang dan diluluskan dalam bajet sesuatu tahun kewangan yang dibuat sebelum permulaan tahun kewangan berkaitan. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

5.4.4.1. Sejumlah RM6.67 juta telah dibelanjakan bagi tahun 2008 hingga 2010 bagi membeli kenderaan untuk pelbagai Jabatan seperti di **Jadual 5.4**. Perolehan kenderaan tersebut tidak diperuntukkan di dalam peruntukan mengurus tahunan Jabatan atau Perbendaharaan Negeri Selangor. Menurut Perbendaharaan Negeri Selangor, langkah ini bertujuan sebagai kawalan perbelanjaan mengurus di mana bagi tahun-tahun tersebut hanya sebahagian peruntukan melalui kod Objek Sebagai 34000 (Kenderaan dan Jentera) diluluskan secara terus untuk semua Jabatan yang memohon. Permohonan Jabatan akan direkodkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan peruntukan perolehan kenderaan akan diluluskan dari semasa ke semasa melalui peruntukan B29 mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

Jadual 5.4
Senarai Perolehan Kenderaan Menggunakan Peruntukan B29
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Jabatan	Jenis Kenderaan	Amaun (RM)
TAHUN 2008			
1.	PDT Gombak	Proton Pesona 1.6 Toyota	41,741 97,168
2.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Toyota Fortuner 2.7V	106,618
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri – Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Toyota Fortuner 2.7V Proton Waja 1.6	96,665 53,335
4.	Jabatan Kehakiman Syariah	2 unit Toyota Innova 2.0 A/T	142,183
5.	Perbendaharaan Negeri Selangor	Kenderaan EXCO - Camry	2,199,048
6.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri – Unit Perancang Ekonomi Negeri	2 unit Inokom Santa Fe 2.7 Petrol dan 2 unit Inokom Santa Fe 2.2 Diesel	408,000
Jumlah 2008			3,144,758
TAHUN 2009			
1.	Jabatan Pertanian	Proton Perdana V6	75,323
2.	Jabatan Mufti	Toyota Innova 2.0G Auto	75,000
3.	PDT Kuala Langat	Nissan X-Trail 2.5L	94,000
4.	PDT Gombak	Nissan X-Trail 2.5L	93,629
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	Proton Waja 1.6 Campro	52,827
Jumlah 2009			390,779
TAHUN 2010			
1.	Perbendaharaan Negeri Selangor	Satu unit Toyota Fortuner dan 3 unit Toyota Hilux	353,160
2.	Pejabat Tanah Dan Galian	Proton Saga BLM	39,530
3.	Jabatan Mufti	Proton Perdana	85,028
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2 unit Nissan X-Trail Toyota Fortuner Lori 11 Tan	186,000 98,183 216,800
5.	Jabatan Agama Islam Selangor	2 Unit Nissan Urvan Microbus 8 unit Waja 1.6 (A)	176,971 422,614
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4 unit Toyota Hilux	336,943
7.	PDT Petaling	Toyota Innova Proton Saga BLM	72,416 37,072
8.	PDT Gombak	2 unit Toyota Hilux	179,521
9.	PDT Klang	Toyota Hilux Proton Exora	89,760 67,804
10.	PDT Kuala Langat	Toyota Innova	72,416
11.	PDT Hulu Langat	Toyota Hilux	89,760
12.	PDT Sepang	Proton Saga BLM	37,072
13.	PDT Kuala Selangor	Toyota Hilux	89,760
14.	PDT Hulu Selangor	Toyota Innova dan Toyota Hilux	162,177
15.	PDT Sabak Bernam	Toyota Hilux	89,760
16.	Jabatan Kehakiman Syariah	Proton Perdana 2 unit Toyota Innova	75,324 156,933
Jumlah 2010			3,135,004
Jumlah Keseluruhan			6,670,541

Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

5.4.4.2. Selain perolehan kenderaan tersebut, terdapat perbelanjaan mengurus lain juga dikenakan kepada peruntukan B29. Antara perbelanjaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Contoh Perbelanjaan Mengurus Yang Diperoleh Melalui Peruntukan B29

Bil.	Butiran Kerja	Amaun (RM)
1.	Membekal kelengkapan asas pejabat Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Kuala Langat	23,000
2.	Membekal kelengkapan asas pejabat JKKK di Kuala Selangor	39,000
3.	Membeli <i>camera lens, flash light</i> dan <i>typewriter machine</i> Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor	12,750
4.	<i>Direct Grant</i> kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi kos persiapan Majlis Diskusi Bajet 2010	20,720
5.	Bayaran komisen perkhidmatan menggunakan <i>e-Payment</i> bulan Oktober 2009	5,527
6.	Sewaan peralatan bagi pembentangan Bajet 2010	15,500
7.	Bayaran pakej kursus Pengurusan Stress Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor	8,300
8.	Bayaran menyenggara dan alat ganti bas <i>Selangor State Investment Centre</i> BJJG 8698	29,240
9.	Bayaran minyak diesel dan petrol kenderaan Jabatan bulan Oktober 2009	3,448
10.	Bayaran sewa ruang Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Tingkat 15 hingga 18, Bangunan Darul Ehsan bagi bulan Januari hingga Mei 2010	391,300
11.	Membekal, menghantar, memasang, menguji peralatan ICT di Jabatan Pengairan Dan Saliran	94,950
12.	Pembelian 22 unit mesin rumput sandang	20,900

Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

Pada pendapat Audit, penggunaan peruntukan B29 bagi pembelian aset dan perbelanjaan mengurus lain yang sepatutnya boleh diperuntukkan lebih awal tidak menepati prinsip kawalan bajet yang sebenarnya. Ia menggambarkan proses perancangan dan penyediaan bajet yang tidak sempurna di peringkat Jabatan dan Perbendaharaan Negeri Selangor. Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor hendaklah merancang pembelian aset di bawah peruntukan belanja mengurus dan dikemukakan kepada Dewan Negeri untuk kelulusan.

5.4.5. Garis Panduan Untuk Sumbangan Tidak Disediakan

Setiap aktiviti/program Jabatan hendaklah mempunyai kaedah pelaksanaan yang jelas supaya ia dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, garis panduan hendaklah disediakan bagi pelaksanaan setiap program/aktiviti Jabatan antaranya kaedah permohonan dan kelulusan, kaedah pelaksanaan aktiviti/program seperti pengagihan atau penggunaan peruntukan serta nilai atau had kewangan yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati antara perbelanjaan menggunakan peruntukan B29 bagi tahun 2008 hingga 2010 ialah pemberian sumbangan kepada institusi/badan bukan Kerajaan (NGOs) dan sekolah. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah pemberian sumbangan bagi tempoh tersebut kerana tiada senarai terperinci mengenainya direkodkan di Perbendaharaan Negeri Selangor. Jumlah sumbangan yang diberikan adalah berbeza antara institusi/NGOs dan sekolah kerana tiada kriteria ditetapkan untuk menentukan jumlah sumbangan yang diberikan dan hanya bergantung kepada permohonan yang diterima dan budi bicara Pegawai Kewangan Negeri. Antara bayaran sumbangan tersebut adalah seperti di **Jadual 5.6**. Bagaimanapun, mulai tahun 2010 sumbangan kepada sekolah telah diperuntukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P01 (Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha

Kerajaan Negeri). Namun, semakan Audit mendapati garis panduan bagi penetapan kriteria untuk penentuan jumlah sumbangan masih belum disediakan.

Jadual 5.6
Contoh Pemberian Sumbangan Melalui Peruntukan B29
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Penerima Sumbangan	Amaun (RM)
Tahun 2008		
1.	Rumah Orang Tua Seri Setia	25,000
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 9, Shah Alam	50,000
3.	SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 2 Shah Alam	20,000
4.	Karnival Sukan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	10,000
Tahun 2009		
1.	Madrasah Darul Mujahidin	150,000
2.	Madrasah Tahfiz Kampung Bukit Lanjan	5,000
3.	Sekolah Menengah (Persendirian) Kwang Hua	500,000
4.	Sekolah Agama Rakyat Bagan Terap	50,000
5.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Lima Belas	3,000
6.	SJKT Ladang Batu Ampat	7,500
7.	SJKT Simpang Lima	10,000
8.	SJKT Kinrara	50,000
9.	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pin Hwa 1	200,000
10.	Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Alam Sekitar – Program “Jom Selamatkan Bumi Kita”	22,055
11.	Kontinjen Perbendaharaan Negeri Selangor Ke Sukan Dwi Tahunan Perbendaharaan Negeri Se-Malaysia	100,000
Tahun 2010		
1.	Persatuan Penganut Dewa Lin Hwee Beo	5,000
2.	Selayang Yu Xu Gong Taoist Society	30,000
3.	Persatuan Saiva Narpani Malaysia	6,000
4.	Sri Sundaraja Perumal Temple	50,000
5.	Persatuan Sri Maha Mariamman	20,000
6.	Persatuan Penganut Dewa Thian Hock Keng	2,500

Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

Pada pendapat Audit, pemberian sumbangan Kerajaan Negeri daripada peruntukan B29 perlu ditingkatkan dengan cara menyediakan kriteria yang jelas supaya pemberiannya lebih telus dan adil.

5.5. SYOR AUDIT

Kawalan kelulusan, penggunaan dan pemantauan terhadap perbelanjaan/projek/aktiviti yang dibayai melalui peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka B29 dan P29 hendaklah diperketatkan bagi memastikan perbelanjaan/projek/aktiviti berkaitan diuruskan dengan cekap. Bagi menambah baik pengurusan peruntukan ini, adalah disyorkan supaya Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.5.1. Menilai kembali kewajaran mewujudkan peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka sebagai tambahan kepada peruntukan kewangan luar jangka yang sedia ada.

5.5.2. Menjalankan pemantauan penggunaan peruntukan serta pelaksanaan projek secara berkala supaya peruntukan yang diluluskan digunakan sepenuhnya bagi projek yang dimohon.

5.5.3. Memastikan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri membuat bayaran dengan segera serta mematuhi prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

5.5.4. Menambah baik proses penyediaan dan kelulusan bajet supaya menunjukkan seberapa tepat yang boleh amaun yang sebenarnya akan dibelanjakan bagi memudahkan kawalan dan pemantauan peruntukan dan perbelanjaan.

5.5.5. Menyediakan garis panduan yang jelas dan terperinci mengenai pemberian sumbangan kepada institusi/badan bukan Kerajaan dan sekolah yang menetapkan antaranya kaedah permohonan dan kelulusan, kaedah pengagihan atau penggunaan peruntukan serta nilai atau had kewangan yang dibenarkan.

5.5.6. Menyediakan satu peruntukan secara khusus supaya wujud kawalan bajet yang lebih berkesan sekiranya pemberian sumbangan seperti pemberian kepada sekolah merupakan aktiviti tahunan Kerajaan Negeri.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

6. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Hutan Paya Laut (HPL) merupakan khazanah negara yang sangat bernilai kerana berfungsi sebagai zon penamparan semula jadi untuk memberi perlindungan kepada kawasan pesisiran pantai dari hakisan ombak dan angin ribut. Ia juga menjadi habitat kepelbagaiannya biologi dan kawasan penting untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk tempatan melalui aktiviti akuakultur, pengusahasilan dan pelancongan serta melaksanakan penyelidikan dan pendidikan alam semula jadi.

6.1.2. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), sehingga akhir tahun 2010, keluasan kawasan yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) di Negeri Selangor adalah lebih kurang 241,568 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,088.80 hektar (7.5%) adalah HSK Paya Laut yang diuruskan oleh JPNS. Manakala keluasan HPL atas Tanah Kerajaan Negeri (TK) dianggarkan lebih kurang 4,442 hektar (1.8%).

6.1.3. Pengurusan HSK Paya Laut terletak di bawah penyeliaan Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang yang bertanggungjawab kepada JPNS. Pejabat ini dibantu oleh 3 renj hutan iaitu Renj Pelabuhan Klang, Renj Kuala Selangor dan Renj Kuala Langat. Manakala HPL atas TK terletak di bawah kawalan Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) yang berkaitan. JPNS bertanggungjawab bagi pengeluaran kayu bakau daripada kawasan HPL atas TK. **Peta 6.1** menunjukkan taburan HSK Paya Laut di Negeri Selangor.



Sumber: Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang

6.1.4. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (tahun 2006 hingga 2010), sejumlah RM9.93 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk Aktiviti Tanaman Bakau (Tanaman dan Rawatan) di bawah Program Pembangunan Sumber Hutan. Bagaimanapun, hanya sejumlah RM441,325 (4.4%) daripada peruntukan tersebut diterima oleh JPNS. Sehingga bulan Disember 2010, sebanyak RM441,273 (99.9%) telah dibelanjakan. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi Aktiviti Tanaman Bakau bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 6.1**. Selain itu, JPNS juga telah menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM1.29 juta untuk melaksanakan “Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara” (Program) di mana 99.9% telah dibelanjakan. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan Persekutuan untuk Program bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.1
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan (Kerajaan Negeri)
Untuk Aktiviti Tanaman Bakau Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2006	69,920	69,919	99.9
2007	99,950	99,938	99.9
2008	61,455	61,416	99.9
2009	50,000	50,000	100
2010	160,000	160,000	100
Jumlah	441,325	441,273	99.9

Sumber: JPNS

Jadual 6.2
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan (Kerajaan Persekutuan)
Untuk Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2006	150,000	149,974	99.9
2007	200,000	199,271	99.6
2008	212,000	211,990	99.9
2009	380,000	379,863	99.9
2010	348,000	347,978	99.9
Jumlah	1,290,000	1,289,076	99.9

Sumber: JPNS

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan HPL dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya kepada alam sekitar.

6.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

6.3.1. Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan HPL di HSK Paya Laut dan TK bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang serta Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan di Sungai Buloh. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat

berasaskan rekod berkaitan dengan pengurusan HPL bagi tahun 2008 hingga 2010. Lawatan ke tapak diadakan bagi meninjau keadaan persekitaran HPL. Temu bual dengan pegawai JPNS dan pihak berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kimia diadakan untuk mendapatkan penerangan dan khidmat kepakaran. Selain itu, soal selidik juga diedarkan untuk mendapat maklumat daripada orang awam dan ahli badan bukan Kerajaan (NGOs).

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati, sungguhpun JPNS telah menjalankan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan HPL di Negeri Selangor dengan pelaksanaan dasar pengurusan hutan secara berkekalan, namun pengurusan HPL boleh dipertingkatkan lagi. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan yang ditemui adalah Rancangan Kerja HPL belum dilaksanakan dengan sempurna kerana belum diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), berlaku kecurian kayu bakau, kemusnahan HPL akibat takungan air laut dan pelepasan air buangan kolam ternakan udang, pencemaran sampah dan minyak, aktiviti tanpa permit penggunaan kawasan HSK yang sah serta kadar royalti kayu jaras tidak disemak semula. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

6.4.1. Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna

JPNS telah menyediakan Rancangan Kerja Hutan Paya Laut (RKHPL) bagi tahun 2009 hingga 2019 (10 tahun). RKHPL memperincikan aktiviti pembangunan dan operasi yang dirancang untuk dilaksanakan ke arah sistem pengurusan HPL yang baik dan secara berkekalan dengan memberi tumpuan kepada 4 zon iaitu Zon Pengeluaran, Zon Pemeliharaan Kepelbagaian Biologi, Zon Perlindungan Alam Sekitar dan Zon Eko Pelancongan. Rancangan kerja ini telah dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 7 September 2010 untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Pada 22 September 2010, MMKN telah membuat keputusan untuk menangguhkan cadangan RKHPL ini supaya pihak perunding dari Universiti Putra Malaysia dan Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membuat kajian secara komprehensif ke atas cadangan tersebut termasuk bayaran dan kaedah penanaman semula hutan. JPNS berpendapat bahawa RKHPL tidak perlu kelulusan MMKN untuk pelaksanaan kerana dokumen tersebut disediakan oleh JPNS bersama khidmat pakar runding daripada FRIM. Sehubungan itu, pada 28 Mac 2011, JPNS telah mengemukakan Kertas MMKN kepada EXCO Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bertujuan memohon kepada MMKN untuk mengambil maklum RKHPL dan meluluskan cadangan kadar royalti baru bagi kayu bakau. Penjelasan lanjut berhubung dengan aktiviti pelaksanaan di 4 zon ini adalah seperti berikut:

6.4.1.1. Zon Pengeluaran

- a. Zon Pengeluaran telah dikhatusukan bagi kegiatan ekonomi yang menjurus kepada pengeluaran kayu bakau di kawasan HPL di Negeri Selangor yang terletak di Renj Pelabuhan Klang. Berdasarkan RKhPL, kawasan yang dirancang untuk pengeluaran bagi tahun 2009 dan 2010 adalah di Pulau Tonggok dan Pulau Klang seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Kawasan Yang Dirancang Untuk Pengeluaran Kayu Bakau
Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Tahun	Hutan Simpan Kekal	Kompartmen	Bil. Blok	Keluasan (ha)
2009	Pulau Tonggok	00	-	33.63
	Pulau Klang	14	9	398.10
2010	Pulau Klang	14	1	49.34
	Pulau Klang	16	8	348.67
Jumlah			18	829.74

Sumber: RKhPL 2009-2019

- b. Semakan Audit terhadap rekod JPNS mendapati pengeluaran kayu bakau tidak mengikut kawasan yang dirancang. Sebanyak 23 lesen mengambil hasil hutan telah dikeluarkan sejak tahun 1974 hingga bulan Jun 2010 untuk mengeluarkan kayu bakau di kawasan Pulau Ketam sahaja. Sebanyak 7 pemegang lesen yang aktif telah mengeluarkan 2.07 juta batang kayu bakau daripada kawasan seluas 928 hektar bagi tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun selepas Pulau Ketam diwartakan sebagai HSK pada 4 Jun 2009, JPNS telah menamatkan semua lesen pengeluaran di Pulau Ketam pada 1 Julai 2010. Penamatan lesen ini membolehkan HPL dipelihara untuk kepentingan alam sekitar.

6.4.1.2. Zon Pemeliharaan Kepelbagai Biologi

Tumbuhan di dalam HPL memberi sumbangan besar kepada kesuburan ekosistem. Ia membekalkan makanan kepada spesies fauna antaranya burung, cacing, siput, ikan, udang dan ketam. Selain itu, tumbuhan ini juga menyerap kuantiti karbon dioksida yang tinggi untuk memastikan kesinambungan kehidupan manusia, iaitu sebanyak 1.5 tan karbon dioksida bagi setiap 1,000 hektar HPL setahun. Menyedari kepentingan HPL serta segala ancaman untuk mengeksplotasinya, Kerajaan Negeri Selangor melalui JPNS telah mengambil langkah positif untuk memeliharanya dengan mengadakan Zon Pemeliharaan Kepelbagai Biologi seluas 7,298 hektar dan menyediakan pelan tindakan bagi tahun 2010 hingga 2019. Semakan Audit mendapati JPNS telah mengambil langkah untuk melaksanakan pelan tindakan yang dirancang antaranya, menyediakan peta kawasan pemeliharaan kepelbagai biologi, mengadakan rondaan kawalan secara berkala untuk mengelakkan pencerobohan dan memantau melalui imej satelit setiap tahun. Bagaimanapun, zon ini belum diletakkan papan tanda HSK di tempat strategik serta kawasan berhampiran dengan penempatan kerana kekangan kewangan jabatan.

6.4.1.3. Zon Perlindungan Alam Sekitar

Zon Perlindungan Alam Sekitar merupakan kawasan yang dibentuk bagi meningkatkan perlindungan kepada ekosistem HPL di pesisiran pantai. Ia juga berperanan menstabilkan kawasan pantai daripada hakisan dan memberi perlindungan daripada impak angin kencang dan ombak besar. Bagi melindungi ekosistem HPL dan menstabilkan kawasan pantai daripada ribut dan ombak kuat, JPNS telah mencadangkan kawasan seluas 3,359.63 hektar sebagai Zon Perlindungan Alam Sekitar yang terdiri daripada 2,918.55 hektar zon penampang pantai dan 441.08 hektar zon penampang sungai. Pelan tindakan dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh JPNS bagi tahun 2010 hingga 2019 untuk memelihara zon ini adalah sama seperti yang disebutkan bagi Zon Pemeliharaan Kepelbagai Biologi di perenggan 6.4.1.2. Zon ini juga belum diletakkan papan tanda HSK di tempat strategik serta kawasan berhampiran dengan penempatan.

6.4.1.4. Zon Eko Pelancongan

- a. Kawasan semula jadi HPL di Negeri Selangor berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi berasaskan sumber semula jadi. Kepadatan penduduk dan tahap urbanisasi yang semakin meningkat akan menjadikan kawasan HPL satu tarikan untuk keluar daripada persekitaran kawasan bandar yang padat dengan pembangunan. Ia juga membantu menjana pendapatan kepada penduduk setempat dan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya di samping menyediakan peluang pekerjaan.
- b. Mengikut RKHPL, 3 kawasan HPL telah dikenal pasti untuk dimajukan sebagai kawasan eko pelancongan iaitu di Renj Pelabuhan Klang, Renj Kuala Langat dan Renj Kuala Selangor. Kawasan Renj Pelabuhan Klang diberi keutamaan untuk dibangunkan terlebih dahulu pada tahun 2009, diikuti dengan Renj Kuala Langat dan Renj Kuala Selangor yang akan bermula pada tahun 2012. Antara cadangan untuk Renj Pelabuhan Klang adalah program lawatan dari pulau ke pulau (*island hopping*) yang melibatkan 2 pakej laluan. Pakej pertama melibatkan laluan yang akan bermula dari Jeti Sungai Dua Pelabuhan Klang dan dikendalikan oleh kakitangan JPNS. Manakala pakej kedua melibatkan laluan yang akan bermula daripada Jeti Pulau Carey Kuala Langat dan dikendalikan oleh penduduk Pulau Carey. Selain itu, pembinaan Pusat Pendidikan Alam Hutan Paya Laut (PPAHPL) juga dicadangkan dibina berdekatan Jeti Sungai Dua. Sehingga bulan Disember 2010, JPNS belum melaksanakan aktiviti *island hopping* dan pembinaan PPAHPL kerana cadangan zon eko pelancongan masih belum diluluskan oleh MMKN.

Pada pendapat Audit, JPNS masih belum melaksanakan RKHPL dengan sempurna seperti yang dirancang supaya HPL dapat dipelihara dan dilindungi. JPNS hendaklah melaksanakan RKHPL seperti yang dirancang supaya objektif pemeliharaan HPL dapat dicapai.

6.4.2. Kemusnahan HPL Akibat Aktiviti Manusia

6.4.2.1. Kecurian Kayu Bakau

- a. Seksyen 68(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) menyatakan tiada seorang pun boleh ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya apa-apa hasil hutan melainkan jika dia memiliki suatu pas bagi pemindahan hasil hutan itu. Jika melanggar seksyen ini, kompaun minimum adalah tidak kurang dari 2 kali ganda nilai hasil hutan tetapi tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Seksyen 68(2) pula menyatakan pas pemindah itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan. Jika melanggar seksyen ini, kompaun minimum tidak kurang dari RM2,000 tetapi tidak melebihi RM10,000 akan dikenakan. Kompaun minimum yang dikenakan atas pelanggaran Seksyen 68(1) dan Seksyen 68(2) ditetapkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1/2006.

- b. Semakan Audit terhadap rekod JPNS mendapati 54 kes kecurian kayu bakau berlaku pada tahun 2008 hingga 2010 melibatkan kompaun berjumlah RM53,276, hasil lelong berjumlah RM549,054 dan 2 kes tindakan mahkamah seperti di **Jadual 6.4**. Dalam kes mahkamah tersebut, JPNS berjaya mendakwa 5 orang kena tuduh (OKT) yang dikenakan hukuman penjara 10 dan 11 bulan. Kes kecurian kayu meningkat dengan ketara selepas bulan Julai 2010 kerana JPNS telah menamatkan semua lesen pengeluaran pada 1 Julai 2010 selepas Pulau Ketam diwartakan sebagai HSK pada 4 Jun 2009. Kecurian kayu bakau telah mengakibatkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil royalti dan ses serta kemusnahan HPL. **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2** menunjukkan contoh kes rampasan kayu bakau yang dicuri seperti dilaporkan dalam akhbar. Manakala contoh kayu bakau yang dirampas dan disita adalah seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

Jadual 6.4
Kes Kecurian Kayu Bakau Dan Tindakan Penguatkuasaan
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Bil. Kes	Kuantiti Kayu Bakau (Batang)	Jenis Tindakan			
			Kompaun (RM)	Lelong (RM)	Lupus	Mahkamah
2008	1	550	4,908	-	-	-
	3	1,083	-	-	Kegunaan Jabatan	-
Jumlah Kecil 2008	4	1,633	4,908	-	-	-
2009	3	2,520	27,003	-	-	-
	9	2,277	-	-	Kegunaan Jabatan	-
Jumlah Kecil 2009	12	4,797	27,003	-	-	-
2010 (Januari – Jun) Pejabat Hutan Pantai Klang	1	147	6,243	-	-	-
	1	172	-	-	-	2 OKT – Penjara 10 bulan
	4	2,421	-	-	Kegunaan Jabatan	-
(Julai – Disember) Pejabat Hutan Pantai Klang	3	680	15,122	-	-	-
	1	250	-	-	-	3 OKT – Penjara 11 bulan
	6	5,154	-	-	Kegunaan Jabatan	-
(Julai – Disember) Unit Operasi Dan Penguatkuasaan	22	168,814	-	549,054	-	-
Jumlah Kecil 2010	38	177,638	21,365	549,054	-	-
Jumlah Besar	54	184,068	53,276	549,054	-	-

Sumber: JPNS

Nota: OKT- Orang Kena Tuduh

Gambar 6.1

Keratan Akhbar Rampasan Kayu Bakau



Sumber: Berita Harian
Tarikh: 10 Januari 2011

Gambar 6.2

Keratan Akhbar Rampasan Kayu Bakau



Sumber: The Star
Tarikh: 25 Januari 2011

Gambar 6.3
Kayu Bakau Yang Dirampas Dalam HSK



Sumber: JPNS

Lokasi: HSK Pulau Klang

Tarikh: 3 September 2010

Gambar 6.4
Kayu Bakau Yang Disita



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Renj Hutan Pelabuhan Klang

Tarikh: 26 Ogos 2010

- c. Aktiviti penebangan haram dan kecurian kayu di kawasan HSK berlaku kerana kayu bakau mendapat permintaan yang tinggi. Ia boleh digunakan sebagai bahan alternatif untuk projek pembangunan dan kosnya murah di mana harga pasaran kayu bakau pada ketika ini adalah sekitar RM10 sebatang berbanding dengan harga bahan binaan konkrit sebanyak RM35 sebatang.
- d. Penguatkuasaan dan pemantauan dilaksanakan oleh Unit Operasi Dan Penguatkuasaan di JPNS serta anggota penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang. Kecurian kayu yang tidak terkawal juga disebabkan kekurangan anggota penguat kuasa, peralatan dan senjata untuk mempertahankan diri. Semakan Audit mendapati anggota penguat kuasa sedia ada di Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang tidak mencukupi untuk mengawal aktiviti kecurian kayu bakau yang berleluasa kerana beban tugas yang berat. Tugas anggota penguat kuasa adalah membuat rondaan setiap hari termasuk cuti umum meliputi kawasan HSK Paya Laut, HSK Paya Gambut, TK, Tanah Milik dan Kilang Berasaskan Kayu. Kedudukan perjawatan anggota penguat kuasa mengikut renj hutan Daerah Pantai Klang adalah seperti di **Jadual 6.5**. Mengikut kedudukan perjawatan pada 31 Disember 2010, perjawatan yang diluluskan bagi anggota penguat kuasa adalah seramai 46 orang. Bagaimanapun, hanya 23 orang anggota penguat kuasa diisi untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap kawasan seluas 76,140.66 hektar. Nisbah bilangan penguat kuasa kepada keluasan HSK (hektar) adalah 1:3,310. Sungguhpun JPNS tidak dapat mengemukakan norma nisbah yang ideal, ini menunjukkan kawasan yang perlu dikawal untuk mencegah pencerobohan adalah luas untuk tenaga penguat kuasa yang sedia ada.

Jadual 6.5
Kedudukan Perjawatan Anggota Penguat Kuasa
Mengikut Renj Hutan Daerah Pantai Klang Pada 31 Disember 2010

Renj Hutan	Perjawatan (Orang)				Keluasan (ha)		Jumlah Keluasan (ha)	Nisbah (Orang: Luas/ha)		
	Lulus	Isi	Kosong		HSK Paya Laut	HSK Paya Gambut				
			Bil.	%						
Kuala Selangor	15	7	8	53.3	1,858.14	50,106.60	51,964.74	1:7,423.53		
Pelabuhan Klang	16	10	6	37.5	15,301.19	-	15,301.19	1:1,530.12		
Kuala Langat	15	6	9	60.0	929.47	7,945.26	8,874.73	1:1,479.12		
Jumlah	46	23	23	50.0	18,088.80	58,051.86	76,140.66	1:3,310.46		

Sumber: Rekod Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang

- e. Selain itu, 9 buah kenderaan pacuan 4 roda dan 5 buah bot peronda yang sedia ada di Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang tidak mencukupi untuk penguatkuasaan. Anggota penguat kuasa yang tidak dilengkapi dengan senjata juga adalah masalah tambahan yang dihadapi oleh JPNS. Oleh kerana tidak dibekalkan dengan senjata yang sesuai bagi mempertahankan diri, tindakan pencuri bakau yang agresif kadang kala mengancam nyawa anggota penguat kuasa seperti laporan akhbar di Gambar 6.5.

Gambar 6.5
Keratan Akhbar Ancaman Kepada
Penguat Kuasa



Sumber: New Straits Times
 Tarikh: 8 Oktober 2010

6.4.2.2. Takungan Air Laut Dan Pelepasan Air Buangan Kolam Ternakan Udang

- a. Pokok bakau sesuai hidup di kawasan air laut pasang surut yang berlumpur. Lawatan Audit bersama pegawai JPNS, JAS dan LUAS ke HSK Banjar Utara, Tanjung Karang pada 13 Oktober dan 3 November 2010 mendapati pokok bakau daripada spesies minyak dan kurap di sebelah kolam udang yang dimiliki oleh seorang pemegang permit penggunaan telah mati. Menurut pandangan pegawai LUAS, faktor utama kematian pokok bakau disebabkan oleh benteng pasir yang terjadi secara semula jadi di hadapan garis pantai yang telah menghalang aliran pasang surut air laut dan menyebabkan air bertakung di kawasan pokok bakau di

sebelah kolam. Habitat semula jadi pokok bakau memerlukan keadaan pasang surut air laut kerana akar pokok bakau tidak boleh terendam berterusan. Pelepasan air buangan dari kolam ternakan udang menjadi faktor sekunder yang menambah risiko kematian pokok kerana tiada proses pencairan oleh air laut. **Gambar 6.6** hingga **Gambar 6.8** adalah berkaitan.

- Selepas teguran Audit, pada 25 Mac 2011, pihak JPNS telah menjalankan kerja pembersihan saliran air dan mengorek benteng pasir semula jadi di kawasan tersebut supaya proses pasang surut air laut tidak terhalang (**Gambar 6.9**). Bagaimanapun, pihak LUAS telah mengesyorkan cara penyelesaian yang lebih kekal iaitu pembinaan struktur *box culvert* di tengah benteng pasir tersebut supaya aliran pasang surut air laut dapat dipulihkan dan memasuki kawasan pokok bakau.

Gambar 6.6
Kolam Kering Selepas Air Dipam Keluar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Banjar Utara
Tarikh: 13 Oktober 2010

Gambar 6.7
Pokok Bakau Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Banjar Utara
Tarikh: 13 Oktober 2010

Gambar 6.8
Benteng Pasir Menghalang Aliran Pasang Surut Air Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Banjar Utara
Tarikh: 3 November 2010

Gambar 6.9
Aliran Pasang Surut Air Laut Selepas Kerja Mengorek Benteng Pasir



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Lokasi: HSK Banjar Utara
Tarikh: 28 Mac 2011

6.4.2.3. Pencemaran Alam Sekitar - Sampah Dan Minyak

Pencemaran alam sekitar boleh merencatkan kehidupan pokok bakau, membunuh haiwan dan organisma halus yang hidup di persekitaran HPL. Lawatan Audit pada 3 Ogos 2010 ke Kompartmen 13 HSK Pulau Klang mendapati sampah sarap terperangkap antara pokok bakau (**Gambar 6.10** dan **Gambar 6.11**) dan pencemaran minyak di perairan Selat Melaka (**Gambar 6.12** dan **Gambar 6.13**). Kawasan tersebut merupakan laluan utama kapal dagang yang menuju ke Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan. Ombak besar telah membawa sampah sarap dan minyak yang mencemarkan alam sekitar. Mengikut penjelasan pegawai JPNS, ini boleh menyebabkan kekurangan ruang untuk pertumbuhan anak pokok bakau yang seterusnya akan memusnahkan habitat semula jadi bagi pemuliharaan kepelbagaiannya biologi dan menjadikan ekosistem serta kestabilan alam sekitar.

Gambar 6.10

Sampah Sarap Terperangkap Antara Pokok Bakau



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kompartmen 13 HSK Pulau Klang

Tarikh: 3 Ogos 2010

Gambar 6.11




Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kompartmen 13 HSK Pulau Klang

Tarikh: 3 Ogos 2010

Gambar 6.12

Pencemaran Minyak Di Perairan Selat Melaka



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kompartmen 13 HSK Pulau Klang

Tarikh: 3 Ogos 2010

Gambar 6.13

Pencemaran Minyak Di Perairan Selat Melaka



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kompartmen 13 HSK Pulau Klang

Tarikh: 3 Ogos 2010

6.4.2.4. Aktiviti Dalam Kawasan HSK Tanpa Permit Penggunaan

Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) menyatakan tiada seorang pun boleh menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah dalam kawasan HSK, melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit penggunaan. Seksyen 32(2) pula menyatakan sesiapa yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan denda RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Semakan Audit pada bulan Disember 2010 mendapati perkara berikut:

- a. Permohonan pelanjutan permit penggunaan kawasan HSK untuk 2 pemegang permit bagi tahun 2009 dan 2010 masih belum diluluskan oleh MTES. Bagaimanapun, aktiviti ternakan udang di HSK Banjar Utara dan aktiviti eko pelancongan di HSK Sepang Kecil masih diteruskan. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan dalam HSK telah dilakukan secara haram sejak bulan Januari 2009 hingga bulan Disember 2010.
- b. Di kawasan HSK Kapar, terdapat sebuah jeti nelayan telah dibina oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Kuala Selangor pada tahun 2008. Permohonan membina dan menyiapkan jeti nelayan telah dibuat oleh PDT Kuala Selangor pada 14 Julai dan 8 Ogos 2008. Bagaimanapun, tiada bukti JPNS mengeluarkan permit penggunaan bagi membolehkan operasi jeti tersebut dijalankan di dalam kawasan HSK seperti **Gambar 6.14** dan **Gambar 6.15**. Kawasan ini terlibat dalam “Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara”.
- c. Kesan daripada aktiviti yang dijalankan dalam kawasan HSK tanpa permit penggunaan yang sah ini menyebabkan kawasan terlibat tidak terpelihara dan terdedah kepada risiko hakisan ombak dan angin ribut. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, pihak JPNS telah mengeluarkan surat kepada Persatuan Nelayan Kawasan berkenaan pada 1 Mac 2011 supaya memohon permit penggunaan bagi menjalankan operasi jeti di dalam kawasan HSK.

Gambar 6.14
Jeti Nelayan Dalam Proses Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Kapar
Tarikh: 3 November 2008

Gambar 6.15
Jeti Nelayan Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Kapar
Tarikh: 20 Disember 2010

Pada pendapat Audit, JPNS hendaklah meningkatkan usaha pemeliharaan dan perlindungan HPL kerana terdapat HPL yang dimusnahkan akibat aktiviti manusia yang berterusan. JPNS hendaklah meningkatkan pemantauan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap penceroboh hutan untuk memastikan pesalah tegar tersebut tidak mengulangi tindakan pencerobohan.

6.4.3. Kemusnahan HPL Akibat Kejadian Semula Jadi

6.4.3.1. Hakisan Tanah

- a. Pada tahun 2006, kawasan Pantai Klanang, Daerah Kuala Langat telah ditanam dengan pokok bakau seluas 2 hektar di bawah “Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara” (Program). Ketika ditanam, kawasan ini adalah berlumpur. Namun begitu, “Kajian Pengesan Perubahan Terhadap Kawasan HPL di Pesisiran Pantai Selangor” yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada tahun 2008 menggunakan kaedah penderiaan jauh (*remote sensing*) mendapati Pantai Klanang telah terhakis sepanjang 1.01 kilometer seperti di **Imej 6.1**.

Imej 6.1
Pantai Klanang



Sumber: RKHPL 2009-2019

- b. Lawatan Audit ke Pantai Klanang pada 15 Disember 2010 juga mendapati berlaku kemusnahan HPL yang disebabkan oleh hakisan dan ombak kuat. Semua anak pokok bakau minyak dan kurap yang ditanam pada tahun 2006 telah mati akibat hakisan tanah. **Gambar 6.16** dan **Gambar 6.17** menunjukkan keadaan pokok bakau yang ditanam pada bulan September 2006 dan keadaan pokok bakau ketika lawatan Audit pada bulan Disember 2010.

Gambar 6.16
Anak Pokok Bakau Baru Ditanam
Pada Tahun 2006



Sumber: JPNS
Lokasi: Pantai Klanang
Tarikh: 20 September 2006

Gambar 6.17
Pokok Bakau Mati Akibat Hakisan Tanah Pada
Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Klanang
Tarikh: 15 Disember 2010

- c. Lawatan Audit bersama pegawai LUAS juga telah dibuat ke Pantai Klanang yang bukan di bawah Program untuk melihat tahap kemusnahan pokok bakau di kawasan tersebut. Pihak Audit mendapati hakisan pantai yang serius berlaku di Pantai Klanang seperti di **Gambar 6.18** dan **Gambar 6.19**.

Gambar 6.18
Hakisan Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Klanang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 6.19
Hakisan Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Klanang
Tarikh: 2 November 2010

6.4.3.2. Ombak Kuat

HSK Kapar juga merupakan salah satu kawasan Program di mana tanah seluas 10 hektar telah ditanam pokok bakau pada tahun 2006. Lawatan Audit pada 20 Disember 2010 mendapati sebahagian daripada pokok bakau minyak dan kurap yang ditanam telah mati kerana dipukul oleh ombak kuat. **Gambar 6.20** dan **Gambar 6.21** menunjukkan keadaan pokok bakau yang ditanam pada bulan November 2006 dan keadaan pokok bakau ketika lawatan Audit pada bulan Disember 2010.

Gambar 6.20
Anak Pokok Bakau Ditanam
Pada Tahun 2006



Sumber: JPNS
Lokasi: HSK Kapar
Tarikh: 29 November 2006

Gambar 6.21
Pokok Bakau Yang Musnah Akibat
Ombak Kuat Pada Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Kapar
Tarikh: 20 Disember 2010

6.4.3.3. Tanah Berpasir

Sebelum berlaku tsunami pada tahun 2004, Pantai Batu Laut, Daerah Kuala Langat merupakan kawasan berlumpur dan pokok bakau dapat hidup subur. Lawatan Audit bersama pegawai LUAS mendapati selepas kejadian tsunami, pasir dari laut telah dibawa ke kawasan pantai. Semua pokok bakau spesies minyak dan kurap hampir mati disebabkan perubahan keadaan habitat pokok bakau iaitu daripada tanah berlumpur kepada tanah berpasir yang tidak sesuai untuk spesies bakau tersebut seperti di Gambar 6.22 dan Gambar 6.23.

Gambar 6.22
Pokok Bakau Mati Kerana Tidak Sesuai Hidup Di Atas Tanah Berpasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Batu Laut
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 6.23
Pokok Bakau Mati Kerana Tidak Sesuai Hidup Di Atas Tanah Berpasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Batu Laut
Tarikh: 2 November 2010


6.4.3.4. Serangan Haiwan Perosak

Menurut JPNS, serangan haiwan perosak seperti teritip, ketam dan monyet juga merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kemusnahan HPL di Selangor.

Lawatan Audit ke Pantai Tanjung Gabong, Daerah Kuala Langat dan HSK Kuala Bernam mendapati anak pokok bakau yang ditanam telah dimusnahkan oleh teritip dan ketam. Teritip yang melekat pada batang anak pokok bakau menyebabkan ia tumbang dan mati manakala ketam memakan batang anak pokok bakau seperti di **Gambar 6.24** dan **Gambar 6.25**.

Gambar 6.24

Teritip Dan Ketam Memusnahkan Anak Pokok Bakau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Tanjung Gabong, Morib
Tarikh: 15 Disember 2010

Gambar 6.25



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Kuala Bernam
Tarikh: 20 Disember 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan HPL masih tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan kerana terdapat HPL yang musnah akibat kejadian semula jadi. JPNS hendaklah mengkaji kaedah yang sesuai untuk mengurangkan kadar kemusnahan yang berlaku dengan kerjasama negara jiran yang menghadapi masalah yang serupa.

6.4.4. Kadar Royalti Kayu Jaras Tidak Disemak Semula

6.4.4.1. Seksyen 61 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) menetapkan royalti terhadap semua hasil hutan yang diambil hendaklah dibayar mengikut kadar yang ditetapkan kepada Kerajaan Negeri. Kadar royalti kayu jaras di Negeri Selangor ditetapkan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor 1988 seperti di **Jadual 6.6**. Selain itu, Jadual Ketiga Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) juga menetapkan kadar ses pembangunan hutan untuk kayu jaras adalah 10 peratus daripada nilai royalti. Jumlah kutipan royalti dan ses pengeluaran kayu jaras bagi tahun 2008 hingga 2010 berjumlah RM701,296 adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.6
Kadar Royalti Kayu Jaras

Bil.	Ukuran	Kadar (RM)
A.	Lilitan (60 cm tetapi < 80 cm dipangkal)	
1.	Tidak melebihi 2 m panjang	0.30
2.	Melebihi 2 m tetapi tidak melebihi 5 m	0.60
3.	Melebihi 5 m	1.00
B.	Lilitan (30 cm tetapi < 60 cm dipangkal)	
1.	Tidak melebihi 2 m panjang	0.15
2.	Melebihi 2 m tetapi tidak melebihi 5 m	0.30
3.	Melebihi 5 m	0.60
C.	Lilitan (10 cm tetapi < 30 cm dipangkal)	
1.	Tidak melebihi 2 m panjang	0.10
2.	Melebihi 2 m	0.15
D.	Lilitan kurang dari 10 cm	0.05

Sumber: Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor 1988

Jadual 6.7
Kutipan Royalti Dan Ses Kayu Jaras
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Royalti (RM)	Ses (RM)	Jumlah (RM)
2008	365,021	36,502	401,523
2009	205,758	20,576	226,334
2010	66,763	6,676	73,439
Jumlah	637,542	63,754	701,296

Sumber: JPNS

6.4.4.2. Semakan Audit terhadap rekod JPNS mendapati kadar royalti tidak pernah disemak semula sejak tahun 1988 iaitu melebihi 20 tahun. Kadar ini sangat rendah berbanding dengan harga pasaran kayu jaras yang semakin meningkat iaitu dari RM5 pada tahun 2008 kepada RM13 pada tahun 2010. Peningkatan harga disebabkan permintaan yang tinggi dalam sektor pembinaan dan pertanian. Kegagalan menyemak semula kadar royalti kayu jaras menyebabkan kerugian besar kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, JPNS telah mengemukakan Kertas MMKN kepada Exco Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bertujuan memohon kepada MMKN untuk menerima cadangan pelarasan kadar royalti baru bagi kayu bakau.

Pada pendapat Audit, kadar royalti kayu jaras yang diterima pakai sekarang tidak memberi pulangan hasil yang menguntungkan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri perlu memberi pertimbangan dan kelulusan yang sewajarnya terhadap cadangan JPNS mengenai kenaikan kadar royalti kayu jaras.

6.4.5. Pewartaan Masuk/Keluar HSK Paya Laut

Mengikut Seksyen 12 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, di mana boleh, menjadikan suatu kawasan tanah yang lebih kurang sama

luas dengan mana-mana kawasan tanah yang telah dikeluarkan daripada HSK sebagai suatu HSK. **Jadual 6.8** menunjukkan jumlah keluasan HSK Paya Laut yang diwarta masuk/keluar di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2008 hingga 2010. Berdasarkan jadual ini, keluasan kawasan HSK Paya Laut yang diwarta masuk pada tahun 2008 hingga 2010 adalah seluas 4,060 hektar berbanding dengan HSK Paya Laut yang diwarta keluar bagi tempoh yang sama adalah seluas 551.13 hektar.

Jadual 6.8
Kawasan HSK Paya Laut Yang Diwarta Masuk/Keluar
Pada Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Lokasi HSK	Warta Masuk (ha)	Warta Keluar (ha)	Lebihan/ (Kurangan) (ha)
2008	Jugra Blok 1	-	95.13	(551.13)
	Jugra Blok 2	-	456.00	
2009	Pulau Ketam	2,365.00	-	4,060.00
	Pulau Rusa	85.00	-	
	Pulau Tengah	790.00	-	
	Pulau Klang	268.00	-	
	Pulau Che Mat Zin	43.00	-	
2010	Pulau Selat Kering	509.00	-	-
Jumlah		4,060.00	551.13	3,508.87 (636.7%)

Sumber: Rekod Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang

Pada pendapat Audit, tindakan JPNS menggantikan HSK Paya Laut yang diwarta keluar adalah baik kerana terdapat kelebihan gantian HSK Paya Laut.

6.4.6. Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara

Selepas bencana tsunami pada bulan Disember 2004, kepentingan HPL sebagai benteng paling berkesan untuk melindungi kawasan pesisiran pantai negara telah diberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan Persekutuan. Justeru, Perdana Menteri telah melancarkan satu program nasional pada bulan Februari 2007, iaitu “Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara” (Program) sebagai langkah jangka panjang bagi tujuan memelihara dan memulihara ekosistem HPL. Kerajaan Negeri Selangor juga menyedari kepentingan HPL dan telah melaksanakan projek tanaman pokok bakau semenjak tahun 1992. Selain daripada aktiviti tanaman, Program ini juga melibatkan kempen kesedaran masyarakat dan penyelidikan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Negara (FRIM).

6.4.6.1. Penanaman Pokok Bakau

- a. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menerbitkan buku “Panduan Menanam Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara” pada tahun 2008 sebagai panduan menanam di kawasan pesisiran pantai yang berlumpur dan pantai berpasir. Untuk kawasan berlumpur, jarak yang disyorkan antara lubang sepanjang baris tanaman anak pokok adalah 1.8 meter hingga 2 meter bergantung kepada spesies. Secara kasar, keadaan ini memberikan

kepadatan tanaman antara 2,500 anak pokok (jarak tanam 2 meter) hingga 3,086 anak pokok (jarak tanam 1.8 meter) sehektar. Lawatan Audit ke kawasan Program di Tanjung Gabong, Morib dan HSK Kuala Bernam, Sabak Bernam pada bulan Disember 2010 mendapati kontraktor telah mematuhi jarak tanam yang ditetapkan, iaitu 2 meter untuk anak pokok bakau kurap dan 1.8 meter untuk anak pokok bakau minyak.

- b. **Jadual 6.9** menunjukkan pencapaian Program bagi tahun 2008 hingga 2010 yang disediakan oleh Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan berdasarkan peratus pokok berjaya ditanam mengikut jarak serta peratus pokok yang hidup. Analisis Audit berdasarkan jadual ini mendapati pencapaian Program adalah baik di mana peratus pokok berjaya ditanam mengikut jarak adalah antara 97.2% hingga 202.5% serta peratus pokok yang hidup adalah 87.5% secara purata. Bagaimanapun, bincian kehidupan pokok tidak dibuat untuk kerja tanaman yang menggunakan peruntukan Negeri.

Jadual 6.9

Pencapaian “Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai Negara” Bagi Tahun 2008 Hingga 2010 Berdasarkan Peratus Pokok Berjaya Ditanam Mengikut Jarak Serta Peratus Pokok Yang Hidup

Tahun	Lokasi	Luas (ha)	Bil. Pokok Yang Ditanam	Peratus Pokok Berjaya Ditanam Mengikut Jarak (%)	Peratus Kehidupan (%)		Catatan
					Hidup	Mati	
2008	Blok C HSK Kuala Bernam	3	9,000	97.2	TM	TM	Bajet Negeri
	Blok C HSK Kuala Bernam	15	47,000	101.5	50	50	Serangan monyet dan ketam. Sulaman telah dijalankan.
	Tanah Kerajaan Sungai Langat	4	25,000	202.5	TM	TM	Bajet Negeri
2009	Bagan Teluk Rhu HSK Kuala Bernam	6	18,426	99.5	70	30	Sulaman telah dijalankan.
	Sungai Kajang HSK Banjar Utara	9	27,500	99	90	10	-
	Pantai Tanjung Gabong Morib Kuala Langat	10	30,900	100.1	50	50	Ombak kuat. Sulaman telah dijalankan.
	HSK Telok Gedong	8	24,688	100	90	10	-
2010	Kompartmen 29 HSK Pulau Klang (jarak 2 m)	5	12,500	100	100	-	-
	Beting Labu Lemak HSK Pulau Klang (jarak 2 m)	6	15,000	100	100	-	-
	Blok C Tanjung Gabong (Tanah Kerajaan) (jarak 2 m)	7	17,500	100	100	-	-
	HSK Jugra (jarak 2 m)	8	20,000	100	100	-	-
	Blok D Tanjung Gabong (Tanah Kerajaan)	7	21,602	100	100	-	-
	Sungai Burung (Tanah Kerajaan)	2	2,400	100	100	-	-
	HSK Telok Gedong	2	2,400	100	100	-	-
Purata					87.5	12.5	-

Sumber: Rekod Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan

Nota: TM- Tiada Maklumat

6.4.6.2. Kempen Kesedaran

- a. Kempen kesedaran mengenai kepentingan HPL adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang awam khususnya generasi muda tentang kepentingan ekosistem hutan pesisiran pantai dan menyemai rasa cinta terhadap alam semula jadi. JPNS telah menjalankan beberapa kempen kesedaran pada tahun 2008 hingga 2010 melibatkan agensi Kerajaan, syarikat swasta, NGOs, pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), pelajar dan masyarakat setempat seperti di **Jadual 6.10**. **Gambar 6.26** menunjukkan antara kempen kesedaran yang dijalankan oleh JPNS.

Jadual 6.10
Kempen Kesedaran Yang Dilaksanakan Oleh JPNS
Pada Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Kempen	Lokasi	Tarikh
2008	Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 Peringkat Negeri Selangor	HSK Banjar Utara	11.11.2008
2009	i. Aktiviti Bersama Pelatih PLKN	Pantai Morib	13.02.2009
	ii. Aktiviti Bersama Pelatih PLKN	Pantai Klanang	18.02.2009 dan 04.03.2009
2009	iii. Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2009 Peringkat Negeri Selangor	Pulau Indah	23.12.2009
2010	i. Aktiviti Bersama Pelatih PLKN	Pantai Morib	20.02.2010
	ii. Kempen “Saving Mother Earth”	HSK Pulau Klang	01.08.2010
	iii. Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2010 Peringkat Negeri Selangor	HSK Telok Gedong	20.11.2010

Sumber: JPNS

Gambar 6.26
Kempen Kesedaran



Sumber: JPNS

Lokasi: HSK Telok Gedong

Tarikh: 20 Disember 2010

- b. Selain daripada kempen kesedaran yang dianjurkan oleh JPNS, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Cawangan Selangor juga telah menganjurkan Program Menanam Pokok Bakau di Kuala Selangor pada awal tahun 2010. Lebih kurang 100 peserta terdiri daripada ahli PBSMM sekitar Selangor dan sukarelawan dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Selangor dan Taman Alam Kuala Selangor (TAKS) telah berjaya menanam 1,000 anak pokok bakau. Selain itu, pada bulan April 2010, seramai 80 peserta yang merupakan pegawai Timberland Malaysia, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan pelanggan Timberland Malaysia telah mengambil bahagian dalam Hari Bumi 2010 melalui program perkhidmatan komuniti dengan tumpuan kepada memulihara hutan paya bakau. Selain daripada menanam pokok bakau, peserta turut bergading bahu mengecat pondok TAKS dan mengutip sampah sarap (**Gambar 6.27** dan **Gambar 6.28**).

Gambar 6.27

Kempen Kesedaran



Sumber: Kosmo

Lokasi: Taman Alam Kuala Selangor

Tarikh: 28 April 2010

Gambar 6.28




Sumber: Kosmo

Lokasi: Taman Alam Kuala Selangor

Tarikh: 28 April 2010

- c. Satu analisis melalui soal selidik telah dijalankan oleh pihak Audit untuk menilai kesedaran dan pandangan masyarakat terhadap pengurusan HPL serta kepentingannya kepada alam sekitar. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada 70 orang awam dan 30 ahli NGOs sebagai responden. Hasil analisis maklum balas yang diterima daripada 77 responden (terdiri daripada 56 orang awam dan 21 ahli NGOs) adalah seperti di **Carta 6.1**. Hasil analisis berdasarkan maklum balas di atas mendapat secara purata, 75.4% responden menyedari kepentingan HPL sebagai zon penampang daripada ombak dan ribut serta sebagai sumber yang boleh meningkatkan ekonomi penduduk setempat melalui perusahaan kayu arang/jaras, akuakultur, pertanian dan penempatan. Pada masa yang sama, mereka sedar bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan dalam memelihara dan memulihara HPL serta HPL yang tidak diurus dengan baik akan membawa kesan yang buruk kepada alam sekitar. Selain itu, 54.6% responden tidak bersetuju HPL ditebus guna untuk penempatan dan pembukaan ladang kelapa sawit.

Carta 6.1
**Ringkasan Hasil Analisis Maklum Balas Responden Terhadap
Kesedaran Dan Pandangan Mengenai Kepentingan/Pengurusan HPL**



Pada pendapat Audit, pencapaian Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai Negara adalah memuaskan. Ini adalah kerana prestasi program ini bagi tahun 2008 hingga 2010 berdasarkan bilangan pokok sepatutnya ditanam berbanding pokok yang ditanam adalah baik. Peratus pokok berjaya ditanam adalah antara 97.2% hingga 202.5% manakala peratus pokok yang hidup adalah 87.5% secara purata. Selain itu, kempen kesedaran yang dijalankan oleh JPNS adalah memuaskan kerana hasil daripada soal selidik menunjukkan purata 75.4% masyarakat menyedari tentang kepentingan HPL.

6.5. SYOR AUDIT

Memandangkan kepentingan HPL sebagai penampang daripada ombak dan ribut serta memberi sumber ekonomi kepada rakyat, pengurusan HPL hendaklah dibuat secara mapan supaya dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi semasa dan akan datang. Oleh itu, JPNS disyorkan mengambil langkah berikut:

- 6.5.1. Menyusul dengan MMKN untuk memastikan RKHPL diluluskan agar ia dapat dilaksanakan dengan sempurna supaya HPL dapat dipelihara dan dilindungi.
- 6.5.2. Mengisi kekosongan jawatan pegawai penguat kuasa dan memohon peruntukan untuk menambah anggota penguat kuasa, bot dan kenderaan. JPNS perlu juga bekerjasama dengan agensi penguat kuasa seperti Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam menjalankan penguatkuasaan untuk mencegah kecurian kayu bakau.
- 6.5.3. Bekerjasama dengan JPS untuk membina *box culvert* sebagai cara penyelesaian masalah yang kekal di benteng pasir semula jadi yang menghalang pasang surut air laut di kawasan kolam ternakan udang di HSK Banjar Utara supaya pokok bakau yang ditanam

semula dapat hidup berkekalan. Selain itu, JPNS juga perlu bekerjasama dengan LUAS untuk memastikan pemilik kolam ternakan udang membina kolam rawatan untuk merawat air buangan dari kolam ternakan udang sebelum disalurkan kepada laut melalui *outlet* yang dibina berasingan bagi mengelakkan air buangan masuk ke kawasan pokok bakau.

6.5.4. Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan antaranya JAS, JPS dan Majlis Perbandaran Klang untuk memastikan pencemaran sampah dan minyak perairan Selat Melaka di paras minima supaya HPL berkekalan dan alam sekitar terpelihara.

6.5.5. Mengambil tindakan susulan dengan MTES supaya menyegerakan pertimbangan permohonan pelanjutan permit penggunaan supaya aktiviti yang dijalankan dalam kawasan HSK tanpa permit penggunaan yang sah tidak berterusan.

6.5.6. Menyusul dengan MMKN mengenai semakan semula kadar royalti kayu jaras untuk memberi pulangan hasil yang menguntungkan kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

7. PROJEK MENAIK TARAF JALAN KLANG LAMA, DAERAH PETALING

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) menetapkan Objektif Kualiti Jabatan termasuk menyediakan infrastruktur jalan raya bagi memenuhi Dasar Pembangunan Negara dan Kerajaan Negeri. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), program pembangunan jalan raya diteruskan dengan penekanan kepada aspek kualiti dan keselamatan. Ini adalah selaras dengan usaha JKR untuk meningkatkan keselamatan, keselesaan memandu dan mengurangkan masa perjalanan.

7.1.2. Bagi tempoh RMKe-9, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM47.60 juta bagi tujuan menaik taraf Jalan Klang Lama di bawah peruntukan Menaik Taraf Jalan Dan Jambatan bagi Daerah Petaling. Projek ini bernilai RM19 juta dan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara rundingan terus. Harga semasa kontrak sehingga bulan Ogos 2010 mengikut Sistem SKALA ialah RM17.75 juta. Spesifikasi projek setelah mengambil kira Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasaran Harga Kontrak Bil.1 hingga 3 adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Spesifikasi Kerja Dan Kos Bagi Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kos (RM Juta)	Arahan Perubahan Kerja/Pelarasaran Harga Kontrak (RM Juta)		Harga Kontrak Semasa (RM Juta)
			A	Tambahan B	Potongan C
1.	Kerja Permulaan	1.34	-	-	1.34
2.	Pembersihan Tapak, Kerja Tanah & Rumput	1.98	-	-	1.98
3.	Kerja Longkang	2.34	0.55	-	2.89
4.	Kerja Jalan	2.45	1.00	-	3.45
5.	Jambatan Anak Sungai Penchala	2.21	-	-	2.21
6.	Perabot Jalan	0.54	-	-	0.54
7.	Pengurusan Trafik	0.94	-	-	0.94
8.	Peruntukan Sementara – RM7.20 juta				
	i. Sistem Lampu Isyarat	0.80	0.25	(0.80)	0.25
	ii. Lampu Jalan	1.50	0.55	(1.50)	0.55
	iii. Pengalihan Utiliti	3.00	-	-	3.00
	iv. Membina Dan Membaik Pulih Tembok Penahan Di Bawah Jambatan Sungai Penchala	0.50	-	(0.50)	0.00
	v. Penyambungan Kabel Dari Bekalan Kuasa TNB Ke Feeder Pillar	0.50	-	-	0.50
	vi. Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki	0.80	-	(0.80)	0.00
	vii. Program Latihan	0.10	-	-	0.10
Jumlah		19.00	2.35	(3.60)	17.75

Sumber: Rekod JKR

7.1.3. Melalui projek ini, Jalan Klang Lama dengan jarak 1.4 km akan dinaik taraf daripada satu lorong kepada 2 lorong sehalas. Projek bermula dari *chainage* (CH.) 0 iaitu di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) yang berhampiran Persimpangan Motorola hingga *chainage*

1400 di Lebuhraya Pantai Baru - Jambatan Sungai Penchala. Lokasi jalan adalah seperti di **Peta 7.1** dan keadaan jalan tersebut sebelum dan selepas dinaik taraf adalah seperti di **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**.

Peta 7.1
Lokasi Jalan Klang Lama, CH. 0 Hingga CH. 1400



Sumber: Google Map

7.1.4. Pegawai Pengguna projek ialah Pengarah JKR Negeri Selangor. Wakil Pegawai Pengguna yang dilantik bagi tujuan penyeliaan arahan keseluruhan kerja adalah Jurutera Daerah Petaling. Manakala Ketua Penolong Pengarah Kanan Elektrik adalah wakil Pegawai Pengguna (Elektrik) bagi kerja elektrik.

Gambar 7.1
Sebelum Pelaksanaan Projek



Sumber: Rekod JKR
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175
Tarikh: 19 Oktober 2004

Gambar 7.2
Selepas Pelaksanaan Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175
Tarikh: 15 November 2010

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling telah dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan mencapai matlamatnya.

7.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi proses tender, pelaksanaan kerja menaik taraf jalan dan pemantauan projek. Pemeriksaan Audit dilakukan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan di Jabatan Kerja Raya, Daerah Petaling. Semakan juga dibuat terhadap status kemajuan kerja bagi bulan Mac 2006 hingga Februari 2010. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai JKR Daerah Petaling juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek turut dibuat untuk mendapatkan gambaran fizikal. Soal selidik kepuasan pengguna juga dijalankan meliputi seramai 100 responden.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu meningkatkan keselamatan dan keselesaan pemanduan serta mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan jalan raya. Bagaimanapun, projek ini lewat disiapkan selama 23 bulan dan tidak memenuhi kriteria perolehan secara rundingan terus justeru ia menjadi tidak ekonomi, kualiti kerja dan penyediaan kemudahan jalan tidak memuaskan serta peruntukan asal projek terlalu tinggi berbanding kos projek. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:


7.4.1. Pencapaian Sasaran Projek

7.4.1.1. Pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling merupakan salah satu strategi JKR bagi menyediakan infrastruktur jalan raya yang lebih selamat, meningkatkan keselesaan memandu dan mengurangkan masa perjalanan. Menurut JKR, sebelum projek menaik taraf dilaksanakan, Jalan Klang Lama sering mengalami masalah kesesakan terutamanya di waktu puncak. Kemalangan juga kerap berlaku kerana keadaan jalan yang sempit dan tiada kemudahan lampu isyarat bagi mengawal aliran trafik di jalan utama dan persimpangan keluar masuk ke kawasan kilang, pejabat dan perumahan.

7.4.1.2. Penilaian terhadap pencapaian sasaran projek ini dilakukan dengan mengambil kira penambahbaikan yang dicapai hasil pelaksanaan projek ini merangkumi aspek keselamatan, keselesaan pemanduan dan tahap kesesakan. Analisis yang dilaksanakan oleh pihak Audit terhadap borang soal selidik kepuasan pengguna mendapati 90% pengguna bersetuju projek ini telah menambahkan keselesaan memandu, 83% pengguna bersetuju projek ini telah mengurangkan masa perjalanan dan 73% pengguna menyatakan lebih selamat ketika memandu. **Graf 7.1** menunjukkan peratusan kepuasan

pengguna terhadap ketiga-tiga aspek penambahbaikan yang ditetapkan dalam sasaran projek.

Graf 7.1
Pencapaian Sasaran Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama
Berdasarkan Soal Selidik Kepuasan Pelanggan



Sumber: Hasil Soal Selidik Jabatan Audit Negara

a. Meningkatkan Keselesaan Pemanduan

Graf 7.1 di atas menunjukkan 90% daripada pengguna jalan raya berpendapat ada peningkatan keselesaan pemanduan selepas Jalan Klang Lama dinaik taraf. Keadaan jalan sebelum naik taraf adalah sempit iaitu satu lorong, tidak mempunyai kemudahan jalan seperti lampu isyarat pada persimpangan jalan, laluan pejalan kaki, *guardrail* tidak dipasang dan permukaan jalan yang beralun. Mengikut gambar kemajuan projek yang diambil pada bulan Julai 2010, jalan raya yang telah dinaik taraf adalah lebih luas iaitu 2 lorong, terdapat kemudahan lampu isyarat pada persimpangan dan laluan pejalan kaki telah dibina bagi kemudahan pejalan kaki. *Guardrail* juga telah dipasang di lokasi yang berbahaya dan keadaan permukaan jalan didapati sempurna. Penambahbaikan dan keadaan jalan selepas pelaksanaan projek menaik taraf merupakan faktor yang menyumbang kepada maklum balas positif daripada pengguna berkaitan aspek keselesaan pemanduan. **Gambar 7.3** dan **Gambar 7.5** menunjukkan keadaan jalan pada tahun 2004 iaitu sebelum projek ini dilaksanakan, manakala **Gambar 7.4** dan **Gambar 7.6** adalah selepas jalan ini dinaik taraf.

Gambar 7.3
Sebelum Pelaksanaan Projek



Sumber: Rekod JKR

Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH.175

Tarikh: 14 Mac 2008

Gambar 7.4
Selepas Pelaksanaan Projek



Sumber: Rekod JKR

Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH.175

Tarikh: 20 Julai 2010

Gambar 7.5
Sebelum Pelaksanaan Projek



Sumber: Rekod JKR

Lokasi: Persimpangan Taman Desaria CH.700

Tarikh: 19 Oktober 2004

Gambar 7.6
Selepas Pelaksanaan Projek



Sumber: Rekod JKR


Lokasi: Persimpangan Taman Desaria CH.700

Tarikh: 20 Julai 2010

b. Mengurangkan Masa Perjalanan

Sebanyak 83% pengguna bersetuju projek ini telah berjaya mengurangkan masa perjalanan. Maklumat tahap kesesakan Jalan Klang Lama selepas projek siap adalah seperti di **Graf 7.2**.

Graf 7.2
Tahap Kesesakan Jalan Klang Lama
Selepas Pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan



Sumber: Hasil Soal Selidik Jabatan Audit Negara

c. Meningkatkan Keselamatan Pemanduan

Sebanyak 73% pengguna bersetuju projek ini telah membawa penambahbaikan dengan meningkatkan keselamatan ketika memandu. Statistik kemalangan yang dikeluarkan oleh Pejabat Polis Cawangan Trafik Daerah Petaling Jaya mendapati peningkatan kes kemalangan iaitu sebanyak 14 kes selepas projek disiapkan iaitu pada tahun 2010 berbanding sebelum projek dimulakan pada tahun 2005. Bagaimanapun, peningkatan kes kemalangan berkenaan melibatkan kerosakan pada kenderaan sahaja. Manakala kes kemalangan maut, cedera parah dan cedera ringan masing-masing mencatatkan pengurangan. Maklumat statistik kemalangan bagi tahun 2005 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Statistik Kemalangan Jalan Raya Di Jalan Klang Lama
Bagi Tahun 2005 Dan 2010

Bil.	Jenis Kemalangan	Jumlah Kes Kemalangan Mengikut Tahun		Jumlah Peningkatan/ (Pengurangan) Kes Kemalangan
		2005	2010	
1.	Kemalangan Maut	2	0	(2)
2.	Cedera Parah	1	0	(1)
3.	Cedera Ringan	5	3	(2)
4.	Kerosakan Pada Kenderaan Sahaja	43	62	19
Jumlah		51	65	14

Sumber: Pejabat Polis Cawangan Trafik Daerah Petaling Jaya

Berdasarkan maklumat statistik kemalangan di **Jadual 7.2**, walaupun berlaku peningkatan dari segi angka keseluruhan jumlah kemalangan di Jalan Klang Lama selepas projek siap, namun pengurangan kes kemalangan maut, cedera parah dan

cedera ringan juga perlu diambil kira dalam menilai pencapaian sasaran meningkatkan keselamatan pemanduan. Ini kerana kemalangan yang berlaku melibatkan kerosakan kecil pada kenderaan sahaja yang berpunca dari sikap pemandu yang cuai.

Pada pendapat Audit, pencapaian terhadap sasaran projek ini adalah memuaskan berikutan analisis terhadap maklum balas positif yang diperoleh daripada soal selidik kepuasan pengguna dan statistik kemalangan yang menunjukkan pengurangan bilangan kes kemalangan maut dan kecederaan.

7.4.2. Prestasi Projek Tidak Memuaskan

7.4.2.1. Mengikut kontrak yang ditandatangani pada 5 Februari 2007, tarikh milik tapak bina ialah pada 20 Mac 2006 dan tarikh siap ialah pada 16 Mac 2008. Bagaimanapun, mengikut Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan pada 19 Mac 2010, projek ini hanya disiapkan pada 11 Februari 2010 iaitu kelewatan selama 23 bulan. Tempoh masa yang terlalu lama iaitu 4 tahun untuk menyiapkan projek ini telah menjadikan keselesaan pengguna jalan raya dan penduduk tempatan di sekitar kawasan Jalan Klang Lama.

7.4.2.2. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek, Pegawai Pengguna projek telah meluluskan 2 permohonan lanjutan masa iaitu yang pertama bermula 17 Mac 2008 hingga 16 Disember 2008 dan Lanjutan Masa Kedua bermula 17 Disember 2008 hingga 16 Jun 2009. Sebab yang diterima oleh Pegawai Pengguna adalah seperti di **Jadual 7.3**. Memandangkan kerja pelaksanaan projek dijangka tidak dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan semasa Lanjutan Masa Kedua iaitu pada 16 Jun 2009, kontraktor sekali lagi memohon Lanjutan Masa Kali Ketiga pada 4 Mei 2009 bagi melanjutkan tempoh kontrak sehingga 26 Disember 2009. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan. Oleh itu, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan pada 15 Jun 2009 dan kontraktor dikenakan denda pada kadar RM3,800 sehari bagi tempoh 241 hari bermula 16 Jun 2009 sehingga 11 Februari 2010 iaitu berjumlah RM915,800.

**Jadual 7.3
Sebab Kelewatan Yang Diluluskan Bagi Lanjutan Masa Pertama Dan Kedua**

Bil.	Perkara	Sebab-Sebab Kelewatan	Tempoh (Bulan)
1.	Lanjutan Masa Pertama	Pengalihan Kemudahan Utiliti (Tenaga Nasional Berhad, Telekom Dan Gas Malaysia)	9
2.	Lanjutan Masa Kedua	i. Kenaikan Harga dan Kekurangan Bahan Binaan Di Pasaran (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008) ii. Pengalihan Kemudahan Utiliti (SYABAS)	6

Sumber: Rekod JKR Petaling

7.4.2.3. Semakan Audit mendapati, selain daripada sebab yang dinyatakan pada surat kelulusan Lanjutan Masa Pertama dan Kedua, perkara berikut juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek tersebut.

a. Prestasi Kewangan Kontraktor Kurang Memuaskan

Sesebuah syarikat yang melaksanakan projek hendaklah mempunyai kedudukan prestasi kewangan yang kukuh supaya mampu melaksanakan projek dengan jayanya. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan syarikat bagi tahun 2005, iaitu ketika peringkat penganugerahan projek ini, kontraktor mencatat Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM0.07 juta. Bagaimanapun, kontraktor telah mengalami Kerugian Selepas Cukai sepanjang tempoh pelaksanaan projek iaitu dari tahun 2006 hingga 2009. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai
Bagi Tempoh 2005 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai (RM Juta)
2005	0.07
2006	(0.27)
2007	(0.03)
2008	(1.12)
2009	(0.38)

Sumber: Rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia

b. Kekurangan Tenaga Kerja Di Tapak Bina

Pihak kontraktor hendaklah menyediakan tenaga kerja yang mencukupi seperti yang dipersetujui di dalam kontrak. Pada Mesyuarat Tapak Kali Ke-12 yang diadakan pada 28 Mac 2007, kontraktor memaklumkan bahawa pihak pengurusannya mengalami masalah dalam penambahan bilangan pekerja di tapak bina.

c. Kontraktor Tidak Memberikan Komitmen Yang Tinggi

i. Pihak kontraktor hendaklah memberikan komitmen yang tinggi untuk memastikan kerja dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan beberapa Surat Amaran dan Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (Notis) kepada kontraktor berikutan prestasi kerja yang tidak memuaskan. Selain itu, JKR Petaling juga telah menghantar Laporan Projek Sakit kepada JKR Selangor pada 25 Jun 2008 dengan menyatakan punca kelewatan projek seperti berikut:

- Masalah kekurangan bahan binaan di tapak bina.
- Pihak kontraktor lewat memulakan kerja pengalihan paip SYABAS. Walaupun kelulusan telah diberikan oleh JKR Selangor pada 25 Januari 2007, kerja hanya dimulakan pada 1 November 2007 iaitu kelewatan selama 11 bulan.
- Kelewatan memulakan kerja cerucuk pembinaan jambatan. Kerja cerucuk juga pernah terhenti selama sebulan. Kerja cerucuk telah selesai sepenuhnya pada 31 Januari 2008, tetapi sehingga 25 Jun 2008 jambatan belum siap disebabkan

oleh ujian *bearing pad* belum dimulakan dan penempahan *beam* lewat dijalankan.

- Kerja *pavement* tidak dapat dijalankan kerana kerja pemasangan paip dan pemasangan *roadside drain* masih belum selesai.
- ii. Pada 4 September 2009 JKR Petaling telah mengeluarkan kenyataan bahawa kontraktor tidak serius dan mengambil sikap sambil lewa untuk menyiapkan projek ini. **Jadual 7.5** menunjukkan maklumat lanjut mengenai tindakan yang telah diambil oleh JKR Petaling bagi tahun 2006 hingga 2010.

Jadual 7.5

Surat Amaran, Notis Dan Laporan Projek Sakit Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Perkara	Tarikh Surat Dikeluarkan	Peratus Sasaran Kerja (%)	Peratus Kemajuan Kerja (%)	Peratus Kelewatan (%)
1.	Surat Amaran Pertama	20.12.2006	35.0	10.0	25.0
2.	Surat Amaran Kedua	6.3.2007	51.0	11.0	40.0
3.	Surat Amaran Ketiga	3.7.2007	70.0	12.0	58.0
4.	Surat Amaran Keempat	13.11.2007	38.0	13.0	25.0
5.	Surat Amaran Kelima	19.12.2007	44.0	16.0	28.0
6.	Laporan Projek Sakit	25.6.2008	67.3	19.3	48.0
7.	Notis	30.6.2008	67.9	20.0	47.9
8.	Surat Amaran Pertama	19.2.2009	99.3	44.7	54.6
9.	Surat Amaran Kedua	4.3.2009	99.3	44.7	54.6
10.	Notis	27.4.2009	89.3	49.5	39.8
11.	Notis	31.12.2009	100.0	69.6	30.4

Sumber: Rekod JKR

7.4.2.4. Mengikut Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan pada 19 Mac 2010, keseluruhan kerja bagi projek ini telah diperakui siap dengan memuaskan pada 11 Februari 2010. Semakan Audit terhadap rekod kemajuan pelaksanaan projek mendapati projek ini telah diperakui siap sebelum kerja disiapkan sepenuhnya. Berdasarkan kepada gambar kemajuan projek yang diambil pada 24 Februari 2010 iaitu 13 hari selepas keseluruhan kerja diperakui siap, semakan Audit mendapati masih terdapat kerja yang belum siap sepenuhnya termasuk *guardrail* belum dipasang di lokasi berbahaya, sisanya bahan binaan ditinggalkan di tapak bina dan lampu isyarat belum berfungsi di lokasi cadangan persimpangan berlampau isyarat seperti di **Gambar 7.7** hingga **Gambar 7.10**. Oleh kerana JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja sebelum kerja siap sepenuhnya, pihak kontraktor tidak berusaha untuk mempercepatkan baki kerja kerana tidak perlu membayar denda yang tinggi. Dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan, kontraktor sepatutnya menyiapkan segala kecacatan yang timbul. Bagaimanapun, oleh kerana terdapat kerja yang tidak siap sepenuhnya pada 11 Februari 2010, maka kontraktor telah memperuntukkan masa dalam tempoh tanggungan kecacatan untuk menyiapkan baki kerja tersebut. Ini menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan sebenar menjadi kurang 12 bulan.

Gambar 7.7
Kemajuan Projek Pada 24 Februari 2010



Sumber: Rekod JKR
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175
Tarikh: 24 Februari 2010

Gambar 7.8



Sumber: Rekod JKR
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175
Tarikh: 24 Februari 2010

Gambar 7.9
Kemajuan Projek Pada 24 Februari 2010



Sumber: Rekod JKR
Lokasi: Persimpangan Desaria CH. 700
Tarikh: 24 Februari 2010

Gambar 7.10



Sumber: Rekod JKR
Lokasi: Persimpangan GAB CH. 525
Tarikh: 24 Februari 2010

7.4.2.5. JKR bersetuju dengan penemuan Audit dan memaklumkan bahawa kelewatan penyiapan projek adalah berkait dengan masalah pengalihan utiliti iaitu pihak Tenaga Nasional Bhd., Telekom Malaysia, Gas Malaysia dan pihak SYABAS. Kontrak projek ini tidak ditamatkan kerana implikasi kos di pihak Kerajaan dan kelewatan penyiapan projek akan menjadi lebih lama. Selain itu, pihak kontraktor telah menyiapkan kerja utama di tapak kecuali kerja *minor* sahaja. Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan apabila Pegawai Pengguna berpuas hati bahawa kerja yang disiapkan telah dapat berfungsi secara praktikal dan jalan yang telah siap dapat digunakan sepenuhnya oleh orang awam.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan memuaskan, kontraktor yang dipilih hendaklah mampu untuk melaksanakan projek ini. Pihak JKR

sepatutnya menamatkan kontrak selepas kontraktor diberi peluang melanjutkan masa yang pertama untuk menjaga kepentingan Kerajaan dan pengguna jalan raya. Selain itu, pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja hendaklah dibuat setelah kerja siap sepenuhnya. Kerja seperti pemasangan lampu isyarat, *guardrail* dan membersihkan semula tapak bina sepatutnya disiapkan terlebih dahulu dan bukannya dibuat dalam tempoh tanggungan kecacatan.

7.4.3. Projek Tidak Memenuhi Kriteria Perolehan Secara Rundingan Terus Justeru Tidak Ekonomi

7.4.3.1. Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus rujukan S/K/KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 JLD.12 (26) bertarikh 17 April 2002 menetapkan Kementerian Kewangan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri boleh meluluskan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kepada kriteria iaitu keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan, melibatkan keselamatan/strategik, dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera.

7.4.3.2. Pengauditan yang dijalankan mendapati projek ini telah dilaksanakan secara rundingan terus walaupun profil projek ini tidak memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di atas. Berasaskan kepada mesyuarat rundingan harga yang diadakan pada 29 Disember 2005 di antara JKR dan wakil Pegawai Kewangan Negeri dengan kontraktor, projek ini telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan secara rundingan terus. Bagaimanapun, surat permohonan daripada JKR kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk pelaksanaan rundingan terus tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit. Maklum balas JKR menyatakan permohonan rasmi dan bertulis bagi membolehkan perolehan projek dilaksanakan secara rundingan terus tidak dibuat. Bagaimanapun, kelulusan untuk menjalankan projek ini secara rundingan terus telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui surat bil.(9) dlm. PWN. Sel.(PPA)(S)002/1Jld. 26 bertarikh 28 September 2005.

7.4.3.3. Pada 23 Januari 2006, JKR telah memohon Pegawai Kewangan Negeri untuk memberi persetujuan dan kelulusan ke atas harga tawaran yang telah dibincangkan pada 29 Disember 2005 iaitu RM19.50 juta. Pihak kontraktor telah menawarkan sejumlah RM20.48 juta iaitu 23% lebih tinggi dari anggaran Jabatan berjumlah RM16.60 juta seperti di **Jadual 7.6**. Perpendaharaan Negeri Selangor pada 4 Februari 2006 telah meluluskan kos projek berjumlah RM19 juta sahaja dengan tempoh pelaksanaan projek selama 104 minggu.

Jadual 7.6
Perbezaan Harga Antara Anggaran Jabatan Dan Tawaran Kontraktor

Bil.	Perkara	Anggaran Jabatan (RM Juta)	Tawaran Kontraktor (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Harga Yang Dipersetujui (RM Juta)
1.	Kerja Permulaan	1.21	1.46	0.25	1.34
2.	Pembersihan Tapak, Kerja Tanah & Rumput	1.74	2.33	0.59	1.98
3.	Kerja Longkang	2.34	2.64	0.30	2.34
4.	Kerja Jalan	2.50	2.45	(0.05)	2.45
5.	Jambatan Anak Sungai Penchala	1.70	2.25	0.55	2.21
6.	Perabot Jalan	0.43	0.54	0.11	0.54
7.	Lampu Jalan	0.61	2.13	1.52	1.50
8.	Sistem Lampu Isyarat	0.27	0.84	0.57	0.80
9.	Pengurusan Trafik	0.90	0.94	0.04	0.94
10.	Peruntukan Sementara	4.90	4.90	0.00	4.90
Jumlah		16.60	20.48	3.88	19.00

Sumber: Rekod JKR

Pada pendapat Audit, bagi menjamin kepentingan pihak Kerajaan dan orang awam, kaedah perolehan projek ini hendaklah dibuat secara tender terbuka, bukan rundingan terus. Selain itu, kaedah rundingan terus yang dilaksanakan adalah tidak teratur kerana tidak menepati syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus. Perolehan Secara Rundingan Terus ini juga adalah tidak ekonomi kerana harga yang dipersetujui adalah lebih tinggi daripada anggaran Jabatan. Pelaksanaan kerja secara rundingan terus telah menghadkan peluang pemilihan kontraktor lain yang lebih berwibawa dan berkemampuan. Pihak Kerajaan juga tidak dapat membuat perbandingan harga bagi mendapatkan tawaran harga yang lebih rendah dan menguntungkan.

7.4.4. Kualiti Kerja Tidak Memuaskan

Semua kerja hendaklah dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja berkualiti dan kemas seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

7.4.4.1. Pemasangan *U-drain* Yang Tidak Kemas

- Mengikut Lukisan Pembinaan T/JKR/JKL/CW/AL/01 - *Plan And Longitudinal Profile* CH.00.00 To CH.350.00 bertarikh 7 April 2006, *u-drain* bersaiz 2700X2100mm hendaklah dipasang di CH. 0 hingga CH. 300. Amalan terbaik kerja konkrit memerlukan bahagian atas setiap unit *u-drain* dipasang dengan *capping beam*. Lawatan Audit di CH. 0 hingga CH. 300 mendapati, *u-drain* yang dipasang adalah bersaiz 2700X2100mm seperti ketetapan di lukisan pembinaan. Bagaimanapun, pemasangan *u-drain* tersebut tidak dipasang dengan *capping beam* seperti di **Gambar 7.11**. Tindakan memasang *capping beam* di bahagian atas *u-drain* telah dibuat selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.12**. Pemerhatian yang dibuat di

Persimpangan LDP (CH. 0) mendapat *u-drain* yang dipasang tanpa *capping beam* adalah lebih tinggi dari permukaan jalan seperti di **Gambar 7.13**.

Gambar 7.11
Pemasangan *U-drain* Tanpa *Capping Beam*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan LDP CH. 0
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.12
Tetulang Besi Kelihatan Di Bahagian Atas *U-drain*



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Persimpangan LDP CH. 0
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.13
***U-drain* Lebih Tinggi Dari Permukaan Jalan Di CH. 0**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan LDP CH. 0
Tarikh: 15 November 2010

- b. Pihak Audit dimaklumkan bahawa *u-drain* bersaiz 2700X2100mm telah ditempat mengikut ketetapan dalam *Bill Of Quantities* (BQ) dan dipasang di tapak mengikut lukisan pembinaan. Bagaimanapun, setelah pemasangan dibuat didapati *u-drain* berkenaan lebih tinggi dari permukaan jalan. *U-drain* yang dipasang lebih tinggi dari permukaan jalan boleh menyebabkan kesukaran terhadap kerja pembangunan tepi jalan pada masa hadapan. Selain itu, kerja kontraktor juga kelihatan tidak kemas dengan tetulang besi kelihatan terkeluar dari *u-drain*.

7.4.4.2. Pembinaan Struktur Manhole Tidak Mengikut Lukisan Pembinaan

Lukisan Pembinaan T/JKR/JKL/CW/DG/02 - *Typical Detail Of U-drain And Kerb Approach Junction*, T/JKR/JKL/CW/DG/03 - *Detail Of Sump Pit Type 1 (Brick Sump)* dan T/JKR/JKL/CW/DG/04 - *Detail Of Sump Pit Type 2 (Concrete Sump)* bertarikh 7 April 2006 menunjukkan manhole yang dibina hendaklah sama aras dengan aras laluan pejalan kaki. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati hampir semua manhole yang dibina bagi sistem perparitan telah dibina lebih tinggi daripada permukaan laluan pejalan kaki seperti di **Gambar 7.14**. Manhole dibina dengan menggunakan struktur konkrit yang tinggi dan menghalang laluan pejalan kaki serta merbahaya kepada pengguna jalan raya seperti di **Gambar 7.16**. Perkara ini tidak berlaku sekiranya penyeliaan yang sewajarnya dibuat oleh JKR di tapak projek semasa kerja dijalankan. Tindakan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.15** dan **Gambar 7.17**.

Gambar 7.14
Manhole Lebih Tinggi Dari Permukaan Laluan Pejalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Kontena Nasional Berhad CH. 175
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.16
Manhole Lebih Tinggi Dari Permukaan Laluan Pejalan Kaki




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Urusan Choo Seng Guan & Co.
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.15
Manhole Telah Disamakan Dengan Paras Pejalan Kaki Dan Ditutup



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Pejabat Kontena Nasional Berhad CH. 175
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.17
Manhole Telah Disamakan Dengan Paras Pejalan Kaki Dan Ditutup




Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Pejabat Urusan Choo Seng Guan & Co.
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.3. Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Kualiti Kerja Rendah

Merujuk kepada perkara 6.6 di dalam BQ, bahan yang digunakan untuk membina laluan pejalan kaki di sepanjang kiri dan kanan jalan seperti di lukisan pembinaan adalah 100mm *thick interlocking paver block*. Sejumlah RM140,800 diperlukan bagi membina 1,600 meter persegi laluan pejalan kaki dengan kadar harga RM88 setiap meter persegi. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati laluan pejalan kaki yang dibina adalah menggunakan bahan *cement render*. Selain daripada penggunaan bahan yang tidak mengikuti spesifikasi, terdapat beberapa penemuan lain yang berkaitan mutu kerja yang rendah iaitu:

- Kualiti kemasan permukaan laluan pejalan kaki tidak seragam seperti di **Gambar 7.18** dan **Gambar 7.20**. Bagaimanapun, tindakan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.19** dan **Gambar 7.21**.

Gambar 7.18
Kemasan Permukaan Yang Tidak Berkualiti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.19
Kemasan Permukaan Selepas Tindakan Diambil



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.20
Kemasan Permukaan Yang Tidak Berkualiti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.21
Kemasan Permukaan Yang Dibina Semula



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

- b. Binaan permukaan laluan pejalan kaki tidak rata seperti di **Gambar 7.22** dan **Gambar 7.24**. Tindakan membina semula laluan pejalan kaki telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.23** dan **Gambar 7.25**.

Gambar 7.22
Binaan Permukaan Tidak Rata:
Condong Ke Arah Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran Wisma Ann Joo, CH. 1175
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.23
Permukaan Pejalan Kaki Dibina Semula



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran Wisma Ann Joo, CH. 1175
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.24
Binaan Permukaan Tidak Rata:
Condong Ke Arah Pejalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran Wisma Ann Joo, CH. 1175
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.25
Permukaan Pejalan Kaki Dibina Rata



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran Wisma Ann Joo, CH. 1175
Tarikh: 26 April 2011

- c. Konkrit penutup longkang yang dijadikan laluan pejalan kaki pecah dan tidak dipasang seperti di **Gambar 7.26** dan **Gambar 7.28**. Bagaimanapun, tindakan mengganti semula konkrit penutup yang pecah telah dilakukan selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.27** dan **Gambar 7.29**.

Gambar 7.26
Konkrit Penutup Longkang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.27
Konkrit Penutup Longkang Dipasang Semula




Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.28
Konkrit Penutup Longkang Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.29
Konkrit Penutup Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.4. Pemasangan Concrete Kerb Inlet Tidak Mengikut Lukisan Pembinaan


Lukisan Pembinaan T/JKR/JKL/CW/DG/01 - *Typical Detail of Brick Block Drain And Kerb Detail* bertarikh 7 April 2006, menunjukkan *concrete kerb inlet* yang dibina hendaklah lebih rendah dari permukaan jalan raya bagi membolehkan air disalirkan ke longkang. Bagaimanapun, lawatan Audit di persimpangan Jalan PJS 5/1 CH. 725 mendapati *concrete kerb inlet* sepanjang 50 meter yang dibina bagi mengalirkan air ke longkang telah dibina lebih tinggi daripada permukaan jalan raya seperti di **Gambar 7.30**. Bagi membolehkan air atas jalan raya mengalir ke longkang, salah satu daripada *concrete kerb inlet* telah dipecahkan seperti di **Gambar 7.32**. Pemasangan yang tidak mengikut lukisan pembinaan akan menyebabkan air di permukaan jalan raya tidak dapat disalirkan ke longkang. Keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan pada permukaan jalan raya disebabkan air bertakung dan boleh membahayakan pengguna jalan raya, khususnya penunggang motosikal. Perkara ini tidak berlaku sekiranya penyeliaan yang sewajarnya dibuat oleh JKR di tapak projek semasa kerja dijalankan. Selepas teguran Audit, tindakan telah diambil pada bulan April 2011 seperti di **Gambar 7.31** dan **Gambar 7.33**.

Gambar 7.30
Pemasangan Concrete Kerb Inlet Lebih Tinggi
Dari Permukaan Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.32
Pemasangan Concrete Kerb Inlet Lebih Tinggi
Dari Permukaan Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.31
Pemasangan Concrete Kerb Inlet Lebih Rendah
Dari Paras Jalan Raya



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.33
Concrete Kerb Inlet Telah Dibaiki Dan Lebih Rendah
Dari Paras Jalan Raya



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.5. Lokasi Pemasangan Tiang Lampu Jalan Tidak Sesuai Dan Pemasangan Tiang Lampu Isyarat Tidak Kukuh

Mengikut Laporan Juruaudit Keselamatan Jalan (*Stage 4-Part 2*), lampu jalan dibina terlalu hampir dengan tepi jalan dan ia boleh mendarangkan bahaya kepada pengguna. Lawatan Audit pada 15 November 2010 mendapati beberapa unit tiang lampu yang dipasang dalam keadaan yang boleh membahayakan pengguna termasuk terlalu hampir dengan tepi jalan dan dibina di atas *kerb* seperti di **Gambar 7.34** dan **Gambar 7.36**. Manakala tiang lampu isyarat pula mengalami kerosakan di bahagian bawah (*bolt & nut*) kelihatan di permukaan jalan raya) seperti di **Gambar 7.38**. Tindakan yang telah diambil selepas teguran Audit adalah seperti di **Gambar 7.35**, **Gambar 7.37** dan **Gambar 7.39**.

Gambar 7.34
Tiang Lampu Isyarat Dibina Di Atas
Road Kerb



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.36
Tiang Lampu Jalan Terlalu Hampir
Dengan Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.35
Kedudukan Tiang Lampu Isyarat Telah Diubah
Dan Manhole Telah Ditutup



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.37
Tiang Lampu Isyarat Telah Dialihkan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.38
Tiang Lampu Mengalami Kerosakan Di Bahagian Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.39
Tiang Lampu Isyarat Telah Dipasang Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan PJS 5/1 CH. 725
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.6. *Guardrail Gagal Menghalang Pengguna Dari Objek Fizikal Di Tepi Jalan*

- Mengikut perkara 5.6 *Recommendation - Guidelines on Design and Selection of Longitudinal Traffic Safety Barrier*, panjang satu unit *guardrail* hendaklah 2 meter bagi jalan lebuhraya atau jalan persekutuan dan negeri yang sibuk dengan kenderaan. Penggunaan *guardrail* berukuran panjang 4 meter adalah tidak dibenarkan bagi Jalan Klang Lama. Lawatan Audit mendapati *guardrail* berukuran panjang 2 meter dan diselang seli dengan 4 meter dipasang di beberapa lokasi di Jalan Klang Lama seperti di **Gambar 7.40**. Tindakan menukar *guardrail* berukuran 2 meter telah dibuat selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.41**.

Gambar 7.40
Pemasangan Guardrail Berukuran Panjang 4 Meter Dan 2 Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB, CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.41
Pemasangan Guardrail Berukuran Panjang 2 Meter



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB, CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

b. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati beberapa penemuan lain yang berkaitan pemasangan *guardrail* yang tidak memuaskan seperti berikut:

- i. Antara tujuan *guardrail* dibina adalah untuk melindungi pengguna daripada objek fizikal di tepi jalan. Jarak antara *guardrail* dengan objek fizikal hendaklah tidak kurang dari 1.2 meter. Didapati *guardrail* dibina terlalu rapat dengan objek fizikal di Persimpangan Kampung Lindungan. Oleh itu, objektif pemasangan *guardrail* iaitu untuk menghalang objek fizikal dari dilanggar oleh pengguna jalan raya tidak tercapai. *Guardrail* dan objek fizikal adalah seperti di **Gambar 7.42**. JKR memaklumkan bahawa terdapat kekangan ruang bagi pemasangan tiang lampu di kawasan tersebut. Sebagai langkah mitigasi bagi mengukuhkan *guardrail* ini, *post* dipasang pada selang 2 meter seperti di **Gambar 7.43**.

Gambar 7.42
Jarak Antara *Guardrail* Dengan
Objek Fizikal Yang Dihalang Hendaklah
Tidak Kurang Dari 1.2 Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan, CH. 175
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.43
Terdapat Kekangan Ruang Bagi
Pemasangan Tiang Lampu



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan, CH. 175
Tarikh: 26 April 2011

- ii. *Guardrail* dipasang renggang dari struktur dan ini tidak memberi kawalan yang secukupnya bagi melindungi pengguna dari objek fizikal seperti di **Gambar 7.44**. *Guardrail* yang dipasang renggang dari struktur telah ditutup seperti di **Gambar 7.45**.

Gambar 7.44
Jarak Antara Guardrail Dengan Objek Fizikal Yang Dihalang Hendaklah Tidak Kurang Dari 1.2 Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Penchala, CH. 1350
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.45
Jarak Antara Guardrail Dengan Struktur Telah Ditutup



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Sungai Penchala, CH. 1350
Tarikh: 26 April 2011

iii. Menurut Arahan Teknik Jalan 1/1985, sejauh 10 meter dari sisi lorong lalu lintas tepi hendaklah bebas dari sebarang objek fizikal seperti tiang lampu jalan atau tiang tanda jalan, tembok penahan dan deretan pokok besar. Jika terdapat objek fizikal pada jarak tersebut, maka *guardrail* perlu dipasang bagi melindungi pengguna daripada objek fizikal tersebut. *Guardrail* juga perlu dipasang bagi melindungi kenderaan dari terbiasa ke landasan keretapi, anak sungai dan selekoh tajam. Lawatan Audit mendapati *guardrail* tidak dipasang di beberapa lokasi di mana terdapat objek fizikal di tempat tersebut seperti di **Gambar 7.46**. Selepas teguran Audit, *guardrail* telah dipasang seperti di **Gambar 7.47**.

Gambar 7.46
Guardrail Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Penchala, CH. 1350
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.47
Guardrail Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Sungai Penchala, CH. 1350
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.7. Perhentian Bas Dibina Berhampiran Persimpangan

Mengikut perkara 5.11 *Bus Laybyes - A Guide On Geometric Design Of Roads*, lokasi perhentian bas hendaklah tidak terletak berhampiran struktur atau selekoh atau pada jarak 60 meter daripada persimpangan. Lawatan Audit mendapati, sebuah perhentian bas telah dibina di CH. 550 iaitu di persimpangan keluar masuk ke Desa Mentari seperti di **Gambar 7.48** dan **Gambar 7.49**. Pembinaan perhentian bas yang terlalu hampir dengan persimpangan adalah membahayakan pengguna jalan raya. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Juruaudit Keselamatan Jalan. Bagaimanapun, JKR belum mengambil tindakan untuk memindahkan perhentian bas tersebut ke lokasi yang lebih selamat dan mematuhi peraturan.

Gambar 7.48
Perhentian Bas Dibina Pada Selekok Atau 60 Meter Berhampiran Persimpangan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Persimpangan Desa Mentari, CH. 550

Tarikh: 15 November 2010

7.4.4.8. Kerja Penyambungan Di Lokasi Permulaan Kerja Menaik Taraf Tidak Sempurna

Mengikut Lukisan Pembinaan T/JKR/JKL/CW/AL/01 bertarikh 7 April 2006 – *Plan And Longitudinal Profile CH00.00 To CH.350.00*, kerja menaik taraf Jalan Klang Lama adalah bermula di CH. 0 iaitu di persimpangan memasuki Jalan Klang Lama. Lawatan Audit mendapati kerja penyambungan tidak sempurna seperti di **Gambar 7.50** dan **Gambar 7.52**. Bagaimanapun, tindakan pemberian telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 7.51** dan **Gambar 7.53**.

Gambar 7.50
Kerja Menaik Taraf Longkang Dan Laluan Pejalan Kaki Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Jalan Klang Lama, CH. 0
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.52
Longkang Yang Dipasang Di Lokasi Permulaan Kerja Menaik Taraf Jalan Klang Lama Tidak Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Jalan Klang Lama, CH. 0
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.51
Laluan Pejalan Kaki Telah Dibina Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Persimpangan Jalan Klang Lama, CH. 0
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.53
Longkang Yang Dipasang Di Lokasi Permulaan Kerja Menaik Taraf Jalan Klang Lama Telah Ditutup



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Persimpangan Jalan Klang Lama, CH. 0
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.9. Penutup Manhole Rendah Dari Permukaan Jalan Dan Kebuk Injap Tidak Ditutup

Amalan terbaik kerja pembinaan memerlukan lubang yang berada di laluan orang awam hendaklah ditutup kemas bagi mengelak kemalangan. Lawatan Audit mendapati kebuk injap tidak ditutup dan penutup *manhole* rendah dari permukaan jalan seperti di **Gambar 7.54** dan **Gambar 7.56**. **Gambar 7.55** dan **Gambar 7.57** adalah kebuk injap SYABAS yang telah ditutup dan penutup *manhole* yang telah dibaiki selepas teguran Audit.

Gambar 7.54
Kebuk Injap SYABAS Tidak Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.55
Kebuk Injap SYABAS Telah Ditutup




Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.56
Penutup Manhole Rendah
Dari Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.57
Penutup Manhole Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

7.4.4.10. Sisa Bahan Binaan Ditinggalkan Di Tapak Bina

Mengikut dokumen kontrak Jilid II, *Standard Specification For Road Works Sub-Section 1.26, Clearing Up Site*, kontraktor hendaklah membuang sisa binaan bagi memastikan tapak projek dalam keadaan yang bersih dan kemas sepanjang projek dilaksanakan dan selepas siap pembinaan. Sejumlah RM20,000 telah diperuntukkan untuk skop kerja tersebut seperti yang dinyatakan dalam BQ. Lawatan Audit di tapak bina mendapati sisa bahan binaan tidak dibawa keluar dari tapak bina oleh kontraktor. Bayaran penuh berjumlah RM20,000 telah dibuat kepada kontraktor pada bulan Mac 2010. **Gambar 7.58** dan **Gambar 7.60** menunjukkan 2 lokasi di mana sisa bahan binaan tidak dibawa keluar dari tapak bina. Selepas teguran Audit tindakan pembersihan telah diambil seperti di **Gambar 7.59** dan **Gambar 7.61**.

Gambar 7.58
Sisa Bahan Binaan Ditinggalkan
Di Tapak Bina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Desa Mentari, CH. 550
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.60
Sisa Bahan Binaan Ditinggalkan
Di Tapak Bina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.59
Sisa Bahan Telah Dibersihkan
Di Tapak Bina



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Persimpangan Desa Mentari, CH. 550
Tarikh: 26 April 2011

Gambar 7.61
Sisa Bahan Telah Dibersihkan
Di Tapak Bina



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Berhampiran GAB CH. 525
Tarikh: 26 April 2011

Pada pendapat Audit, kualiti kerja tidak memuaskan kerana kerja tidak dibuat mengikut BQ atau lukisan pembinaan serta mutu kerja rendah dan tidak kemas. Ini boleh membahayakan pengguna yang menggunakan jalan raya. Pihak JKR hendaklah memastikan kualiti kerja dikawal dan mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya.

7.4.5. Penyediaan Kemudahan Jalan Tidak Memuaskan

Mengikut perancangan projek dan lukisan pembinaan, pembahagi jalan, sebuah jejantas dan laluan pejalan kaki akan dibina di Jalan Klang Lama. Bagaimanapun, pembinaan pembahagi jalan telah dibatalkan berikutan perbincangan antara penduduk setempat dengan wakil rakyat kawasan tersebut. Pembinaan sebuah jejantas dan laluan pejalan kaki di sebelah

kanan jalan khususnya di CH. 0 hingga CH. 400 juga dibatalkan kerana tidak ada ruang yang mencukupi untuk membinanya. Keterangan lanjut mengenai 3 perkara ini adalah seperti berikut:

7.4.5.1. Pembahagi Jalan Tidak Dibina

Lawatan Audit mendapati, pembahagi jalan tidak dibina tetapi telah digantikan dengan garisan berkembar di bahagian tengah jalan (*road marking*) dan pulau (*island*) bagi persimpangan berlampau isyarat seperti di **Gambar 7.62** dan **Gambar 7.63**. Teguran Juruaudit Keselamatan Jalan untuk membina pembahagi jalan di lokasi yang ditetapkan dalam perancangan projek juga tidak diambil tindakan oleh pihak JKR.

Gambar 7.62
Road Marking Sebagai Pembahagi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Desa Mentari CH. 550
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.63
Road Island Sebagai Pembahagi Jalan Di Persimpangan Berlampau Isyarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175
Tarikh: 15 November 2010

7.4.5.2. Jejantas Atau Lintasan Pejalan Kaki

Jalan Klang Lama merupakan jalan perhubungan bagi penduduk sekitar kawasan perumahan seperti Kampung Lindungan, Desa Mentari dan Desaria serta pekerja Syarikat Kontena Nasional, Guinness Anchor Berhad dan lain-lain perniagaan kecil. Juruaudit Keselamatan Jalan juga membangkitkan keperluan membina kemudahan jejantas ataupun lintasan pejalan kaki tetapi tidak ada tindakan oleh JKR. Lawatan Audit mendapati Jalan Klang Lama merupakan jalan yang aktif dengan pengguna yang berjalan kaki sama ada untuk ke tempat kerja, kembali ke kediaman atau lain-lain urusan harian. Bagaimanapun, kemudahan lintasan pejalan kaki berisyarat tidak disediakan walaupun terdapat kemudahan lampu isyarat dibina dalam projek ini. Pengguna melintas jalan seperti di **Gambar 7.64** dan **Gambar 7.65**.

Gambar 7.64
Persimpangan Kampung Lindungan CH. 175



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Persimpangan Kampung Lindungan, CH. 175

Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.65
Persimpangan Desa Mentari CH. 550



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Persimpangan Desa Mentari CH. 550

Tarikh: 15 November 2010

7.4.5.3. Laluan Pejalan Kaki Tidak Dibina

- a. Lukisan Pembinaan T/JKR/JKL/CW/AL/01 bertarikh 7 April 2006 - *Plan And Longitudinal Profile CH.0 To CH.350*, menunjukkan terdapat peruntukan kawasan untuk membina laluan pejalan kaki di kiri dan kanan Jalan Klang Lama. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan mendapati laluan pejalan kaki tidak dibina di sebelah kanan chainage seperti di **Gambar 7.66** dan **Gambar 7.67**.

Gambar 7.66
Tiada Laluan Pejalan Kaki Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sebelah Kanan Jalan, CH. 0 – CH.350

Tarikh: 15 November 2010

Gambar 7.67
Orang Awam Menggunakan Tepi Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sebelah Kanan Jalan, CH. 0 – CH.350

Tarikh: 15 November 2010

- b. Maklum balas JKR menyatakan bahawa perubahan kepada lukisan pembinaan mengenai pembahagi jalan adalah dibuat setelah beberapa siri perbincangan bersama antara wakil rakyat, wakil komuniti dan penduduk setempat bersama JKR Daerah Petaling. Jejantas pejalan kaki tidak dibina kerana ruang rizab jalan yang tidak mencukupi dan pembahagi jalan telah dikeluarkan daripada kontrak. Bagi mengatasi masalah pejalan kaki, lintasan pejalan kaki berlampaunya isyarat secara *push*

button akan dibina menggunakan peruntukan tahun 2011. Sebagai langkah keselamatan, pihak JKR dan Juruaudit Keselamatan Jalan akan menentukan mitigasi bagi mengurangkan risiko bahaya pada bulan Mei 2011.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna, jalan raya hendaklah dibina dengan kemudahan yang sepatutnya seperti laluan pejalan kaki seperti yang disarankan oleh pihak Juruaudit Keselamatan Jalan.

7.4.6. Peruntukan Asal Projek Terlalu Tinggi Berbanding Kos Projek

7.4.6.1. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan asal berjumlah RM47.60 juta bagi Projek Menaik Taraf Jalan Dan Jambatan untuk Jalan Klang Lama bagi tempoh RMKe-9. Jumlah tersebut terdiri daripada RM45.60 juta dan RM2 juta peruntukan tambahan. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 7.7**. Analisis Audit terhadap jumlah peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan bersih mendapati hanya RM14.99 juta (31.5%) daripada sejumlah RM47.60 juta peruntukan asal bersih telah dibelanjakan sepanjang tempoh projek ini dilaksanakan. Sejumlah RM32.35 juta (68.5%) lagi telah dipindahkan bagi menampung kos lain-lain projek JKR.

Jadual 7.7
Peruntukan Bagi Menaik Taraf Jalan
Dan Jambatan Untuk Jalan Klang Lama

Tahun	Jumlah Peruntukan Asal Bersih (RM Juta) A	Pindahan Peruntukan (Tambah) (RM Juta) B	Pindahan Peruntukan (Kurangan) (RM Juta) C	Jumlah Peruntukan Bersih (RM Juta) D = A + B - C	Perbelanjaan Bersih (RM Juta)
2006	7.95	0.05	6.15	1.85	1.85
2007	12.00	0.00	10.92	1.08	1.08
2008	12.00	0.00	10.00	2.00	2.00
2009	13.65	0.00	5.28	8.37	8.37
2010	2.00	0.00	0.00	2.00	*1.69
Jumlah	47.60	0.05	32.35	15.30	14.99

Sumber: Perbendaharaan Negeri Selangor

Nota: * Perbelanjaan Bersih Sehingga 31 Disember 2010

7.4.6.2. Berdasarkan maklum balas JKR, adalah didapati anggaran asal adalah tinggi kerana jangkaan perbelanjaan dapat dibuat sepenuhnya dengan setiap aktiviti berjalan lancar. Bagaimanapun, lebihan peruntukan bagi tahun berkenaan telah dibuat pindahan peruntukan kepada beberapa projek lain yang memerlukan peruntukan. JKR akan berusaha bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri supaya anggaran asal projek dan kos sebenar projek di masa hadapan adalah lebih tepat.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin kepentingan pihak Kerajaan, perancangan kewangan bagi projek ini hendaklah dibuat dengan teliti kerana anggaran kos asal yang terlampaui tinggi jauh berbeza berbanding kos sebenar.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap Projek Menaik Taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling dan projek lain di masa akan datang, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil tindakan berikut:

- 7.5.1. Menggunakan kaedah perolehan secara tender bagi projek infrastruktur yang melebihi RM500,000 untuk memastikan Kerajaan mendapat nilai terbaik dan kontraktor yang dipilih berupaya melaksanakan projek.
- 7.5.2. Memastikan kontraktor menyiapkan kerja sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.
- 7.5.3. Membuat pemantauan dan pemeriksaan yang rapi sebelum meluluskan bayaran.
- 7.5.4. Membuat tindakan menamatkan kontrak sebelum masalah kontraktor menjadi sukar ditangani.
- 7.5.5. Membaiki kelemahan dan kecacatan binaan dengan segera untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan ini.

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

8. PROGRAM RUMAH RAKYAT

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Selangor Setinggan Sifar 2005 merupakan agenda Kerajaan Negeri sebagai satu usaha meningkatkan kualiti hidup individu dan keluarga serta menyediakan perumahan yang berkualiti kepada rakyat. Berdasarkan maklumat Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), terdapat 50,431 setinggan di seluruh Selangor sebelum tahun 2005. Antara program penyelesaian setinggan yang dirancang meliputi pembinaan rumah kos rendah untuk dijual kepada golongan setinggan, pembinaan rumah rakyat untuk disewa sebagai penempatan sementara bagi golongan setinggan yang tidak mampu membeli rumah dan penyusunan semula penempatan setinggan.

8.1.2. Fungsi asal rumah rakyat adalah sebagai penempatan sementara bagi setinggan yang tidak mampu membeli rumah kos rendah selepas proses pemanfaatan setinggan dijalankan. Proses pemanfaatan adalah langkah awal yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memadankan setinggan yang berkemampuan untuk membeli rumah dengan projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan di kawasan PBT yang terlibat. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Jun 2007 telah membuka penyewaan rumah rakyat kepada golongan sasaran selain setinggan iaitu ibu tunggal yang mempunyai tanggungan, orang miskin di bawah kategori kemiskinan tegar/bandar, golongan orang kelainan upaya (OKU), pemohon yang mempunyai tanggungan ramai, pesara, mangsa banjir atau kebakaran dan pekerja kilang.

8.1.3. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah membeli 290 unit rumah pangsa kos rendah 10 tingkat di Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6, Puchong daripada Perumahan Kinrara Berhad dan Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ daripada Lengkap Teratai Sdn. Bhd. untuk dijadikan rumah rakyat. Kos keseluruhan 290 unit rumah rakyat ini adalah RM12.18 juta yang dibiayai melalui bajet mengurus MPSJ. Butiran adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kos Pembelian Rumah Rakyat MPSJ

Bil.	Rumah Rakyat	Jumlah (Unit)	Kos (RM Juta)	Purata Kos Seunit (RM)
1.	Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6	240	10.08	42,000
2.	Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ	50	2.10	42,000
	Jumlah	290	12.18	42,000

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

8.1.4. Pengurusan rumah rakyat MPSJ adalah di bawah tanggungjawab Unit Perumahan Rakyat, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH), MPSJ yang mempunyai 5 orang

pegawai diketuai oleh Penolong Pengarah Penilaian Gred W41. Tugas dan tanggungjawab Unit Perumahan Rakyat meliputi pengurusan proses permohonan, pemilihan dan pendaftaran penyewa, kutipan hasil dan tunggakan sewa serta penyenggaraan rumah rakyat MPSJ.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan rumah rakyat telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamatnya.

8.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan rumah rakyat oleh MPSJ bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan rumah rakyat. Selain itu, lawatan turut dilakukan ke rumah rakyat di Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6, Puchong dan Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ serta temu bual dengan pegawai MPSJ dan penyewa untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan. Borang soal selidik diedarkan kepada penyewa untuk mendapatkan maklum balas bagi menilai keadaan dan keselesaan rumah rakyat.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati secara keseluruhannya program rumah rakyat ini telah berjaya mencapai matlamat sebagai salah satu program penyelesaian masalah setinggan dan sebagai penempatan sementara bagi setinggan yang tidak mampu membeli rumah. Bagaimanapun, pengurusan program ini mempunyai beberapa kelemahan kerana kutipan sewa tidak mencapai sasaran dan mencatatkan tunggakan berjumlah RM391,271. Selain itu, terdapat tunggakan caj utiliti yang tinggi berjumlah RM205,611, penyenggaraan yang tidak memuaskan, perjanjian sewa tidak ditandatangani dan prestasi penjualan rumah rakyat yang rendah. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

8.4.1. Pencapaian Sasaran Selangor Setinggan Sifar 2005

8.4.1.1. Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan matlamat Setinggan Sifar 2005 sejak tahun 1998. Bilangan keseluruhan setinggan di kawasan MPSJ berdasarkan bancian yang dilakukan sebelum pelaksanaan Setinggan Sifar 2005 adalah sejumlah 3,645 setinggan yang melibatkan 27 penempatan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, MPSJ telah berjaya mengurangkan 3,504 setinggan (96.1%). Penempatan setinggan tersebut telah dirobohkan antara tahun 2002 hingga 2005. Bilangan setinggan yang masih terdapat di kawasan pentadbiran MPSJ adalah 141 setinggan di Kampung Bukit Lanchong. Aktiviti pemindahan setinggan tersebut ditangguhkan kerana kawasan penempatan setinggan ini terlibat dalam Projek Tebatan Banjir Sungai Klang. Butiran seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Bilangan Setinggan Di Kawasan Pentadbiran MPSJ

Bil.	Zon Penempatan Setinggan	Bilangan Setinggan			Peratus Pencapaian (%)
		Sebelum Tahun 2005	Sehingga Bulan Disember 2010	Berjaya Dipindah	
1.	Subang Jaya	759	141	618	81.4
2.	Puchong	1,782	-	1,782	100.0
3.	Seri Kembangan	1,104	-	1,104	100.0
	Jumlah	3,645	141	3,504	96.1

Sumber: Jabatan Perancang Bandar, MPSJ

8.4.1.2. Berdasarkan data bancian setinggan, MPSJ telah mengadakan program pemadanan di antara setinggan dengan projek perumahan setinggan seperti di **Jadual 8.3**. MPSJ telah memadankan sejumlah 3,279 (93.6%) setinggan ke projek rumah kos rendah yang dibeli oleh setinggan dengan harga RM35,000 sebuah. Manakala sejumlah 130 (4%) setinggan yang tidak mampu membeli rumah kos rendah telah ditempatkan secara sementara ke rumah rakyat MPSJ di Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6 dan Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ.

Jadual 8.3
Program Penyelesaian Setinggan Di Kawasan MPSJ

Bil.	Zon Penempatan Setinggan	Jumlah Bilangan Setinggan Berjaya Dipindahkan	Bilangan Setinggan Dipindahkan Mengikut Program Penyelesaian Setinggan		
			Projek Rumah Kos Rendah	Rumah Rakyat	Lain-Lain
1.	Subang Jaya	618	606	12	-
2.	Puchong	1,782	1,569	118	*95
3.	Sri Kembangan	1,104	1,104	-	-
	Jumlah	3,504	3,279	130	95

Sumber: Jabatan Perancang Bandar, MPSJ

*Nota: Merujuk kepada kaedah penyelesaian setinggan yang berpindah keluar dari penempatan setinggan selain daripada projek rumah kos rendah dan rumah rakyat, sebagai contoh berpindah ke rumah keluarga terdekat.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi program Selangor Setinggan Sifar 2005 di kawasan MPSJ adalah baik.

8.4.2. Kemudahan Di Rumah Rakyat

8.4.2.1. Kawasan perumahan rakyat hendaklah mempunyai dalaman rumah yang lengkap serta kemudahan awam seperti dewan orang ramai, pengangkutan awam, tempat beribadat, taman permainan, kedai dan lain-lain, perlu disediakan supaya penghuninya dapat hidup di persekitaran yang selesa. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Keluasan lantai untuk setiap unit rumah rakyat adalah 650 kaki persegi dan dilengkapi 3 bilik tidur, satu ruang tamu, satu dapur, satu bilik mandi dan satu tandas.

- b. Lawatan Audit ke lokasi rumah rakyat pada 16 Disember 2010 dan 13 Januari 2011 di Pangsapuri Enggang dan Pangsapuri Seri Kayan mendapati rumah rakyat telah dilengkapi dengan kemudahan awam untuk kegunaan penghuni. Antara kemudahan awam tersebut adalah surau, dewan orang ramai, laluan pengangkutan awam, taman permainan kanak-kanak, pili bomba, sekolah, telefon awam dan lain-lain. **Gambar 8.1** hingga **Gambar 8.4** adalah berkaitan.

Gambar 8.1

Kemudahan Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6

Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 8.2

Kemudahan Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ

Tarikh: 13 Januari 2011

Gambar 8.3

Kemudahan Dewan Orang Ramai



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6

Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 8.4

Kemudahan Dewan Orang Ramai



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ

Tarikh: 13 Januari 2011

- c. Bagaimanapun, kemudahan berkaitan aspek keselamatan awam di Pangsapuri Enggang perlu dipertingkatkan kerana terdapat kes di mana hos bomba dihalang dan alat pemadam api telah hilang seperti di **Gambar 8.5** dan **Gambar 8.6**. Keadaan ini membahayakan keselamatan awam sekiranya berlaku kebakaran.

Gambar 8.5
Kemudahan Hos Bomba Yang Dihalang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 13 Januari 2011


Gambar 8.6
Kemudahan Alat Pemadam Api Yang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 13 Januari 2011

8.4.2.2. Bagi menilai kepuasan penyewa terhadap rumah rakyat, pihak Audit telah menjalankan kaji selidik terhadap 50 orang penyewa rumah rakyat. Kaji selidik tersebut meliputi penilaian terhadap kepuasan dalaman rumah, kemudahan awam, kemudahan asas dan persekitaran. Ringkasan hasil analisis Audit terhadap kaji selidik yang telah dijalankan adalah seperti di **Rajah 8.1**.

Rajah 8.1
Kepuasan Penyewa Terhadap Kemudahan Di Rumah Rakyat MPSJ



Pada pendapat Audit, kemudahan yang disediakan di rumah rakyat MPSJ adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan dengan mengambil kira aspek keselamatan awam.

8.4.3. Sasaran Penghuni Rumah Rakyat (Penyewaan)

8.4.3.1. Kerajaan Negeri pada tahun 2007 telah meluluskan penetapan golongan sasaran dan garis panduan syarat permohonan penyewaan bagi rumah rakyat MPSJ seperti di **Jadual 8.4.**

Jadual 8.4

Golongan Sasaran Dan Syarat Permohonan Penyewaan Rumah Rakyat MPSJ

Golongan Sasaran	Setinggan (Sekiranya terdapat penempatan setinggan baru)
	Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan
	Orang miskin di bawah kategori kemiskinan tegar/bandar
	Golongan OKU
	Pemohon yang mempunyai tanggungan ramai
	Pesara
Syarat Permohonan Penyewaan	Mangsa banjir atau kebakaran
	Pekerja kilang
	Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan
	Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM2,000
	Pemohon telah berdaftar dengan PBT berkenaan
	Pemohon dan suami/isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor
	Pemohon dan suami/isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama dengan lokasi rumah rakyat yang dimohon

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

8.4.3.2. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, sejumlah 247 unit rumah rakyat disewakan, 22 unit kosong, 10 unit untuk diperuntukkan bagi mangsa bencana alam dan 11 unit telah dijual kepada penyewa dan orang awam seperti di **Jadual 8.5.**

Jadual 8.5

Unit Rumah Rakyat MPSJ Sehingga Bulan Disember 2010

Bil.	Pangsapuri	Sewa (Unit)	Jual (Unit)	Kosong (Unit)	Bencana Alam (Unit)	Jumlah (Unit)
1.	Enggang	212	9	14	5	240
2.	Seri Kayan	35	2	8	5	50
Jumlah		247	11	22	10	290

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

8.4.3.3. Penyewa yang menyewa rumah rakyat adalah terdiri dari golongan yang mematuhi syarat permohonan penyewaan yang ditetapkan. Statistik penyewa mengikut kategori di rumah rakyat MPSJ adalah seperti di **Jadual 8.6** di mana golongan setinggan merupakan yang tertinggi menyewa di rumah rakyat iaitu sejumlah 130 penyewa (52.6%) dan diikuti oleh 52 penyewa (21.1%) golongan ibu tunggal dan seterusnya 34 penyewa (13.8%) golongan miskin.

Jadual 8.6
Statistik Kategori Penyewa Di Rumah Rakyat

Bil.	Kategori	Pangsapuri Enggang (Unit)	Pangsapuri Seri Kayan (Unit)	Jumlah (Unit)
1.	Setinggan	114	16	130
2.	Ibu Tunggal	49	3	52
3.	Golongan Miskin	34	-	34
4.	OKU	6	-	6
5.	Warga Emas	6	-	6
6.	Mangsa Bencana Alam	2	-	2
7.	Kuarters	1	16	17
Jumlah		212	35	247

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

Pada pendapat Audit, penempatan golongan sasaran untuk menyewa rumah rakyat MPSJ adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan unit rumah rakyat yang masih kosong adalah tidak memuaskan kerana unit berkenaan tidak disewakan dengan segera selepas penyewa berpindah. MPSJ hendaklah mengambil tindakan segera untuk mengisi kekosongan unit rumah rakyat dengan menawarkan penyewaan rumah rakyat kepada golongan yang berkelayakan.

8.4.4. Prestasi Kutipan Sewa Rumah Rakyat

Kadar sewa bulanan yang ditetapkan bagi rumah rakyat MPSJ adalah RM250 sebulan. Bagi golongan setinggan/OKU/ibu tunggal/golongan berpendapatan rendah kadar sewa yang dikenakan adalah RM124 sebulan. Perjanjian sewaan menetapkan antaranya bayaran sewa bulanan hendaklah dibayar pada atau sebelum hari ketujuh pada setiap bulan. Jika penyewa gagal menjelaskan bayaran sewa, tuan punya perlu mengeluarkan notis 14 hari terhadap penyewa dan akan mengenakan denda lewat pada kadar satu bulan sewaan. Sekiranya penyewa gagal menjelaskan sewaan bulanan pada tarikh yang ditetapkan dan mempunyai tunggakan sewaan melebihi satu bulan, tuan punya boleh mengeluarkan notis 30 hari meminta penyewa menjelaskan bayaran dan kegagalan menjelaskan bayaran akan mengakibatkan perjanjian ditamatkan. Semakan Audit mendapati:

8.4.4.1. Anggaran kutipan hasil sewaan dan kutipan sebenar bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 8.7**. Analisis terhadap jadual ini mendapati prestasi kutipan pada tahun 2009 telah melebihi anggaran hasil sejumlah RM35,405 (123.1%). Manakala prestasi kutipan sewaan rumah rakyat bagi tahun 2010 mencatatkan pengurangan sejumlah RM284,091 (33.9%) berbanding anggaran hasil yang ditetapkan. Secara keseluruhan, prestasi kutipan sewaan bagi kedua-dua tahun ini adalah pengurangan kutipan sebanyak 57.3%.

Jadual 8.7
Perbandingan Anggaran Hasil Sewaan Dengan Kutipan Sebenar
Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Tahun	Anggaran Hasil (RM)	Kutipan Sebenar (RM)	Lebihan/(Kurangan) (RM)	Prestasi Kutipan (%)
2009	153,000	188,405	35,405	123.1
2010	430,000	145,909	(284,091)	33.9
Jumlah	583,000	334,314	(248,686)	57.3

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

8.4.4.2. Sehingga bulan Disember 2010, sejumlah 173 penyewa tidak membayar sewa bulanan seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian dan jumlah tunggakan sewaan bagi rumah rakyat adalah RM391,271. Butiran lanjut mengenai tunggakan sewaan adalah seperti di **Jadual 8.8**. Analisis terhadap jadual ini menunjukkan kategori tunggakan sewaan lebih 24 bulan mencatatkan tunggakan tertinggi iaitu RM273,690.

Jadual 8.8
Tunggakan Sewaan Rumah Rakyat Sehingga Bulan Disember 2010

Bil.	Pangsapuri	Tunggakan/Bulan					Jumlah (RM)
		1-3 (RM)	4-6 (RM)	7-12 (RM)	13-24 (RM)	Lebih 24	
1.	Enggang	15,836	3,968	33,944	58,099	273,690	385,537
2.	Seri Kayan	724	1,152	1,480	2,378	-	5,734
	Jumlah	16,560	5,120	35,424	60,477	273,690	391,271

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

8.4.4.3. Jumlah tunggakan sewaan yang tinggi adalah kerana kelemahan terhadap penguatkuasaan perjanjian. Adalah didapati JPPH hanya mengambil tindakan pentadbiran terhadap penyewa yang tidak membayar sewa bulanan iaitu dengan mengeluarkan Notis Makluman dan Notis Amaran kepada penyewa. Tindakan seperti ini tidak memberi kesan dalam usaha untuk memastikan penyewa mematuhi syarat perjanjian. JPPH memaklumkan tindakan undang-undang tidak dikuatkuasakan kerana mengambil kira faktor tanggungjawab sosial. Selain itu, sikap tidak bertanggungjawab dan kesempitan hidup penyewa juga menjadi penyebab sewa gagal dikutip dan menyebabkan MPSJ kehilangan hasil. Kegagalan penyewa membayar sewa memberi implikasi kewangan yang tinggi kerana tunggakan sewaan tersebut merupakan hasil MPSJ dan boleh digunakan untuk membiayai kos penyenggaraan rumah rakyat.

8.4.4.4. Bagaimanapun, JPPH telah berusaha untuk menggalakkan penyewa membayar sewa pada setiap bulan dengan mengadakan kaunter bergerak yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Pangaspuri Enggang pada hari yang ditetapkan setiap bulan dan beroperasi antara pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari bagi memudahkan penyewa membayar sewa memandangkan jarak antara pangaspuri tersebut dengan MPSJ adalah jauh. Perkhidmatan kaunter bergerak tidak disediakan di Pangaspuri Seri Kayan kerana lokasi pangaspuri adalah berhampiran pejabat MPSJ. Pada tahun 2008 hingga 2010, kutipan yang diperolehi melalui kaunter bergerak adalah sejumlah RM262,695.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan sewaan tidak memuaskan. Kutipan hasil tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan tunggakan sewaan adalah tinggi. MPSJ hendaklah menguatkuasakan peraturan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap penyewa yang ingkar dalam mematuhi syarat perjanjian sewaan.

8.4.5. Tunggakan Caj Utiliti

Mengikut syarat perjanjian sewaan, penyewa hendaklah menjelaskan segala caj berhubung dengan bekalan elektrik, air, telefon, pembetungan dan lain-lain kemudahan kepada pihak yang berkenaan sepanjang tempoh sewaan. Bagi penyewa yang mempunyai tunggakan air dan elektrik, notis 14 hari pemotongan bekalan air dan elektrik ke rumah kediaman hendaklah dikeluarkan oleh MPSJ. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, tunggakan caj utiliti adalah berjumlah RM205,611 seperti di **Jadual 8.9**. Tunggakan caj utiliti ini berlaku adalah disebabkan bil utiliti bagi setiap unit rumah rakyat masih mengekalkan MPSJ sebagai pemilik rumah. Ini menyebabkan penyewa mengambil kesempatan untuk tidak membayar caj utiliti tersebut. Di samping itu, MPSJ dan agen pengurusan tidak mengambil tindakan untuk memotong bekalan elektrik dan air seperti yang ditetapkan dalam syarat perjanjian sewa.

**Jadual 8.9
Tunggakan Caj Utiliti Rumah Rakyat
Sehingga Bulan Disember 2010**

Bil.	Caj Utiliti	Jumlah (RM)
1.	Bekalan Elektrik	78,015
2.	Bekalan Air	111,546
3.	Pembetungan	16,050
Jumlah		205,611

Sumber: Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSJ

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan tunggakan caj utiliti tidak memuaskan kerana tunggakan yang tinggi telah menambah tanggungan kewangan MPSJ. Tindakan untuk meletakkan nama penyewa di bil utiliti perlu diambil tindakan segera oleh MPSJ.

8.4.6. Penyenggaraan Rumah Rakyat

Rumah rakyat sama ada di luar atau di dalam premis, perlu disenggara supaya penghuninya dapat menikmati kehidupan yang selesa dan meningkatkan kualiti hidup. Semakan Audit terhadap kedua-dua penyenggaraan luar dan dalam premis rumah rakyat mendapati perkara berikut:

- 8.4.6.1. Agen pengurusan yang dilantik oleh Badan Pengurusan Bersama sesebuah kediaman bertingkat bertanggungjawab melaksanakan penyenggaraan di luar premis kediaman tersebut. Antara tanggungjawab tersebut adalah mengutip sampah, memperbaiki kerosakan lampu di kawasan luar premis, kebersihan persekitaran serta menyenggara lif. Lawatan Audit bersama pegawai MPSJ ke rumah rakyat di Pangsapuri

Enggang pada 9 November dan 16 Disember 2010 mendapati keadaan di luar premis rumah rakyat adalah tidak memuaskan seperti di **Gambar 8.7** hingga **Gambar 8.12**. MPSJ sepatutnya memaklum dan mengarahkan pihak agen pengurusan yang dilantik untuk menyenggara dan menjalankan tanggungjawabnya kerana MPSJ telah membayar caj perkhidmatan setiap bulan. Keadaan yang tidak kondusif menyebabkan penghuni rumah rakyat tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa serta terdedah kepada jangkitan penyakit disebabkan sampah yang tidak dikutip.

Gambar 8.7
Kebocoran Di Dinding Rumah Rakyat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 8.8
Sampah Tidak Dikutip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 8.9
Sampah Dibakar Di Luar Premis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 8.10
Siling Pecah Belum Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 8.11
Vandalisme Yang Berlaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 8.12
Persekutuan Lif Yang Tidak Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara 6
Tarikh: 16 Disember 2010

8.4.6.2. Berbeza dengan Pangsapuri Enggang, lawatan Audit ke Pangsapuri Seri Kayan pada 13 Januari 2011 mendapati keadaan di luar premis adalah memuaskan seperti di Gambar 8.13 hingga Gambar 8.16.

Gambar 8.13
Rumah Sampah Disenggara Dengan Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ
Tarikh: 13 Januari 2011

Gambar 8.14
Kawasan Taman Yang Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Seri Kayan, Pinggiran USJ
Tarikh: 13 Januari 2011

Gambar 8.15
Persekutuan Lif Yang Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Seri Kayan, Pinggiran USJ
Tarikh: 13 Januari 2011

Gambar 8.16
Persekutuan Luar Yang Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangaspuri Seri Kayan, Pinggiran USJ
Tarikh: 13 Januari 2011

8.4.6.3. Mengikut syarat perjanjian sewa, penyewa hendaklah memastikan premis, termasuk bahagian dalaman seperti lantai, dinding, pintu, siling, tandas, bilik air serta segala *fixtures* dan *fittings* berada di dalam keadaan baik, bersih dan memuaskan. Kerosakan dan tuntutan yang timbul berkenaan dengan premis atau *fixtures* dan *fittings* yang disebabkan oleh perbuatan dan perlakuan yang cuai, tidak bertanggungjawab dan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh penyewa perlu ditanggung oleh penyewa. Semakan Audit mendapati MPSJ telah menanggung kos kerosakan yang berlaku di dalam rumah rakyat tanpa mengambil kira sama ada kerosakan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian atau sikap penyewa sendiri yang tidak bertanggungjawab. Sungguhpun pegawai JPPH ada melakukan lawatan untuk meninjau keadaan rumah rakyat, tetapi pemeriksaan tersebut tidak dijadualkan dan tiada laporan lengkap disediakan. Kos kerja pembaikan rumah rakyat yang dibelanjakan oleh MPSJ bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM194,595 seperti di **Jadual 8.10**.

Jadual 8.10
Perbelanjaan Sebenar Pembaikan Rumah Rakyat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Kos Sebenar (RM)
2008	55,758
2009	69,528
2010	69,309
Jumlah	194,595

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, MPSJ

Pada pendapat Audit, penyenggaraan luar premis rumah rakyat di Pangaspuri Enggang tidak memuaskan kerana agen pengurusan yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab. Penyenggaraan di dalam premis rumah rakyat juga tidak memuaskan kerana tiada pemantauan secara berkala dilaksanakan oleh MPSJ. Pihak MPSJ hendaklah memastikan agen pengurusan yang dilantik menjalankan tanggungjawab dan menasihatkan penghuni rumah rakyat mengamalkan cara hidup yang sihat dan bersih.

8.4.7. Perjanjian Sewaan Tidak Ditandatangani

8.4.7.1. Perjanjian merupakan dokumen penting untuk memastikan penyewa dan MPSJ mempunyai ikatan perundangan yang jelas serta menjaga kepentingan MPSJ. Penyewa yang bersetuju dengan syarat peruntukan penyewaan perumahan rakyat dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MPSJ bagi tempoh sewaan selama satu tahun. Jabatan Undang-undang akan menyediakan perjanjian sewaan dan dibawa ke Dewan Orang Ramai Pangaspuri Enggang pada hari kaunter bergerak dibuka untuk tujuan mendapatkan tandatangan dari penyewa.

8.4.7.2. Semakan Audit mendapati perjanjian sewaan tahun 2010 telah disediakan pada awal tahun. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2010, sebanyak 123 perjanjian sewaan belum ditandatangani antara penyewa rumah rakyat dengan MPSJ. Perkara ini adalah disebabkan penyewa tidak memberi kerjasama dengan tidak menghadirkan diri bertemu dengan pegawai Jabatan Undang-undang yang telah membuka kaunter bergerak untuk menyerahkan perjanjian sewaan kepada penyewa untuk ditandatangani. Pegawai di Jabatan Undang-undang juga telah melawat ke setiap rumah tetapi terdapat penyewa yang tiada di rumah kerana bekerja. Kegagalan untuk memeterai perjanjian menyebabkan kesukaran pihak MPSJ untuk menguatkuasakan syarat perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Selepas teguran Audit diterima, MPSJ pada bulan April 2011 telah berjaya menandatangani 90 daripada 123 perjanjian yang belum ditandatangani sebelum ini.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian sewaan tidak memuaskan kerana terdapat penyewa yang tidak menandatangani perjanjian walaupun MPSJ telah menyediakan dokumen perjanjian. Pihak MPSJ perlu berusaha melalui beberapa alternatif lain seperti pergi berjumpa dengan penyewa berkenaan pada waktu malam atau bagi penyewa baru, MPSJ perlu memastikan penyewa menandatangani surat perjanjian dahulu sebelum dibenarkan memasuki rumah.

8.4.8. Prestasi Penjualan Rumah Rakyat

8.4.8.1. Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) pada bulan Jun 2006 telah meluluskan penjualan 222 unit rumah rakyat kepada penduduk setinggan dan orang awam masing-masing dengan harga RM45,000 dan RM50,000 serta mengekalkan baki 68 unit rumah lagi untuk kes-kes kecemasan. Dasar penjualan rumah rakyat MPSJ telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Taksiran MPSJ Bilangan 6 Tahun 2009. Dasar penjualan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan.
- b. Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM2,000 sebulan.
- c. Pemohon dan suami/isteri tidak memiliki tanah atau rumah di Negeri Selangor.
- d. Penjualan dihadkan kepada hanya satu unit rumah bagi satu keluarga/pembeli.

- e. Tujuan pembelian mestilah untuk didiami dan bukan untuk disewakan atau tujuan pelaburan.

8.4.8.2. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, hanya 11 unit (5%) rumah telah dijual. Namun selepas menerima teguran Audit, pada bulan April 2011 tambahan 11 unit rumah rakyat telah berjaya dijual menjadikan jumlah unit rumah rakyat dijual sebanyak 22 unit. Prestasi penjualan yang tidak menggalakkan adalah disebabkan penyewa yang tidak berminat untuk membeli atau sukar mendapatkan pinjaman bank bagi tujuan pembiayaan pembelian rumah kerana tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh bank. Rumah yang tidak dijual akan menyebabkan MPSJ berterusan menanggung kos penyenggaraan, caj perkhidmatan serta tunggakan sewa. Selain itu, MPSJ tidak mematuhi dasar penjualan rumah rakyat kerana 3 daripada 22 unit rumah rakyat di Pangsapuri Enggang telah dijual kepada satu keluarga/pembeli dengan harga RM50,000 seunit.

Pada pendapat Audit, penjualan rumah rakyat tidak menggalakkan kerana hanya 22 daripada 222 unit telah dijual. MPSJ perlu meningkatkan usaha mempromosikan rumah rakyat kepada golongan yang berkelayakan bagi meningkatkan prestasi penjualan rumah rakyat.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, MPSJ disyorkan mengambil tindakan terhadap perkara-perkara seperti berikut:

8.5.1. Membantu secara berterusan golongan miskin, OKU dan ibu tunggal mendapatkan bantuan daripada pihak Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjelaskan tunggakan sewaan.

8.5.2. Menguatkuasakan syarat dalam perjanjian dengan penyewa antaranya mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa yang gagal menjelaskan sewa bulanan dan caj utiliti serta memastikan kos kerja pembaikan ditanggung oleh penyewa.

8.5.3. Meletakkan nama penyewa di bil elektrik, air dan caj pembetungan agar penyewa sendiri bertanggungjawab terhadap penggunaan utiliti serta bayarannya.

8.5.4. Memastikan semua perjanjian ditandatangani oleh penyewa supaya tindakan penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian dapat diambil. Sekiranya penyewa tidak menandatangani perjanjian sewaan, syarat di dalam surat tawaran kepada penyewa dikuatkuasakan iaitu membatalkan tawaran penyewaan.

8.5.5. Meningkatkan promosi penjualan rumah rakyat.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



BAHAGIAN II **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

9. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akta Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkaitan. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit syarikat subsidiari Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu Worldwide Holdings Berhad dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor iaitu PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan dilaporkan di **Bahagian ini**.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

10. KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 Ogos 1985. Ia merupakan syarikat subsidiari milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang berperanan sebagai salah sebuah syarikat pelaburan terbesar di Malaysia. KDEB telah melabur di dalam sektor perniagaan seperti infrastruktur dan kemudahan, pendidikan dan hospitaliti serta sektor pembuatan. Syarikat ini dahulunya dikenali sebagai SB Development Sdn. Bhd. dan menukar namanya kepada KDEB pada 11 Januari 1995.

10.1.2. KDEB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM300 juta dan modal berbayar sebanyak RM262.40 juta. KDEB memainkan peranan sebagai pelabur projek pembangunan terbesar di Selangor selaras dengan kewajipan sosial untuk memastikan bahawa setiap projek memenuhi keperluan masyarakat. Misi KDEB adalah sebagai pelabur di Negeri Selangor dan memastikan syarikat membangun dan berkembang di Malaysia sesuai dengan prinsip ekonomi dan sosial yang sihat. Oleh itu, KDEB memberi penekanan untuk melabur dalam projek pembangunan yang terancang dan berstruktur untuk memenuhi keperluan masyarakat.

10.1.3. Keahlian Lembaga Pengarah KDEB bagi tahun 2006 terdiri daripada 7 ahli. Mulai bulan Mac 2008, keahlian Lembaga Pengarah diubah kepada 4 ahli sahaja terdiri daripada

Menteri Besar Selangor, Presiden KDEB, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KDEB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti, kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

10.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

10.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama KDEB. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. Semakan Audit dijalankan di pejabat KDEB meliputi pengauditan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dari tahun 2007 hingga 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai KDEB yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan tapak telah dijalankan ke Selangor Halal Hub di Pulau Indah, Taman Malawati Jaya di Kuala Selangor serta *Cyber Valley Commercial Centre* di Dengkil.

10.3.2. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun berdasarkan Penyata Kewangan beraudit tahun 2007 hingga 2009 merangkumi analisis trend dan analisis nisbah yang dilakukan secara perbandingan antara indeks prestasi syarikat dengan tahun sebelumnya. Pengauditan ini juga meliputi pengauditan terhadap pengurusan aktiviti syarikat dari tahun 2007 hingga 2010.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan KDEB adalah tidak memuaskan kerana terdapat kerugian sebelum cukai pada tahun 2009 berjumlah RM122.25 juta berbanding keuntungan sebelum cukai pada tahun 2008 berjumlah RM34.45 juta. Pengurusan aktiviti utama KDEB dan prestasi kewangan 3 syarikat subsidiari KDEB juga tidak memuaskan pada tahun 2009 di mana terdapat kerugian selepas cukai berjumlah antara RM1.08 juta hingga RM139.23 juta. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan tadbir urus korporat seperti mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut kekerapan, Audit Dalam tidak ditubuhkan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak berfungsi, KDEB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor serta pembayaran bonus tidak mengikut pekeliling yang ditetapkan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

10.4.1. Prestasi Kewangan

10.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2007 dan 2008, KDEB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.26 juta dan RM34.45 juta masing-masing. Namun pada tahun 2009,

KDEB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM122.25 juta. Analisis Audit mendapati kerugian yang ditanggung syarikat bagi tahun 2009 adalah disebabkan oleh kos Program Air Percuma di Selangor yang ditanggung oleh KDEB sebanyak RM131.47 juta. Ini merupakan peningkatan dalam jumlah perbelanjaan yang tidak seimbang berbanding dengan peningkatan dalam jumlah pendapatan.


- b. Pendapatan syarikat pada tahun 2007 adalah berjumlah RM30.67 juta dan meningkat kepada RM214.29 juta pada tahun 2008 dan seterusnya menurun kepada RM35.50 juta pada tahun 2009. Analisis Audit mendapati peningkatan luar biasa pendapatan pada tahun 2008 sejumlah RM183.62 juta (598.7%) adalah kerana KDEB melupuskan 15% saham Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) kepada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pada harga RM200 juta. Bagaimanapun, berlaku penurunan pendapatan pada tahun 2009 sejumlah RM178.79 juta [RM35.50 juta - RM214.29 juta] (83.4%) berbanding pada tahun 2008. Ini adalah disebabkan oleh KDEB bergantung kepada prestasi pendapatan syarikat subsidiari selaras dengan aktiviti utama KDEB sebagai syarikat pelaburan dan penyedia perkhidmatan pengurusan.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan KDEB mendapati berlaku peningkatan yang ketara terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 sejumlah RM152.43 juta (556.1%). Pada tahun 2009, jumlah perbelanjaan KDEB telah menurun sejumlah RM22.09 juta (12.3%) berbanding tahun 2008. Perbelanjaan tersebut adalah merupakan defisit kerana jumlah pendapatan kurang daripada jumlah perbelanjaan sejumlah RM122.25 juta. Keadaan ini berlaku kerana pertambahan kos operasi Program Air Percuma yang berjumlah RM131.47 juta pada tahun 2009 berbanding RM68.67 juta pada tahun 2008. Selain itu, perbelanjaan penajaan gaji Persatuan Bola Sepak Selangor yang tinggi pada tahun 2009 yang berjumlah RM4.11 juta berbanding dengan tiada penajaan terhadap perkara tersebut pada tahun 2008. Pelbagai belanja am dan pentadbiran yang tinggi pada tahun 2009 seperti gaji dan upah, perbelanjaan peruntukan susut nilai, yuran guaman, duti setem, bonus, manfaat percutian dan pelbagai belanja berjumlah RM10.12 juta.
- d. Kedudukan dan trend pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) KDEB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 10.1**, **Carta 10.1** dan **Carta 10.2**.

Jadual 10.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/(Rugi)
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	12.22	13.79	14.50
Belanja Aktiviti	-	-	-
Untung Kasar	12.22	13.79	14.50
Pendapatan Lain	18.45	200.50	21.00
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(21.21)	(169.87)	(146.26)
Untung/(Rugi) Operasi	9.46	44.42	(110.76)
Kos Kewangan	(6.20)	(9.97)	(11.49)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	3.26	34.45	(122.25)
Cukai Dan Zakat	(1.07)	(1.34)	(5.87)
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	2.19	33.11	(128.12)


Sumber: Penyata Kewangan KDEB Tahun 2007 Hingga 2009

Carta 10.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai KDEB Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan KDEB

Carta 10.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan KDEB

10.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan KDEB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Analisis Nisbah Kewangan KDEB Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2007	2008	2009
1.	Nisbah Semasa	0.34 : 1	0.15 : 1	0.11 : 1
2.	Margin Keuntungan	26.7%	249.9%	-842.9%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.0053 : 1	0.061 : 1	-0.24 : 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.078 : 1	0.12 : 1	-0.46 : 1
5.	Nisbah Hutang	0.52 : 1	0.57 : 1	0.81 : 1

Sumber: *Penyata Kewangan KDEB Tahun 2007 Hingga 2009*

a. **Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa adalah digunakan untuk menunjukkan sejauh mana syarikat mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa ditunaikan. Analisis Audit mendapati nisbah semasa KDEB pada kadar 0.11:1 bagi tahun 2009 adalah tidak memuaskan. Nisbah ini semakin menurun berbanding tahun 2008 dan 2007 iaitu pada kadar 0.15:1 dan 0.34:1 masing-masing. Nisbah ini menunjukkan KDEB tidak berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya.

b. **Margin Keuntungan**

Margin Keuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang dipungut dari perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati pada tahun 2009 KDEB telah mencatat kerugian sebanyak RM8.43 (-842.9%) bagi setiap ringgit hasil daripada perniagaan utamanya. Manakala pada tahun 2008 dan 2007, KDEB telah mencatat margin keuntungan pada kadar RM2.50 (249.9%) dan 0.27 sen (26.7%) bagi setiap ringgit hasil masing-masing. Secara keseluruhan, margin keuntungan KDEB adalah sangat tidak memuaskan kerana mengalami kerugian dan tiada nilai tambah pendapatan terhadap kadar keuntungan syarikat pada tahun 2009.

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2009 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan berbanding tahun 2008 di mana pulangan atas aset adalah tidak memuaskan iaitu pada kadar 0.061:1 (6.1%)

pada setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan KDEB tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2009 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan (-0.46:1) berbanding tahun 2008 di mana pulangan atas ekuiti adalah memuaskan iaitu KDEB memperoleh pulangan pada kadar 0.12:1 (12%) pada setiap ringgit modal yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan KDEB tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang tinggi.

e. Nisbah Hutang

Nisbah ini merupakan pecahan daripada jumlah aset yang dibiayai oleh pembiutang untuk menjanakan keuntungan. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan syarikat memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang KDEB pada tahun 2009 adalah tidak memuaskan iaitu pada kadar 0.81:1 berbanding tahun 2008 dan 2007 iaitu pada kadar 0.57:1 dan 0.52:1 masing-masing. Ini menunjukkan peningkatan pinjaman yang diperlukan bagi menampung perolehan aset yang semakin bertambah. Kebergantungan pada pinjaman untuk pembiayaan aset menambahkan beban syarikat dan akan menjaskan aliran tunai.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan KDEB adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2009 sejumlah RM128.12 juta dan mengalami penurunan trend analisis nisbah. KDEB perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan syarikat subsidiari.

10.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama KDEB dilaksanakan oleh keempat-empat syarikat subsidiarinya iaitu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dalam aktiviti sektor infrastuktur dan utiliti, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dalam aktiviti sektor hartanah, Cash Band (M) Berhad dalam aktiviti sektor perkhidmatan serta KDEB Waste Management Sdn. Bhd. dalam aktiviti sektor pengurusan sisa pepejal. Pengurusan aktiviti yang cekap memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan syarikat subsidiari serta seterusnya menjamin pencapaian objektif. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh KDEB tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran syarikat yang ditetapkan. Selain itu, terdapat kelemahan ketara dari segi perlaksanaan projek dan aktiviti.

10.4.2.1. Pengurusan Program Air Percuma Tidak Memuaskan

- a. Kerajaan Negeri Selangor melalui KDEB bertanggungjawab untuk menguruskan Program Air Percuma bagi pengguna air domestik di Negeri Selangor dengan anggaran kos berjumlah RM200 juta. Program Air Percuma termasuk dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang mula diperkenalkan sejak 1 Jun 2008. Dianggarkan seramai 1.5 juta pengguna meter individu di Selangor telah menikmati kemudahan ini. Kos bagi 20 meter padu air yang dikenakan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) adalah RM11.40. Oleh itu, jumlah kos yang dianggarkan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor setahun adalah RM205 juta (1.5 juta pengguna x RM11.40 x 12 bulan).
- b. Bagi tujuan Program Air Percuma, KDEB telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 24 September 2008. KDEB telah diberikan pinjaman sejumlah RM200 juta dengan kadar faedah 4% setahun dan pinjaman tersebut hendaklah dibayar sebanyak 4 kali ansuran. Semakan Audit mendapati KDEB tidak membayar 4 pinjaman prinsipal jangka pendek yang berjumlah RM200 juta yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3

Status Pembayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Negeri Selangor Pada Tahun 2010

Tarikh Pinjaman	Tempoh Bayaran Balik Pinjaman	Tarikh Mula Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Jumlah Prinsipal Tertunggak Terkumpul (RM Juta)
24.9.2008	3 bulan (maksima 6 bulan)	13.10.2008	50	50
4.3.2009	3 bulan (maksima 6 bulan)	10.3.2009	50	100
29.7.2009	3 bulan (maksima 6 bulan)	5.8.2009	50	150
7.12.2009	3 bulan (maksima 6 bulan)	14.12.2009	50	200

Sumber: Fail Pinjaman KDEB

- c. Bagaimanapun, KDEB telah menjelaskan bayaran faedah atas pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM6.31 juta berdasarkan pengiraan kadar faedah 4% setahun. Setakat 31 Disember 2009, KDEB telah membelanjakan sejumlah RM200.14 juta bagi Program Air Percuma. KDEB tidak berupaya untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana pendapatan yang dijana oleh KDEB pada tahun 2009 adalah rendah berbanding perbelanjaan. Menurut KDEB, berdasarkan cadangan penstrukturran semula industri air di Selangor, kos Program Air Percuma yang telah ditanggung oleh KDEB dan Kerajaan Negeri Selangor akan diambil alih oleh Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle Company*). Pada 23 November 2010, Perbendaharaan Negeri Selangor juga telah

bersetuju dengan permohonan KDEB bagi membayar balik keseluruhan pinjaman RM200 juta berserta faedah selepas penstrukturran air dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, Program Air Percuma adalah program Kerajaan Negeri Selangor. Pembayaran untuk membayar bil air kepada SYABAS perlu dijelaskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbendaharaan Negeri Selangor setelah bajet diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Pinjaman KDEB daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membayar kos Program Air Percuma adalah tidak wajar kerana KDEB perlu berhutang dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan berkenaan.

10.4.2.2. Pengurusan Projek Selangor Halal Hub Tidak Memuaskan

- a. Projek Selangor Halal Hub (SHH) merupakan projek pertama diperkenalkan di Malaysia. Ia terletak di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor. Projek ini telah dirasmikan pada tahun 2003 bertujuan untuk menarik pelabur terdiri daripada pelabur muslim dan bukan muslim. Kedudukan SHH sangat strategik kerana mempunyai hubungan perdagangan dengan 120 negara dan dihubungkan dengan 500 pelabuhan di seluruh dunia. Pelabur berpeluang untuk mengaut keuntungan produk halal yang tinggi secara global. Produk yang akan dihasilkan adalah seperti produk tenusu, makanan dan minuman, bahan mentah seperti gula, tepung, pemprosesan coklat serta pengilangan dan pembungkusan minyak masak. Produk bukan makanan seperti farmaseutikal, herba, gelatin, bahan kulit, *toiletries*, aromaterapi dan minyak wangi. Projek ini dijalankan oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. (CSSB) iaitu syarikat subsidiari Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB). Projek SHH mempunyai 3 fasa iaitu Fasa 1 berkeluasan 270 ekar, Fasa 2 berkeluasan 400 ekar dan Fasa 3 berkeluasan 281 ekar. **Gambar 10.1** dan **Gambar 10.2** menunjukkan lokasi projek Selangor Halal Hub.

Gambar 10.1 Mercu Tanda Projek Selangor Halal Hub



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SHH, Pulau Indah
Tarikh: 22 Disember 2010

Gambar 10.2 Peta Projek Selangor Halal Hub



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SHH, Pulau Indah
Tarikh: 22 Disember 2010

- b. Mengikut amalan, pengurusan projek harta tanah yang berjaya adalah syarikat mampu menyiapkan projek mengikut jadual dan berupaya menjual harta tanah tersebut kepada

pelabur dalam masa yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati semenjak Projek SHH Fasa 1 (SHH1) dilancarkan pada tahun 2003, lot tanah Projek SHH1 mengambil masa 5 tahun iaitu sehingga bulan Disember 2007 untuk dijual. Manakala Bahagian A Projek SHH Fasa 2 (SHH2) pula telah dilancarkan pada 2008 dan sehingga bulan April 2011, jumlah lot tanah SHH1 dan SHH2 yang telah terjual kepada pelabur adalah 340.29 ekar (50.8%) dari 670 ekar jumlah kawasan yang disediakan. Bagaimanapun, hanya 2 (10.5%) dari 19 pelabur yang menjalankan operasi halal hub di SHH1 dan SHH2. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

- i. Terdapat 50 ekar tanah dari SHH1 adalah untuk kerja infrastruktur seperti jalan raya, perparitan, pencawang elektrik dan kawasan lapang. Sejumlah 220.24 ekar tanah di SHH1 telah dijual kepada 10 buah syarikat yang terdiri daripada syarikat yang mengeluarkan produk halal, dijangka memberikan jumlah pelaburan berjumlah RM972 juta dan memberikan peluang pekerjaan kepada 1,983 orang. Analisis lanjut mendapati hanya 2 (20%) daripada 10 pelabur menjalankan operasi sepenuhnya, manakala 8 pelabur masih belum menjalankan operasi mengeluarkan produk halal.
- ii. Seluas 120.29 ekar lot SHH2 telah dijual kepada 9 pelabur yang memberikan pulangan pelaburan sejumlah RM520 juta dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 685 orang. Seluas 117.71 ekar tanah SHH2 masih belum ada pelabur. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 22 Disember 2010 mendapati pelabur masih belum melaksanakan operasi pengilangan untuk menghasilkan produk halal semenjak tarikh surat perjanjian jual beli ditandatangani.
- iii. Prestasi projek SHH adalah perlahan dan kurang berdaya saing disebabkan oleh tiada kajian kemungkinan dijalankan sebelum projek dilaksanakan, kurang promosi, tiada strategi pemasaran dan sukar mendapatkan kemudahan pinjaman bank. CSSB berjaya menjual lot tanah SHH1 dan SHH2 tetapi pelabur yang membeli tidak terus menjalankan operasi pengeluaran produk halal menepati objektif Projek SHH. Semakan Audit selanjutnya mendapati Resolusi Lembaga Pengarah CSSB telah meluluskan cadangan pembinaan pusat perkhidmatan, pameran dan informasi serta kilang teres dan berkembar di tapak cadangan SHH di sebahagian Fasa 2B, Taman Perindustrian Pulau Indah (TPPI) dengan anggaran kos sejumlah RM15.20 juta pada 12 Februari 2004. Semakan selanjutnya mendapati Pusat Informasi, Pusat Pentadbiran dan Pusat Kaji Selidik tidak dimasukkan dalam perancangan SHH1. Akibatnya, projek SHH ini gagal menarik minat pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur. Pusat ini dirancang dibina pada pertengahan tahun 2011. Pusat ini perlu disediakan secara berperingkat semasa pelaksanaan SHH1 untuk membolehkan orang awam atau pelabur tempatan mengetahui dan mendapat maklumat lanjut dengan meluas mengenai perkembangan SHH.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan projek SHH1 dan SHH2 adalah tidak memuaskan kerana masih belum beroperasi mengeluarkan produk halal sepenuhnya.

- c. Mengikut amalan, sebarang urusan jual beli harta tanah hendaklah mengambil kira kepentingan kedua-dua belah pihak termasuk kaedah pembayaran dan tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan baki harga harta tanah yang belum dijelaskan supaya tiada permasalahan yang berbangkit di kemudian hari. Semakan Audit mendapati pihak CSSB telah memberi kelulusan kemudahan membeli lot tanah di SHH secara ansuran berperingkat kepada 3 daripada 10 pelabur. Pembayaran secara ansuran ini diluluskan oleh pihak pengurusan syarikat untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dan memandangkan syarikat ini adalah antara syarikat terawal melabur di dalam projek ini. Bagaimanapun, setakat bulan Disember 2010, satu daripada 3 pelabur ini mempunyai tunggakan bayaran ansurannya berjumlah RM6.02 juta seperti di **Jadual 10.4**. **Gambar 10.3** menunjukkan kilang halal hub yang sedang dalam pembinaan. Manakala **Gambar 10.4** menunjukkan lot tanah di SHH2 yang masih belum dijual.

Jadual 10.4
Tunggakan Pembayaran Tanah Lot SHH Pada 11 Januari 2011

Bil.	No. Lot	Fasa	Harga Beli (RM Juta)	Jumlah Dibayar (RM Juta)	Tunggakan (RM Juta)
1.	72	2B	1.35	0.16	1.19
2.	71	2B	1.35	0.03	1.32
3.	64	2B	2.21	0.04	2.17
4.	63	2B	1.37	0.03	1.34
Jumlah			6.28	0.26	6.02

Sumber: Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.

Gambar 10.3
Kilang Yang Sedang Dalam Pembinaan Di SHH



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SHH, Pulau Indah
Tarikh: 22 Disember 2010

Gambar 10.4
Lot Tanah Di SHH Yang Masih Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SHH, Pulau Indah
Tarikh: 22 Disember 2010

Pada pendapat Audit, projek SHH adalah tidak memuaskan kerana gagal menarik minat pelabur dalam dan luar negara untuk melabur dalam projek tersebut. Selain itu, terdapat sejumlah RM6.02 juta tunggakan pembayaran bagi lot tanah yang dijual masih belum diterima oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.. KDEB hendaklah mengkaji semula kaedah pembayaran yang sewajarnya dengan mengambil kira kepentingan dan keuntungan kedua-dua belah pihak.

10.4.2.3. Harga Jualan Hartanah Oleh Kumpulan Hartanah Selangor Berhad Tidak Mengikut Nilai Pasaran Semasa

- Jualan hartaanah hendaklah mengikut nilai pasaran semasa supaya pulangan yang diperoleh menguntungkan syarikat. Semakan Audit mendapati jualan hartaanah kepada 5 pembeli oleh KHSB di Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor tidak mengikut senarai harga yang dikeluarkan oleh KHSB seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5

Penjualan Hartanah Di Bawah Nilai Pasaran Di Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor

Bil	Jenis Pembangunan	Luas (kaki persegi)	PT No.	Harga Pasaran (RM)	Harga Jualan (RM)	Diskaun (%)	Perbezaan Harga (RM)
1.	RTST	1,300	203	85,914	40,000	53.4	45,914
	RTDT	1,400	561	93,000	50,000	46.2	43,000
	RTDT	1,400	511	103,000	50,000	51.4	53,000
2.	KEDAI	1,400	336	130,000	65,000	50.0	65,000
	RTDT	1,400	527	99,900	50,000	49.9	49,900
	RTDT	1,400	614	99,900	50,000	49.9	49,900
3.	RTDT	1,400	577	99,900	50,000	49.9	49,900
	RTDT	1,400	578	110,760	50,000	54.9	60,760
	RTDT	1,400	585	99,900	50,000	49.9	49,900
4.	RTST	1,300	240	86,000	40,000	53.5	46,000
	RTDT	1,400	590	110,760	50,000	54.9	60,760
5.	RTDT	1,400	520	93,000	50,000	46.2	43,000
Jumlah				1,212,034	595,000	-	617,034

Sumber: Fail Perjanjian Jual Beli Hartanah KHSB

Nota:

RTST – Rumah Teres 1 Tingkat
RTDT – Rumah Teres 2 Tingkat

- Berdasarkan jadual di atas, sejumlah RM595,000 diperoleh dari penjualan hartaanah yang dianggarkan bernilai RM1.21 juta mengikut harga pasaran. Sejumlah RM617,034 merupakan perbezaan harga diskau yang diberikan kepada pembeli. **Gambar 10.5** hingga **Gambar 10.7** adalah sebahagian daripada hartaanah yang terlibat. KHSB menimbangkan banyak faktor sebelum membuat keputusan untuk menjual 12 unit hartaanah tersebut. Antara faktor yang dipertimbangkan adalah:

- Jualan 12 unit tersebut adalah secara pukal (*bulk sales*) dan dijual dalam keadaan sedia ada (*as is where is basis*).
- Cara pembayaran adalah secara tunai iaitu pembayaran penuh dijelaskan kepada pihak KHSB selepas sahaja Perjanjian Jual Beli ditandatangani.
- Kos guaman yang berjumlah RM24,774 ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembeli.

Gambar 10.5
Kedai Satu Tingkat Berharga RM65,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor
Tarikh: 28 Disember 2010

Gambar 10.6
Rumah Teres 2 Tingkat Berharga RM50,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor
Tarikh: 28 Disember 2010

Gambar 10.7
Rumah Teres Satu Tingkat Berharga RM40,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor
Tarikh: 28 Disember 2010

Pada pendapat Audit, KHSB sepatutnya menjual harta tanah pada nilai pasaran semasa untuk mengelakkan kerugian atas jualan.

10.4.2.4. Projek Usaha Sama Merugikan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad

- a. Projek usaha sama yang dijalankan di antara Kerajaan Negeri dan pemaju swasta hendaklah memberi pulangan yang setimpal dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Satu projek usaha sama telah dilaksanakan di antara KHSB dan sebuah syarikat pemaju swasta untuk membangunkan *Cyber Valley Commercial Centre* di atas tanah seluas 9.554 ekar milik KDEB di HS(D) 18264, PT. No. 32547 (Tanah Pajakan 99 Tahun) Mukim Dengkil, Daerah Sepang kepada TSSB seperti di Jadual 10.6.

Jadual 10.6	
Status Pulangan Projek Usaha Sama Cyber Valley Commercial Centre	
Kos Pembangunan	RM31.96 juta
Projek Mula	November 2005
Projek Siap	Fasa 1 : November 2008 Fasa 2 : November 2010
Pulangan Kepada KHSB (13% Daripada Jumlah Pulangan)	RM4.15 juta
Kos Premium Tanah HS(D) 18264 Yang Belum Dijelaskan Oleh KHSB	RM3.99 juta

Sumber: Development Agreement Bertarikh 8 Februari 2006

- b. Semakan Audit mendapati projek usaha sama ini merugikan KHSB dan hanya menguntungkan syarikat pemaju swasta. Mengikut Klaus K dalam *Development Agreement* bertarikh 8 Februari 2006, KHSB bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan kos seperti cukai taksiran, premium dan lain-lain kos berkaitan tanah. Selain itu, perjanjian usaha sama yang dimeterai menyatakan pulangan yang akan diterima oleh KHSB adalah sebanyak RM4.15 juta (13%) daripada kos pembangunan projek *Cyber Valley Commercial Centre* berbanding syarikat pemaju yang menerima pulangan yang lebih tinggi iaitu RM27.80 juta (87% daripada nilai projek berkenaan).

Gambar 10.8 hingga **Gambar 10.9** menunjukkan lokasi projek pembangunan *Cyber Valley Commercial Centre*.

Gambar 10.8
Kedai Pejabat 3 Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cyber Valley Commercial Centre, Dengkil
Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 10.9
Kedai Pejabat 2 Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cyber Valley Commercial Centre, Dengkil
Tarikh: 16 Disember 2010

- c. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2010, KHSB masih belum menjelaskan premium tanah HS(D) 18264, PT. No. 32547 yang berjumlah RM3.99 juta. Kegagalan KHSB menjelaskan premium tanah adalah kerana nilai pulangan projek usaha sama yang diterima tidak mencukupi memandangkan jumlah pulangan yang dipersetujui antara KHSB dan syarikat pemaju tersebut terlalu rendah dan tidak mengambil kira kos bayaran premium dan lain-lain kos tanah yang terlibat. Akibatnya, KHSB tidak mendapat pulangan yang setimpal dengan nilai tanah serta Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Sepang tidak dapat mengeluarkan hak milik tanah kepada pembeli dan pemilik rumah kedai pejabat di *Cyber Valley Commercial Centre*.

Menurut KDEB, antara punca peningkatan kos projek adalah kerana peningkatan kos premium dibandingkan dengan nilai tanah oleh syarikat penilaian. Rayuan pengurangan premium telah ditolak oleh PDT Sepang pada 19 November 2010. Bayaran premium sebanyak RM3.97 juta bersama denda lewat bayar sebanyak RM119,069 telah dibayar pada 25 Februari 2011 bagi membolehkan KHSB memohon hak milik individu untuk projek tersebut.

Pada pendapat Audit, projek usaha sama di antara KHSB dan syarikat pemaju swasta yang berkenaan adalah merugikan kerana KHSB perlu menanggung kos melebihi keuntungan hasil jualan. KDEB hendaklah menjalankan kajian kemungkinan yang menyeluruh sebelum merancang sebarang pembangunan yang dicadangkan.

10.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

10.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk menjamin kepentingan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati mesyuarat tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan. Kekerapan mesyuarat adalah 2 kali masing-masing pada tahun 2007 dan 2009 serta 3 kali pada tahun 2008. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah KDEB bagi tahun 2010 telah diadakan sebanyak 4 kali.

10.4.3.2. Audit Dalam

Perenggan 1000 *Attribute Standards-International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Audit Dalam KDEB tidak berfungsi sejak ditubuhkan pada tahun 1985. Bagaimanapun, KDEB menggunakan perkhidmatan Audit Dalam Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (syarikat subsidiari) atas arahan Lembaga Pengarah KDEB. Bagi tahun 2008 hingga 2010, tiada pengauditan Audit Dalam dijalankan terhadap KDEB.

10.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menjelaskan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif syarikat dan pihak luar dari pengurusan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan (Jawatankuasa) tidak dilaksanakan dan tidak aktif sejak tahun 2004. Mesyuarat terakhir Jawatankuasa telah diadakan pada 25 Jun 2003. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada 3 ahli yang bukan daripada Pengarah Eksekutif Syarikat KDEB dan Setiausaha Jawatankuasa disandang oleh Setiausaha Syarikat KDEB. Pelantikan Setiausaha Syarikat KDEB sebagai Setiausaha Jawatankuasa adalah bercanggah dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 yang menetapkan Pengurus Audit Dalam hendaklah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa. Setiausaha Jawatankuasa ini juga bukan merupakan ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM).

10.4.3.4. Pembayaran Dividen

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan hendaklah dijadikan sebagai matlamat syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Kerajaan dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan Menteri Besar.
- b. Semakan Audit mendapati KDEB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 2007 hingga 2009. Menurut *Business Score-Card*, sumbangan dalam bentuk kos Program Air Percuma telah dibuat kepada Kerajaan Negeri bagi menggantikan pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Program Air Percuma dimulakan pada tahun 2008 tetapi semakan Audit mendapati bagi tahun 2007, KDEB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri walaupun memperoleh keuntungan.
- c. Menurut KDEB, walaupun KDEB tidak konsisten dalam pemberian dividen, namun KDEB tidak lupa akan tanggungjawabnya kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui sumbangan yang diberikan setiap tahun. Dari tahun 2001 hingga 2010, KDEB telah

membelanjakan sejumlah RM456.60 juta berbentuk sumbangan dan derma kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sumbangan ini termasuk sumbangan kepada Amanah Saham Selangor sebanyak RM210.30 juta pada tahun 2004.

10.4.3.5. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkusa Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Cadangan bayaran bonus hendaklah dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham. Semakan Audit mendapati KDEB telah membuat pembayaran bonus kepada kakitangannya bagi tahun 2007 hingga 2009 seperti di **Jadual 10.7**. Adalah didapati pada tahun 2009 pula, KDEB telah membayar bonus berjumlah RM576,563 setelah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah walaupun syarikat mengalami kerugian sebelum cukai yang berjumlah RM122.25 juta. Menurut KDEB, bayaran bonus yang dibuat pada tahun 2009 adalah berdasarkan kepada keuntungan sebelum cukai dan perbelanjaan luar biasa (iaitu kos program air percuma) sebanyak RM9.22 juta.

Jadual 10.7
Bayaran Bonus KDEB Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Bonus Dibayar (RM)	Keuntungan/ Kerugian Sebelum Cukai (RM Juta)	Jumlah Pekerja
2007	939,028	3.26	30
2008	574,761	34.45	30
2009	576,563	(122.25)	30

Sumber: Audited Detailed Income Statement

10.4.3.6. Pemantauan Terhadap Syarikat Subsidiari

- Mengikut amalan, syarikat induk hendaklah mengawal dan memantau dengan rapi prestasi kewangan syarikat subsidiari supaya objektif penubuhannya tercapai. Semakan Audit mendapati, KDEB tidak memantau dengan rapi prestasi kewangan syarikat subsidiarinya. Didapati 3 syarikat subsidiari iaitu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, Cash Band (M) Berhad dan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad tidak mempamerkan prestasi kewangan yang baik berdasarkan kepada maklumat di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8
Kedudukan Dan Prestasi Syarikat Subsidiari KDEB

Bil.	Nama Syarikat Subsidiari	Peratus Pegangan Saham Milik KDEB (%)	Aktiviti	Status	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai (RM Juta)			Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Tahun 2009 (RM Juta)
					2007	2008	2009	
1.	Kumpulan Peranggang Selangor Berhad (KPS)	60.7%	Pengurusan Air Dan Projek Lebuhraya	Aktif	17.24	(25.76)	(139.23)	320.45
2.	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB)	52%	Hartanah	Aktif	8.58	7.97	(99.90)	(95.58)
3.	Cash Band (M) Berhad (CBB)	99%	Perhotelan Dan Rekreasi	Aktif	(1.02)	(0.054)	(1.08)	(2.20)
4.	KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KWM)	100%	Pengurusan Sisa Pepejal	Aktif	(0.0012)	1.16	4.98	6.45

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari KDEB Tahun 2007 hingga 2009

- a. KPS mengalami kerugian bagi tempoh 2 tahun berturut-turut iaitu RM25.76 juta dan RM139.23 juta masing-masing pada tahun 2008 dan 2009. KHSB rugi sejumlah RM99.90 juta pada tahun 2009 manakala CBB rugi 3 tahun berturut-turut iaitu RM1.02 juta, RM54,000 dan RM1.08 juta masing-masing bagi tahun 2007, 2008 dan 2009. Bagaimanapun, KWM mengalami kerugian sejumlah RM1,200 pada tahun 2007 tetapi telah memperoleh keuntungan RM1.16 juta pada tahun 2008 manakala pada tahun 2009 telah memperoleh peningkatan keuntungan sejumlah RM4.98 juta.
- b. Keadaan ini berlaku kerana Lembaga Pengarah KDEB tidak mengadakan mesyuarat 4 kali setahun di mana itu signifikan berhubung dengan syarikat subsidiari serta prestasinya tidak disemak dan dinilai dari semasa ke semasa seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993. Mesyuarat Lembaga Pengarah KDEB hanya dijalankan 2 hingga 3 kali masing-masing pada tahun 2007 hingga 2009. Kesannya, strategi dan rancangan korporat serta pengawalan kos operasi tidak dikemas kini sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

10.4.3.7. Kawalan Umum Pengurusan Kewangan

- a. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati SOP berhubung dengan perkara yang tersebut di atas masih di peringkat draf dan belum diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

- b. KDEB hendaklah memastikan SOP Bahagian Kewangan diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta dikemas kini dan diguna pakai sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan. Oleh kerana ketiadaan SOP yang jelas, pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati perkara-perkara berikut:
 - i. 8 baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap sebagai pengesahan bayaran berjumlah RM0.31 juta.
 - ii. 39 pembayaran berjumlah RM9.33 juta dilakukan dengan menggunakan salinan baucar bayaran yang tidak disahkan.
 - iii. 31 pembayaran berjumlah RM11.11 juta dilakukan dengan menggunakan salinan baucar bayaran yang tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.
 - iv. 73 baucar bayaran dan bil/invois berjumlah RM18.89 juta tidak dicop 'Telah Bayar'.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Tadbir Urus Korporat KDEB tidak memuaskan kerana mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak dibuat mengikut kekerapan yang ditetapkan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak aktif dan kawalan pengurusan kewangan tidak memuaskan. KDEB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.

10.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan KDEB mempertingkatkan pengurusan kewangan, operasi dan tadbir urus korporat dengan memastikan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9, 10, 11 dan 12 Tahun 1993 dipatuhi dan dilaksanakan. Selain itu, prosedur kerja dan *Standard Operating Procedures* perlu diluluskan dan diguna pakai sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

11. WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Worldwide Holdings Berhad (WHB) atau nama asalnya Tholec Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Disember 1965. WHB dengan modal berbayar berjumlah RM177.12 juta adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang memiliki saham pemilikan sepenuhnya melalui PKNS Holdings Sdn. Bhd. (PHSB).

11.1.2. Aktiviti utama WHB adalah pembangunan harta tanah, perkhidmatan pengurusan alam sekitar serta pegangan pelaburan dan harta tanah. Manakala visi WHB adalah untuk menjadi peneraju dan pesaing global dalam bidang harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar. Misi WHB pula adalah untuk membangun dan mempertingkatkan kepakaran dalam bidang harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar.

11.1.3. Selepas WHB menjadi syarikat milik penuh PKNS pada 18 Januari 2008, Lembaga Pengarah WHB dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Selangor dengan hanya seorang ahli iaitu Pengurus Besar PKNS. Pelantikan Pegawai Kewangan Negeri Selangor sebagai wakil PKNS dalam Lembaga Pengarah WHB diluluskan oleh Menteri Besar Selangor pada pertengahan bulan Januari 2008. Pelantikan Pengurus Besar PKNS sebagai Ahli Lembaga Pengarah WHB diluluskan oleh 2 orang Ahli Lembaga Pengarah WHB terdahulu yang juga wakil PKNS melalui resolusi pada awal bulan Mac 2009. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 87 anggota eksekutif dan anggota bukan eksekutif.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan WHB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh PKNS melalui syarikat subsidiarinya PHSB telah diuruskan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan di pejabat WHB meliputi semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2008 hingga 2010 dan di mana perlu, skop pengauditan diperluaskan sebelum tahun 2008 seperti di peringkat penubuhan syarikat. Selain itu, temu bual diadakan dengan

pegawai WHB berkenaan dan pegawai di Bahagian Korporat PKNS bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset dilaksanakan di pejabat WHB. Lawatan Audit ke tapak pelupusan sisa pepejal Jeram, Dengkil dan Kuala Langat serta pusat pemindahan sisa pepejal di Seksyen 21, Shah Alam juga dijalankan bagi mendapat gambaran sebenar kemajuan aktiviti yang dijalankan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan WHB adalah memuaskan. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM93.24 juta meningkat sejumlah RM13.93 juta (17.6%) berbanding keuntungan tahun 2009 berjumlah RM79.31 juta dan menurun sejumlah RM7.72 juta (7.6%) berbanding keuntungan tahun 2008 yang berjumlah RM100.96 juta. Pengurusan aktiviti WHB adalah pada amnya memuaskan tetapi masih terdapat beberapa kelemahan seperti aktiviti pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar yang dilaksanakan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, WHB telah menjalankan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan aktivitinya. Pengurusan tadbir urus korporat WHB adalah kurang memuaskan kerana manfaat yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah WHB tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga PHSB dan PKNS manakala Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan tidak aktif. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

11.4.1. Prestasi Kewangan

11.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2008 hingga 2010, WHB mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM100.96 juta, RM79.31 juta dan RM93.24 juta. Namun keuntungan sebelum cukai WHB menurun pada tahun 2009 berbanding 2008 sejumlah RM21.66 juta dan meningkat pada tahun 2010 berbanding 2009 sejumlah RM13.93 juta. Penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 disebabkan berlaku penurunan dalam jumlah pendapatan sejumlah RM88.42 juta (37.1%). Penurunan jumlah pendapatan yang mendadak ini tidak dapat ditampung oleh penurunan perbelanjaan sejumlah RM66.77 juta (48.7%) untuk memberi peningkatan kepada keuntungan sebelum cukai. Keadaan ini menjadikan nisbah penurunan perbelanjaan berbanding penurunan pendapatan pada tahun 2009 adalah 0.76:1. Bagaimanapun pada tahun 2010, keuntungan sebelum cukai meningkat sejumlah RM13.93 juta berbanding tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan jumlah pendapatan syarikat meningkat sejumlah RM19.53 juta (13.1%) manakala jumlah perbelanjaan menurun sejumlah RM5.60 juta (8.0%). Keadaan ini menjadikan nisbah pengurangan perbelanjaan berbanding pengurangan pendapatan pada tahun 2010 adalah 0.29:1. Ini menunjukkan pengurangan dan peningkatan pendapatan serta perbelanjaan memberi impak terus kepada keuntungan syarikat.


- b. Pendapatan utama WHB adalah terdiri daripada aktiviti pembangunan harta tanah, perkhidmatan pengurusan alam sekitar, dividen daripada pegangan pelaburan dan pelaburan harta tanah. Manakala lain-lain pendapatan antaranya terdiri daripada faedah simpanan tetap/repo dan faedah dari denda lewat bayar. Pendapatan syarikat pada tahun 2008 adalah berjumlah RM238.01 juta dan menurun kepada RM149.59 juta, pada tahun 2009 tetapi meningkat semula kepada RM169.12 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan sejumlah RM88.42 juta (37.1%) pada tahun 2009 adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan aktiviti pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar (2008:RM149.31 juta, 2009:RM88.69 juta) manakala peningkatan pendapatan sejumlah RM19.53 juta (13.1%) pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh pendapatan daripada faedah atas pinjaman kepada syarikat subsidiari (2009:RM0 juta, 2010:RM8.31 juta). Selain itu pendapatan dividen yang diterima meningkat pada tahun 2010 juga memberi kesan kepada prestasi pendapatan WHB (2009:RM58.15 juta, 2010:RM67.13 juta).
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan WHB pula mendapati berlaku penurunan terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2009. Pada tahun 2008, perbelanjaan WHB adalah berjumlah RM137.05 juta menurun kepada RM70.28 juta pada tahun 2009 dan meningkat pada tahun 2010 berjumlah RM75.88 juta. Penurunan sejumlah RM66.77 juta (48.7%) adalah disebabkan oleh kebanyakan projek pembangunan harta tanah dan pembinaan pusat pemindahan sisa pepejal telah siap dilaksanakan (2008:RM149.31 juta, 2009:RM88.69 juta). Peningkatan sejumlah RM5.60 juta (8.0%) pada tahun 2010 pula adalah disebabkan oleh aktiviti perkhidmatan pengurusan alam sekitar yang meningkat (2009:RM0, 2010:RM6.86 juta). Peningkatan dalam jumlah perbelanjaan ini juga turut disumbangkan oleh peningkatan tapak pelupusan sisa pepejal dalam aktiviti ini.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan WHB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.1**, **Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

Jadual 11.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/(Rugi) WHB Bagi
Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	2008	2009	2010
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	232.87	147.24	152.11
Belanja Aktiviti	(121.42)	(58.73)	(56.28)
Untung Kasar	111.45	88.51	95.83
Pendapatan Lain	5.14	2.35	17.01
Belanja Am Dan Pentadbiran Operasi	(15.61)	(11.51)	(19.57)
Untung/(Rugi) Operasi	100.98	79.35	93.27
Kos Kewangan	(0.02)	(0.04)	(0.03)
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Cukai	100.96	79.31	93.24
Cukai	(23.55)	(7.42)	(6.18)
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	77.41	71.89	87.06


Sumber: Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Carta 11.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai WHB
Bagi Tahun Kewangan
2008 Hingga 2010



Sumber : Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Carta 11.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
WHB Bagi Tahun Kewangan
2008 Hingga 2010



Sumber : Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

11.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan WHB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan WHB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Analisis Nisbah Kewangan WHB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2008	2009	2010
1.	Nisbah Semasa	3.62:1	8.67:1	5.34:1
2.	Margin Keuntungan	43.4%	53.9%	61.3%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.12:1	0.12:1	0.13:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.14:1	0.13:1	0.15:1

Sumber: Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Analisis Audit mendapati kadar kecairan WHB bagi tahun 2010 adalah 5.34:1 menurun berbanding 8.67:1 pada tahun 2009 tetapi lebih tinggi berbanding

tahun 2008 pada nisbah 3.62:1. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa WHB pada tahun 2010 ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek adalah baik. Namun begitu nisbah ini menurun dan perlu dipertingkatkan agar tidak terus menurun pada masa hadapan.

b. Margin Keuntungan

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Analisis Audit mendapati margin keuntungan pada tahun 2010 adalah 61.3% iaitu meningkat berbanding 53.9% pada tahun 2009 dan tahun 2008 iaitu 43.4%. Ini menunjukkan margin keuntungan WHB pada tahun 2010 adalah baik kerana aktiviti utamanya berjaya menjana keuntungan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2010 sebanyak 0.13:1 atau 13 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan meningkat berbanding tahun 2009 dan 2008 masing-masing pada kadar sebanyak 0.12:1 atau 12 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Peningkatan kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2010 menunjukkan kecekapan WHB mengurus aset bagi menjana keuntungan semakin baik dan meningkat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 sebanyak 0.15:1 atau 15 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan berbanding tahun 2009 sebanyak 0.13:1 atau 13 sen dan tahun 2008 sebanyak 0.14:1 atau 14 sen. Peningkatan kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 menunjukkan keupayaan WHB memberi pulangan kepada pelaburan PHSB dan PKNS semakin baik dan meningkat.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan WHB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi supaya dapat memberi pulangan yang berterusan kepada pemegang saham. WHB hendaklah mengukuhkan prestasi kewangan dan meneruskan pulangan dividen yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

11.4.2. Pengurusan Aktiviti

11.4.2.1. Prestasi Keuntungan Aktiviti Utama

- a. Aktiviti utama WHB adalah pembangunan harta tanah, perkhidmatan pengurusan alam sekitar, pelaburan pegangan dan pelaburan harta tanah. Aktiviti perniagaan utama ini dirancang dan dilaksanakan bersama syarikat subsidiari bagi mengukuh kedudukan kewangan kumpulan WHB dan memperoleh pulangan jangka panjang yang stabil. Sasaran keuntungan bagi setiap aktiviti utama ditetapkan akan menjadi petunjuk aras kepada prestasi syarikat. Semakan Audit mendapati prestasi keuntungan aktiviti utama kumpulan WHB bagi tahun 2008 hingga 2010 tidak mencapai sasaran seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Prestasi Keuntungan Aktiviti Utama Kumpulan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Aktiviti	2008			2009			2010		
	Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar	
	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)
Pembangunan Hartanah	31.88	25.76	80.8	29.83	22.79	76.4	57.64	21.69	37.6
Perkhidmatan Pengurusan Alam Sekitar	24.47	19.55	79.9	14.59	17.27	118.4	11.62	13.84	119.1
Pelaburan Pegangan	69.19	83.56	120.8	59.30	58.15	98.1	53.20	67.13	126.2
Pelaburan Hartanah	0.31	0.41	132.3	0.39	0.39	100.0	0.39	0.41	105.1
Jumlah	125.85	129.28	102.7	104.11	98.60	94.7	122.85	103.07	83.9

Sumber: Bajet Dan Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

- b. Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati secara keseluruhannya prestasi keuntungan aktiviti utama melebihi sasaran pada tahun 2008 berbanding pada tahun 2009 dan 2010 di mana prestasi keuntungan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Walaupun visi dan misi WHB tertumpu kepada pencapaian aktiviti pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar, namun keuntungan daripada aktiviti pelaburan pegangan yang terdiri daripada dividen menjadi penyumbang tertinggi (2008:64.6%, 2009:59%, 2010:65.1%) kepada keuntungan aktiviti utama bagi 3 tahun berturut-turut. Keuntungan aktiviti pembangunan harta tanah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan keuntungan sebenar semakin menurun bagi 3 tahun berturut-turut. Prestasi keuntungan aktiviti perkhidmatan alam sekitar walaupun melebihi sasaran yang ditetapkan namun keuntungan aktiviti ini menjadi penyumbang ketiga kepada keseluruhan keuntungan sebenar selepas aktiviti pembangunan harta tanah. Prestasi keuntungan pelaburan harta tanah walaupun mencapai sasaran yang ditetapkan tetapi keuntungan daripada aktiviti ini sangat rendah iaitu tidak mencapai 1% kepada keuntungan keseluruhan aktiviti utama. Ini menunjukkan aktiviti ini masih belum berkembang. Secara keseluruhannya, walaupun visi dan misi WHB tertumpu kepada pencapaian aktiviti pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar, namun keuntungan kedua-dua aktiviti ini menyumbang kurang 50% daripada keuntungan aktiviti utama pada tahun 2008 dan 2010. Ini menunjukkan prestasi aktiviti perlu

dipertingkatkan selaras dengan pengalaman dan kepakaran WHB dalam kedua-dua aktiviti ini.

11.4.2.2. Prestasi Aktiviti Utama

Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan bagi 2 aktiviti utama kumpulan WHB mendapatkan perkara berikut:

a. Aktiviti Pembangunan Hartanah

- i. Aktiviti pembangunan harta tanah yang diceburi sejak tahun 1992 menjadi asas kepada perkembangan berterusan perniagaan kumpulan WHB. Hampir 65% guna tenaga kumpulan WHB terlibat dalam aktiviti pembangunan harta tanah. Aktiviti pembangunan harta tanah kumpulan WHB pada tahun 2008 hingga 2010 lebih tertumpu di kawasan Shah Alam. Semakan Audit mendapati prestasi pembangunan harta tanah kumpulan WHB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.4**.

**Jadual 11.4
Projek Pembangunan Hartanah Kumpulan WHB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Projek Pembangunan	Luas (Ekar)	Tempoh Pembangunan Dirancang	Kemajuan Projek Siap (%)	Baki Tempoh Pembangunan (Tahun)	Kaedah Pelaksanaan
A.	Pembangunan Hartanah Selesai Dilaksanakan					
1.	Seksyen 7, Shah Alam	90	16 Tahun (1993 - 2009)	100	0	Usaha sama WHB dengan Admin Management Sdn. Bhd.
B.	Pembangunan Hartanah Masih Dalam Pelaksanaan					
2.	Subang Bestari, Seksyen U5, Shah Alam	450	22 Tahun (1994 - 2016)	75	6	Usaha sama WHB dengan Kumpulan Perangsang Selangor
3.	Alami, Shah Alam	14.6	22 Tahun (1993 - 2015)	50	5	WHB
C.	Pembangunan Hartanah Belum Dilaksanakan/Awal Pembangunan					
4.	Puncak Bestari, Shah Alam	124.3	12 Tahun (2003 - 2015)	0	5	WHB
5.	Kapar Bestari, Klang	252	8 Tahun (2006 - 2014)	0	4	Usaha sama WHB dengan NPOR Sdn. Bhd.
D.	Pembangunan Hartanah Melebihi Tempoh Perancangan					
6.	Pusat Perniagaan Worldwide, Shah Alam	63	13 Tahun (1993 - 2006)	92	Telah Melebihi 4 Tahun	Usaha sama WHB dengan Worldwide Glomac Sdn. Bhd.
Jumlah		993.90				

Sumber: Bajet WHB Tahun 2009 Dan 2010 Serta Rekod Bahagian Projek

- ii. Analisis terhadap jadual di atas menunjukkan sehingga akhir bulan Disember 2010, pembangunan harta tanah hanya dilaksanakan pada tanah sedia ada yang

diperoleh antara tahun 1993 hingga 2006. Sungguhpun kumpulan WHB telah menetapkan sasaran untuk memperoleh tanah baru untuk dimajukan dengan peruntukan dana sejumlah RM50 juta, namun tiada tanah baru bagi tujuan pembangunan diperoleh sehingga bulan Disember 2010. Ini disebabkan kesan kegawatan ekonomi ke atas sektor hartanah dan kedudukan kewangan WHB kurang stabil serta tiada tanah baru yang sesuai dan berdaya saing dijumpai.

- iii. Analisis Audit terhadap 6 projek pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2008 hingga 2010, mendapati satu projek pembangunan hartanah di Seksyen 7, Shah Alam selesai dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Dua projek iaitu Subang Bestari, Seksyen U5 dan Alami di Shah Alam telah mencapai tahap pembangunan 75% dan 50% masing-masing. Manakala 2 projek lagi masih belum bermula atau di peringkat awal pembangunan walaupun tempoh pembangunan hampir tamat antara 4 hingga 5 tahun. Selain itu, satu projek pembangunan iaitu Pusat Perniagaan Worldwide, Shah Alam yang sepatutnya selesai dilaksanakan pada tahun 2006 tetapi masih dalam pelaksanaan. Ini disebabkan pasaran hartanah yang lembap memberi kesan kepada kemajuan pembangunan hartanah. Kelewatan ini menjelaskan prestasi kewangan kerana ia merupakan pendapatan utama kumpulan WHB.
- iv. Pusat Perniagaan Worldwide (PPW), Shah Alam dibangunkan secara usaha sama dengan Worldwide Glomac Sdn. Bhd. (WGSB) iaitu sebuah syarikat subsidiari WHB. Pembangunan projek PPW dirancang selama 13 tahun bermula tahun 1993 hingga 2006. Semakan Audit mendapati daripada 5 blok PPW yang dirancang, 3 blok berjaya dibangunkan dalam tempoh pembangunan yang ditetapkan dengan kos projek berjumlah RM89.15 juta. Manakala 2 blok PPW masih di peringkat jualan. Projek pembangunan terakhir siap dilaksanakan adalah bangunan pejabat 9 tingkat pada tahun 2000. Ini menunjukkan pembangunan PPW telah tidak bergerak selama 10 tahun. Selain itu, sehingga bulan Disember 2010, sebanyak 26 (5.3%) lot daripada 488 lot pejabat yang telah siap dibina antara tempoh 10 hingga 12 tahun masih belum dijual. Penangguhan pembangunan baki 2 blok disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan kelembapan pasaran hartanah. Rakan usaha sama perniagaan WHB telah menangguhkan pembinaan PPW.

b. Aktiviti Perkhidmatan Pengurusan Alam Sekitar

- i. WHB adalah syarikat yang aktif dalam perniagaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di Selangor seperti pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal domestik (barang buangan gunaan rumah dan sisa makanan) dan sisa lengai (sisa kebun, sisa tayar, sisa pembinaan dan sisa tanah) serta menjalankan aktiviti penutupan tapak pelupusan sisa pepejal. Semakan Audit mendapati prestasi aktiviti perkhidmatan pengurusan alam sekitar kumpulan WHB yang beroperasi pada tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengurusan Alam Sekitar Kumpulan WHB
Beroperasi Pada Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Aktiviti	Keluasan (Ekar)	Rancang Operasi	Mula Operasi (Tahun)	Pelaksana	Tempoh Konsesi (Tahun)	Status Tapak Pelupusan
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lengai Dengkil	145.00	2005	2005	WLSB	25	Tanah Kerajaan Negeri Selangor
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jeram	159.99	2007	2007	WLSB	25	Tanah Kerajaan Negeri Selangor
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lengai Kuang	20.00	2008	2008	WLSB	25	Tanah Kerajaan Negeri Selangor
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kuala Langat	163.58	2009	2010	WHB	25	Tanah Kerajaan Negeri Selangor
5.	Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Seksyen 21, Shah Alam	10.56	2009	Belum Mula	WHB	25	Tanah Kerajaan Negeri Selangor
6.	Projek Usaha sama Dengan Ecair Malaysia B.V. - ' <i>Clean Development Mechanism</i> ' – Perunding Teknologi Terkini Pelupusan Sisa Pepejal – Kredit Karbon	-	2009	Belum Mula	WHB	-	-
7.	Projek Usaha sama Dengan World Waste Solution GmbH - Pembinaan Dan Pembekalan Peralatan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (Dalam Dan Luar Negara)	-	2005	2005	WHB	-	-

Sumber: Rekod Bahagian Perkhidmatan Alam Sekitar, WHB

Nota: Worldwide Landfill Sdn. Bhd. (WLSB)

- ii. Berdasarkan jadual di atas, sehingga akhir bulan Disember 2010 hanya 4 daripada 7 aktiviti beroperasi mengikut tempoh yang dirancang, satu aktiviti lewat memulakan operasi selama satu tahun manakala 2 aktiviti masih belum dilaksanakan. Semua operasi tapak pelupusan sisa pepejal dilaksanakan di tanah milik Kerajaan Negeri Selangor. Perkhidmatan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal masih belum berjaya diperluaskan ke luar Negeri Selangor walaupun WHB telah berusaha untuk mengembangkan aktiviti ini ke negeri lain seperti Kedah, Terengganu, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Ini kerana kos pembiayaan perkhidmatan sisa pepejal adalah tinggi dan di luar keupayaan Kerajaan Negeri.

- iii. Projek usaha sama dengan Ecair Malaysia B.V. bagi menyediakan perkhidmatan teknologi terkini pelupusan sisa pepejal dan menjagaan alam sekitar untuk perusahaan perniagaan kredit karbon masih belum dilaksanakan seperti dirancang. Projek usaha sama ini tidak berjaya menembusi pasaran di luar Negeri Selangor dan luar negara. Ini disebabkan, walaupun telah mendapat kelulusan Kerajaan Malaysia, tetapi gagal di peringkat penilaian antarabangsa. Bagaimanapun, WHB masih meneruskan usaha untuk kelulusan di peringkat penilaian antarabangsa dengan rakan usaha sama Ably Carbon SAS melalui Perjanjian Persefahaman pada 26 April 2011.
- iv. Projek usaha sama dengan World Waste Solution GmbH dalam aktiviti pembinaan dan pembekalan peralatan stesen pemindahan sisa pepejal telah dimulakan pada tahun 2005. Bagaimanapun, WHB hanya membekalkan peralatan bagi projek pusat pemindahan sisa pepejal di Shah Alam pada tahun 2008. Usaha untuk mendapatkan pasaran luar negara telah dijalankan oleh WHB sejak tahun 2005 hingga 2010 seperti Filipina, Indonesia, Brunei dan Sri Lanka.
- v. Perjanjian konsesi dan penswastaan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal antara Kerajaan Negeri Selangor dengan WHB menetapkan WHB perlu menjelaskan bon pelaksanaan sebelum memulakan operasi kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan bagi tapak pelupusan sisa pepejal di Kuala Langat, Kuang dan Jeram berjumlah RM1.28 juta. Bon pelaksanaan akan disimpan oleh PBT berkaitan sehingga 3 bulan selepas tempoh konsesi tamat. Semakan Audit mendapati WHB tidak mengemukakan bon pelaksanaan seperti ditetapkan. Ini disebabkan walaupun tapak sisa pepejal telah beroperasi, WHB belum menandatangani perjanjian dengan PBT untuk membolehkan pembayaran bon pelaksanaan dibuat. Ini boleh menjelaskan reputasi atau prestasi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sekiranya tindakan pembatalan konsesi atau tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor atau PBT.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Walaupun prestasi aktiviti pembangunan hartaanah dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar tidak mencapai sasaran dan menurun kesan daripada kegawatan ekonomi dan faktor di luar kawalan WHB tetapi WHB telah menjalankan pelbagai usaha dan promosi untuk mempertingkatkan aktiviti tersebut.

11.4.3. Tadbir Urus Korporat

11.4.3.1. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus syarikat dengan cekap dan telus, sebanyak 33% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif yang bebas, berwibawa dan

berpengalaman. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008 hingga 2010, Lembaga Pengarah PHSB hanya dianggotai oleh 2 orang ahli iaitu Pegawai Kewangan Negeri Selangor sebagai pengurus dan Pengurus Besar PKNS.

11.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk menjamin kepentingan syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PHSB tidak bermesyuarat pada tahun 2008 dan hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2009. Lembaga Pengarah PHSB mula aktif bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2010.

11.4.3.3. Manfaat Ahli Lembaga Pengarah

- a. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia juga menetapkan Lembaga Pengarah perlu mewujudkan jawatankuasa bagi menentukan manfaat dan ganjaran yang layak diterima oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa yang dilantik perlu dinyatakan secara telus dalam laporan tahunan syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun hendaklah menentukan dengan jelas perkara yang perlu dibentangkan untuk kelulusan dan perkara yang perlu dibentang untuk makluman Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah WHB tidak mewujudkan jawatankuasa bagi menentukan ganjaran dan manfaat yang layak diterima oleh Lembaga Pengarahnnya. Lembaga Pengarah PHSB dan PKNS juga tidak menetapkan peraturan dan perkara yang perlu dibentangkan oleh kumpulan subsidiari seperti ganjaran dan manfaat untuk kelulusan atau makluman Lembaga Pengarah. Ganjaran dan manfaat yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah WHB berjumlah RM95,000 bagi tahun 2008, RM140,390 dan RM106,000 masing-masing bagi tahun 2009 dan 2010. Ganjaran dan manfaat yang dibayar telah ditetap dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah WHB sendiri dan tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga PHSB dan PKNS. Perkara ini disebabkan Lembaga Pengarah PHSB tidak aktif dan dipengerusikan oleh Pengurus Besar PKNS yang juga adalah Ahli Lembaga Pengarah WHB. Kesannya, penetapan ganjaran dan manfaat tidak selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

11.4.3.4. Pembayaran Dividen

Pada tahun 2008 dan 2009 WHB, telah membayar dividen kepada PHSB berjumlah RM90 juta dan RM50.93 juta masing-masing iaitu pada kadar 116.3% dan 70.8% daripada keuntungan tahun kewangan 2008 dan 2009 masing-masing. Kadar dividen yang dibayar diluluskan oleh Lembaga Pengarah WHB tetapi cadangan bayaran dividen tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PHSB dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993. Dividen yang tinggi mampu dibayar kerana WHB memiliki pendapatan tertahan terkumpul yang boleh diagihkan kepada pemegang saham. Ketua Pegawai

Eksekutif WHB memaklumkan dividen yang tinggi dibayar bertujuan membantu PHSB membayar ansuran pinjaman CIMB Bank yang diambil pada akhir bulan November 2007 untuk membeli 48.8% saham WHB daripada pemegang saham minoriti untuk memiliki 100% saham WHB. Maklumat lanjut bayaran dividen WHB kepada PHSB pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Pembayaran Dividen Kepada PHSB Pada Tahun 2008 Dan 2009

Butiran	Tahun	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan Tertahan 1 Januari	286.05	273.46
Untung Selepas Cukai	77.41	71.89
Dividen Dibayar	(90.00)	(50.93)
Kadar Dividen Atas Keuntungan	116.3%	70.8%
Pendapatan Tertahan Pada 31 Disember	273.46	294.42
Modal Saham	177.12	177.12
Kadar Dividen Atas Modal Saham	50.8%	28.8%

Sumber: Penyata Kewangan WHB Bagi Tahun 2009

11.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

- Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan syarikat induk menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan (Jawatankuasa) untuk memelihara kepentingan Kerajaan, meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan, mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan dan etika perniagaan syarikat serta menentukan sumber Kerajaan diurus seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosial.
- Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan semasa WHB disenaraikan di Bursa Malaysia tidak aktif pada tahun 2008 hingga 2010. Laporan Unit Audit Dalam WHB yang sepatutnya dibentangkan di dalam Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan hanya dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan WHB. Ini disebabkan mesyuarat pengurusan PKNS Bilangan 2 Tahun 2009 pada 13 April 2009 memutuskan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan akan ditubuhkan di peringkat PKNS untuk memantau semua syarikat subsidiarinya. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2010, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat PKNS masih belum diwujudkan.

11.4.3.6. Pemantauan Ke Atas Syarikat Subsidiari

- Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun hendaklah mengawal semua lapisan syarikat subsidiari. Antaranya ialah memantau prestasi kewangan dengan penuh rapi dan teliti terutamanya yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Laporan prestasi kewangan yang terperinci hendaklah dibentang kepada Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Lembaga

Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun perlu melupus atau menswastakan kepentingan Kerajaan di dalam syarikat yang tidak aktif dan berhenti operasi. Penjualan aset tetap yang mempunyai nilai *substantial* juga perlu ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Pada 31 Disember 2010, WHB mempunyai 11 syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1973 hingga 2006 dan prestasi kewangan syarikat subsidiari ini pada 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 11.7**.

Jadual 11.7
Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari WHB Pada 31 Disember 2009

Bil.	Subsidiari	Tahun Penubuhan/ Pelaburan	Modal Dibayar (RM)	Ekuiti (%)	Status	Prestasi Kewangan Pada 31 Disember 2009	
						Untung/ (Rugi) (RM)	Untung Terkumpul/ (Rugi Terkumpul) (RM)
1.	Central Holdings Bhd.	27.11.1973	36.62 juta	100	Aktif	(0.16 juta)	10.85 juta
2.	Aspirasi Anggun Sdn. Bhd.	20.11.1996	2	100	Aktif	(3,117)	(0.98 juta)
3.	Emerald Crest Sdn. Bhd.	10.12.1996	2	100	Aktif	19.00 juta	32.36 juta
4.	Cekal Unggul Sdn. Bhd.	1.3.2006	5.00 juta	70	Aktif	(0.92 juta)	(4.57 juta)
5.	Worldwide Landfills Sdn. Bhd.	6.4.1995	8.00 juta	60	Aktif	10.87 juta	45.03 juta
6.	Worldwide Glomac Development Sdn. Bhd.	27.5.1991	5.00 juta	51	Aktif	0.43 juta	9.08 juta
7.	Worldwide Land Development Sdn. Bhd.	26.8.1992	2	100	Tidak Aktif	(1,503)	(0.12 juta)
8.	Worldwide Medivest Sdn. Bhd. (Symor Worldwide Sdn. Bhd.)	10.12.1996	0.42 juta	100	Aktif	(3,438)	(0.82 juta)
9.	Worldwide Property Management Sdn. Bhd.	17.2.1997	2	100	Tidak Aktif	(1,507)	(18,366)
10.	IMP Teleport Sdn. Bhd.	22.5.1995	2	100	Tidak Aktif	(1,507)	(15,374)
11.	Perangsang Empere Wood Industries Sdn. Bhd.	21.4.1990	0.84 juta	61	Tidak Aktif	2.35 juta	1.71 juta

Sumber: Rekod Pendaftaran Pelaburan 2010 Dan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2009

- b. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati, sebanyak 7 daripada 11 syarikat subsidiari WHB masih aktif. Bagaimanapun, 4 daripada 7 syarikat ini mengalami kerugian pada tahun 2009. WHB hanya menerima bayaran dividen daripada satu syarikat subsidiari iaitu Worldwide Landfills Sdn. Bhd. berjumlah RM2 juta, manakala dividen daripada Central Holdings Bhd. dibayar secara pemberian Saham Utama.
- c. Sebanyak 4 syarikat subsidiari WHB tidak aktif (*dormant*) di mana 3 daripadanya tidak aktif sejak ditubuhkan dan satu syarikat tidak aktif mulai tahun 2009. Empat syarikat subsidiari yang tidak aktif ini menunjukkan prestasi kewangan yang tidak memuaskan kerana kerugian terkumpul semakin meningkat. Satu syarikat subsidiari, Perangsang Empere Wood Industries Sdn. Bhd. walaupun tidak aktif beroperasi telah memperoleh keuntungan pada tahun 2009 daripada penjualan sebidang tanah seluas 25,495.18 meter persegi di Mukim Tanjung 12, Olak Lempit, Daerah Kuala Langat, Selangor. Tanah tersebut yang mempunyai nilai kos berjumlah RM597,376 telah

dijual dengan nilai RM2.96 juta kepada DNC ASIATICS Holdings Sdn. Bhd.. Penjualan tanah ini mendapat kelulusan Lembaga Pengarah WHB.

- d. Semakan Audit juga mendapati prestasi kewangan yang terperinci, status syarikat subsidiari yang tidak aktif dan penjualan tanah oleh syarikat subsidiari tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PHSB dan PKNS seperti ditetapkan.

Pada pendapat Audit, sebagai syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang melaksanakan pembangunan dan pelaburan berskala besar, WHB hendaklah mematuhi peraturan Kerajaan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan hendaklah diaktifkan semula bagi menjaga kepentingan PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor.

11.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan WHB, PHSB dan PKNS mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat WHB:

11.5.1. WHB hendaklah memperkuuhkan prestasi kewangan dengan memperluaskan aktiviti pembangunan harta tanah seperti membuat perolehan tanah baru di luar Negeri Selangor selaras dengan visi dan misi untuk menjadi peneraju dalam bidang aktiviti tersebut dan menjadi syarikat Kerajaan yang berdaya saing.

11.5.2. WHB hendaklah terus berusaha mempromosikan bidang perkhidmatan pengurusan alam sekitar dengan meluas di dalam dan luar Negeri Selangor selaras dengan kepakaran dan pengalaman syarikat dalam bidang ini. WHB hendaklah mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Negeri Selangor agar perkhidmatan pengurusan alam sekitar mendapat sambutan menyeluruh daripada PBT di Negeri Selangor.

11.5.3. WHB hendaklah memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai asas. Lembaga Pengarah WHB wajar disusun semula dari segi bilangan dan keanggotaan ahli bebas bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan.

11.5.4. WHB hendaklah mengaktifkan semula Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan selaras dengan fungsinya serta memastikan operasi syarikat selaras dengan peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9, 10, 11 dan 12 Tahun 1993.

11.5.5. Lembaga Pengarah PKNS hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan dan memastikan semua kumpulan syarikat subsidiarinya mematuhi dasar dan peraturan Kerajaan Negeri Selangor serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

12. PKPS AGRO INDUSTRIES SDN. BHD.

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 12 Oktober 1991 merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan modal berbayar berjumlah RM10.90 juta. Objektif penubuhan PAISB adalah untuk menjayakan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh PKPS dan memasarkan produk pertanian pengusaha tempatan. PAISB dipertanggungjawab oleh PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor mengurus operasi Kompleks Pasar Borong Selangor. Berdasarkan Kertas Perancangan 5 Tahun (2006 hingga 2010), PAISB menetapkan sasaran untuk menjadi syarikat perniagaan khusus dalam pengurusan kompleks pasar borong dan pemprosesan produk berasaskan makanan serta perdagangan komoditi pertanian di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2005, PAISB telah mendapat pinjaman di bawah Projek Dana Menggalakkan Pertanian Komersial berjumlah RM40.10 juta daripada Kementerian Kewangan. Pada tahun 2006, syarikat subsidiari PAISB iaitu Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB) pula telah mendapat pinjaman daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM50.20 juta. Secara ringkasnya, jumlah pinjaman diperoleh PAISB dan syarikat subsidiarinya daripada Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM90.30 juta.

12.1.2. Mulai tahun 2009, Lembaga Pengarah PAISB terdiri daripada 2 orang sahaja iaitu Pengurus Besar PKPS sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKPS sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan harian PAISB diketuai oleh Pengurus Besar dengan dibantu oleh seorang Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan 22 orang pegawai bukan eksekutif. Bagaimanapun, pada awal tahun 2010, Pengurus Besar dan Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan telah meletakkan jawatan. Semenjak itu, pengurusan pentadbiran dan operasi pasar borong Selangor dilaporkan terus kepada Ahli Lembaga Pengarah PAISB iaitu Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKPS.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

12.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

12.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh PKPS dan pinjaman yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan telah diurus dengan teratur selaras dengan

objektif yang ditetapkan. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat.

12.3.2. Pengauditan dijalankan di pejabat PAISB di Kompleks Pasar Borong Selangor, Sri Kembangan, Serdang meliputi semakan dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2008 hingga 2010 dan di mana perlu skop pengauditan diperluaskan sebelum tahun 2008 seperti penubuhan syarikat dan di peringkat projek atau aktiviti utama mula dilaksanakan. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2008 hingga 2010 merangkumi *trend* pendapatan, perbelanjaan serta untung/(rugi) dan nisbah kewangan. Selain itu, temu bual diadakan dengan pegawai PAISB dan syarikat subsidiarinya serta pegawai PKPS bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Soal selidik telah diedarkan kepada 61 penyewa/peniaga warga tempatan pada 22 Februari 2011 untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan terhadap kemudahan, kebersihan dan keselamatan serta sambutan pengunjung di pasar borong Selangor. Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset dilaksanakan di pejabat PAISB. Lawatan Audit ke Kompleks Pasar Borong Selangor dilaksanakan dalam tempoh pengauditan manakala lawatan ke premis Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan Tropika, premis Pengeluaran Baja Organik di Serdang, Selangor serta kilang Mengekstrak Bahan Aktif Herba Tropika di Pulau Indah, Selangor dijalankan pada 2 dan 3 November 2010 bagi mendapat gambaran sebenar kemajuan aktiviti yang dijalankan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap PAISB telah dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Februari 2011 mendapati, secara keseluruhannya prestasi kewangan PAISB adalah tidak memuaskan. Pada tahun 2010, PAISB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.09 juta kerana kerugian atas penjualan saham syarikat subsidiari Premium Agro Products Sdn. Bhd. dan pelupusan bangunan Pusat Kitar Semula Sisa Kebun (Baja Kompos) di Klang berjumlah RM1.10 juta serta kedudukan kewangan masih kurang stabil kerana bergantung kepada pinjaman. Pengurusan aktiviti juga adalah tidak memuaskan di mana terdapat kelemahan terhadap pengurusan pasar borong seperti pengurusan kutipan hasil serta kemudahan dan tahap kebersihan di pasar borong yang disediakan. Terdapat 2 projek yang dibiayai oleh pinjaman Kementerian Kewangan berjumlah RM40.10 juta gagal mencapai matlamatnya serta satu projek berjumlah RM50.20 juta gagal memulakan pengeluaran dan memasarkan produk dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pengurusan tadbir urus korporat PAISB tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, seperti pelantikan Lembaga Pengarah dan pemantauan Lembaga Pengarah PAISB kurang berkesan manakala Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan bagi menjaga kepentingan PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

12.4.1. Prestasi Kewangan

12.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2009, PAISB mengalami keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.44 juta. Namun pada tahun 2008 dan 2010, PAISB mencatatkan kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM0.36 juta dan RM0.09 juta. Pada tahun 2009, walaupun pendapatan menurun sejumlah RM1.08 juta, PAISB mampu memperoleh keuntungan sebelum cukai disebabkan pengurangan perbelanjaan daripada aktiviti jualan baja organik yang telah berhenti operasi. Selain itu, hapus kira hutang telah berkurangan kepada RM57,000 pada tahun 2009 (2009:RM57,000, 2008:RM1.08 juta). Pada tahun 2010, kerugian sebelum cukai yang ditanggung PAISB adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah pendapatan adalah tidak seimbang dengan peningkatan dalam jumlah perbelanjaan. Pendapatan syarikat hanya meningkat sejumlah RM0.27 juta (5.1%) berbanding peningkatan dalam perbelanjaan pula adalah berjumlah RM0.80 juta (16.6%). Keadaan ini menjadikan nisbah pertambahan perbelanjaan berbanding pertambahan pendapatan pada tahun 2010 adalah 2.96:1. Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan pada tahun 2010, PAISB telah mengalami kerugian atas penjualan saham syarikat subsidiari Premium Agro Products Sdn. Bhd. dan pelupusan bangunan Pusat Kitar Semula Sisa Kebun (Baja Kompos) di Klang masing-masing berjumlah RM0.68 juta dan RM0.42 juta. Bagaimanapun pada tahun 2010, PAISB telah memperoleh untung selepas cukai sejumlah RM1.18 juta berbanding tahun 2009 berjumlah RM0.10 juta dan kerugian pada tahun 2008 berjumlah RM0.55 juta. Keuntungan selepas cukai tahun 2010 adalah disebabkan pelarasan cukai yang terlebih diperuntukkan pada tahun sebelumnya.
- b. Pendapatan utama PAISB terdiri daripada sewaan lot pasar borong, sewaan ruang pejabat dan tempat letak kereta di Kompleks Pasar Borong Selangor serta hasil penjualan air mineral dan baja organik. Pendapatan syarikat pada tahun 2008 adalah berjumlah RM6.33 juta dan menurun kepada RM5.25 juta pada tahun 2009 tetapi meningkat kepada RM5.52 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan sejumlah RM1.08 juta (17.1%) pada tahun 2009 disebabkan penurunan penjualan baja organik (2008:RM1.12 juta, 2009:RM0.03 juta). Manakala pada tahun 2010, peningkatan pendapatan sejumlah RM0.27 juta (5.1%) disebabkan peningkatan dalam sewaan lot pasar borong dan sewaan ruang pejabat.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan PAISB pula mendapati berlaku penurunan ketara terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2009. Pada tahun 2008, perbelanjaan syarikat adalah berjumlah RM6.69 juta menurun kepada RM4.81 juta pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM5.61 juta pada tahun 2010. Penurunan sejumlah RM1.88 juta (28.1%) pada tahun 2009 ini disebabkan penurunan dalam perbelanjaan aktiviti pasar borong sejumlah RM1.06 juta (56.4%) khususnya dalam aktiviti jualan baja organik kerana telah berhenti operasi. Selain itu, terdapat pengurangan hapus kira hutang kepada RM57,000 (2009:RM57,000, 2008:RM1.08 juta).

juta) kerana syarikat pembiutang berhenti operasi. Bagaimanapun pada tahun 2010, perbelanjaan PAISB meningkat sebanyak RM0.80 juta (16.6%). Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan pada tahun 2010, PAISB telah mengalami kerugian daripada hasil penjualan saham syarikat subsidiari dan pelupusan aset masing-masing berjumlah RM0.68 juta dan RM0.42 juta.


- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) PAISB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1**, **Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

Jadual 12.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung/(Rugi) PAISB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010


Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	5.65	4.87	5.09
Belanja Aktiviti	(3.24)	(2.03)	(1.87)
Untung Kasar	2.41	2.84	3.22
Pendapatan Lain	0.68	0.38	0.43
Belanja Am, Pentadbiran Operasi	(3.22)	(2.45)	(3.47)
Untung/(Rugi) Operasi	(0.13)	0.77	0.18
Kos Kewangan	(0.23)	(0.33)	(0.27)
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Cukai	(0.36)	0.44	(0.09)
Cukai	(0.19)	(0.34)	1.27
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	(0.55)	0.10	1.18

Sumber: Penyata Kewangan PAISB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Carta 12.1
Trend Keuntungan Kasar Dan Keuntungan Sebelum Cukai PAISB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Carta 12.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan PAISB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PAISB
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Sumber: Penyata Kewangan PAISB
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

12.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan PAISB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan PAISB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan PAISB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2008	2009	2010
1.	Nisbah Semasa	2.6:1	2.7:1	2.6:1
2.	Margin Keuntungan	(5.7%)	8.4%	(1.6%)
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.008):1	0.002:1	0.02:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(0.05):1	0.009:1	0.11:1

Sumber: Penyata Kewangan PAISB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PAISB bagi tahun kewangan 2010 sebanyak 2.6:1 sama seperti nisbah semasa pada tahun 2008 tetapi menurun sedikit berbanding dengan tahun 2009. Walaupun kadar nisbah ini menunjukkan PAISB mempunyai kecairan kewangan yang memuaskan namun kecairan ini bergantung kepada keupayaan PAISB memperoleh bayaran balik hutang syarikat subsidiari berjumlah RM34.10 juta. Sehingga 31 Disember 2010, syarikat subsidiari gagal membayar balik hutang kerana telah berhenti beroperasi. Analisis Audit selanjutnya mendapati nisbah semasa PAISB selepas mengambil kira ketidakmampuan PAISB memperoleh hutang syarikat subsidiari adalah 0.24:1. Ini menggambarkan kecairan kewangan PAISB tidak memuaskan kerana aset semasa PAISB tidak mampu menampung hutang jangka pendek.

b. Margin Keuntungan

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010 PAISB memperoleh margin kerugian pada kadar 1.6% berbanding pada tahun 2009 PAISB memperoleh margin keuntungan pada kadar 8.4% tetapi lebih rendah daripada margin kerugian tahun 2008 iaitu 5.7%. Ini menunjukkan urus niaga PAISB pada tahun 2010 masih kurang memuaskan kerana tidak berkeupayaan menjana keuntungan iaitu pada setiap ringgit pendapatan PAISB mengalami kerugian 1.6 sen.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit

aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, kadar pulangan ke atas aset meningkat sedikit kepada 0.02:1 atau 0.02 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan berbanding pada tahun 2009 pada kadar 0.002:1 atau 0.002 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Pada tahun 2008, PAISB mengalami kerugian daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Walaupun kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2010 meningkat sedikit berbanding tahun 2009 dan 2008 tetapi kadar pulangan ini masih terlalu rendah dan kecekapan PAISB menggunakan asetnya perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 meningkat sedikit kepada 0.11:1 atau 11 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan berbanding pada tahun 2009 sebanyak 0.009:1 atau 0.009 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan manakala pada tahun 2008 PAISB mengalami kerugian daripada setiap ringgit modal yang digunakan. Kadar pulangan ke atas ekuiti yang meningkat menunjukkan keupayaan PAISB mengurus modalnya bagi memberi pulangan yang tinggi kepada PKPS bertambah baik. Walau bagaimanapun, kadar pulangan ke atas ekuiti masih rendah dan perlu dipertingkatkan bagi memberi pulangan yang berterusan pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PAISB adalah tidak memuaskan. Walaupun keuntungan kasar daripada aktiviti utama meningkat tetapi PAISB masih mengalami kerugian sebelum cukai. Manakala analisis nisbah kewangan menunjukkan kecairan kewangan PAISB tidak memuaskan. PAISB perlu mempertingkatkan promosi pasar borong dan menjimatkan kos operasi pasar borong bagi mengukuhkan kedudukan kewangannya.

12.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama PAISB adalah mengurus Kompleks Pasar Borong Selangor serta memasarkan produk keluaran pertanian dan produk makanan. Pada tahun 2005, PAISB dan syarikat subsidiarinya telah memperkembangkan aktiviti mereka kepada pemprosesan produk berasaskan pertanian yang dibiayai oleh pinjaman Kementerian Kewangan. Semakan Audit terhadap aktiviti PAISB mendapati:

- a. Pengurusan Kompleks Pasar Borong Selangor tidak memuaskan.
- b. Projek Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan gagal mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan.

12.4.2.1. Pengurusan Kompleks Pasar Borong Selangor Tidak Memuaskan

a. Prestasi Keuntungan Memuaskan

- i. Kompleks Pasar Borong Selangor (pasar borong) telah siap dibina pada bulan Mac 2001 dengan kos berjumlah RM25.28 juta dan mula beroperasi pada bulan Mei 2001. Pengurusan pasar borong adalah aktiviti utama PAISB. Bajet tahunan disediakan selaras dengan objektif PAISB untuk memperkuatkannya kedudukan kewangan dan meningkatkan keuntungan syarikat khususnya daripada aktiviti pasar borong. Prestasi keuntungan pengurusan pasar borong pada tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3

Prestasi Keuntungan Pengurusan Pasar Borong Pada Tahun 2008 Hingga 2010

Perkara	2008			2009			2010		
	Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar	
	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)	(RM Juta)	(RM Juta)	Prestasi (%)
Pendapatan	5.23	4.58	87.6	5.19	4.88	94.0	5.18	5.18	100
Perbelanjaan	(3.53)	(3.35)	94.9	(3.84)	(3.77)	98.2	(3.83)	(3.65)	95.3
Untung	1.70	1.23	72.4	1.35	1.11	82.2	1.35	1.53	113.3

Sumber: Bajet, Rekod Kewangan Pasar Borong Dan Penyata Kewangan PAISB Tahun 2008 Hingga 2010

- ii. Berdasarkan jadual di atas, analisis Audit mendapati pada tahun 2010 prestasi keuntungan adalah memuaskan. Keuntungan sebenar pada tahun 2010 melebihi sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian pada kadar 113% berbanding prestasi keuntungan pasar borong tahun 2009 dan 2008 yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Keuntungan sebenar pada tahun 2010 berjumlah RM1.53 juta meningkat sejumlah RM0.42 juta (37.8%) berbanding dengan tahun 2009 dan RM0.30 juta (24.4%) berbanding keuntungan tahun 2008. Peningkatan keuntungan pada tahun 2010 disebabkan pendapatan sewa mencapai sasaran yang ditetapkan berjumlah RM5.18 juta manakala perbelanjaan operasi berjumlah RM3.65 juta lebih rendah daripada sasaran berjumlah RM3.83 juta. Berbanding tahun 2008 dan 2009, walaupun perbelanjaan operasi lebih rendah daripada sasaran tetapi pendapatan yang diperoleh tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

b. Prestasi Kutipan Sewa Lot Pasar Borong Tidak Memuaskan

- i. Berdasarkan kepada senarai penyewa lot pasar borong didapati sebanyak 229 (91.6%) daripada 250 lot pasar borong telah disewa pada akhir bulan Disember 2010. Surat perjanjian telah ditandatangani dengan semua penyewa. PAISB menetapkan penyewa perlu membayar deposit bersamaan 2 bulan sewa lot pasar borong dan sebulan bayaran utiliti sebelum memulakan operasi di pasar borong. Pada tahun 2010, Pengurus Operasi pasar borong telah menyediakan

insentif kepada penyewa yang membuat bayaran awal dengan memberi potongan pada kadar 5% bagi bayaran sewa yang dibayar antara satu hingga 7 haribulan dan potongan 2% bagi bayaran sewa yang dibuat antara 8 hingga 21 haribulan. Ini bertujuan menggalakkan penyewa membayar sewa dengan segera mengikut tempoh yang ditetapkan.

- ii. Semakan Audit mendapati terdapat penyewa lot di pasar borong yang tidak menjelaskan bayaran sewa mengikut surat perjanjian. Tunggakan sewa pada tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah antara RM1.19 juta hingga RM1.24 juta. Tindakan Pengurus Operasi pasar borong mewujudkan insentif dengan memberi potongan bagi bayaran sewa yang dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan telah menyebabkan tunggakan sewa pada tahun 2010 berjumlah RM1.20 juta menurun sejumrah RM0.04 juta (3.2%) berbanding tunggakan tahun 2009 berjumlah RM1.24 juta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 75% daripada jumlah tunggakan sewa pada tahun 2008 hingga 2010 adalah tunggakan sewa melebihi 2 bulan deposit sewa iaitu antara 4 bulan hingga melebihi 2 tahun. Sejumlah RM0.68 juta (56.7%) daripada tunggakan tahun 2010 berjumlah RM1.20 juta telah diperuntukkan sebagai hutang lapuk sejak tahun 2008. Ini disebabkan tunggakan sewa adalah daripada penyewa lot pasar borong semasa mula beroperasi yang terdiri daripada ahli Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Nelayan yang tidak berkemampuan membayar sewa kerana kurang pengunjung. Ini telah menjelaskan prestasi kewangan syarikat disebabkan pendapatan sewa lot pasar borong adalah pendapatan utama PAISB.

c. Matlamat Pembangunan Kompleks Pasar Borong Selangor Belum Tercapai

- i. Objektif PKPS membangunkan Kompleks Pasar Borong Selangor (pasar borong) adalah untuk menjadi medan/pusat pertemuan antara pengeluar hasil tani dengan pembeli. Ia bertujuan mengurangkan penglibatan orang tengah dan untuk mewujudkan sebuah pusat pemasaran setempat khusus bagi para petani, peladang dan nelayan di Selangor serta negeri lain menjalankan urusniaga hasil pertanian secara langsung kepada orang ramai agar dapat meningkatkan pendapatan.
- ii. Lawatan Audit ke pasar borong pada 22 Februari 2011 mendapati daripada 229 lot yang disewakan, sebanyak 124 (54.1%) lot dikendalikan oleh pekerja warga asing seperti warga Myanmar, Bangladesh dan Indonesia, 61 (26.7%) lot oleh warga tempatan dan 44 (19.2%) lot tidak dapat disahkan kerana ditutup/tidak berniaga.
- iii. Sebanyak 61 soal selidik telah diedarkan kepada penyewa/peniaga warga tempatan sahaja di mana sebanyak 50 (82%) maklum balas telah diterima. Daripada maklum balas yang diterima adalah didapati hanya 6 (12%) penyewa adalah terdiri daripada kategori petani dan peladang manakala 44 (88%) penyewa

adalah kategori penjual, pengedar dan pemberong. Lot pasar borong lebih banyak disewa oleh penjual, pengedar dan pemberong serta 54.1% lot yang disewa dikendalikan oleh pekerja warga asing. Ini tidak selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor membina Kompleks Pasar Borong Selangor bagi mengurangkan penglibatan orang tengah dan untuk mewujudkan sebuah pusat pemasaran setempat khusus bagi para petani, peladang dan nelayan. Perkara ini disebabkan, di peringkat awal beroperasi, pasar borong tidak mendapat sambutan para petani dan nelayan kerana kurang pengunjung serta kawasan persekitarannya masih belum membangun. PAISB telah menyewakan lot pasar borong kepada sesiapa yang berminat bagi menampung perbelanjaan operasi. Bagaimanapun, perubahan matlamat pasar borong sebagai pusat pertemuan nelayan dan peladang kepada pasar borong umum tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKPS. Kesannya, aktiviti pasar borong tidak selaras dengan matlamat pembangunan yang ditetapkan.

d. Kemudahan Di Pasar Borong

- i. Pasar borong dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk penjual dan pengunjung pasar borong. Lawatan Audit pada 22 Februari 2011 untuk melihat prestasi kemudahan yang disediakan mendapati kemudahan di pasar borong seperti surau, kedai makan, bilik jana kuasa, bilik sejuk dan tempat pembuangan sampah berkeadaan baik untuk kegunaan penyewa/peniaga dan pengunjung kecuali kemudahan tandas dan tempat letak kereta. Terdapat 2 daripada 4 tandas awam telah rosak tidak dibaiki menyebabkan berkeadaan kotor dan berbau busuk serta kemudahan tempat letak kereta tidak terurus kerana petak tempat letak kereta tidak bernombor dan cat petak lot telah pudar.
- ii. Selain untuk mengesan status penyewa/peniaga di pasar borong sama ada daripada kategori petani dan peladang selaras dengan matlamat pembinaan Kompleks Pasar Borong Selangor, soal selidik yang diedarkan adalah juga untuk menilai tahap kepuasan penyewa/peniaga terhadap kemudahan, kebersihan dan keselamatan serta sambutan pengunjung ke pasar borong. Maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Maklum Balas Kemudahan Di Pasar Borong

Bil.	Perkara	Soal Selidik Diterima (Orang)	Penilaian Penyewa/Peniaga					
			Baik		Memuaskan		Tidak Memuaskan	
			Bil. (Orang)	(%)	Bil. (Orang)	(%)	Bil. (Orang)	(%)
A. Kemudahan								
1.	Surau (Peniaga Islam Sahaja)	31	30	96.8	1	3.2	0	-
2.	Tandas	50	5	10	10	20	35	70
3.	Tempat Letak Kereta	50	16	32	17	34	17	34
4.	Kedai Makan	50	26	52	12	24	12	24
5.	Bilik Sejuk/Utiliti	50	26	52	16	32	8	16
6.	Tempat Pembuangan Sampah	50	40	80	9	18	1	2
B. Kebersihan Dan Keselamatan								
7.	Kebersihan	50	15	30	15	30	20	40
8.	Keselamatan	50	19	38	15	30	16	32
C. Sambutan Pengunjung								
9.	Sambutan Pengunjung	50	19	38	12	24	19	38

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

iii. Berdasarkan jadual di atas, antara 26 (52%) hingga 40 (80%) penyewa/peniaga memberi maklum balas bahawa kemudahan kedai makan, bilik sejuk/utiliti dan tempat pembuangan sampah adalah baik. Seramai 30 (96.8%) daripada 31 penyewa/peniaga beragama Islam memberi maklum balas kemudahan surau adalah baik. Bagaimanapun, 35 (70%) penyewa/peniaga tidak berpuas hati dengan kemudahan tandas di pasar borong. Manakala hanya 33 (66%) penyewa/peniaga berpuas hati dengan kemudahan tempat letak kereta yang disediakan. Mengenai kebersihan di pasar borong, maklum balas tertinggi adalah seramai 20 (40%) penyewa/peniaga bersetuju bahawa tahap kebersihan di pasar borong adalah tidak memuaskan. Manakala hanya 19 (38%) penyewa/peniaga bersetuju tahap keselamatan dan sambutan pengunjung adalah baik. Ini menggambarkan penambahbaikan seperti kemudahan tandas, tempat letak kereta, kebersihan dan keselamatan perlu dibuat bagi memastikan penyewa/peniaga serta pengunjung merasa selesa dan selamat serta dapat menarik orang ramai berkunjung ke pasar borong.

iv. Menurut PAISB, pelbagai tindakan telah diambil bagi memastikan kemudahan, kebersihan dan keselamatan di pasar borong adalah memuaskan seperti mengenakan denda berjumlah RM150 atas kesalahan membuang sampah, merampus, menyita, mengenakan denda dan membatalkan perjanjian sewa bagi peniaga menjual barang yang menyalahi undang-undang serta mengenakan kompaun sejumlah RM150 bagi penyewa/peniaga yang melakukan kekotoran dan merosakkan kemudahan di pasar borong.

12.4.2.2. Projek Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial

Secara keseluruhannya, 2 projek yang dilaksanakan di bawah Projek Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial telah gagal dan mengalami kerugian yang besar. Projek salad dan jus buah-buahan gagal mencapai matlamat yang ditetapkan kerana harga tawaran syarikat usaha sama yang bersetuju membeli produk salad dan jus buah-buahan pada harga USD4 sekilogram tidak dapat menampung kos bekalan buah-buahan, belanja operasi dan kos pengangkutan udara yang tinggi serta PAISB tidak berpengalaman untuk mengendalikan projek komersial berskala besar dan pasaran antarabangsa. Projek ini dilaksanakan berdasarkan tawaran syarikat usaha sama. Oleh itu, kejayaan projek ini adalah bergantung kepada keupayaan dengan rakan kongsi syarikat tersebut. Manakala projek baja organik tidak berjaya adalah disebabkan kegagalan projek salad dan jus buah-buahan seterusnya menyebabkan baja organik tidak dapat dihasilkan dan dipasarkan seperti dirancang. Ini telah mengakibatkan berlaku pembaziran pembelian teknologi dan peralatan yang diimpot daripada Jerman kerana tidak diguna secara optima bagi menjana keuntungan dan menerokai pasaran antarabangsa. Selain itu, kos penyelidikan yang bernilai tinggi gagal dimanfaat untuk meningkatkan sektor pertanian dan memberi keuntungan kepada PAISB dan PKPS. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

a. Projek Gagal Mencapai Matlamat Ditetapkan

Pada bulan September tahun 2005, PAISB telah memperoleh pinjaman daripada Kementerian Kewangan di bawah Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial bagi melaksanakan Projek Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan Tropika berjumlah RM30.10 juta serta Projek Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Sisa Buangan Kepada Bentuk Baja Organik Dan Makanan Ternakan berjumlah RM10 juta. Tempoh bayaran balik bagi pinjaman tersebut ialah 10 tahun. Kedua-dua projek ini diluluskan bertujuan untuk mempertingkatkan sektor pertanian negara serta keuntungan PAISB dan PKPS. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek tersebut telah gagal mencapai matlamat yang ditetapkan dan telah berhenti operasi pada bulan Februari 2010. Pihak pengurusan PKPS dan PAISB yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek telah tidak berkhidmat dan berhenti daripada PKPS dan PAISB. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. Prestasi Keuntungan Projek Sangat Tidu Memuaskan

- Produk utama bagi Projek Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan Tropika (produk salad dan jus buah-buahan) adalah buah-buahan segar yang telah dibersih dan dipotong dalam bentuk kecil yang sedia dimakan dan jus yang dihasilkan daripada buah-buahan segar. Projek produk salad dan jus buah-buahan dijalankan secara usaha sama dengan sebuah syarikat usaha sama yang berpengkalan di Dubai, U.A.E. Projek ini dijangkakan memberi pulangan yang tinggi pada 5 tahun pertama beroperasi dengan menjana keuntungan terkumpul berjumlah RM68.89 juta. Semakan Audit mendapati prestasi

keuntungan sebenar projek produk salad dan jus buah-buahan adalah sangat tidak memuaskan kerana mengalami kerugian sejak mula beroperasi pada tahun 2008 dan 2009 berjumlah RM5.46 juta berbanding dijangka memperoleh keuntungan berjumlah RM20.89 juta. Premium Sanitised Products Sdn. Bhd. (PSPSB), syarikat subsidiari PAISB yang mengurus projek produk salad dan jus buah-buahan telah berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010 iaitu setelah beroperasi selama 2 tahun.

- Projek Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Sisa Buangan Kepada Bentuk Baja Organik Dan Makanan Ternakan (baja organik) dicadangkan berasaskan kepada proses pengitaran dan pemprosesan semula bahan buangan kilang salad buah-buahan serta sampah organik pasar borong. Walaupun pengeluaran baja organik berstatus penyelidikan dan pembangunan tetapi ia dilaksanakan secara komersial dan pulangan atas pelaburan dijangka dapat diperoleh pada tahun keenam beroperasi. Semakan Audit mendapati prestasi projek baja organik sangat tidak memuaskan kerana gagal mencapai sasaran keuntungan yang ditetapkan pada tahun 2008 dan 2009 berjumlah RM1.55 juta. Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB), syarikat subsidiari PAISB yang mengurus projek baja organik mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2009 berjumlah RM0.76 juta dan juga telah berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010.

ii. Prestasi Pengeluaran Produk Tidak Tercapai

- Berdasarkan surat perjanjian bekalan dan pembelian yang ditandatangani oleh PSPSB dengan sebuah syarikat usaha sama pada 19 September 2005, syarikat usaha sama berkenaan memberi jaminan dan bersetuju membeli 13,250 kilogram salad dan jus buah-buahan sehari pada harga USD4 sekilogram melalui pengangkutan udara. Berdasarkan Kertas Cadangan Projek Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan Tropika, sasaran pengeluaran produk salad dan jus buah-buahan tropika bagi tahun 2008 hingga 2010 yang sepatutnya dieksport ke Dubai adalah sebanyak 11.46 juta kilogram. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada prestasi pengeluaran produk salad dan jus buah-buahan mencapai sasaran serta telah dieksport ke Dubai seperti yang ditetapkan. Ini disebabkan PSPSB telah berhenti beroperasi dan PAISB tidak dapat mengemukakan dokumen mengenainya kerana tidak disimpan dengan teratur. PSPSB telah berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010 kerana mengalami kerugian yang semakin meningkat. Walaupun baru 2 tahun beroperasi, kerugian terkumpul PSPSB pada 31 Disember berjumlah RM9.23 juta.
- Lawatan Audit ke premis pemprosesan salad dan jus buah-buahan tropika pada 2 November 2010 membuktikan PSPSB telah berhenti beroperasi dan premis telah disewakan manakala peralatan pemprosesan bernilai RM15 juta yang

diimpor daripada Jerman tidak digunakan seperti di **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.2**.

Gambar 12.1
Peralatan Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-Buahan Tropika Tidak Digunakan
Kerana PSPSB Telah Berhenti Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Premis Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-Buahan, PSPSB, Serdang

Tarikh: 2 November 2010

- Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB), syarikat subsidiari PAISB menetapkan sasaran pengeluaran baja organik adalah sebanyak 10.5 tan metrik sehari yang akan dipasarkan secara timbal balik dengan petani kontrak pada harga yang lebih rendah iaitu antara RM450 hingga RM550 setiap tan metrik. Sebanyak 80% pengeluaran baja organik adalah untuk kegunaan tempatan seperti petani kontrak, penanam sayur dan buah-buahan serta Pihak Berkuasa Tempatan manakala 20% baja organik untuk tujuan diekspot. Baja organik akan dipasarkan ke Timur Tengah melalui rakan kongsi projek Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan, berpangkalan di Dubai di samping akan menerokai pasaran ekspot di Eropah. Berdasarkan Kertas Cadangan Projek, sasaran pengeluaran baja organik bagi tahun 2008 hingga 2010 yang sepatutnya dijual di pasaran tempatan dan luar negara adalah sebanyak 9,072 metrik tan. Semakan Audit mendapati prestasi pengeluaran bagi tahun 2008 hingga 2010 sebanyak 1,229 tan metrik (13.5%) adalah sangat rendah berbanding sasaran yang ditetapkan. PAPSB telah berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010 kerana mengalami kerugian yang semakin meningkat. Kerugian terkumpul PAPSB pada 31 Disember 2009 berjumlah RM2.38 juta. PAPSB menanggung kos operasi yang tinggi berbanding pendapatan yang diperoleh kerana baja organik tidak mendapat sambutan.
- Lawatan Audit ke premis pengeluaran baja organik pada 2 November 2010 membuktikan PAPSB telah berhenti beroperasi dan peralatan bernilai RM4.11 juta tidak lagi digunakan seperti di **Gambar 12.3** hingga **Gambar 12.4**.

Gambar 12.3
Premis Pengeluaran Baja Organik PAPSB



Gambar 12.4
Peralatan Pengeluaran Baja Organik Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Premis Pengeluaran Baja Organik PAPSB, Serdang

Tarikh: 2 November 2010

iii. Program Petani Kontrak Tidak Diwujudkan

Berdasarkan kertas cadangan Projek Pemprosesan Salad Dan Jus Buah-buahan Tropika dan surat perjanjian pinjaman Kementerian Kewangan, bekalan buah-buahan akan diperoleh daripada ladang PKPS, *Selangor Fruit Valley* dan dengan mewujudkan program petani kontrak yang melibatkan tanah pertanian seluas 8,500 ekar. Keperluan buah-buahan bagi projek salad dan jus buah-buahan pada tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak 22.47 juta kilogram. Semakan Audit mendapati tanaman buah-buahan di *Selangor Fruit Valley* hanya melibatkan tanah seluas 2,471 ekar. Program petani kontrak ada dilaksanakan di peringkat awal projek tetapi tidak diteruskan kerana menghadapi masalah seperti tanaman berpenyakit, kekurangan nutrien, buah-buahan tidak mengikut standard kualiti yang ditetapkan dan petani menghadapi masalah modal.

iv. Pengurusan Penyewaan Premis Tidak Teratur Dan Ekonomik

Lembaga Pengarah PAISB telah meluluskan premis projek pemprosesan salad dan jus buah-buahan disewakan sejumlah RM240,000 setahun dan premis pengeluaran baja organik disewakan sejumlah RM60,000 setahun. Semakan Audit mendapati pengurusan penyewaan tidak dibuat dengan teratur dan tidak ekonomik. Kadar sewa tahunan yang diluluskan kepada penyewa premis tidak mencukupi untuk PAISB menjelaskan ansuran tahunan pinjaman Kementerian Kewangan berjumlah RM5.30 juta. Aset seperti kelengkapan dan kenderaan pejabat serta peralatan kilang yang disewakan bernilai RM14.50 juta tidak ditanda hak milik PSPSB atau PAPSB atau PAISB. Ini mewujudkan risiko kehilangan aset yang disewakan dan boleh menyebabkan PAISB menanggung kerugian. Penyewaan premis projek pemprosesan salad dan jus buah-buahan dibuat kerana

PSPSB mengalami masalah kewangan untuk menjelaskan tuntutan pembiayaan PSPSB seperti Tenaga Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

v. Pengurusan Bekalan Dan Pembelian Mesin Tidak Memuaskan

- Perjanjian bekalan dan pembelian mesin yang ditandatangani oleh PSPSB, syarikat subsidiari PAISB dengan syarikat pembekal pada 15 Disember 2005 antaranya menetapkan kos mesin pemprosesan berjumlah EUR3.02 juta tidak termasuk kos tambahan seperti pemasangan, uji lari dan cukai kastam berjumlah EUR10,000, mesin akan sampai ke premis PSPSB dalam tempoh 120 hari atau 5 bulan dari tarikh tempahan dan bayaran pertama, penalti sebanyak 0.5% atas harga pembelian mesin yang dikira atas asas harian akan dikenakan bagi mesin yang lewat diterima, mesin yang dibekalkan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta mampu memproses dan mengeluarkan produk siap minima sebanyak 13,250 kilogram salad dan jus buah-buahan sehari yang akan dibuktikan semasa ujian *commissioning*.
- Pihak Audit mendapati PSPSB telah membayar RM13.88 juta iaitu 95% daripada EUR3.02 juta kepada syarikat pembekal berkenaan. Manakala baki 5% daripada harga mesin masih belum dibayar kerana masih terdapat mesin yang belum diterima sehingga tahun 2010. Selain itu, ujian *commissioning* bagi memastikan mesin yang dibeli berkeupayaan mengeluarkan produk 13,250 kilogram sehari tidak dilaksanakan. PSPSB telah mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat berkenaan pada bulan Jun 2008 kerana gagal mematuhi perjanjian bekalan mesin. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2010, perbicaraan masih belum selesai.

b. Projek Gagal Memulakan Pengeluaran Dan Memasarkan Produk Mengikut Tempoh Dirancang

i. Pengeluaran Dan Pasaran Produk Nano Masih Belum Dilaksana

- Projek Mengekstrak Bahan Aktif Daripada Herba Tempatan Menggunakan Teknologi Nano memperoleh pinjaman berjumlah RM50.20 juta daripada Kementerian Kewangan di bawah Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial pada bulan Oktober 2006. Permohonan pinjaman ini dibuat oleh Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB), syarikat subsidiari PAISB. Projek ini dilaksanakan bertujuan memperluaskan pasaran produk herba tempatan. Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan syarikat swasta yang berpengkalan di Seoul, Korea Selatan. Syarikat tersebut bersetuju membekalkan mesin dan peralatan pemprosesan, kepakaran dan pemindahan teknologi serta memberi jaminan untuk membeli kesemua produk nano ekstrak herba tempatan (produk nano) yang dikeluarkan. Projek dilaksanakan oleh Premium Bioherbs Sdn. Bhd. (PBSB) iaitu syarikat subsidiari PAPSB yang ditubuhkan khas bagi projek usaha sama produk nano. Pembangunan projek

telah mula dilaksanakan pada 21 April 2007. Sasaran keuntungan pada tahun 2008 hingga 2010 adalah sejumlah RM16.20 juta dan sasaran pengeluaran produk nano bagi 4 jenis herba tempatan sebanyak 35,640 kilogram.

- Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2010, produk nano masih belum dipasarkan walaupun pembangunan projek telah dilaksanakan selama 3 tahun. Sehingga bulan Disember 2010, syarikat masih dalam proses mengeluarkan dan memasarkan produk nano daripada herba Tongkat Ali sahaja. Penyelidikan dan pengeluaran herba tempatan yang lain masih belum dijalankan.

ii. Pulangan Atas Pelaburan Projek Masih Belum Diperoleh

- Pinjaman berjumlah RM50.20 juta daripada Kementerian Kewangan yang diluluskan pada bulan Oktober 2006 telah diperoleh pada akhir bulan Disember 2006. Tempoh penangguhan bayaran balik dan pengecualian faedah diberi selama 3 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula pada 28 Disember 2010 hingga 28 Disember 2016 berjumlah RM8.29 juta setahun. Semakan Audit mendapati, wang pinjaman yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan telah dilaburkan terhadap projek usaha sama ini sejak tahun 2007. Butiran lanjut perbelanjaan projek adalah seperti di **Jadual 12.5**.

Jadual 12.5

Perbelanjaan Projek Mengekstrak Bahan Aktif Daripada Herba Tempatan Menggunakan Teknologi Nano

Bil.	Butiran	Peruntukan (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Penyelidikan	6.00	0.65	2.19	0.14	-	2.98
2.	Mesin Dan Peralatan Teknologi Nano		25.88	0.84	0.95	-	27.67
3.	Tanah	38.00	1.84	-	-	-	1.84
4.	Pembinaan Bangunan Kilang		2.71	7.48	0.88	-	11.07
5.	Modal Pusingan/ Bahan Mentah/ Operasi/Dan Lain-lain	6.20	1.85	2.68	2.56	0.20	7.29
Jumlah		50.20	32.93	13.19	4.53	0.20	50.85*

Sumber: Laporan Perkembangan Projek Kepada Kementerian Kewangan

Nota: (*) Jumlah Pinjaman Dan Keuntungan/Faedah Bank

- Berdasarkan jadual di atas, pada keseluruhan PBSB telah menggunakan wang pinjaman dan keuntungan/faedah bank berjumlah RM50.85 juta untuk pembangunan projek produk nano. Sejumlah RM32.93 juta (65.6%) daripada keseluruhan jumlah pinjaman berjumlah RM50.20 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan produk nano sejak tahun 2007. Perbelanjaan tersebut termasuk bayaran pembelian mesin dan peralatan berjumlah RM25.88 juta (93.5%) daripada keseluruhan kos mesin dan peralatan berjumlah RM27.67 juta telah dibayar kepada syarikat pembekal. Bagaimanapun sehingga akhir bulan Disember 2010, PAISB dan PBSB masih belum memperoleh pulangan daripada perbelanjaan projek. **Gambar 12.5** dan **Gambar 12.6** menunjukkan

premis, peralatan penyelidikan dan peralatan teknologi moden yang diimport dari Korea bagi mengeluarkan produk nano.

Gambar 12.5

Bangunan Projek Mengekstrak Bahan Aktif Daripada Herba Tempatan Menggunakan Teknologi Nano Masih Belum Memperoleh Sijil Layak Menduduki



Gambar 12.6

Peralatan Berteknologi Tinggi Untuk Tujuan Pemprosesan Produk Nano



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kilang Mengekstrak Bahan Aktif Daripada Herba Tempatan, PBSB

Tarikh: 3 November 2010

- Lembaga Pengarah PAISB pada 24 November 2010 telah meluluskan PAISB menjual semua saham berjumlah RM680,000 (85%) dalam PAPSB (syarikat subsidiari yang membuat pinjaman Kementerian Kewangan) kepada syarikat minoriti dengan nilai RM10. Ini menjadikan mulai 24 November 2010, PAPSB bukan lagi syarikat subsidiari PAISB dan segala urusan PAPSB termasuk pinjaman Kementerian Kewangan menjadi tanggungjawab PAPSB. Lembaga Pengarah PAISB mengambil keputusan menjual semua ekuiti PAISB dalam PAPSB kerana tidak mampu menanggung beban hutang yang dibuat oleh pihak pengurusan PKPS dan PAISB yang terdahulu (sebelum tahun 2009). Oleh itu, pihak pengurusan PKPS masa kini (mulai tahun 2009) dapat memberi tumpuan kepada aktiviti semasa bagi meningkatkan prestasi kewangan PAISB. Bagaimanapun, penjualan ekuiti PAISB dalam PAPSB tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKPS dan tidak dimaklumkan terlebih dahulu kepada Kementerian Kewangan walaupun terdapat aset Kerajaan berjumlah RM50.20 juta dalam PAPSB. PAISB hanya mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan pada 28 Mac 2011 kerana berdasarkan pandangan peguam daripada sebuah syarikat guaman, surat perjanjian pinjaman tidak memperuntukkan PAPSB perlu memperoleh kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum berlaku sebarang perubahan terhadap pemegang saham dalam PAPSB. Melalui mesyuarat dengan Kementerian Kewangan pada 22 April 2011, Kementerian Kewangan telah bersetuju dan menetapkan pinjaman berjumlah RM50.20 juta dibayar oleh PAPSB.

iii. Program Petani Kontrak Herba Tempatan Belum Berjaya Diwujudkan

Projek ini diwujudkan untuk mengkomersialkan produk herba tempatan. Kementerian Kewangan menetapkan sumber bekalan bahan mentah hendaklah diperoleh daripada Syarikat Polens (M) Sdn. Bhd. iaitu syarikat subsidiari PKPS dan petani kontrak herba tempatan yang diwujudkan. Sasaran keperluan bahan mentah herba tempatan bagi produk nano bagi tahun 2008 hingga 2010 antara 335,300 kilogram hingga 1.04 juta kilogram meliputi herba Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Misai Kucing dan *pueraria mirifica*. Bekalan herba Tongkat Ali bagi tujuan penyelidikan diperoleh daripada pembekal yang menepati gred yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati, program petani kontrak belum berjaya diwujudkan kerana pengeluaran masih belum dibuat.

iv. Semakan dan analisis Audit terhadap fail projek dan Laporan Perkembangan Projek Mengekstrak Bahan Aktif Daripada Herba Tempatan Menggunakan Teknologi Nano yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mendapati produk nano masih belum dikeluar dan dipasarkan kerana:

- Projek pembinaan yang lewat dimulakan iaitu 4 bulan selepas tempahan mesin menyebabkan mesin yang diterima daripada syarikat pembekal pada 21 September 2007 disimpan di gudang simpanan di Pelabuhan Klang Utara selama 11 bulan sehingga dipasang di kilang PBSB pada 8 Ogos 2008. PBSB perlu membiayai kos simpanan mesin berjumlah RM63,787.
- Ujian *commissioning* yang sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tempahan mesin telah tergenda serta dijalankan secara berperingkat bermula pada 9 September 2008 dan fasa terakhir pada bulan Jun 2009.
- Sehingga akhir bulan Februari 2011, bangunan yang dibina masih belum memperoleh lesen perniagaan dan Sijil Layak Menduduki (CF) daripada Majlis Perbandaran Klang kerana masih terdapat kerja tambahan mengenai keselamatan daripada kebakaran perlu dilakukan seperti diarahkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Pelabuhan Klang. Rakan kongsi syarikat pembekal masih belum mendapat kelulusan daripada Korean Food & Drug Association (K-FDA) kerana produk nano masih dalam proses ujian keselamatan kesihatan. Tanpa kelulusan tersebut, produk nano tidak dapat dipasarkan.
- PAISB dan syarikat subsidiarinya PAPSB tidak berpengalaman dan berkemahiran dalam pembinaan bangunan serta mengendalikan projek komersial berskala besar, berteknologi tinggi dan menceburi pasaran antarabangsa. Pembinaan bangunan kilang bergantung kepada keupayaan perunding manakala projek produk nano dilaksanakan berdasarkan tawaran syarikat pembekal dan kejayaan projek bergantung kepada rakan kongsi.
- Pemantauan yang tidak berkesan oleh Lembaga Pengarah PAISB dan PKPS.

Pada pendapat Audit, walaupun prestasi keuntungan pasar borong meningkat pada tahun 2010 tetapi masih terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti pengurusan kutipan hasil, tahap kebersihan dan kemudahan yang disediakan serta lambakan pekerja warga asing. Aktiviti Projek Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial yang dilaksanakan oleh PAISB dan syarikat subsidiarinya gagal mencapai matlamat Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan pertanian komersil. Reputasi PAISB, PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor tercemar kerana kegagalan PAISB dan syarikat subsidiarinya memanfaatkan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan serta gagal membayar balik pinjaman Kementerian Kewangan berjumlah RM90.30 juta. Lembaga Pengarah PKPS hendaklah memantau dengan berkesan bagi memastikan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan syarikat subsidiari melaksanakan aktiviti dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan supaya kelemahan yang ditemui diambil tindakan penambahbaikan dengan segera serta kerugian yang dialami dapat dikurangkan pada peringkat awal.

12.4.3. Tadbir Urus Korporat

12.4.3.1. Lembaga Pengarah

a. Pelantikan Lembaga Pengarah

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus syarikat dengan cekap dan telus, sebanyak 33% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif yang bebas, berwibawa dan berpengalaman.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PAISB dipengerusikan oleh Pengurus Besar PKPS dan seorang ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKPS. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah PAISB diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKPS seperti ditetapkan oleh peraturan. Bagaimanapun, keanggotaan Lembaga Pengarah PAISB tidak mempunyai pengarah bukan eksekutif yang bebas dan berpengalaman selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia bagi meningkatkan akauntabiliti dan memberi nilai tambah kepada saham PKPS serta memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Ini disebabkan sebelum tahun 2008, Ahli Lembaga Pengarah PAISB melibatkan pengarah-pengarah bukan eksekutif dari luar tetapi ini tidak membantu PAISB. Oleh itu, mulai tahun 2008 komposisi Ahli Lembaga Pengarah telah dihadkan kepada pengurusan atasan PKPS untuk tempoh sementara waktu bagi membaik terlebih dahulu kelemahan di PAISB dan subsidiarinya.

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah PAISB tidak bermesyuarat pada tahun 2008 manakala pada tahun 2009 dan 2010 Lembaga Pengarah hanya bermesyuarat 2 dan 3 kali sahaja serta tempoh pusingan antara mesyuarat tidak sistematik iaitu antara 3 hingga 15 bulan. Mesyuarat tidak dapat diadakan pada tahun 2008 kerana berlaku perubahan dalam keanggotaan Lembaga Pengarah PKPS. Ahli Lembaga Pengarah yang baru memerlukan masa untuk memahami perjalanan operasi PKPS dan syarikat subsidiarinya.

12.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Tidak Ditubuhkan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan Syarikat Induk menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan, mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan dan etika perniagaan syarikat serta menentukan sumber Kerajaan diurus seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan atas alasan pemantauan dibuat melalui mesyuarat pengurusan dan pengesahan kumpulan PKPS yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar PKPS. Ini mengakibatkan pemantauan yang berkesan tidak dibuat terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan operasi bagi memastikan PAISB mematuhi dasar dan peraturan Kerajaan serta menjaga kepentingan PKPS, Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

12.4.3.3. Pengurusan Aset Kurang Memuaskan

Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan PAISB adalah memuaskan kecuali pengurusan aset. PAISB tidak menyelenggara daftar aset tetap dengan lengkap dan teratur seperti nombor siri dan lokasi aset tidak dicatatkan bagi memudahkan aset dikesan, aset tetap tidak ditandakan hak milik PAISB dan tiada nombor pendaftaran aset serta tiada bukti pemeriksaan aset tahunan dijalankan bagi memastikan kewujudan aset dan berada dalam keadaan baik.

Pada pendapat Audit, sebagai syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang melaksanakan aktiviti pertanian, PAISB hendaklah mematuhi peraturan Kerajaan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan dan pengurusan aset hendaklah dilaksanakan dengan teratur bagi menjaga kepentingan PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor.

12.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PAISB dan PKPS mengambil tindakan bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat syarikat seperti perkara berikut:

- 12.5.1. PAISB hendaklah meningkatkan promosi mengenai aktiviti Kompleks Pasar Borong Selangor.
- 12.5.2. PAISB hendaklah mempertingkatkan pengurusan Kompleks Pasar Borong Selangor seperti kemudahan asas, tahap kebersihan dan keselamatan, mengawal lambakan pekerja warga asing, membuat penilaian dan penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan sambutan pengunjung.
- 12.5.3. PKPS hendaklah memantau tindakan undang-undang yang diambil oleh PAISB terhadap syarikat pembekal bagi mendapatkan bayaran penalti kerana melanggar syarat perjanjian.
- 12.5.4. PAISB hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, mempertingkatkan pengurusan kewangan dan beroperasi selaras dengan peraturan yang ditetapkan.
- 12.5.5. Lembaga Pengarah PKPS hendaklah memastikan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan syarikat subsidiari berperanan dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Pemantauan hendaklah dilaksanakan secara berkesan supaya kelemahan prestasi kewangan, pengurusan operasi dan aktiviti diambil tindakan penambahbaikan segera serta kerugian yang dialami dapat dikurangkan pada peringkat awal.



BAHAGIAN III PERKARA AM

13. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

- 13.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008 Dan 2009.
- 13.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.
- 13.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor.
- 13.4. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas.

14. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006, 2008 DAN 2009

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008 dan 2009 yang masih belum selesai berkaitan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 1 April 2011, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 33 daripada 65 perkara tahun 2006, 2008 dan 2009 yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Bagi 32 perkara yang lain, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan belum mengambil tindakan susulan dan butirannya adalah seperti di **Perenggan ini**. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah dibuat oleh pihak Audit.

14.1. TAHUN 2006

14.1.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- Penswastaan Pembangunan Penempatan Kawasan Orang Asli

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Sehingga bulan Mei 2010, pulangan keseluruhan kepada Orang Asli yang belum diserahkan adalah berjumlah RM15.33 juta meliputi bayaran tunai sejumlah RM1.54 juta dan rumah kediaman serta bangunan	Pulangan dalam bentuk bayaran tunai berjumlah RM1.54 juta, kontraktor telah membuat bayaran Sumbangan Masuk Rumah Banglo berjumlah RM240,000 pada bulan Februari 2011. Bagi Tabung Amanah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	kemudahan sejumlah RM13.79 juta.	<p>Kebajikan Dan Tabung Amanah Pendidikan, kontraktor telah membuat bayaran berjumlah RM300,000 pada bulan April, Mei dan Jun 2010.</p> <p>Daripada pulangan dalam bentuk rumah kediaman serta bangunan kemudahan berjumlah RM13.79 juta, kontraktor telah menyiapkan 21 unit Rumah Banglo Setingkat Jenis A bernilai RM6.20 juta dan 9 unit Rumah Banglo Setingkat jenis B bernilai RM2.66 juta. Kontraktor juga telah menyiapkan dewan, surau, tadika dan rumah guru tadika bernilai RM1.73 juta. Bagaimanapun, kontraktor masih perlu menyelesaikan baki pulangan berjumlah RM4.20 juta kepada Orang Asli.</p>

14.2. TAHUN 2008

14.2.1. JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

- Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	Bilangan jawatan penyelia tidak mematuhi Garis Panduan di mana nisbah penyelia dan guru berbeza antara daerah iaitu dengan nisbah antara 1:112 hingga 1:600.	Sehingga bulan April 2011, pihak JAIS telah melantik 27 orang penyelia KAFA berbanding 32 orang yang diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Lima penyelia masih belum dilantik.
3.	Sehingga bulan April 2010, seramai 16 guru KAFA di Daerah Petaling telah memberi notis menamatkan perkhidmatan antara bulan Disember 2007 hingga Ogos 2008 tetapi elauan mereka masih dibayar. Lembaga Tata tertib JAIS memberi tempoh sehingga akhir bulan Mei 2010 kepada Penyelia KAFA dan Ketua Guru Daerah Petaling untuk mengesan guru dan seterusnya menuntut elauan yang terlebih dibayar.	<p>Sepuluh orang guru KAFA masih belum menjelaskan elauan terlebih bayar berjumlah RM11,037.</p> <p>Penyelia KAFA Daerah Petaling telah membuat tindakan dengan mengesan guru tersebut melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan telah memberi maklum balas tersebut kepada pihak Lembaga Tata tertib JAIS.</p>

14.2.2. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

- Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	<p>Pengurusan Keselamatan SPEKS perlu ditingkatkan antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kata laluan yang disimpan dalam pangkalan data tidak <i>encrypted</i> dan boleh dibaca oleh mereka yang ada akses ke pangkalan data kata laluan. • Kata laluan pengguna kurang daripada 8 karakter yang ditetapkan dan tidak <i>alphanumeric</i>. • Sistem tidak menyelenggarakan rekod mengenai kata laluan yang pernah dan sedang digunakan. • Kawalan automasi tidak diwujudkan dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna yang tidak menukar kata laluan semasa <i>log in</i> kali pertama, cubaan <i>log in</i> dengan menggunakan kata laluan salah melebihi 3 kali, kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari. 	<p>Pihak Perbendaharaan tidak dapat memberi jawapan kerana tidak menerima penjelasan daripada Seksyen Khidmat Perunding (SKP) SPEKS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Bagaimanapun, <i>Public Key Infrastructure</i> akan dibangunkan SKP SPEKS selepas penutupan akaun tahun 2010 untuk menyelesaikan kelemahan ini.</p>
5.	Log Jejak Audit masih belum diaktifkan walaupun telah sedia ada dalam SPEKS. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko integriti dan keselamatan data.	Perkara ini masih dalam kajian SKP.
6.	Penyata Memorandum Aset (Penyata F) Dan Liabiliti (Penyata G) masih disediakan secara manual dan tidak boleh dijanakan melalui SPEKS.	Perkara ini masih dalam kajian SKP.
7.	Laporan tidak dijana selepas pemasangan <i>patches</i> serta tiada paparan pada skrin SPEKS yang menunjukkan nombor dan versi terkini SPEKS yang telah dipasang kecuali "tarikh kemas kini" pada skrin setiap modul SPEKS. Nombor <i>patches</i> juga tidak diklasifikasikan mengikut modul.	JANM sedang mengambil tindakan untuk mewujudkan sistem <i>auto patch</i> dan kawalan versi. Perkara ini masih dalam peringkat pengujian.

14.2.3. JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

- Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
8.	Sebanyak 7 TKPM masih belum diwartakan. Kelewatan pewartaan menyebabkan kepentingan TKPM tidak terjamin.	Enam TKPM masih dalam proses pewartaan.

14.2.4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Bangunan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
9.	Terdapat 44 premis kosong iaitu masing-masing satu di Kompleks PKNS Bangi, 8 di Kompleks PKNS Shah Alam, 33 di Kompleks PKNS Kuala Selangor dan 2 di SACC Mall dengan anggaran kehilangan hasil berjumlah RM600,000 setahun.	Sebanyak 29 premis kosong iaitu 28 di Kompleks PKNS Kuala Selangor dan satu di SACC Mall.

14.2.5. PENGURUSAN PKNS INFRA BERHAD (PIB)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
10.	Pengurusan Saham PIB tidak selaras dengan kelulusan Menteri Kewangan yang menetapkan 70% ekuiti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) hendaklah dikurangkan daripada semasa ke semasa dan dijual kepada kakitangan atau syarikat bumiputera.	Cadangan penstrukturkan semula 3 syarikat subsidiari PKNS tidak mencapai persetujuan. Jawatankuasa Saham PIB bercadang untuk mengadakan sesi penerangan kepada anggota PKNS dan syarikat subsidiarinya bagi tujuan promosi memiliki saham PIB. Dijangka proses promosi dapat diselesaikan pada bulan Jun 2011.
11.	Pelantikan Lembaga Pengarah PIB tidak selaras dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat dan peraturan Kerajaan.	PKNS akan mengemukakan surat kepada Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor untuk memohon kelulusan nama calon Lembaga Pengarah PIB yang dicadangkan.
12.	PKNS telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif (Jawatankuasa EXCO) yang berperanan menjalankan pengauditan dan pemeriksaan terhadap pengurusan	Senarai keanggotaan telah ditetapkan, namun surat lantikan masih dalam proses.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	kewangan PIB. Bagaimanapun, Audit Dalaman tidak dijalankan bagi menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan PIB.	

14.3. TAHUN 2009

14.3.1. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Selangor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
13.	Mengikut Penyata Pinjaman Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (F1a) seperti pada 31 Disember 2010, Kerajaan Negeri masih belum membuat bayaran terhadap pinjaman untuk membiayai Skim Amanah Saham Selangor (RM20 juta) daripada Kerajaan Persekutuan. Perbendaharaan Negeri sedang memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya pinjaman ini dilupuskan.	Kementerian Kewangan tidak bersetuju untuk menghapus kira pinjaman ini. Bagaimanapun, faedah tertunggak berjumlah RM9.60 juta dihapus kira manakala pinjaman dijadual semula dengan tempoh bayaran balik selama 14 tahun mulai 31 Disember 2011 dengan kadar faedah 4%.
14.	Penyata Pinjaman Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (F1a) seperti pada 31 Disember 2010 menunjukkan tiada bayaran dibuat masing-masingnya oleh Yayasan Selangor dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) terhadap pinjaman pembiayaan kos operasi INPENS Industrial College (INPENS) berjumlah RM20.80 juta dan kos pembangunan Universiti Industri Selangor (UNISEL) berjumlah RM22.40 juta.	Pada bulan Januari 2011, Yayasan Selangor dan KDEB memaklumkan bahawa kedua-dua pinjaman ini tidak diambil kira dalam rekod mereka kerana telah dipindah milik kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) melalui perjanjian novasi bertarikh 7 Oktober dan 23 Januari 2007 masing-masingnya. Setelah merujuk kepada Pegawai Undang-undang, Kerajaan Negeri masih menganggap bahawa Yayasan Selangor dan KDEB perlu menjelaskan bayaran balik pinjaman ini.
15.	Penyata Pinjaman Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (F1a) seperti pada 31 Disember 2010 menunjukkan INPENS masih tidak membuat bayaran terhadap pinjaman pengurusan berjumlah RM17 juta. Kerajaan Negeri dalam proses mempermodalkan jumlah terhutang ini.	Pihak Perbendaharaan Negeri masih dalam perbincangan dengan pihak berkaitan.

14.3.2. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Program Transformasi Industri Lembu Pedaging

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
16.	Jabatan masih belum merampas wang cagaran sejumlah RM12,000 daripada 2 penternak di Daerah Kuala Langat yang telah menjual 30 ekor lembu di bawah Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF) pada tahun 2007 sebelum tempoh 2 tahun. Perjanjian sedia ada tidak menjaga kepentingan Kerajaan Negeri kerana penternak yang melanggar syarat tidak dikenakan denda.	Seorang penternak telah menerima 20 ekor lembu PINTAF di bawah 2 perjanjian berasingan. Jabatan telah merampas deposit sebanyak RM4,000 untuk 10 ekor lembu. Baki deposit bagi 10 ekor lagi dalam proses rampasan. Manakala seorang penternak yang lain telah menyelesaikan perjanjian PINTAF dengan membayar RM4,000.

14.3.3. MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)

- Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
17.	Bilangan, jenis, spesifikasi dan usia lori yang perlu digunakan untuk membuat kutipan sampah serta keperluan penyenggaraan lori tidak ditetapkan.	Pihak MPKj tidak dapat menetapkan supaya kontraktor menyediakan kenderaan jenis <i>compactor</i> kerana tiada perjanjian yang membolehkan syarikat yang dilantik meminjam daripada bank untuk membiayai pembelian kenderaan tersebut. Akta Pengurusan Sisa Pepejal (Akta 672) dan penswastaan penuh dijangka akan dikuatkuasakan pada bulan Julai 2011 di mana masalah berkaitan kenderaan kutipan sisa pepejal akan diatasi oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal.
18.	Perjanjian antara MPKj dengan Alam Flora Sdn. Bhd. yang ditandatangani pada 30 Jun 1998 adalah perjanjian jangka pendek yang diperbaharui setiap 2 tahun sehingga mula pelaksanaan penswastaan penuh oleh Kerajaan Persekutuan atau perjanjian ditamatkan yang mana terdahulu.	Perjanjian masih di peringkat interim. Penswastaan penuh dijangka akan dilaksanakan setelah penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal pada bulan Julai 2011.

14.3.4. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

- Pembinaan Dan Pengurusan Bangunan Teater Diraja Shah Alam

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
19.	<p>Bangunan Teater belum digunakan walaupun projek telah siap pada 6 Ogos 2008 dan mendapat Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan pada 21 Oktober 2008. Aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan serta pemasaran dan pengisian aktiviti tidak disediakan semasa perancangan awal pembinaan bangunan teater. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada bulan Disember 2008 telah bersetuju melantik <i>independent checker</i> bagi menyemak semula dan mengesahkan kos sebenar pembinaan projek.</p> <p>Bangunan yang telah siap dan mendapat Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan hendaklah digunakan dengan segera bagi menyuburkan industri kesenian di Negeri Selangor. Ini dapat dilakukan dengan mempromosi aktiviti teater, kesenian dan kebudayaan bagi menarik minat pelbagai golongan masyarakat.</p> <p>a. Memastikan penyenggaraan berjadual dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan.</p> <p>b. Menentukan kaedah pengurusan bangunan Teater meliputi aspek pengurusan hasil, kos operasi dan penyenggaraan bangunan.</p>	<p>Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui pejabat YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail, EXCO Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi Dan Inovasi telah melantik Architect Centre Sdn. Bhd. dari Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) sebagai <i>independent checker</i> pada bulan November 2010 untuk menjalankan audit ke atas bangunan teater.</p> <p>Hasil dari pengauditan tersebut dilaporkan bangunan teater adalah dalam keadaan yang wajar untuk digunakan kecuali beberapa kecacatan dan kekurangan yang disyorkan untuk dibaiki dan dinaik taraf. Architect Centre Sdn. Bhd. juga mengesyorkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melantik Perunding Teater dan kontraktor pakar untuk menguji terima dan mengaktif semua fungsi teater sepenuhnya. Kelewatan untuk mengaktifkan operasi bangunan ini akan menyebabkan kerosakan yang lebih cepat ke atas bangunan teater ini. • Melantik Pengurus Kemudahan yang berkelayakan dan profesional agar dapat memahami aspek teknologi dan fungsi teater pada abad ke 21 dan masa kini. Beliau juga perlu memahami dan mengetahui keperluan penggiat seni dan penonton teater. • Melantik Pengurus Penyenggaraan untuk mengurus penyenggaraan, keselamatan dan lain-lain. <p>Setakat ini UPEN melalui pejabat YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail masih lagi dalam proses rundingan dan pihak yang berkenaan untuk melaksanakan perkara di atas.</p>

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
20.	<p>Antara kerosakan yang berlaku di Bangunan Teater adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saluran Paip Bocor. • Landskap tidak disenggara. • Dinding kaca pada lobi utama pecah. • Kemasan jubin renggang dan pecah. • Besi pengikat siling tidak dibersihkan. • Ketinggian penaik anak tangga tidak seragam. • Pengaliran air tersekat dan bertakung di dalam longkang. 	Kecuali besi pengikat siling dan ketinggian penaik anak tangga, kerosakan/kerja lain telah dibaiki/dilaksanakan. Kedua-dua kerja ini akan dibaiki oleh pihak ketiga yang akan dilantik. Pihak MBSA telah mengemukakan satu anggaran keseluruhan kos bagi kerja pembaikan tersebut dan telah diserahkan kepada UPEN untuk dipanjangkan kepada Pegawai Kewangan Negeri bagi memohon kelulusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor pada 7 April 2011. Pihak MBSA masih belum dimaklumkan tentang keputusannya.

14.3.5. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Projek Penswastaan Kerajaan Negeri Selangor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
21.	Sehingga bulan Mei 2010, projek penswastaan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 1995 hingga 2009 berjumlah 49 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 projek penswastaan telah berjaya diselesaikan, 17 projek dalam peringkat pelaksanaan manakala baki 5 projek telah dibatalkan mulai tahun 2007 hingga 2009 bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.	Sebanyak 29 projek penswastaan telah berjaya diselesaikan, 13 projek dalam peringkat pelaksanaan dan baki 7 projek telah dibatalkan.
22.	Sehingga bulan Mei 2010, Kerajaan Negeri telah memperoleh pulangan berjumlah RM277.67 juta (59.2%) manakala baki pulangan yang belum diperoleh bernilai RM191.23 juta (40.8%). Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula semua bentuk pulangan sedia ada yang masih belum diterima dan menentukan sama ada ia masih relevan dengan keperluan semasa.	Kerajaan Negeri telah memperoleh pulangan berjumlah RM314.80 juta (67.2%) manakala baki pulangan yang belum diperoleh bernilai RM69.50 juta (14.8%).

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
23.	Sehingga bulan Disember 2009, Kerajaan Negeri belum menerima pulangan daripada Getrahome Sdn. Bhd. berjumlah RM14.99 juta (76.4%) daripada nilai pulangan berjumlah RM19.63 juta daripada Pemaju Projek Mukim Dengkil. Pulangan ini meliputi premium tanah (RM0.83 juta), pembinaan dan baik pulih surau (RM4.32 juta) serta infrastruktur (RM9.84 juta).	Pemilik syarikat sedang dalam siasatan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan semua fail berkaitan projek ini telah diambil oleh pihak SPRM.
24.	Kerajaan Negeri belum menerima pulangan daripada berjumlah RM3.19 juta (60.3%) daripada RM5.29 juta yang sepatutnya diterima daripada pemaju Projek Mukim Sungai Buloh iaitu Cekal Raya Sdn. Bhd.. Pulangan ini terdiri daripada 64 unit rumah kos rendah (RM2.69 juta) dan perpustakaan awam, tadika, dewan orang ramai dan surau (RM0.50 juta). Satu Jawatankuasa Khas hendaklah diwujudkan untuk memantau secara berterusan terhadap pulangan kepada Kerajaan Negeri yang masih boleh diserahkan sepenuhnya.	Baki pulangan dalam bentuk <i>in-kind</i> yang belum diterima adalah sebanyak RM500,000 iaitu perpustakaan awam, tadika, dewan orang ramai dan surau. Manakala baki pulangan 64 unit rumah kos rendah telah selesai.
25.	Sungguhpun Projek Mukim Sungai Buloh telah siap dan mendapat <i>Certificate of Fitness</i> pada tahun 2005, sehingga bulan Mei 2010, dokumen perjanjian masih belum ditandatangani oleh Cekal Raya Sdn. Bhd.. Ini mengakibatkan Kerajaan Negeri kehilangan pulangan berjumlah RM3.19 juta yang dijanjikan dan tindakan mahkamah tidak dapat diambil terhadap syarikat ini. Kerajaan Negeri perlu mendapat pandangan/ulasan daripada Penasihat Undang-undang mengenai tindakan yang boleh diambil terhadapnya.	Perjanjian tersebut masih belum ditandatangani dan pegawai yang terlibat belum dikenakan sebarang tindakan.

14.3.6. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
26.	Pihak Amanah Raya Development Sdn. Bhd. dikehendaki menyiapkan projek ini (merangkumi Mahkamah Tinggi Ibu Pejabat dan 9 Mahkamah Rendah Daerah) dalam tempoh 30 bulan daripada tarikh kelulusan pelan bangunan. Pelan bangunan yang terakhir telah diluluskan pada 10 April 2009. Oleh itu, projek pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah hendaklah disiapkan selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2011. Setakat bulan April 2010, kemajuan kerja projek ini secara keseluruhan adalah 69%.	Status kemajuan kerja keseluruhan projek pada bulan April 2011 adalah 92.7%. Kemajuan kerja semua mahkamah adalah memuaskan iaitu melebihi 90% kecuali Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak di mana kemajuan kerja hanya 9% sahaja.

14.3.7. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
27.	Sehingga akhir bulan April 2010, penyata kewangan bagi tahun kewangan 2008 dan 2009 masih belum disediakan dan diaudit oleh juruaudit awam bertauliah. Menurut PNSB, penyata kewangan beraudit ini akan dikemukakan kepada pihak Audit pada bulan Jun 2010.	Keputusan Lembaga Pengarah PNSB Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 25 Mac 2011 telah meluluskan penyata kewangan beraudit PNSB bagi tahun kewangan 2008 dan 2009. Juruaudit awam bertauliah sedang dalam proses mendokumentasikan penyata ini dan dijangka diserahkan kepada PNSB pada pertengahan bulan April 2011.
28.	Sehingga bulan Disember 2009, Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) bagi Projek Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang (BBST) yang telah siap dibina belum dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Sepang. Ini adalah kerana Indah Water Konsortium (IWK) enggan mengambil alih pengurusan Loji Rawatan Kumbahan yang telah rosak dan perlu diperbaiki. PNSB telah melantik semula Ocned Water Technology Sdn. Bhd. iaitu kontraktor asal untuk menjalankan kerja membaik pulih kerosakan	IWK telah menjalankan pemeriksaan terbaru terhadap Loji Rawatan Kumbahan yang telah rosak bagi projek ini pada 11 Januari 2011. Sehubungan itu, PNSB dan Ocned Water Technology Sdn. Bhd. sedang mengkaji ulasan IWK sebelum penyenggaraan dilaksanakan bagi memastikan setiap ulasan IWK dipatuhi. Semakan perlaksanaan penyenggaraan akan diatur bersama pihak IWK untuk memastikan penyerahan loji dapat dibuat pada kadar segera.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	tersebut sebelum penyerahan loji dibuat kepada IWK. Selain itu, PNSB telah memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki Sementara (TCF) pada bulan November 2005 dari Majlis Perbandaran Sepang yang mana TCF tersebut diperbaharui setiap 6 bulan sekali dengan bayaran permohonan berjumlah RM5,693. Sehingga bulan Mei 2010, bayaran permohonan TCF berjumlah RM51,239 telah dibuat.	
29.	Setakat bulan Mei 2010, Kerajaan Negeri Selangor melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) masih belum mendapat pelabur yang berminat untuk membeli 5 unit Apartment Al-Marwa Tower bernilai RM8.35 juta. Oleh itu, hasil pajakan berjumlah RM8.35 juta yang dibuat pada tahun 2007 belum diperoleh.	PNSB telah mengenal pasti seorang pelabur yang berminat untuk membeli kesemua 5 unit Apartment Al-Marwa Tower dengan harga cadangan yang masih dalam perundingan.

14.3.8. Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. (SIC)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
30.	Aktiviti utama SIC yang dijalankan pada tahun 2007 hingga 2009 tidak selaras dengan objektif syarikat. Projek pembangunan hartanah yang dilaksanakan terdiri daripada membangun dan membina rumah kediaman mewah dan kos sederhana serta bangunan komersial. Tiada aktiviti membangunkan kawasan luar bandar menjadi kawasan perindustrian dan tiada premis perniagaan dibina sama ada untuk dijual atau disewakan kepada syarikat industri kecil. SIC tidak menyedia dan mengemaskinikan rancangan korporat bagi mencapai objektif syarikat yang ditetapkan oleh PKNS. Pemantauan yang dijalankan oleh Lembaga Pengarah SIC dan PKNS tidak merangkumi pencapaian objektif PKNS memiliki 100% ekuiti dalam SIC.	Rancangan Korporat bagi tahun 2011 hingga 2014 bagi mengemas kini aktiviti utama SIC telah dibincangkan tetapi perlu dikaji semula khasnya kedudukan Sektor Jualan Bahan Binaan Dan Pembinaan. Rancangan Korporat akan dibentang pada bulan Jun 2011.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
31.	Pelantikan Lembaga Pengarah SIC tidak selaras dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat dan peraturan Kerajaan.	Pelantikan dan peranan Lembaga Pengarah SIC adalah tertakluk kepada pelantikan daripada PKNS.
32.	PKNS telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif (Jawatankuasa EXCO) yang berperanan memantau pengurusan kewangan dan operasi SIC. Pihak Audit mendapati Ketua Bahagian Audit Dalam PKNS tidak menganggotai dan menjadi setiausaha dan tiada pengauditan dalaman dijalankan bagi menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan SIC.	Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan PKNS telah ditubuhkan. Senarai keanggotaan telah ditetapkan. Namun surat lantikan masih dalam proses.

Sumber: Jabatan Audit Negara

15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2009 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri pada 8 November 2010.

16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR

16.1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah bermesyuarat 4 kali pada tahun 2010 dan 2 kali setakat bulan Februari 2011. Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah membuat pemeriksaan yang teliti terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 dan isu yang berbangkit telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Bil. 1/2010, 2/2010, 3/2010, 4/2010 dan 1/2011. Di dalam mesyuarat ini, Jabatan/Agensi telah memberi taklimat kepada ahli mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam mengenai status terkini perkara yang berbangkit dan tindakan yang telah diambil. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa berpendapat pada keseluruhannya terdapat peningkatan dan penambahbaikan walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti Jabatan/Agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri.

16.2. Jawatankuasa juga telah menyusuli perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 berkaitan Projek Penswastaan Tanah Kerajaan Di Penempatan Orang Asli, Bukit Bandaraya, Shah Alam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Bil. 2/2011. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan

wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa telah membuat lawatan kerja ke rumah orang asli di Bukit Bandaraya. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam yang telah diadakan pada tahun 2010 dan setakat bulan Februari 2011 adalah seperti di **Jadual 16.1**.

Jadual 16.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor
Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1/2010	21.1.2010	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negeri Selangor
2/2010	13.5.2010	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Pengurusan Hutan - Kepentingannya Kepada Alam Sekitar
3/2010	1.7.2010	Jabatan Agama Islam Selangor	Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain
4/2010	16.12.2010	i. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor iii. Majlis Daerah Kuala Selangor	i. Taman Kekal Pengeluaran Makanan Sungai Panjang ii. Pemendapan Di Jalan Johan Setia iii. Projek Penswastaan Pembangunan Penempatan Orang Asli
1/2011	21.1.2011	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	Projek Tebatan Banjir Di Kawasan Shah Alam, Daerah Petaling
2/2011	24.2.2011	i. Unit Perancang Ekonomi Negeri, Makro Dan Penswastaan ii. Jabatan Kemajuan Orang Asli, Wilayah Persekutuan Dan Selangor	Projek Penswastaan Pembangunan Tanah Kerajaan Di Penempatan Orang Asli, Bukit Bandaraya, Shah Alam

17. MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

17.1. Tiga Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan pada 6 Mei 2009 untuk memantau selia urusan pentadbiran Jabatan, Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT), Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) dan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPK-ABAS). Pada 31 Julai 2008, mesyuarat bersama pengurus Jawatankuasa di bawah Dewan Negeri Selangor telah bersetuju bahawa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 yang menyentuh mana-mana jabatan/agensi di bawah kuasa JPK-PADAT, JPK-PBT dan JPK-ABAS akan diserahkan kepada Jawatankuasa yang terlibat untuk mengendalikannya. Jawatankuasa perlu bermesyuarat bersama-sama Jabatan Audit Negara Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

17.2. Dalam Mesyuarat JPK-ABAS yang telah diadakan pada 17 Mac 2010, Jabatan Audit Negara telah memberi taklimat berkenaan Pengenalan Kepada Pengauditan Syarikat meliputi prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. JPK-ABAS juga telah mengadakan perbincangan mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 dan 2009. Mesyuarat JPK-ABAS yang telah diadakan pada tahun 2010 dan setakat bulan April 2011 adalah seperti di **Jadual 17.1**.

Jadual 17.1
Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPK-ABAS) Terhadap
Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 Dan 2009

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1/2010	17.3.2010	Jabatan Audit Negara Negeri Selangor	Taklimat berkenaan pengenalan kepada pengauditan syarikat Kerajaan i. Prestasi kewangan syarikat ii. Pengurusan aktiviti iii. Tadbir urus korporat
2/2010	5.5.2010	PKNS Infra Berhad (PIB)	Pengurusan PIB
6/2010	28.7.2010	Lembaga Urus Air Selangor	Pengurusan Kualiti Air Minum 2006 hingga 2008
7/2010	4.8.2010	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Pengurusan Bangunan PKNS
1/2011	26.1.2011	-	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2009.
2/2011	13.4.2011	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Pengurusan PNSB
3/2011	20.4.2011	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. (SIC)	Pengurusan SIC



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
13 Jun 2011